

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Pendahuluan**

Mutu pendidikan banyak bergantung kepada kualiti seseorang guru. Guru yang baik, boleh menghasilkan pengajaran yang menarik dan berkesan kepada pelajar-pelajarnya. Dalam usaha meningkatkan pencapaian hasil pembelajaran, guru perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran, kebolehan dan sikap yang baik di dalam dan di luar bilik darjah. Sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran semestinya mempunyai objektif yang tertentu untuk dicapai oleh setiap pelajar. Guru dan pelajar adalah golongan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini. Setiap mereka perlu memainkan peranan untuk mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan.

Justeru, guru perlu peka terhadap apa yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran dan mengambil kira faktor penting yang boleh menyumbang ke arah tercapainya hasil pembelajaran. Oleh itu, proses pengajaran memerlukan kepada beberapa strategi, pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti yang tertentu untuk membantu proses pengajaran berjalan lancar sebagaimana yang dirancang.

Oleh itu, perancangan guru amat penting dalam merancang dan memilih serta menggunakan beberapa kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan kebolehan pelajar untuk mewujudkan keberkesanan dalam pengajaran mereka.

Dalam bab satu ini, penulis akan membicarakan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, kepentingan kajian, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, batasan kajian, bidang kajian, definisi operasional, rangka kajian dan kesimpulan.

## **1.1 Latar Belakang Kajian**

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu proses yang kompleks. Ia melibatkan banyak langkah dan usaha yang merangkumi ilmu, kemahiran, pendekatan, kaedah serta teknik yang perlu diketahui oleh seseorang guru. Dalam masa yang sama, ia juga menitikberatkan faktor situasi, emosi, dan peranan pelajar dalam satu-satu proses pembelajaran yang dijalankan. Ini kerana proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan wujudnya interaksi antara kedua-dua pihak iaitu pelajar dan guru. Oleh itu, faktor-faktor yang mempengaruhi keadaan kedua-dua pihak perlu diambil kira.

Pada masa ini, pelbagai isu dan masalah tentang pelaksanaan Bahasa Arab di sekolah telah dibincang oleh ramai pihak dan sebahagian besarnya mempunyai hubungkait dengan proses pengajaran dan pembelajaran serta amalan pengajaran Bahasa Arab dalam bilik darjah. Kesemua ini memerlukan kepada perhatian dan kesungguhan daripada guru-guru Bahasa Arab untuk melaksanakannya. Justeru, keberkesanan pengajaran Bahasa Arab di sekolah adalah bergantung kepada keupayaan dan peranan guru Bahasa Arab di dalam bilik darjah untuk mencapai matlamat dan objektif kurikulum Bahasa Arab yang telah digubal.

Pada asasnya, kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai kesan yang besar kepada penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Ini kerana guru merupakan orang yang paling penting dan pelaksana kepada segala perancangan yang telah dirangka oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Selain itu, guru-guru juga seharusnya mempunyai strategi, kaedah pengajaran, kemahiran yang sesuai dan terkini serta keilmuan yang mantap bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang guru Bahasa Arab.

Ini bertepatan dengan Abdul Salam Mohamed Ibrahim (2007:122) yang menyatakan guru Bahasa Arab seharusnya berkemampuan untuk memilih kaedah dan teknik yang mudah dan berkesan dalam proses pengajaran agar pelajar menjadi aktif dan seronok mempelajari bahasa Arab.

Kurangnya kemahiran dan penekanan terhadap faktor tersebut sering dilihat menjadi punca masalah yang boleh menghalang daripada tercapainya objektif pengajaran, dan sekaligus dianggap kurang berkesan. Kelemahan ini akan mempengaruhi prestasi kerja guru malah ia akan memberi kesan negatif terhadap pencapaian serta kemajuan pelajar. Sekiranya masalah ini tidak ditangani, ia akan menjejaskan matlamat utama sistem pendidikan untuk melahirkan generasi yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani.

Ini bertepatan dengan pendidikan di Malaysia yang berteraskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu *“suatu usaha yang berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan*

*jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian, kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara” (FPK)*

Demikianlah murninya hasrat dan semangat Falasafah Pendidikan Kebangsaan. Justeru, Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) telah menetapkan “*pembangunan modal insan berminda kelas pertama*” sebagai salah satu daripada lima teras utama ke arah mencapai Wawasan 2020.

Dalam usaha kerajaan untuk melahirkan modal insan minda kelas pertama bertaraf dunia, guru atau pendidik merupakan individu yang memainkan peranan penting dan bertanggungjawab ke arah melahirkan pelajar yang seimbang dan harmonis selaras dengan matlamat pendidikan.

Justeru, guru adalah tonggak sistem pendidikan dan sebagai agen pembangunan dan perubahan minda ummah. Proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas merupakan satu interaksi di antara tiga faktor penting iaitu pelajar, guru dan isi pelajaran. Manakala kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baik dan sesuai akan membolehkan guru mencapai objektif pelajaran dengan berkesan. Di samping itu, ia akan menimbulkan minat dan keseronokan serta mendorong pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh. Walaupun kejayaan sesuatu pengajaran itu adakalanya bergantung kepada beberapa faktor lain, namun peranan guru tetap menjadi faktor utama dalam menentukan kejayaan pengajaran kerana ia dianggap sebagai penentu dan paling berperanan dalam meningkatkan kejayaan sesuatu pembelajaran.

Menurut Atan Long (1992:197), tugas utama guru di dalam pengajaran ialah membimbing murid-murid untuk menguasai isi pelajaran dan mencapai objektif yang ditentukan atau dirancang. Justeru, persediaan guru sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran adalah penting. Guru seharusnya sentiasa melengkapkan diri dengan pelbagai usaha untuk memastikan proses pengajaran berjaya dilaksanakan selari dengan objektif pembelajaran yang ingin dicapai.

Di samping itu juga, guru perlu berusaha dan kreatif dalam menyampaikan pengajaran kerana ianya penting bagi mengukuhkan lagi pemahaman pelajar terhadap pelajaran. Pelbagai kaedah pengajaran yang boleh digunakan oleh guru untuk mengajar para pelajarnya supaya menarik minat mereka terhadap setiap mata pelajaran dan cenderung untuk mempelajarinya dengan lebih mendalam lagi. Dari itu, adalah perlu bagi setiap guru menyedari apakah bentuk kaedah yang patut digunakan semasa mereka mengajar dalam bilik darjah untuk menjamin minat dan motivasi pelajar berada dalam tahap yang optima. Penggunaan kaedah yang baik dalam pengajaran adalah penting untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan seronok dalam kalangan pelajar serta merangsang minat mereka untuk belajar secara berterusan.

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab khususnya di peringkat rendah adalah bermatlamat untuk menanam minat mempelajari bahasa Arab bagi menguasai kemahiran berbahasa di samping membolehkan murid berkomunikasi dengan mudah (Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi 2004:2). Justeru, untuk merealisasikan matlamat ini, program j-QAF telah diperkenalkan dan perjawatan guru j-QAF juga telah diwujudkan di sekolah rendah.

Bertitik tolak dari situ dan bersesuaian dengan kajian ini, penulis memilih untuk mengkaji penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru-guru di peringkat sekolah rendah khususnya yang mengikuti program j-QAF di atas beberapa sebab yang penulis akan bincangkan dalam bab metodologi kajian.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua merupakan suatu proses yang agak sukar oleh seseorang pelajar lebih-lebih lagi dalam kalangan pelajar Melayu yang merupakan penutur bukan jati bahasa tersebut. Mereka tidak pernah terdedah secara langsung kepada persekitaran bahasa Arab bagi membolehkan mereka untuk mempraktikkannya dalam pertuturan, pembacaan dan penulisan.

Azlina Ahmad (1998) dalam Normah Idris (2004: 6) berpendapat bahawa pelajar kurang berkemampuan dalam menguasai bahasa Arab disebabkan tanggapan mereka terhadap bahasa Arab sebagai bahasa asing dan penggunaannya adalah terhad serta tidak meluas.

Saifuddin Hussin (2002:20-88) menyatakan bahawa kelemahan pelajar dalam menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab menyebabkan mereka lemah dan tidak dapat menguasai kemahiran bertutur dan berkomunikasi dengan baik. Ia kerana melalui pemerolehan perbendaharaan kata, pelajar dapat berkomunikasi dengan mudah. Ini juga memberi kesan kepada kelemahan dalam bidang penulisan, pertuturan dan pembacaan sekiranya mereka lemah menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab.

Menurut beliau lagi, kejayaan sesuatu pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada tiga elemen penting iaitu guru, pelajar dan bahan. Guru sangat memainkan peranan penting dalam menyampaikan isi pelajaran. Melalui kaedah pengajaran yang baik akan membantu pelajar memahami isi pelajaran dengan mudah dan berkesan serta dapat menghasilkan pelajar yang aktif dan mampu menguasai kemahiran berbahasa yang utama iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kelemahan pelajar dalam menguasai perbendaharaan kata adalah berpunca daripada ketidakberkesanan pengajaran guru.

Menurut Rusydiy Aḥmad Ṭa'imat (2000:39-40), kajian telah dibuat di beberapa buah negara Arab tentang sebab-sebab kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab di peringkat sekolah rendah. Hasil kajian melalui pendapat 196 orang guru dan 48 orang mentor mendapati bahawa antara sebab kelemahan pelajar ialah;

- i. Para guru tidak mampu menggunakan bahasa standard ketika mengajar
- ii. Kekurangan guru yang mendapat pengkhususan bahasa Arab
- iii. Kesan persekitaran yang kurang membantu
- iv. Masa pengajaran Bahasa Arab adalah sedikit dan terhad
- v. Kurang bahan bantu mengajar

Oleh itu, dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa kedua, topik perbincangan masih lagi berkisar kepada kesulitan yang dihadapi untuk menguasainya. Permasalahan inilah yang membelenggu keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran tersebut sama ada tercapai atau sebaliknya.

Sehubungan dengan itu, pelaksanaan kurikulum pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi di peringkat rendah bermatlamat untuk menanam minat mempelajari bahasa Arab bagi menguasai kemahiran berbahasa di samping membolehkan murid menggunakan bahasa sebagai alat untuk berkomunikasi dengan mudah dan betul. Namun demikian, apa yang berlaku ialah murid-murid kurang mahir dalam bahasa Arab dan tidak dapat berkomunikasi serta bertutur dengan baik. Ada pendapat yang mengatakan bahawa permasalahan ini mungkin berpunca daripada pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkesan.

Melalui pembacaan dan pemerhatian penulis, terdapat tiga masalah utama yang berkait dengan pengajaran guru. Masalah tersebut adalah seperti berikut;

- i. Bahasa pengantar
- ii. Kaedah pengajaran
- iii. Bahan bantu mengajar

#### **Pertama : Bahasa pengantar**

Untuk mewujudkan pengajaran bahasa yang baik dan berkesan, guru perlu menitikberatkan penggunaan bahasa yang betul dan sesuai dengan tahap dan kemampuan pelajar.

Salah satu masalah yang telah dikenal pasti dalam pengajaran Bahasa Arab melalui pengalaman dan pemerhatian penulis sepanjang menjalankan pemerhatian proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah semasa latihan mengajar (praktikum) mulai tahun 2005 hingga 2007 ialah dari segi penggunaan bahasa. Penulis mendapati bahawa bahasa yang digunakan oleh guru agak lemah dan mereka



mencampur aduk bahasa Arab dengan bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu. Guru-guru ini juga lemah dalam penggunaan bahasa yang mudah di dalam bilik darjah atau dikenali sebagai “*lughat al-faṣl*”<sup>1</sup>. Di samping itu, terdapat juga bahasa yang digunakan adalah salah dari segi nahu.

Dapatan tersebut juga disokong daripada hasil temu bual penulis dengan pensyarah-pensyarah yang terlibat dalam pemerhatian praktikum bagi guru-guru tersebut. Mereka bersependapat dengan penulis dan menegaskan bahawa guru-guru lemah dalam menguasai bahasa Arab lebih-lebih lagi untuk menyampaikan isi pelajaran dengan menggunakan bahasa Arab yang mudah difahami oleh para pelajar.

Manakala kajian yang telah dijalankan oleh Sohair Abdel Moneim Sery (1990:117) menunjukkan bahawa terdapat beberapa masalah pengajaran guru antaranya ramai guru yang menggunakan bahasa ibunda semasa mengajar Bahasa Arab. Ini bermakna ramai dalam kalangan mereka menggunakan kaedah terjemahan semasa mengajar Bahasa Arab. Kaedah ini merupakan kaedah yang paling popular digunakan oleh guru yang mengajar bahasa dan ianya berlawanan dengan kehendak kaedah-kaedah pengajaran moden kerana kaedah ini boleh menyebabkan murid-murid lambat menguasai bahasa Arab.

Azharudin Bin Ahmad Zakaria (2005:65-66) dalam kajiannya yang bertajuk “*Penggunaan Buku Teks Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Rendah Agama: Satu Kajian Kes*” telah membuat rumusan bahawa bahasa pengantar yang digunakan oleh guru-guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab ialah bahasa

---

<sup>1</sup> “*lughat al-faṣl*” ialah bahasa yang digunakan di dalam bilik darjah dan ia lebih berkait tentang ta’bīr siaqi.

ibunda iaitu bahasa Melayu. Beliau mendapati seramai 100% guru-guru menggunakan bahasa tersebut dalam proses pengajaran Bahasa Arab.

Dalam kajian Ismail Muda (1999:101) yang bertajuk "*Penguasaan Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa Kelantan*" telah mengemukakan beberapa faktor kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab. Salah satu faktor ialah guru tidak menggunakan bahasa Arab sepenuhnya semasa mengajar di dalam kelas.

Dapatan ini disokong oleh Saupi Man (2003:265) yang menyatakan bahawa terdapat dua masalah besar yang menjadi halangan kepada pengajaran Bahasa Arab di peringkat rendah. Salah satunya ialah tahap kemampuan guru dalam berkomunikasi dengan bahasa Arab amat rendah dan tidak dapat mengajar Bahasa Arab dengan sempurna serta tidak banyak pertuturan yang boleh dicontohi oleh murid.

Penggunaan bahasa Arab yang mudah adalah penting dan guru seharusnya menggunakannya kerana dengan penggunaan bahasa yang betul dan mudah akan memberi kesan yang positif terhadap kejayaan dalam pengajarannya dan pelajar akan dapat memahami isi pelajaran dengan mudah.

Manakala menurut Misnan Jemali (1999:21) pula melalui kajian yang telah dibuat oleh Fakulti Pendidikan Universiti Putra Malaysia mengenai pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) 1993, mendapati beberapa masalah yang berkaitan dengan faktor guru dalam menyampaikan pengajaran Bahasa Arab. Hasil kajian menunjukkan bahawa:

- i. Kurangnya guru Bahasa Arab yang berkemampuan menyampaikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.
- ii. Kebanyakan guru masih lagi menggunakan kaedah lama (kaedah membaca, terjemahan dan syarahan) dalam menyampaikan pengajaran.
- iii. Penggunaan bahasa Arab juga terhad di dalam bilik darjah sahaja dan tidak berlaku di luar bilik darjah.

Menurut Osman Hj Khalid dan Abdul Rahim Hj Ismail (1994) dalam Sharifah Fatimah (2002:24), guru dianggap sebagai faktor penentu bagi kejayaan atau kegagalan suatu program pendidikan amnya dan proses pengajaran bahasa khususnya.

Jadi, dengan ini jelaslah bahawa kebanyakan guru tidak menggunakan bahasa Arab dalam pengajaran mereka dan masih lagi menggunakan kaedah lama dalam menyampaikan isi pelajaran. Oleh itu, guru seharusnya mempertingkatkan usaha dalam kemahiran mengajar agar ia memberi kesan yang positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### **Kedua : Kaedah Pengajaran**

Kepelbagaian penggunaan kaedah dalam pengajaran akan menghasilkan kesan yang baik terhadap pencapaian hasil pembelajaran. Menurut Abdul Rahim Abdul Rashid et al (2000:86), guru perlu mencuba berbagai-bagai kaedah pengajaran supaya dapat mengetahui keberkesanan dan kesesuaian sesuatu kaedah. Pelajar juga tidak akan berasa bosan sekiranya guru mempelbagaikan kaedah pengajaran.

Mohd Rizuan Abd. Rasip (2002:3-4) menyatakan bahawa terdapat guru yang menggunakan kaedah dalam pengajaran mereka ialah setiap hari apabila mengajar di dalam kelas, mereka hanya bercakap seorang diri dengan sekali sekala menulis di papan hitam. Kaedah “*talk and chalk*” semata-mata menjemukan pelajar kerana tidak menarik. Mereka juga tiada usaha mempelbagaikan strategi, kaedah dan teknik pengajaran. Ini sudah tentu memberi kesan yang negatif terhadap pelajar.

Manakala Roslida Kadir (2002: 64) dalam kajiannya pula mendapati kaedah pengajaran guru berada pada tahap sederhana tinggi iaitu min keseluruhannya ialah 3.44. Hasil kajiannya juga mendapati ramai pelajar agak sukar memahami pengajaran guru kerana penerangan dan percakapan mereka tidak jelas dan sukar difahami. Keadaan ini sudah pasti boleh menjejaskan prestasi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

Mohamed Bin Ab. Rahman (1994) dalam Samsiah Bt Hayat (2004:37) pula telah mengemukakan beberapa masalah dalam pengajaran Bahasa Arab yang telah dikenal pasti, antaranya ialah latihan guru. Walaupun guru-guru mempunyai kelayakan dalam bidang bahasa Arab tetapi mereka menghadapi masalah tentang cara hendak mengajar bahasa tersebut. Oleh itu, guru perlu diberi pendedahan dan latihan tentang kaedah pengajaran Bahasa Arab.

### **Ketiga : Bahan bantu mengajar**

Bahan bantu mengajar adalah bahan yang boleh membantu guru untuk menyampaikan isi pelajaran dengan mudah dan berkesan. Ia juga boleh merangsang minat pelajar terhadap pelajaran melalui kepelbagaian bahan bantu mengajar yang

digunakan. Bahan bantu mengajar yang disarankan dalam pengajaran Bahasa Arab ialah seperti kad imbasan, gambar-gambar, bahan maujud, kad kalimah, carta dan pita rakaman dan lain-lain.

Menurut Ainon Wazir (2004:44-80) telah menyatakan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar dalam kelas bahasa Arab masih belum diamalkan sepenuhnya. Hasil soal selidik menunjukkan sebahagian besar guru tidak menggunakan bahan bantu mengajar dalam kelas iaitu nilai min sebanyak 2.6500 sedangkan para pelajar menganggap penggunaan bahan tersebut boleh menjadi faktor yang membantu meningkatkan pencapaian mereka dalam bahasa Arab.

Azharudin Bin Ahmad Zakaria (2005:64-66) pula mendapati bahawa guru-guru masih lagi menggunakan pendekatan lama dalam penggunaan bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran Bahasa Arab. Mereka lebih banyak menggunakan papan hitam, kad manila dan buku teks sebagai bahan bantu mengajar.

Manakala Mohamed Bin Ab. Rahman (1994) dalam Samsiah Bt Hayat (2004:37) juga telah menyatakan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar merupakan salah satu masalah dalam pengajaran Bahasa Arab. Beliau mendapati bahawa guru-guru kurang menggunakan bahan bantu mengajar semasa pengajaran sedangkan penggunaannya adalah sangat penting dan ia boleh memberi kesan positif terhadap pengajaran.

Ini disokong oleh kajian Abdul Ghani (1993) dalam Ainon Wazir (2004:80) menegaskan bahawa salah satu punca kelemahan pengajaran dan pembelajaran di

Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Terendak ialah kurangnya penggunaan bahan bantu mengajar di dalam kelas.

Jelaslah di sini bahawa penggunaan bahan bantu mengajar merupakan salah satu bahan yang boleh membantu guru untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan mewujudkan pengajaran yang baik dan berkesan. Kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran juga akan dapat memberi kesan positif terhadap pelajar dan mata pelajaran yang diajar. Penyampaian pengajaran yang tidak menarik boleh menyebabkan pelajar-pelajar merasa bosan. Oleh itu, guru perlu menyerapkan pelbagai kaedah pengajaran untuk mewujudkan keberkesanan pengajaran mereka.

Sehubungan dengan itu, bagi merealisasikan matlamat yang terkandung dalam kurikulum bahasa Arab j-QAF, satu kajian mengenai penggunaan kaedah pengajaran guru dalam pengajaran Bahasa Arab perlu dijalankan. Lantaran itu, penulis ingin membuat kajian bagi mengenal pasti dan membuat tinjauan terhadap penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru-guru di peringkat sekolah rendah khususnya guru-guru j-QAF Bahasa Arab dengan tujuan untuk membantu mereka ke arah meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar-pelajar.

### **1.3 Objektif Kajian**

Penggunaan kaedah dalam pengajaran guru sangat penting untuk mengubah norma tingkah laku serta mencorak minat pelajar dalam pembelajaran. Apabila kecenderungan pelajar untuk mempelajari sesuatu bahasa itu dengan bersungguh-

sungguh terbentuk, maka sudah pasti akan menghasilkan natijah kecemerlangan dalam prestasi akademik mereka. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan:

- i. Menenal pasti persepsi guru terhadap pelaksanaan kurikulum dan pengajaran Bahasa Arab.
- ii. Menerangkan kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh guru-guru Bahasa Arab.
- iii. Menilai pandangan guru mengenai keberkesanan penggunaan kaedah pengajaran yang boleh membantu dalam mencapai hasil pembelajaran Bahasa Arab.
- iv. Mengemukakan langkah penambahbaikan yang sesuai dan berkesan untuk digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab.

#### **1.4 Soalan Kajian**

- i. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan kurikulum dan pengajaran Bahasa Arab?
- ii. Apakah kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh guru-guru Bahasa Arab?
- iii. Apakah kaedah pengajaran yang sangat berkesan dalam pengajaran Bahasa Arab?
- iv. Apakah langkah penambahbaikan yang sesuai dan berkesan untuk digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab?

## 1.5 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kepada latar belakang dan pernyataan masalah kajian serta objektif yang ingin dicapai, kajian ini amat penting dijalankan. Diharapkan agar dapatan kajian ini dapat:

- i. Membantu guru mengenal pasti kaedah yang boleh digunakan oleh mereka terutama dalam proses pengajaran Bahasa Arab untuk meningkatkan prestasi pencapaian pelajar-pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab.
- ii. Menyedarkan guru bahawa kepentingan pengaruh dan keberkesanan kaedah yang digunakan oleh guru dalam pengajaran berkait rapat dengan minat dan peningkatan prestasi pencapaian akademik pelajar.
- iii. Membantu guru-guru khasnya guru Bahasa Arab mendapat input yang berguna tentang penggunaan kaedah yang sesuai digunakan untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab ke arah merangsang minat pelajar untuk mempelajari bahasa ini.
- iv. Memberi sumbangan kepada pihak sekolah terutama guru yang terlibat tentang langkah yang perlu diambil untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam penggunaan kaedah pengajaran yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.
- v. Membolehkan guru-guru khasnya guru Bahasa Arab memahami masalah atau kekangan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab dan mengambil langkah-langkah positif untuk



mengatasi masalah tersebut dengan menyemak semula strategi dan kaedah pengajaran yang mereka gunakan untuk dipadankan dengan minat pelajar. Dengan ini, guru-guru akan cuba berusaha mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran mereka bagi menarik minat pelajar-pelajar mempelajari bahasa Arab dan seterusnya menyumbang ke arah peningkatan dalam pencapaian mata pelajaran ini.

- vi. Dijadikan panduan dan rujukan kepada semua pendidik dan bakal-bakal pendidik bagi mengenal pasti kelebihan dan kekurangan kaedah pengajaran guru dalam melaksanakan proses pengajaran Bahasa Arab dan seterusnya merancang langkah-langkah terbaik bagi memperbaiki dan mengatasi kelemahan yang ada dari semasa ke semasa serta meningkatkan lagi kualiti pengajaran ke arah kecemerlangan mata pelajaran Bahasa Arab.
- vii. Membantu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia terutama Bahagian Pendidikan Islam (BPI, KPM) untuk menyemak dan mengemaskini kurikulum bahasa Arab serta memantau pelaksanaan Bahasa Arab j-QAF di sekolah-sekolah.
- viii. Membantu Bahagian Buku Teks KPM dalam penyediaan buku teks yang dapat membantu guru-guru.
- ix. Memberi sumbangan kepada Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan Institut Pendidikan Guru (IPG) untuk mengenal pasti aspek kekuatan dan kelemahan guru-guru dalam pengajaran Bahasa Arab seterusnya

berusaha untuk melatih dan melahirkan bakal guru yang berkualiti, mahir dalam ilmu pedagogi ke arah memartabatkan profesion keguruan.

- x. Memberi sumbangan kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dalam usaha memantapkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan adanya pemantauan daripada pihak JPN dan Pegawai Pendidikan Daerah (PPD). Di samping itu juga, Jabatan Pelajaran Negeri berusaha mengadakan kursus atau seminar kepada guru-guru melalui Panitia Bahasa Arab untuk memberi maklumat terkini tentang bahasa Arab dan kaedah pengajaran yang berkesan.
- xi. Akhirnya kajian ini juga akan memberi maklumat tambahan dan memberi manfaat seterusnya menarik perhatian para pengkaji-pengkaji lain dalam bidang berkaitan untuk meneruskan kajian secara lebih terperinci. Di samping itu, ia juga membuka ruang kepada pelbagai pihak untuk membuat tindakan susulan dalam usaha mempertingkatkan kualiti pengajaran guru.


## **1.6 Hipotesis Kajian**

Kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab adalah berkait rapat dengan faktor kaedah penyampaian para guru. Oleh itu, ia perlu diatasi melalui pemilihan dan penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab yang baik dan berkesan untuk menjamin kecemerlangan pelajar dalam menguasai bahasa Arab.

## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian


Dalam kajian ini, penulis membina kerangka konseptual kajian berdasarkan beberapa model pengajaran yang dipilih sebagai landasan teori kepada kajian ini. Model tersebut ialah Model Pengajaran Robert Glaser, Model Pengajaran Sim dan Model Pengajaran La Francios.

Model Pengajaran Robert Glaser menitikberatkan objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada, kaedah pengajaran dan penilaian. Ia dilaksanakan sebagai satu proses untuk mewujudkan pengajaran yang berkesan. Dalam model pengajaran ini, objektif pengajaran harus ditentukan sesuai dengan pengetahuan sedia ada pelajar dan kaedah mengajar harus dipilih berdasarkan objektif pengajaran dan pengetahuan sedia ada pelajar. Seterusnya, penilaian juga harus dijalankan ke atas segala proses pengajaran dengan tujuan untuk mengesan kelemahan, agar guru dapat mengubahsuai dan membuat penambahbaikan proses pengajarannya untuk mencapai keberkesanan pengajaran seterusnya. Empat komponen dalam Model Pengajaran Robert Glaser adalah seperti rajah 1.1 berikut:



Rajah 1.1: Model Pengajaran Robert Glaser


Pengajaran Sim pula menjelaskan bahawa proses pengajaran melibatkan interaksi di antara beberapa komponen iaitu guru, murid, isi pelajaran dan juga objektif dalam sesuatu persekitaran tertentu. Keberkesanan pengajaran adalah bergantung kepada kebijaksanaan seseorang guru menentukan objektif dan isi pelajaran yang berkaitan dengan persekitarannya, serta kecekapan menggunakan teknik mengajar yang sesuai untuk melaksanakan proses pengajaran melalui interaksi di antara guru dan murid dengan isi pelajaran dalam persekitarannya. Interaksi komponen tersebut digambarkan dalam rajah 1.2:



Rajah 1.2: Model Pengajaran Sim


Manakala Model Pengajaran Le Francois pula mentafsirkan pengajaran sebagai proses yang merangkumi tiga peringkat iaitu peringkat sebelum pengajaran, semasa pengajaran dan selepas pengajaran. Dalam peringkat sebelum pengajaran, guru seharusnya mengambil kira beberapa perkara iaitu menentukan objektif dan matlamat pengajaran, menentukan kesediaan pelajar, menentukan strategi pengajaran dan menilai semula.

Peringkat kedua iaitu semasa pengajaran, guru hendaklah melaksanakan strategi dan prosedur pengajaran dengan baik dan berkesan. Manakala peringkat terakhir ialah peringkat selepas pengajaran, guru seharusnya menilai semula keberkesanan strategi pengajaran yang telah dilaksanakan. Dengan itu, guru dapat menentukan semula kesediaan pelajar dengan membuat pengubahsuaian atau penambahbaikan untuk pengajaran yang akan datang. Huraian Model Pengajaran La Francois adalah seperti rajah 1.3 di bawah:



Rajah 1.3: Model Pengajaran La Francios

Berdasarkan kepada model-model tersebut, penulis membina kerangka konseptual kajian seperti dalam rajah 1.4 di bawah:



Sumber: Ubah suai daripada Robert Glaser, Sim dan La Francios

Rajah 1.4: Kerangka Konseptual Kajian

Maka kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini ialah meninjau penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru di peringkat sekolah rendah dari aspek proses pengajaran, bahan pengajaran dan kekangan yang wujud dalam pengajaran. Ia dilaksanakan melalui soalan soal selidik, pemerhatian dan temu bual. Proses pengajaran dan bahan pengajaran adalah saling berkait antara satu sama lain dan melalui dua komponen ini akan wujud beberapa kekangan. Komponen-komponen tersebut akan mempengaruhi penggunaan kaedah pengajaran guru dalam bilik darjah.

## **1.8 Batasan Kajian**

Kajian ini memberi tumpuan terhadap penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru-guru di peringkat sekolah rendah. Kajian ini ditujukan kepada satu kelompok responden sahaja yang penulis yakin memainkan peranan penting dalam proses pengajaran Bahasa Arab. Guru-guru yang menjadi fokus kajian penulis ialah guru-guru yang telah mengikuti program bahasa Arab j-QAF di beberapa buah sekolah kebangsaan terpilih di negeri Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja.

### **1.8.1 Bilangan Subjek Kajian**

- i. Seramai 217 orang guru pengkhususan bahasa Arab j-QAF sahaja dipilih sebagai responden kajian untuk menjawab soalan soal selidik.
- ii. Seorang guru daripada pengkhususan bahasa Arab tersebut dipilih untuk pemerhatian proses pengajaran di dalam bilik darjah.

- iii. Dua orang guru daripada pengkhususan bahasa Arab tersebut juga dipilih untuk ditemu bual.

### **1.8.2 Tempat Kajian:**

Kajian ini hanya dijalankan di dua buah negeri sahaja iaitu negeri Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kesemua sekolah ini di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Pemilihan Lokasi kajian ini adalah kerana kesesuaiannya kepada pengkaji untuk mengurus dan mentadbir kajian. Ini bertepatan dengan Isaac dan Michael (1981) yang menegaskan bahawa untuk menjalankan kajian, perkara yang harus diberi perhatian bukan sahaja dari segi kesesuaian, malah dari segi penjimatan masa dan kos harus diambil kira.

### **1.8.3 Aspek kajian:**

Kajian terhadap penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru-guru di peringkat sekolah rendah yang dijalankan adalah terbatas kepada kaedah-kaedah yang digunakan oleh guru dalam pengajaran Bahasa Arab melalui proses pengajaran dan bahan yang digunakan serta meninjau kekangan yang wujud dalam pengajaran.

Penulis memilih sekolah-sekolah ini kerana:

- i. Kesemua sekolah ini mempunyai program j-QAF yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.
- ii. Sistem pendidikan yang sama dari sudut kurikulum, buku teks, dan penyeliaan.



- iii. Guru-guru yang mengajar Bahasa Arab terdiri daripada guru-guru j-QAF yang mempunyai kelayakan bahasa Arab atau pendidikan Islam sama ada dalam atau luar negara serta mendapat pendedahan kursus yang sama.
- iv. Di sekolah ini ditempatkan guru-guru yang telah mendapat latihan keguruan dari Institut-institut Pendidikan Guru (IPG). Penulis hanya memilih guru-guru kohort 2005, 2006 dan 2007 sahaja yang telah tamat latihan keguruan.

Berdasarkan kepada tumpuan dan penekanan penulis terhadap kajian-kajian yang penting dan utama, maka terdapat beberapa batasan dan pengecualian dalam kajian ini. Batasan-batasan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kajian ini tidak melibatkan model-model j-QAF yang lain iaitu Jawi, al-Quran dan Farḍu ‘Ain.
- ii. Kajian ini tidak melibatkan guru-guru KPLI major bahasa Arab
- iii. Kajian ini juga tidak melibatkan guru-guru j-QAF minor bahasa Arab
- iv. Kajian ini juga tidak melibatkan guru-guru kohort 2008. Ini kerana mereka masih dalam latihan keguruan.
- v. Kajian ini tidak melibatkan negeri-negeri lain di Malaysia.

Dapatan kajian ini boleh dijadikan kesimpulan kepada semua guru j-QAF bahasa Arab di seluruh Negara. Ini kerana pemilihan sampel yang begitu besar jumlahnya iaitu 217 orang guru j-QAF di Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ia boleh mewakili keseluruhan populasi yang lain untuk negeri-negeri lain kerana ia mempunyai

ciri-ciri kelayakan ikhtisas dan pengkhususan bahasa Arab yang sama seperti negeri-negeri lain. Hasil kajian ini juga dapat dijadikan panduan kepada kajian-kajian lain yang lebih mendalam bukan sahaja dalam mata pelajaran Bahasa Arab bahkan dalam mata pelajaran yang lain.

## **1.9 Bidang Kajian**

Pada keseluruhannya, kajian ini tertumpu kepada penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru-guru di peringkat sekolah rendah. Melalui kajian ini, penulis cuba melihat proses pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru-guru Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah khususnya guru-guru j-QAF. Ia bertumpu kepada kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru-guru tersebut dalam proses pengajaran dan kesannya terhadap pencapaian akademik pelajar khususnya.

Kajian ini juga memberi tumpuan kepada keberkesanan kaedah yang digunakan oleh guru dalam pengajaran Bahasa Arab. Penulis akan melihat kesan penggunaan kaedah yang dipilih oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan ke atas pelajar.

## **1.10 Definisi Operasional**

Definisi operasional beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini adalah diperolehi sama ada daripada bahan rujukan yang digunakan atau ditaaikul daripada bahan rujukan. Berikut dihuraikan beberapa istilah berdasarkan kajian yang dijalankan.

### **1.10.1 Penggunaan**

Kamus Dewan (2005:489) mentakrifkan penggunaan ialah sebagai perihal (perbuatan, kegiatan dll) menggunakan sesuatu.

Menurut Asmah Hj Ahmad (1989:7) dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penggunaan sesuatu kaedah pengajaran haruslah sesuai dengan keadaan murid, persekitaran pembelajaran dan isi yang hendak disampaikan.

Oleh itu dari definisi di atas, penulis boleh menyimpulkan bahawa penggunaan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah penggunaan kaedah yang dipilih atau digunakan oleh guru dalam sesuatu proses pengajaran. Kesemuanya adalah bertujuan untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang baik.

### **1.10.2 Kaedah**

Kamus Dewan (2005:653) mentakrifkan kaedah ialah sebagai cara atau peraturan membuat sesuatu (terutamanya yang bersistem atau yang biasa) iaitu mengajar cara mengajar (berdasarkan prinsip-prinsip tertentu).

Manakala Esah Sulaiman (2004:74) pula mentakrifkan kaedah ialah satu siri tindakan guru yang sistematik untuk mencapai objektif pengajaran dalam jangka masa yang pendek.

Menurut ‘Abd al-Fattāḥ Ḥasan al-Bajaṭ (1999:10) kaedah ialah satu tatacara yang digunakan oleh guru dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dengan tujuan untuk

mencapai objektif pengajaran dengan cara yang mudah dalam jangka masa yang pendek.

Rusydīy Aḥmad Ṭa‘imat (2000:34) pula mentakrifkan kaedah pengajaran ialah satu langkah yang menyeluruh untuk mengajar sesuatu bahan bahasa secara teratur untuk tujuan mencapai objektif pendidikan dan ia melibatkan komunikasi antara guru dan pelajar.

Sesuatu kaedah yang dipilih untuk menyampaikan maklumat atau ilmu pengetahuan sepatutnya boleh membawa kepada kejayaan murid-murid dalam menerima pelajaran. Sebagai seorang guru, mereka perlulah mempunyai kemahiran, kecekapan dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menjamin proses pengajaran berjalan dengan berkesan.

### **1.10.3 Pengajaran**

Pengajaran pula ditakrifkan sebagai perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar seperti cara atau sistem mengajar, aspek yang dipentingkan dan lain-lain (Kamus Dewan, 2005:21).

Imām Mukhtār Ḥamīdat et al (2003:43) mentakrifkan pengajaran adalah satu proses tertentu dan perancangan yang dilaksanakan oleh guru di sekolah atau di luar dengan tujuan untuk membantu para pelajar mencapai objektif tertentu.

Menurut Ḥasan Ḥusayn Zaytūn (2001:7) pula, pengajaran merupakan satu proses pemindahan maklumat atau kemahiran daripada guru kepada pelajar untuk tujuan mencapai objektif melalui penentuan langkah-langkah tertentu.

Kamarudin Hj Husin (1994:30) menyatakan pengajaran merupakan satu bentuk komunikasi yang berlaku dalam bilik darjah yang melibatkan guru dan pelajar. Guru bertindak sebagai penyampai untuk menyampaikan maklumat atau pengetahuan tertentu kepada pelajar-pelajar dan pelajar pula menjadi penerima maklumat.

Pengajaran juga merupakan satu proses yang melibatkan sistem aktiviti-aktiviti yang ditujukan kepada murid dengan tujuan membawa perubahan-perubahan tingkah laku dalam kalangan mereka. Ia merupakan suatu tugas dan aktiviti yang dijalankan bersama oleh guru dan pelajarnya. Proses pengajaran ini merangkumi perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian.

Pengajaran ini juga adalah dirancang oleh guru secara sistematik dan teliti untuk melaksanakannya dengan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai dengan tujuan untuk membimbing, menggalak dan memotivasikan pelajar supaya mereka ingin belajar demi memperolehi ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran yang diperlukan. Kesemua langkah-langkah ini adalah bertujuan untuk menyebarkan ilmu dengan berkesan.

Dengan ini jelaslah bahawa pengajaran merupakan suatu proses menyampaikan pengetahuan atau kemahiran supaya berlaku perubahan dalam proses pembelajaran serta mendidik insan agar seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

#### **1.10.4 Bahasa Arab**

Bahasa ditakrifkan sebagai sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia iaitu antara seorang individu dengan individu yang lain (Kamus Dewan, 2005:106).

Menurut Kamus Dewan (2005:74), bahasa Arab merupakan bahasa al-Qur'ān dan ia merupakan bahasa yang dituturkan oleh bangsa yang berasal dari semenanjung besar barat daya Asia.

Menurut al-Khūlīy (1982:15), bahasa ialah satu peraturan yang mengkaji rumus-rumus suara yang digunakan untuk tujuan bertukar-tukar fikiran, perasaan antara anggota masyarakat yang pelbagai bangsa dan bahasa.

Rusydīy Aḥmad Ṭa'imaṭ (1989:21) pula mentakrifkan bahasa ialah sebagai satu kelompok simbol bunyi suara yang mempunyai sistem tertentu dan boleh diketahui oleh anggota sesuatu masyarakat yang mempunyai ilmu tentang maknanya untuk tujuan berkomunikasi antara satu sama lain.

B. Bloch dan G. L. Trager (1942:2) dalam Adi Yasran Abdul Aziz (1999:3) berpendapat bahasa ialah satu sistem simbol arbitrari untuk membolehkan sesuatu kumpulan sosial bekerjasama. Ia bertepatan dengan Nik Hasan Basri Nik Ab Kadir (2003:1) yang mentakrifkan bahasa ialah kebolehan semula jadi manusia yang berupa satu sistem simbol bunyi suara yang arbitrari, yang dipersetujui dan digunakan oleh sekelompok manusia untuk berkomunikasi

Menurut Ayob Y.Jadwat (1987) dalam Abd Razak Abu Chik (2003:44) menyatakan bahasa Arab adalah salah satu daripada bahasa utama yang memainkan peranan penting dalam sejarah peradaban manusia.

Bahasa Arab juga adalah bahasa yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri berbanding dengan bahasa-bahasa yang lain di dunia ini kerana ia merupakan bahasa al-Qur'an al-Karim dan hadith Rasulullah SAW. Firman Allah SWT yang berbunyi :

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُمُ الْحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Yang bermaksud: “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Qur'an, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya” (al-Hijr: 9).

Oleh itu, kedudukan bahasa Arab amat tinggi nilainya dalam kalangan umat Islam, maka usaha untuk mempelajarinya amatlah perlu untuk mendalami dan memahami ajaran Islam yang bersumberkan al-Qur'an al-Karim dan hadith Rasulullah SAW.

Dalam konteks kajian ini, mata pelajaran Bahasa Arab merupakan salah satu mata pelajaran yang perlu dipelajari oleh semua murid di Sekolah Kebangsaan yang mana mata pelajaran ini diperluaskan kepada semua murid dengan mewajibkan kepada semua murid beragama Islam dan memberi pilihan kepada murid bukan beragama Islam. Bagi murid atau pelajar yang dapat menguasai bahasa Arab, mereka mudah mempelajari al-Qur'an al-Karim dan menghafaznya. Mudah-mudahan dengan memahami perbendaharaan kata bahasa Arab, murid-murid j-QAF ini akan dapat

memahami al-Qur'ān al-Karim dan mengamalkan segala isi kandungan al-Qur'ān al-Karim.

Berdasarkan definisi yang telah dikemukakan di atas, secara keseluruhan dapat dibuat kesimpulan bahawa pengajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah adalah penting dan ia merupakan mata pelajaran wajib bagi sekolah rendah yang mengikuti program j-QAF dan wajib juga kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di seluruh Malaysia.

Dalam konteks pengajaran Bahasa Arab, guru harus memastikan empat kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Untuk memastikan agar pengajaran Bahasa Arab ini mencapai matlamatnya, guru seharusnya sedar dan sentiasa berusaha menguasai kaedah pengajaran yang berkesan serta membolehkan pelajar menguasai semua kemahiran berbahasa yang telah ditetapkan.

#### **1.10.5 Guru**

Kamus Dewan (2005:492) juga mentakrifkan guru sebagai “orang yang mengajar, pendidik dan pengasuh”. Guru atau pendidik adalah tonggak sistem pendidikan. Justeru, jika kita ingin melahirkan generasi yang cemerlang, maka guru perlu mencemerlangkan diri mereka sendiri. Sesungguhnya kejayaan guru melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi keilmuan, keimanan dan sahsiah akan memberi sumbangan yang amat besar kepada pembangunan masyarakat dan negara.



Manakala menurut Abraham (1983) dalam Roslida Kadir (2002:26) menyatakan bahawa guru haruslah berperanan sebagai pemudah cara dan pengurus pelajaran. Mereka juga perlu mengetahui dan mengenal pasti pendekatan pengajaran yang sesuai dan merancang aktiviti yang berkaitan dan sesuai dengan kebolehan pelajar. Justeru, guru dianggap sebagai penentu dan paling berperanan dalam menentukan kejayaan sesuatu pembelajaran.

Dari definisi di atas, jelaslah guru ialah orang yang mengajar dan mendidik para pelajar untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi keilmuan, keimanan dan sahsiah. Guru juga berperanan sebagai pemudahcara dan pengurus pelajaran.

Guru yang menjadi fokus kajian penulis ialah guru j-QAF. Perkataan j-QAF adalah singkatan daripada;

- i. “j” bermaksud Jawi,
- ii. “Q” bermaksud al-Quran,
- iii. “A” bermaksud Bahasa Arab dan
- iv. “F” bermaksud Farḍu ‘Ain.

Perjawatan guru j-QAF ini telah diwujudkan di sekolah bertujuan untuk membantu murid-murid dalam usaha memperkasakan sistem Pendidikan Islam di Malaysia melalui penekanan khusus dalam pengajaran Jawi, Al-Qur’ān, Bahasa Arab dan Farḍu ‘Ain yang dilaksanakan di peringkat sekolah rendah.

## **1.11 Rangka Kajian**

Penulis telah membentuk rangka kajian mengikut bab-bab. Kajian ini dibahagikan kepada lima bab.

### **BAB 1 : PENGENALAN .**

Dalam bab satu, penulis membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan soalan kajian. Selain itu, kepentingan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, batasan kajian dan bidang kajian juga dibentangkan. Penulis juga mengupas beberapa istilah utama dalam tajuk kajian ini melalui definisi operasional. Akhir sekali penulis membentangkan tentang rangka kajian bagi kajian ini.

### **BAB 2 : TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN**

Dalam bab dua pula, penulis mendefinisi istilah utama kajian dan membincangkan serta membuat kupasan mendalam tentang kaedah pengajaran Bahasa Arab melalui beberapa tajuk penting iaitu menerangkan tentang Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Islam dan latar belakang pelaksanaan bahasa Arab di peringkat sekolah kebangsaan. Selain itu, teori-teori pembelajaran dan model pengajaran juga dibentangkan.

Di samping itu, penulis juga membentangkan tentang prinsip-prinsip pengajaran, keberkesanan pengajaran dan peranan guru. Kaedah-kaedah pengajaran secara umum dan kaedah pengajaran Bahasa Arab juga dibincangkan dalam bab ini dan seterusnya membentangkan kajian-kajian lepas yang berkaitan pengajaran guru.

### **BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN.**

Manakala dalam bab tiga pula, penulis membentangkan tentang metodologi kajian yang berkaitan dengan reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian dan pengumpulan data. Selain itu, prosedur kajian, kajian rintis, analisis data serta kesahan dan kebolehpercayaan juga dibentangkan dalam bab ini. Akhir sekali penulis membentangkan kesimpulan.

### **BAB 4: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN.**

Dalam bab empat, penulis menganalisis data-data yang telah dipungut melalui beberapa instrumen yang telah dijalankan iaitu soal selidik, temu bual dan pemerhatian.

### **BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN.**

Dalam bab lima, penulis membuat perbincangan dan rumusan keseluruhan melalui setiap dapatan kajian. Selain daripada itu, penulis juga mengemukakan implikasi kajian dan akhir sekali mengutarakan beberapa cadangan untuk dibuat penambahbaikan ke arah meningkatkan mutu pencapaian dalam pengajaran Bahasa Arab di masa-masa hadapan.

#### **1.12 Kesimpulan**

Dengan ini, dapatlah dibuat rumusan bahawa faktor guru sangat memainkan peranan penting untuk mewujudkan kaedah pengajaran yang berkesan. Guru dianggap sebagai orang yang menyampaikan ilmu dan boleh mengawal pengaliran ilmu ini kepada pelajar. Keberkesanan pengajaran boleh diwujudkan melalui beberapa cara iaitu perancangan dan persediaan yang baik, penggunaan bahasa yang mudah difahami oleh

pelajar, kreatif dan bersemangat. Ini akan menarik minat pelajar untuk belajar dan menghasilkan satu proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Selain itu, kemahiran pedagogi juga adalah sangat penting untuk menghasilkan keberkesanan pengajaran guru. Mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang kaedah dan strategi mengajar, penggunaan bahan bantu mengajar yang berkesan dan mahir dalam mempelbagai dan menggunakannya serta kreatif dalam merancang strategi dan kaedah pengajaran. Dengan ini akan dapat membantu menghasilkan keberkesanan dalam sesuatu pengajaran. Ia juga akan dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan.

## **BAB 2**

### **TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN**

#### **2.0 Pendahuluan**

Pengajaran adalah satu proses penyampaian iaitu untuk menyampaikan sesuatu maklumat kepada orang lain. Tugas utama guru adalah menyampaikan ilmu pengetahuan yang ada padanya kepada pelajar. Untuk mencapai tujuan tersebut, guru perlu mencari dan menggunakan cara yang paling sesuai dan berkesan. Cara penyampaian maklumat ini juga dikatakan sebagai kaedah dan teknik pengajaran (Abd Ghafar Md Din, 2003:47).

Terdapat berbagai-bagai kaedah pengajaran yang boleh digunakan oleh guru untuk menyampaikan pelajaran. Walau bagaimanapun guru haruslah memilih dan menentukan kaedah yang tepat dan sesuai agar penyampaian lebih berkesan dan menarik serta mencapai sesuatu objektif pengajaran.

Sehubungan dengan itu, komunikasi adalah suatu proses interaksi dua hala di antara orang bercakap dengan orang yang mendengar. Ia bertujuan untuk menyampaikan maklumat, idea dan maklum balas di antara satu sama lain. Dalam proses komunikasi, pemahaman adalah penting, jika tidak ada pemahaman, maka dalam erti kata sebenarnya tidak ada komunikasi (Abdul Rahman Aziz:1998).

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga terdapat proses komunikasi antara guru dan pelajar. Proses komunikasi ini ialah cara penyampaian guru dalam

sesuatu pengajaran dan ia memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan pengajaran tersebut terhadap isi pelajaran yang disampaikan kepada pelajar sama ada ia boleh difahami atau tidak oleh seseorang pelajar.

Ini disokong oleh pendapat Sulaiman Md. Yassin et al (2007: 86) yang menyatakan bahawa setiap orang guru perlu mahir dalam berkomunikasi, khususnya di dalam bilik darjah. Sekiranya guru tidak mahir dalam berkomunikasi dengan pelajar-pelajarnya semasa mengajar, ini akan menyebabkan pengajarannya sukar difahami oleh pelajar. Dengan komunikasi yang berkesan, guru akan dapat menyampaikan isi pelajaran, ilmu pengetahuan, idea-idea dan maklumat berkaitan dengan pelajaran dengan baik dan berkesan.

Dengan ini jelaslah bahawa keberkesanan pengajaran guru berkait rapat dengan faktor komunikasi yang baik daripada seseorang guru tersebut. Oleh itu, guru perlu bijak dalam menyusun strategi dan mempelbagaikan kaedah pengajaran agar suasana berinteraksi antara pelajar berlaku secara bermakna dan berkesan.

Abd Ghafar Md Din (2003:14) juga menyatakan: ” *Dalam penyampaian pelajaran, guru mengalami proses enkod, iaitu guru menggunakan bahasa atau media lain untuk menyampaikan pelajarannya. Manakala pelajar pula mengalami proses dekod di mana pelajar mendengar dan cuba memahami pelajaran yang disampaikan oleh guru*”.

Manakala pendapat Muḥammad ‘Abd al-Qādir Aḥmad (t,th: 6) pula menyatakan bahawa guru yang betul-betul berjaya ialah mereka yang berjaya menyampaikan isi

pelajaran kepada pelajarnya dengan cara yang mudah. Walaupun seorang guru mempunyai ilmu yang banyak tetapi tidak memiliki kaedah yang baik untuk menyampaikan, maka ia bukanlah seorang guru yang berjaya.

Oleh itu, guru perlu peka dan sentiasa kreatif dalam memilih kaedah pengajaran yang baik dan sesuai dengan tahap pelajar kerana ia merupakan sesuatu yang sangat penting dan berkait rapat dengan pengajaran seseorang guru. Melalui pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan dalam sesuatu pengajaran, ia mempunyai peranan yang besar untuk melicinkan proses pengajaran guru dan seterusnya menentukan keberkesanan proses tersebut.

Dalam bab ini, penulis akan mendefinisi istilah utama kajian dan membincangkan serta membuat kupasan tentang kaedah pengajaran melalui penulisan-penulisan yang telah dijalankan oleh beberapa pengkaji berkaitan dengan proses pengajaran yang berkesan. Bab ini juga akan membentangkan tentang sejarah pelaksanaan j-QAF di Malaysia.

Akhir sekali, penulis akan membincangkan teori pembelajaran, model pengajaran, prinsip pengajaran, keberkesanan pengajaran, kaedah-kaedah pengajaran dan peranan guru. Faktor guru ini merupakan tunjang asas dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Justeru, penulis merasakan perlu membentangkan tentang tajuk guru dan pengajarannya.

## 2.1 Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran yang diterbitkan pada 1979 adalah permulaan kepada pembentukan Falsafah Pendidikan Negara yang lebih jelas. Falsafah yang bertulis tersebut dikenal sebagai Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan pernyataannya adalah seperti berikut;

*“Pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha yang berterusan ke arah lebih memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian, kemakmuran masyarakat dan keluarga”*(FPN) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988) dalam Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman (2003:59).

Falsafah Pendidikan Negara dengan sifatnya yang masih mantap dikekalkan dalam Akta Pendidikan 1996 ini. Namun sedikit tambahan perkataan dilakukan bagi memantapkan lagi falsafah ini dan falsafah ini seterusnya dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) adalah *“Pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha yang berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan*



*kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian, kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”*(FPK). (Kementerian Pendidikan Malaysia 1996)

Berdasarkan kepada FPK, matlamat pendidikan Negara dapat ditafsirkan sebagai usaha yang berterusan untuk melahirkan individu yang bersahsiah baik, berketrampilan seterusnya seimbang dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani tanpa mengenyepikan kepercayaan dan kepatuhan kepada perintah Tuhan. Di samping itu juga individu yang berilmu pengetahuan, bertanggungjawab dan berakhlak mulia dapat memberi sumbangan ke arah masyarakat dan Negara.

Falsafah pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam sistem pendidikan di Negara kita. Ia merupakan sebagai dasar, hala tuju dan panduan kepada segala usaha yang dilakukan untuk meningkatkan mutu pendidikan negara. Implikasi daripada falsafah pendidikan ini jelas diamalkan dalam dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Selain itu, guru digalakkan menggunakan pendekatan refleksi untuk meningkatkan profesionalisme keguruan. Dengan menggunakan proses refleksi, guru dapat menilai kebaikan dan kelemahan pengajaran dan seterusnya mengambil langkah untuk membaiki dan mengubahsuai rancangan, kaedah dan teknik mengajar ke arah meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2003:70-71).

## **2.2 Falsafah Pendidikan Islam**

Pendidikan Islam adalah *“suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membantu diri, masyarakat, alam sekitar dan Negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat”* (FPI).

Jelaslah di sini bahawa pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan soleh, harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Allah SWT.

Justeru, berdasarkan Falsafah Pendidikan Islam, j-QAF telah diwujudkan di sekolah bertujuan untuk membantu murid-murid dalam usaha memperkasakan sistem Pendidikan Islam di Malaysia melalui penekanan khusus dalam pengajaran Jawi, Al-Qur’ān, Bahasa Arab dan Farḍu ‘Ain yang dilaksanakan di peringkat sekolah rendah.

## **2.3 Latar Belakang Pelaksanaan Bahasa Arab Di Peringkat Sekolah Kebangsaan**

### **2.3.1 Projek Rintis BAK di Sekolah Kebangsaan**

Pelaksanaan kurikulum Bahasa Arab Komunikasi untuk sekolah rendah di Malaysia adalah baru diperkenalkan berbanding dengan peringkat sekolah menengah. Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Kebangsaan atau dikenali sebagai BAKSK.

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Kebangsaan (BAKSK) mula dilaksanakan secara projek rintis pada tahun 1997 dan ia melibatkan 98 buah sekolah terpilih di seluruh Negara (Muhamad Zahidi Bin Arifin, 2005:85).

### **2.3.2 Pelaksanaan BAK di Sekolah Kebangsaan**

Pelaksanaan BAK di SK seterusnya dilaksanakan secara rasmi ialah pada tahun 1998 berdasarkan Pekeliling Ikhtisas Bil:9/1998 KP(BS)8591/Jld.XIV/(9) bertarikh 2 Mei 1998. Pada tahun 2002, terdapat sebanyak 910 buah sekolah kebangsaan yang menawarkan BAKSK, yang melibatkan 5,828 buah kelas, 172,941 orang murid dan 779 orang guru (Yahya Radzi, 2003:33).

### **2.3.3 Pelaksanaan BAK di SK sebagai Mata Pelajaran Bahasa Tambahan**

Pada peringkat seterusnya iaitu pada tahun 2003, BAKSK sebagai bahasa tambahan mula dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Ikhtisas Bil:8/2002 KP(BS) 8591/Jld.XV11(8) bertarikh 1 Oktober 2002. Mata pelajaran BAKSK sebagai bahasa tambahan ditawarkan kepada semua murid yang berminat untuk mempelajarinya sama ada murid Islam atau bukan Islam (Yahya Radzi, 2003:34).

### **2.3.4 Pelaksanaan BAK dalam Program j-QAF**

Penulis juga merasakan perlu untuk membentangkan secara ringkas tentang latar belakang program j-QAF di Malaysia seperti yang termaktub dalam Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum Program j-QAF (2007:1-4).

Program j-QAF ini merupakan cetusan idea Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima ketika lawatan ke Kementerian Pelajaran Malaysia pada 30 Disember 2003 yang berhasrat untuk melahirkan murid di sekolah rendah yang dapat menguasai penulisan jawi, khatam al-Qur'ān, Bahasa Arab dan asas-asas Farḍu 'Ain. Oleh itu, Seminar Jawi, al-Qur'ān, Bahasa Arab, dan Farḍu 'Ain (j-QAF) peringkat kebangsaan telah diadakan pada 3 hingga 5 Mac 2004 dan telah memutuskan supaya Model Perluasan Pelaksanaan Bahasa Arab Komunikasi dijalankan bersama model-model j-QAF yang lain.

Lantaran itu, program ini telah dilaksanakan secara uji kaji dalam projek rintis yang telah dijalankan selama 3 bulan dan berakhir pada Julai 2004. Dengan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju agar program ini dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 2005 dan dilaksanakan secara berperingkat- peringkat sehingga tahun 2010.

Program j-QAF ini merupakan satu usaha ke arah memperkasakan pelaksanaan Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan selaras dengan perancangan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 – 2010. Program ini menggunakan kurikulum, model dan modul tersendiri. Pelaksanaannya menggunakan peruntukan jadual waktu sedia ada. Program j-QAF ini bermatlamat agar semua murid Islam sekolah rendah akan dapat:

- i. Menguasai bacaan dan tulisan jawi
- ii. Khatam al-Qur'ān
- iii. Menguasai asas Bahasa Arab Komunikasi
- iv. Memantapkan dan menghayati amalan Farḍu 'Ain.

Program ini penting dan memberi keutamaan kepada murid yang keciciran dalam pelajaran jawi, menekankan aspek khatam al-Qur'ān, membuka peluang kepada semua pelajar untuk mempelajari bahasa Arab dan mampu menguasai amalan-amalan asas Farḍu 'Ain. Model-model j-QAF yang telah diperkenalkan ialah:

- i. Model Kelas Pemulihan Jawi.
- ii. Model Tasmek Khatam al-Qur'ān.
- iii. Model 6 bulan Khatam al-Qur'ān.
- iv. Model Perluasan Bahasa Arab Komunikasi
- v. Model Bestari Solat.

#### **2.3.4.1 : Model Perluasan Pelaksanaan Bahasa Arab Komunikasi.**

Model Perluasan Pelaksanaan BAK dijalankan bersama model-model program j-QAF yang lain seperti mana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.13/2004: (KP(BS)8591/Jld.XVII(13) bertarikh 30 Disember 2004). Status mata pelajaran ini adalah sebagai mata pelajaran pilihan.

Model Perluasan Pelaksanaan Bahasa Arab Komunikasi bermaksud pelaksanaan mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi diperluaskan kepada semua murid di sekolah-sekolah yang melaksanakan Program j-QAF. Mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi merupakan salah satu daripada mata pelajaran bahasa tambahan dan diperluaskan kepada semua murid dengan mewajibkan kepada semua murid beragama Islam dan memberi pilihan kepada murid bukan beragama Islam. Ia bertujuan untuk menanam minat terhadap bahasa Arab dan mampu berkomunikasi dengan perkataan-perkataan

mudah. Peruntukan masa untuk pengajaran Bahasa Arab bagi program j-QAF ini sebanyak satu jam (60 minit) seminggu.

Oleh itu, guru-guru memainkan peranan penting untuk membantu murid-murid menguasai bahasa Arab dan merancang aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan bermakna serta mempelbagaikan aktiviti komunikatif untuk menarik minat murid dengan memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid dan seterusnya guru juga seharusnya membuat penilaian dengan menggunakan instrumen yang disediakan dengan merekodkan hasil penilaian yang dilakukan selepas proses pengajaran dan pembelajaran.

#### **2.3.4.2 : Matlamat**

Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi di peringkat rendah bermatlamat menanam minat mempelajari bahasa Arab bagi menguasai kemahiran berbahasa di samping membolehkan murid berkomunikasi dengan mudah.

#### **2.3.4.3 : Objektif Pembelajaran Bahasa Arab j-QAF**

Di akhir pengajaran dan pembelajaran sekolah rendah murid dapat:

- i. Mendengar bunyi huruf-huruf, perkataan dan ayat bahasa Arab dan memahaminya.
- ii. Menyebut dengan betul huruf-huruf, perkataan dan ayat bahasa Arab.
- iii. Bertutur dalam bahasa Arab berdasarkan situasi tertentu dan memahaminya.
- iv. Membaca dengan betul dan memahami perkataan dan ayat bahasa Arab.

- v. Menulis dengan betul huruf-huruf, perkataan dan ayat bahasa Arab dan memahaminya.
- vi. Menulis petikan berdasarkan situasi tertentu menggunakan ayat-ayat mudah dan memahaminya.

#### **2.3.4.4 : Kumpulan sasaran**

Pelaksanaan Model Perluasan Pelaksanaan Bahasa Arab Komunikasi bermula pada tahun 2005 melibatkan murid tahun 1 di seribu dua ratus dua puluh satu (1.221) buah sekolah terpilih dan akan diperluaskan ke semua sekolah kebangsaan seluruh Negara menjelang tahun 2010.

#### **2.3.4.5 : Strategi Pelaksanaan**

- i. Model Perluasan Bahasa Arab Komunikasi dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan sedia ada Bahasa Arab Komunikasi di sekolah kebangsaan iaitu 60 minit seminggu (30 minit x 2 waktu) seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.8 Tahun 2002 KP (BS) 8591 Jilid XVII (8) bertarikh 1 Oktober 2002: Penawaran Mata Pelajaran Bahasa Arab Tambahan di Sekolah Kebangsaan (SK).
- ii. Peruntukan masa ini mestilah berada di dalam jadual waktu rasmi persekolahan.
- iii. Model ini dilaksanakan berpandukan kepada unit/topik yang terkandung dalam Pakej Buku Teks Bahasa Arab Komunikasi. Penerbitan pakej buku ini terdiri daripada Buku Teks, Buku Latihan dan Aktiviti Murid

serta Buku Panduan Guru yang dibina berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi dan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi.

#### **2.3.4.6 : Kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi**

Kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Kebangsaan digubal adalah untuk mencapai matlamat dan objektif yang digariskan bagi tempoh enam tahun pengajian dengan peruntukan masa 60 minit seminggu (30 minit x 2 waktu). Penekanan yang diberikan dalam kandungan sukatan pelajaran Bahasa Arab Sekolah Kebangsaan ini ialah:

- i. Empat kemahiran asas berbahasa (أَلْمَ هَارَاتُ الْأَسَاسِيَّةُ الْأَرْبَعُ) yang terdiri daripada;
  - a. Kemahiran mendengar (مَهَارَةُ الْإِسْمَاعِ)
  - b. Kemahiran bertutur (مَهَارَةُ اللَّامِ)
  - c. Kemahiran membaca (مَهَارَةُ الْقِرَاءَةِ)
  - d. Kemahiran menulis (مَهَارَةُ الْكِتَابَةِ)
- ii. Sistem bunyi (النِّظَامُ الصَّرْوِيُّ)
- iii. Tata bahasa (nahu dan sarf) (النِّظَامُ الْوَحْيِيُّ وَالصَّرْفِيُّ)
- iv. Senarai Perbendaharaan kata (قَلَمَةُ الْمَفْرَدَاتِ)

## **2.4 Teori-teori pembelajaran**

Dalam membincangkan topik-topik yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa, kita sudah pasti tidak dapat mengelak daripada membicarakan



aspek-aspek yang berkaitan dengan teori-teori pembelajaran. Teori-teori tentang proses pembelajaran dapat diaplikasikan dalam mengajar pelbagai mata pelajaran untuk pelbagai peringkat persekolahan.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005:1659), teori didefinisikan sebagai pendapat yang dikemukakan untuk menerangkan sesuatu perkara atau prinsip-prinsip am atau asas-asas kasar yang menjadi dasar pembentukan sesuatu pengetahuan.

Oleh itu, teori, kaedah, pendekatan dan teknik adalah penting dalam pengajaran bahasa. Guru perlu mengetahui teori-teori pembelajaran bahasa, kaedah-kaedah pengajaran yang terbit daripada teori-teori tersebut, pendekatan dan teknik pengajaran yang sesuai untuk menyampaikan isi-isi pengajaran yang telah ditentukan (Rominah Hj Sabran (1996) dalam Adibah Bt Mukhtar (2002:16)

Justeru, dalam menghasilkan satu proses pengajaran yang berkesan dan sistematik, kita perlu merujuk kepada beberapa teori dan memahami pelbagai konsep dalam teori pembelajaran tersebut. Ia sebagai satu panduan kepada guru bagi menghasilkan satu sesi pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan memotivasikan murid-murid selain untuk mengukur sejauh mana keberkesanan penggunaannya terhadap pelajar-pelajar. Pada asasnya, teori-teori pembelajaran masa kini boleh diklasifikasikan kepada empat pendokong yang utama, iaitu behavioris, kognitif, sosial dan humanis

Antara teori-teori pembelajaran yang selalu digunakan ialah;

### **1. Teori Behaviorisme**

Teori behavioris yang diperkenalkan oleh Ivan Pavlov dan dikembangkan oleh Thorndike, Watson dan Skinner, berpendapat bahawa pembelajaran adalah berkaitan dengan perubahan tingkah laku. Teori pembelajaran mereka kebanyakannya dihasilkan daripada ujian dan juga pemerhatian yang dilakukan ke atas haiwan seperti anjing, tikus, kucing dan burung di dalam makmal. Ujian ini berdasarkan kepada perhubungan antara ‘rangsangan’ dan ‘gerakbalas’ yang menghasilkan perubahan tingkahlaku (Ting Len Siong & Muhamad Sidek Said, 2007:26-34).

Pendokong behavioris berpendapat bahawa terdapat perhubungan antara satu rangsangan dengan gerak balas. Sesuatu gerak balas yang betul akan diulangi jika diikuti dengan ganjaran. Gerak balas yang diikuti oleh peneguhan yang positif juga akan diulangi. Gerak balas yang sering diulangi akan membentuk satu kebiasaan (Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir, 2005:86).

Menurut pendokong behavioris juga, sesuatu tabiat boleh dilazimkan menerusi proses latih tubi dengan memberi rangsangan-rangsangan tertentu kepada organisma dan mendapat tindak balas tertentu daripada organisma secara berulang kali. Oleh itu, dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, ia boleh diaplikasikan melalui gerak balas atau lakuan bahasa yang diberikan kepada pelajar apabila latih tubi yang berulang kali dilakukan. Dalam konsep pembelajaran pelaziman klasik, latih tubi harus bersifat intensif. Dengan demikian, guru harus memberikan rangsangan yang banyak kepada para pelajar (Zulkifley Hamid, 2006: 92-96).

## 2. Teori Kognitif

Perkataan kognitif ialah kata pinjaman daripada bahasa Inggeris iaitu *cognitive*. Dalam bahasa Melayu ia membawa maksud yang serupa ialah “akal”, “pemikiran” atau “ingatan” (Zulkifley Hamid, 2006:106). Menurut Mangantar Simanjuntak (1986:84) dalam Zulkifley Hamid (2006:108) mengatakan bahawa teori kognitif ialah pengkajian proses-proses akal atau mental yang berlaku pada waktu proses pembelajaran.

Teori kognitif pula berpendapat bahawa perkembangan dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak adalah hasil langsung daripada perkembangan mental mereka. Ini bermakna tahap perkembangan dalam penggunaan bahasa adalah sejajar dengan tahap perkembangan mental (Zulkifley Hamid, 2006:109).

Antara yang mengkaji teori kognitif ialah Noam Chomsky, Piaget, Bruner dan Kohler. Menurut Chomsky, pembelajaran bahasa bukanlah proses mekanis tetapi merupakan proses mental kerana seorang kanak-kanak telah dilahirkan dengan kecekapan semulajadi untuk menguasai bahasa apabila sampai peringkat kematangannya yang tertentu (Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir, 2005:93-95).

Oleh itu, jelaslah bahawa pengajaran bahasa yang berteraskan teori-teori kognitif ialah pengajaran yang mementingkan aspek pemahaman atau perubahan mental. Pemahaman yang terbina dalam pemikiran adalah asas kepada pembelajaran dan pembelajaran yang terhasil daripada pemahaman inilah yang menjadi asas kepada perubahan tingkah laku. Proses pengajaran akan dianggap berjaya apabila berlaku perubahan mental dalam diri pelajar iaitu bertambahnya maklumat yang tersimpan dalam ingatan jangka panjang para pelajar.

### **3. Teori Sosial**

Teori ini diasaskan oleh Albert Bandura 1925 yang berasal dari Kanada. Mengikut teori Bandura, pembelajaran melalui pemerhatian merupakan pembentukan asas tingkah laku manusia. Albert Bandura menyatakan bahawa proses pembelajaran akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dengan menggunakan pendekatan 'permodelan'. Beliau menjelaskan lagi bahawa penyampaian guru haruslah cekap dan menarik agar ianya menjadi model kepada pelajar. Demonstrasi guru dalam pengajaran juga harus jelas dan menarik untuk membolehkan pelajar meniru (Ting Len Siong & Muhamad Sidek Said, 2007:44-45). Segala aspek pemerhatian pelajar terhadap apa yang disampaikan atau dilakukan oleh guru dan juga aspek peniruan oleh pelajar akan dapat memberikan kesan yang optimum kepada kefahaman pelajar.

### **4. Teori Humanisme**

Teori Humanis pula berpendapat pembelajaran manusia bergantung kepada emosi dan perasaannya. Carl Rogers menyatakan bahawa setiap individu mempunyai cara belajar yang berbeza dengan individu yang lain. Setiap individu juga mempunyai kecenderungan dan hasrat sendiri untuk mencapai kesempurnaan sendiri (Ting Len Siong & Muhamad Sidek Said, 2007:48). Oleh itu, strategi dan pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah dirancang dan disusun mengikut kehendak dan perkembangan emosi pelajar itu.

Beliau juga menjelaskan bahawa setiap individu mempunyai potensi dan keinginan untuk mencapai kecemerlangan sendiri. Maka, guru hendaklah memainkan peranan sebagai fasilitator dan pendorong untuk memotivasikan pelajar. Di antara prinsip pendekatan teori ini ialah mengutamakan pendidikan berpusatkan pelajar dan

keberkesanan pembelajaran hanya dapat dihasilkan bila pelajar mengambil inisiatif sendiri (Ibid:48-49)


## **2.5 Model-model pengajaran**

Pengajaran merupakan satu proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas. Untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan, beberapa model pengajaran yang berlandaskan proses pengajaran telah dibina oleh pakar-pakar pendidik. Model pengajaran ialah usaha untuk memberi struktur panduan kepada guru tentang langkah-langkah mengajar yang utama supaya membolehkan mereka merancang serta melaksanakan proses pengajaran. Di antara model pengajaran yang biasa diamalkan dalam bilik darjah ialah Model Robert Glaser, Model Pengajaran Sim dan Model Pengajaran Le Francois.

### **1. Model Pengajaran Robert Glaser**

Robert Glaser mengemukakan model pengajarannya dengan membahagikan proses pengajaran kepada empat komponen utama iaitu objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada pelajar, kaedah mengajar dan penilaian. Ia dilaksanakan sebagai satu proses untuk mewujudkan pengajaran yang berkesan. Dalam model pengajaran ini, objektif pengajaran harus ditentukan sesuai dengan pengetahuan sedia ada pelajar. Kemudian, kaedah mengajar harus dipilih berdasarkan objektif pengajaran dan pengetahuan sedia ada pelajar. Seterusnya, penilaian harus dijalankan ke atas segala proses pengajaran dengan tujuan untuk mengesan kelemahan, agar guru dapat mengubahsuai proses pengajarannya, demi meningkatkan keberkesanan pengajaran pada masa hadapan.

Kesimpulannya, Model Pengajaran Robert Glaser dibina berlandaskan konsep pengajaran sebagai suatu proses yang menitikberatkan langkah-langkah pengajaran iaitu perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas. Perkara-perkara yang dititikberatkan dalam Model ini ialah objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada, kaedah pengajaran dan penilaian (Mok Soon Sang, 2003:300-301).




Rajah 2.1: Model Pengajaran Robert Glaser

## 2. Model Sim

Model Pengajaran Sim pula menjelaskan bahawa proses pengajaran yang berlaku adalah melalui interaksi antara beberapa unsur iaitu guru, murid, isi pelajaran dan juga objektif dalam sesuatu persekitaran tertentu. Model ini dibina berlandaskan konsep pengajaran sebagai bidang komunikasi, iaitu interaksi antara guru dan murid dengan objektif dan isi pelajaran dalam suatu persekitaran tertentu. Beliau berpendapat bahawa keberkesanan pengajaran adalah bergantung kepada kebijaksanaan seseorang guru menentukan objektif dan isi pelajaran yang berkaitan dengan persekitarannya, serta kecekapan menggunakan teknik mengajar yang sesuai untuk melaksanakan proses pengajaran melalui interaksi antara guru dan murid dengan isi pelajaran dalam persekitarannya.

Berdasarkan model ini, objektif pelajaran harus ditentukan secara eksplisit mengikut kebolehan murid-murid. Isi pelajaran pula dipilih berdasarkan objektif pelajaran yang dirancang secara sistematik mengikut kaedah yang sesuai. Model ini juga memberi penekanan kepada unsur-unsur persekitaran seperti keadaan bilik darjah yang kondusif sesuai dengan keadaan perkembangan intelek, emosi, rohani dan sosial murid-murid.

Kesimpulannya, dengan pertimbangan-pertimbangan tersebut, interaksi antara guru, pelajar, objektif, isi pelajaran dan persekitaran dapat diwujudkan dengan berkesan. Seterusnya, keberkesanan proses pengajaran akan dapat dicapai ke tahap yang optimum (Mok Soon Sang, 1997:22-24).




Rajah 2.2: Model Pengajaran Sim

### 3. Model Pengajaran Le Francois

Le Francois (1992) mentafsirkan pengajaran sebagai proses yang merangkumi tiga peringkat iaitu peringkat sebelum pengajaran, semasa pengajaran dan selepas pengajaran (Mok Soon Sang, 2003:299). Dalam peringkat sebelum pengajaran, guru seharusnya mengambil kira beberapa perkara iaitu menentukan objektif dan matlamat

pengajaran, menentukan kesediaan pelajar, menentukan strategi pengajaran dan menilai semula. Peringkat kedua iaitu semasa pengajaran, guru hendaklah melaksanakan strategi dan prosedur pengajaran dengan baik dan berkesan. Manakala peringkat terakhir ialah peringkat selepas pengajaran, guru seharusnya menilai semula keberkesanan strategi pengajaran yang telah dilaksanakan. Dengan itu, guru dapat menentukan semula kesediaan pelajar dengan membuat pengubahsuaian atau penambahbaikan untuk pengajaran yang akan datang. Huraian Model Pengajaran La Francois adalah seperti rajah berikut:



**Rajah 2.3: Model Pengajaran Le Francois**

## 2.6 Prinsip-prinsip Pengajaran

Guru merupakan faktor utama dalam proses pengajaran dan tanpa guru tidak akan wujudnya proses pengajaran. Guru perlu menguasai prinsip pengajaran supaya pengajaran dapat dilaksanakan dengan baik dan memudahkan pelajar memahami perkara yang disampaikan.



Guru merupakan orang yang bertanggungjawab dalam menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu proses pengajaran. Sekiranya guru bijak menggunakan kaedah pengajaran ia akan membawa kepada kejayaan proses tersebut. Pengajaran merupakan suatu kesenian dan memerlukan seorang guru yang pakar dan cemerlang. Guru seharusnya melaksanakan pengajaran mengikut kreativiti dan kemampuan diri sendiri. Kesenian ini adalah lahir dari dalam diri seseorang dan ia seharusnya menggunakannya mengikut kebijaksanaan dengan usaha yang gigih untuk menghasilkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang seronok dan berkesan (Muhammad Salāḥuddīn ‘Alīy Mujāwir, 2000:16).

Atan Long (1992:54-57) menyarankan beberapa prinsip pengajaran yang perlu diambil perhatian oleh setiap guru. Untuk mendapatkan pengajaran yang berkesan, seseorang guru perlu menyampaikan pengajarannya mengikut prinsip-prinsip tertentu. Antara prinsip pengajaran yang penting adalah seperti berikut;

- i. Merancang pengajaran

Pengajaran perlu dirancang dengan sebaik-baiknya sebelum sesuatu pengajaran dijalankan. Guru perlu membuat rancangan pelajaran semester, mingguan dan harian. Yang paling penting ialah rancangan pengajaran harian kerana ia merupakan kunci kejayaan bagi setiap pengajaran. Sekiranya ia dirancang dengan baik, maka proses pengajaran dan pembelajaran akan berjalan dengan baik. Proses ini melibatkan set induksi, aktiviti-aktiviti dan penutup.

ii. Menggunakan pelbagai kaedah dalam penyampaian pengajaran

Dalam proses penyampaian pelajaran, tidak ada suatu kaedah tertentu yang benar-benar sesuai untuk semua murid pada setiap ketika. Terdapat banyak kaedah dan teknik pengajaran yang boleh digunakan. Oleh itu, guru harus memilih dan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai dengan isi pelajaran yang hendak disampaikan agar ia selari dengan hasil pembelajaran yang hendak dicapai di akhir pembelajaran. Dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran, pelajar tidak akan cepat bosan dan akan menjadikan pengajaran guru lebih menarik dan berkesan.

iii. Melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pengajaran

Penglibatan pelajar dalam proses pengajaran adalah sangat penting. Penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti adalah lebih baik daripada pelajar yang diam sahaja dalam bilik darjah. Oleh itu, guru perlu melibatkan pelajar dalam aktiviti pembelajaran untuk menjadikan mereka aktif dari segi mental dan jasmani. Pelajar dan guru juga perlu berinteraksi kerana pengajaran yang sehalu akan menjadikan pelajar merasa bosan.

iv. Mengaitkan isi pelajaran dengan pengetahuan dan pengalaman pelajar

Isi pelajaran yang disampaikan oleh guru akan menjadi lebih mudah difahami oleh pelajar sekiranya guru dapat mengaitkan pelajaran dengan pengetahuan sedia ada atau pengalaman pelajar. Pelajar juga akan mudah faham sekiranya sesuatu pelajaran baru dikaitkan dengan pelajaran lepas. Sebagai contoh, sebelum pengajaran dan pembelajaran dijalankan sepenuhnya, beberapa soalan yang berkaitan dengan tajuk yang akan diajar, ditanya oleh guru kepada pelajar. Hakikatnya soalan-soalan ini tidak terus kepada tajuk pengajaran dan pembelajaran, tetapi sebaliknya berkaitan dengan persekitaran seharian sebagai seorang murid, pengalaman mereka atau pelajaran lepas.

Ia juga berperanan sebagai set induksi sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Ini boleh merangsang minat pelajar untuk belajar.

v. Memberi rangsangan dan galakan kepada pelajar

Pengajaran yang baik selalunya memberikan bimbingan kepada pelajar untuk mencapai kemajuan dalam pembentukan peribadi mereka. Kata-kata pujian atau pengukuhan terhadap pencapaian positif pelajar perlu diberikan sebagai galakan dan rangsangan kepada mereka. Manakala sekiranya mereka melakukan kesalahan, guru perlu menegur dan memberi kritikan yang membina.

vi. Mengambil kira perbezaan individu pelajar

Guru seharusnya mengetahui perbezaan individu pelajar di dalam bilik darjah. Walaupun pelajar itu sama sebaya, tetapi mereka mempunyai perbezaan dari segi pencapaian, kebolehan, kecedasan dan minat. Guru juga perlu mengenal setiap pelajarnya sama ada berada di aras atau kumpulan lemah, sederhana dan pandai. Oleh itu, guru harus peka terhadap perubahan tingkah laku dan reaksi pelajar terhadap pelajaran yang telah disampaikan sama ada mereka faham atau tidak.

Oleh itu, kepekaan guru terhadap kumpulan pelajar yang mempunyai tahap pencapaian yang berbeza adalah penting. Ia akan dapat membantu guru merancang dan membuat pengubahsuaian terhadap strategi dan kaedah pengajaran yang telah dipilih agar lebih berkesan (Aliza Alias & Mohd. Mokhtar Tahar, 2006:26).

Manakala dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab pula, ia perlu mengikut prinsip-prinsip berikut;

- i. Bahasa yang digunakan mestilah bahasa standard yang diterima oleh penutur jati.
- ii. Pengajaran Bahasa Arab haruslah berdasarkan pengajaran lisan.
- iii. Bahan-bahan pengajaran hendaklah dipilih, disusun, dikawal dan diperingkatkan.
- iv. Penguasaan bahasa Arab perlu mengikut susunan bermula dengan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.
- v. Aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan bermakna perlu dirancang, dijalankan dan dinilai.

(JAPIM, 2002: 4)

Dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab, ia memerlukan satu pendekatan yang sesuai dengan situasi murid. Berdasarkan teori-teori pemerolehan dan pembelajaran bahasa terdapat pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab boleh dilaksanakan di sekolah. Namun begitu, pendekatan komunikatif dicadangkan untuk dilaksanakan di sekolah kerana sifat dan tujuan bahasa Arab itu sendiri untuk berkomunikasi dengan pencipta, manusia dan alam (Ibid, 2002:4).

Pakar-pakar bahasa Arab telah menggariskan beberapa prinsip penting bagi menjalankan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab mengikut pendekatan komunikatif ini (Ibid, 2002:4). Antaranya ialah;

- i. Aktiviti komunikatif perlulah diperbanyakkan dan dipelbagaikan serta dapat menarik minat pelajar.

- ii. Sesuatu aktiviti mestilah dijalankan oleh pelajar sendiri dan guru hanya berfungsi sebagai fasilitator.
- iii. Aktiviti dijalankan dalam situasi sebenar.

## **2.7 Keberkesanan pengajaran**

Asmah Hj Ahmad (1990:146) menyatakan bahawa keberkesanan pengajaran bergantung kepada pengolahan teknik yang berkesan, kesesuaian bahan serta alat bantu yang dapat merangsang dan menggalakkan penyertaan murid-murid dalam aktiviti pembelajaran. Keberkesanan ini banyak bergantung kepada faktor guru. Guru seharusnya mempunyai kecekapan, bermotivasi dan mempunyai sifat-sifat yang baik dan sentiasa berusaha memperbaiki diri untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka.

Ini bertepatan dengan pendapat Salihan Siais (2008), pada asasnya, pengajaran berkesan bergantung kepada:

- i. Kepakaran guru terhadap bahan pengajaran
- ii. Keperluan bahan pengajaran
- iii. Pedagogi dan strategi atau kaedah pengajaran
- iv. Kemahiran berkomunikasi

Oleh itu, dalam penyampaian sesuatu pelajaran, penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dan menarik adalah penting. Ia merupakan faktor terpenting dalam menentukan kejayaan dan keberkesanan sesuatu proses pengajaran dan

pembelajaran serta dapat menimbulkan rangsangan kepada pelajar-pelajar untuk mengikuti proses tersebut dengan baik dan lebih menarik.

Ini disokong oleh pendapat Wan Izzuddin Wan Sulaiman dan Wan Hasni Wan Sulaiman (1993:37-39) yang menyatakan bahawa bahan pengajaran boleh membantu guru menjelaskan apa yang diajar. Jika bahan digunakan secara terancang dan tersusun maka situasi pembelajaran yang lebih berkesan boleh diwujudkan.

Mohd Azidan Abdul Jabar (1998) juga menegaskan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar oleh guru dalam pengajaran boleh memperkukuhkan dan mempermudah pemahaman pelajar kerana bahan bantu mengajar berfungsi sebagai alat yang boleh membantu memperjelaskan lagi keterangan dan penyampaian guru terhadap isi pelajaran.

Setiap guru perlu merancang pengajaran dengan tujuan untuk mencapai objektif atau hasil pembelajaran dan menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta memilih dan menggunakan kaedah pengajaran yang paling baik dan berkesan agar objektif yang dirancang akan tercapai.

Kejayaan sesuatu pengajaran bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh guru. Ini bertepatan dengan pendapat Rahimah (1992) dalam Noraini Ramli (2000:1) yang menyatakan bahawa kejayaan guru dapat dilihat melalui keberkesanannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Melalui pengajaran dan bimbingan dapat menghasilkan murid yang pandai dan terdidik, iaitu pelajar yang mampu mencapai tahap prestasi yang

dibanggakan dalam bidang kognitif dan berkembang sebagai individu yang berakhlak mulia serta berketrampilan.

Di samping itu juga, kejayaan ataupun kelemahan sesebuah sekolah dalam bidang prestasi akademik murid-muridnya terletak di bahu guru sebagai pengurus kurikulum. Guru adalah pendidik anak bangsa. Ilmu yang dicurahkan menjadi azimat bagi kemajuan dan kegemilangan negara pada masa hadapan. Selain sebagai penyampai ilmu ataupun maklumat kepada anak didiknya guru juga adalah model kepada pelajar. Oleh itu, kelakuan, sikap dan peribadi guru sentiasa menjadi perhatian pelajar-pelajarnya dan masyarakat sekeliling (Tuan Mohd Fadlan Tuan Jaafar, 2006:18-47).

Menurut Samat Buang (1995) dalam Normah Idris (2004: 5), *"guru yang tidak memahami tentang sesuatu kaedah dan pendekatan pengajaran akan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi tidak menarik dan objektif pengajaran yang ditentukan sukar dicapai. Oleh itu, pendekatan pengajaran yang memfokuskan kepada aktiviti yang lebih aktif antara guru dan pelajar perlu dilaksanakan. Interaksi dua hala antara guru dan pelajar amat penting. Pengajaran guru tidak mungkin mencapai matlamat dan tujuannya jika tidak berlaku komunikasi dua hala ini"*.

Guru juga perlu menghargai profesion keguruan kerana ia adalah amat mencabar dan guru seharusnya sentiasa berusaha mewujudkan kreativiti dalam pengajaran agar pengajaran yang dihasilkan menepati objektif yang hendak dicapai serta mampu menggerakkan pelajar untuk merasakan seronok dengan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

Siti Ikbal Sheikh Salleh (2006:69) dalam kajiannya bertajuk *"Masalah Penguasaan Pertuturan Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Di Selangor"* menyatakan antara masalah yang menyebabkan pelajar lemah dan tidak dapat menguasai pertuturan bahasa Arab dengan baik ialah kerana beberapa sebab. Antaranya ialah:

- i. Cara pendekatan dan penyampaian guru ketika mengajar Bahasa Arab kadangkala membosankan pelajar dan tidak menarik minat pelajar untuk mengikutinya.
- ii. Sebahagian guru tidak menggunakan bahasa Arab sepenuhnya ketika mengajar Bahasa Arab malah menggunakan teknik terjemahan ke dalam bahasa Melayu.
- iii. Kadangkala guru mengajar sambil lewa dan tidak begitu serius menyampaikan pelajar tanpa mengira pelajar itu faham ataupun tidak.

Oleh itu, guru memainkan peranan yang sangat penting untuk mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang menepati objektif yang telah dirancang. Keberkesanan dan kejayaan penyampaian guru dalam sesuatu pengajaran akan membuahkan hasil yang positif dalam kalangan pelajar khususnya dalam mempelajari bahasa Arab

Gazilah Mohd Isa (2005:7) dalam kajiannya bertajuk *"Gaya Pembelajaran Pelajar dan Hubungannya Dengan Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi"* menyatakan:



*”Guru yang mengetahui konsep gaya pembelajaran dan mengenali gaya pembelajaran setiap muridnya akan dapat menyampaikan pelajarannya dengan lebih berkesan dan dapat menyediakan bahan-bahan pelajaran mengikut tahap kemampuan pelajar. Oleh itu, pelajar tidak merasa tertekan dengan tugas yang diberikan dan ianya akan memupuk minat pelajar dalam mata pelajaran tersebut”.*

Oleh itu, untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan, guru semestinya melengkapkan diri mereka dengan ilmu yang cukup sama ada dari aspek psikologi, pedagogi, teknik dan strategi pengajaran. Guru seharusnya mengenali personaliti setiap pelajarnya dan seterusnya mengetahui gaya pembelajaran pelajar. Guru yang dapat mengenal pasti gaya pembelajaran pelajarnya dan menggunakan strategi pengajaran yang sesuai mengikut ciri-ciri gaya pembelajaran yang ditonjolkan pelajar akan memperolehi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang optimum.

Anida Abdul Rahim (2003:192-197) menyatakan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah melibatkan guru dan pelajar. Beliau telah menegaskan bahawa guru dan pelajar perlu ada strategi masing-masing. Jika digabungkan kedua-dua strategi iaitu strategi pengajaran guru dan strategi pembelajaran pelajar, sudah pasti akan dapat menghasilkan kesan yang positif terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Ini bertepatan dengan pendapat Razali Abdul Manap (1999:1) yang menyatakan melalui daya kreativiti guru, pengubahsuaian strategi dan penggunaan kaedah mengajar yang sesuai akan dapat menjadikan pengajarannya yang lebih menarik, bermakna dan membawa kesan pembelajaran yang maksimum.


Menurut Majdī ‘Azīz Ibrāhīm (1997:8) proses pengajaran terdiri daripada empat komponen utama iaitu objektif pengajaran, isi pelajaran, kaedah pengajaran dan penilaian. Dalam melaksanakan proses pengajaran, guru seharusnya menentukan objektif pengajaran sesuai dengan isi pelajaran. Kaedah pengajaran pula harus dipilih berdasarkan objektif dan isi pelajaran. Akhirnya guru hendaklah menjalankan penilaian ke atas segala proses pengajaran untuk mengesan kelemahan dan kekuatan untuk mengubahsuai pengajaran seterusnya demi meningkatkan keberkesanan pengajarannya.

Menurut J.M. Cooper (1977) dalam Mok Soon Sang (1992:7) keberkesanan pengajaran bergantung kepada kebolehan dan sikap mengajar guru sendiri. Kebolehan dan sikap mengajar guru adalah seperti berikut;

- i. Boleh menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam mata pelajaran yang diajar.
- ii. Boleh memahami dan menggunakan teori pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan.
- iii. Boleh menunjukkan sikap mengajar yang positif.

Dengan adanya kebolehan dan sikap mengajar yang positif, guru dapat menentukan objektif pelajaran yang sesuai, menjalankan aktiviti dan langkah-langkah pengajaran serta mengadakan aktiviti penilaian untuk mengesan pengajarannya. Jelaslah di sini bahawa guru yang mampu menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran serta teori pengajaran, sudah pasti mampu melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan jayanya. Ini bermakna pentingnya sikap dan kebolehan seseorang guru untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan.


Rajah 2.4 di bawah menggambarkan perhubungan di antara proses pengajaran dengan keberkesanan pengajaran.



Rajah 2.4: Perhubungan proses pengajaran dengan keberkesanan pengajaran

Rajah 2.4 menunjukkan perhubungan antara proses pengajaran dengan keberkesanan pengajaran. Ini jelas menunjukkan bahawa guru yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap mengajar yang positif akan dapat menentukan objektif dan isi pelajaran. Melalui objektif dan isi pelajaran tersebut, guru akan merancang langkah-langkah mengajar dan melaksanakannya selaras dengan objektif dan isi pelajaran yang hendak dicapai. Di akhir pengajaran, guru seharusnya membuat penilaian terhadap keberkesanan pengajarannya sama ada tercapai atau tidak.

Menurut Sulaiman Md. Yassin et al (2007:66) dalam kajiannya yang bertajuk "*Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Kepimpinan Pendidikan*" secara umumnya pengajaran merangkumi tiga komponen penting iaitu perancangan, penyampaian dan penilaian. Komponen-komponen proses pengajaran digambarkan dalam rajah 2.5 berikut;



Rajah 2.5: Komponen Proses Pengajaran

Rajah 2.5 menunjukkan tentang tiga komponen dalam proses pengajaran iaitu perancangan, penyampaian dan penilaian. Komponen perancangan meliputi perkara-perkara seperti topik dan isi, kebolehan sedia ada dan objektif pengajaran. Maka, dalam peringkat perancangan sesuatu persediaan mengajar, seseorang guru haruslah memikirkan pelbagai jenis aktiviti yang dapat memberi pengalaman yang berlainan kepada pelajar yang amat berbeza dari segi minat, kebolehan dan gaya pembelajaran. Semasa menyediakan dan memilih aktiviti yang sesuai, seseorang guru harus menentukan rasional-rasional dalam pemilihan aktiviti tersebut dengan mengambil kira perbezaan individu.

Komponen penyampaian pula adalah meliputi penentuan strategi pengajaran dan pembelajaran, pemeringkatan isi, pemilihan sumber dan pengelolaan bilik darjah. Guru seharusnya menentukan apakah strategi yang akan diambil untuk melaksanakan proses

pengajaran secara berkesan dan menarik. Manakala komponen penilaian, ia mengandungi penilaian pencapaian objektif pengajaran, penganalisisan dan pengubahsuaian. Oleh itu, melalui penilaian ini, guru akan dapat membuat pengubahsuaian dan penambahbaikan untuk pengajaran seterusnya agar ia lebih baik.

Jelaslah di sini, kedua-dua rajah tersebut juga menitikberatkan penilaian. Ia perlu dilaksanakan untuk melihat keberkesanan pengajaran tercapai atau tidak. Ini bertepatan dengan Mohd Zuhir Abd Rahman (2005:34) yang menyatakan dalam pengajaran bahasa, penilaian perlu dilaksanakan untuk mengesan perkembangan dan kemajuan murid dalam menguasai kemahiran asas berbahasa atau isi pelajaran yang disampaikan oleh guru dari semasa ke semasa. Semuanya adalah bertujuan untuk mengetahui keberkesanan pengajarannya dan dapat membantu untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan dalam proses pengajaran tersebut.

Azharudin Bin Ahmad Zakaria (2005:216) pula menegaskan bahawa dalam penyampaian sesuatu bahan pembelajaran Bahasa Arab, satu faktor penting yang perlu diutamakan ialah kemahiran bahasa yang hendak dicapai dalam sesuatu unit pelajaran. Penetapan kemahiran bahasa ini merupakan hala tuju yang perlu dilaksanakan oleh guru dan untuk membantu guru merealisasikan objektif-objektif yang ingin dicapai.

Menurut al-Khūlīy (1986) dalam Gazilah (2005) menyatakan guru-guru juga hendaklah mempelbagaikan gaya pengajaran mereka supaya pelajar berminat untuk mempelajari Bahasa Arab. Guru juga hendaklah memberi dorongan tentang kepentingan mereka mempelajari Bahasa Arab ini. Selain daripada itu, beliau juga menyarankan agar guru dapat mengenali setiap pelajar dan dapat membezakan di antara pelajar yang pintar

dan yang kurang pintar. Menurutnya lagi proses pengajaran yang berkesan ialah pengajaran yang bersesuaian dengan tahap kepintaran seseorang pelajar.

Selain daripada itu, untuk memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran, guru-guru juga perlu peka terhadap gaya pengajaran yang sesuai dengan pelajar kerana penggunaan gaya pengajaran yang tidak sesuai dengan keperluan pelajar akan mengakibatkan dan mempengaruhi sikap pelajar terhadap mata pelajaran yang diajar dan seterusnya menjejaskan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran tersebut (Roslind Anak Mawing, 2003:65).

Oleh itu, guru haruslah kreatif dalam mencipta dan mencari idea pelbagai bentuk dan kaedah pengajaran yang menarik, supaya proses pembelajaran berlaku secara berkesan dan mereka haruslah mampu mengekalkan minat dan motivasi pelajar untuk sentiasa berkeinginan untuk belajar.

Justeru, guru juga harus mengadoptasikan kaedah pengajaran yang berkesan untuk mencapai objektif pengajaran. Penulisan rancangan pengajaran adalah penting dilakukan sebelum melaksanakan sesuatu kaedah atau strategi pengajaran di dalam kelas.. Kaedah pengajaran harus dipilih berdasarkan isi pelajaran dan latar belakang pengetahuan pelajar dan persekitarannya (<http://www.buzzle.com/articles/teaching-methods-in-educational.html>).

Selain itu, untuk melihat keberkesanan pengajaran, adalah perlu untuk setiap guru menggunakan penilaian di akhir proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian tidak dapat dipisahkan oleh guru. Tanpa penilaian, keberkesanan pengajaran tidak

mungkin dapat dinilai. Ia juga untuk membantu guru untuk melihat pengajarannya berkesan atau tidak dan menepati objektif sebenar. Dengan ini, guru dapat meneruskan dan meningkatkan pengajaran serta mengubah kaedah agar ia lebih berkesan dan menghasilkan pengajaran yang lebih baik untuk masa-masa akan datang. Selain itu, penilaian juga memainkan peranan sebagai refleksi terhadap proses pengajaran yang telah dilaksanakan dan ia perlu dilaksanakan secara berterusan.

## **2.8 Peranan guru**


Guru adalah sebaik-baiknya manusia yang digelar sebagai “arkitek manusia” kerana mereka membentuk, mencorak dan mengubah tamadun manusia ke arah yang lebih maju. Kejayaan sesebuah negara bergantung pada ilmu. Proses penyampaian ilmu ini memerlukan orang yang betul-betul mahir dalam bidangnya. Mereka inilah yang digelar guru (Tuan Mohd Fadlan Tuan Jaafar, 2006:4).

Guru merupakan satu elemen yang amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Melalui kefahaman, kemahiran dan kepakaran mereka menggunakan beberapa elemen penting dalam pengajaran seperti pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran akan dapat merealisasikan objektif pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Melalui kemahiran mereka dalam bidang pedagogi dapat merancang dan melaksanakan aktiviti pengajaran dengan berkesan kerana kejayaan guru dalam mempraktikkan kaedah pengajaran akan menentukan keberkesanan pembelajaran murid.

Justeru, guru perlu memiliki asas dalam pelbagai pengetahuan seperti pengetahuan pedagogi. Perubahan peranan guru perlu diiringi dengan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Oleh itu, mereka perlu sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk melengkapkan diri dengan mengemaskinikan ilmu pengetahuan dan penguasaan kemahiran mengajar yang terkini (Noorizan Abd Latif & Anisah Abdullah, 2005:89).

Guru juga merupakan fasilitator yang memudahkan dan menggalakkan proses pengajaran, mereka juga adalah tonggak sistem pendidikan dan sebagai agen pembangunan dan perubahan minda ummah. Menurut Atan Long (1992: 43) proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas merupakan satu interaksi di antara tiga faktor penting iaitu murid-murid, guru dan isi pelajaran.

Faktor-faktor yang terdapat dalam persekitaran pembelajaran digambarkan dalam rajah 2.6 di bawah:



Rajah .2.6: Faktor-faktor yang terdapat dalam persekitaran pembelajaran

Rajah 2.6 di atas menunjukkan tentang faktor-faktor yang terdapat dalam persekitaran pembelajaran yang saling berkait rapat antara satu sama lain. Ini kerana



pengajaran ialah sesuatu aktiviti yang dijalankan bersama antara guru dan murid. Sesuatu pengajaran mestilah dirancang oleh guru secara sistematik dan teliti untuk melaksanakannya dengan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai dengan tujuan membimbing, menggalak dan memotivasikan murid supaya mengambil inisiatif untuk belajar, demi memperolehi ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran yang diperlukan.

Pengajaran juga mempunyai ciri-ciri tertentu di mana guru sebagai pengajar dan murid sebagai pelajar dan ia boleh dijalankan dengan aktiviti berpusatkan guru, murid dan gabungan guru-murid serta berpusatkan sumber. Justeru, proses ini akan melibatkan interaksi dua hala.

Oleh itu, seseorang guru perlu memainkan peranannya secara aktif kerana ia merupakan rangsangan dan pengurus rangsangan yang utama dalam pembelajaran pelajar. Guru juga dianggap sebagai model dalam menjalankan proses pengajaran ini dan sentiasa berusaha untuk menerapkan unsur-unsur yang menarik dalam penyampaian isi pelajaran agar ianya mudah difahami oleh setiap pelajar. Dengan ini pelajar akan memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pembelajaran.

Sesungguhnya hubungan antara guru dan pelajar memainkan peranan penting dalam pendidikan. Sahsiah atau peribadi guru, kaedah pengajaran dan cara pergaulan mereka dengan pelajar akan memberi kesan yang mendalam ke atas peribadi pelajar. Sekiranya seseorang guru bijak menjalankan aktiviti pengajaran, ia akan memberi kesan yang positif terhadap diri pelajar, malah sekiranya guru kurang mahir dalam

mengendalikan pengajaran, maka akan memberi kesan yang negatif dalam diri pelajar (‘Izzat Fathī ‘Alīy, 2003:37).

Ini bertepatan dengan kenyataan Isahak Haron (1982) dalam Wan Mohd Zuhairi Wan Abdullah (2004:5) yang menyatakan bahawa *”pengajaran adalah merupakan satu proses komunikasi dan interaksi di antara guru dan murid yang mengakibatkan pembelajaran yang berkesan di kalangan murid-murid”*.

Oleh itu, Leonard M.S. Yong dan Karen L. Biraimah (1996:49) telah menggariskan ciri-ciri guru yang kreatif seperti berikut;

- i. Mempunyai komitmen yang tinggi kerana komitmen ini akan menjana kebolehan kreatif dalam diri mereka.
- ii. Mencari cara-cara yang menarik untuk membimbing para pelajar.
- iii. Sentiasa mencari cara yang terbaik untuk menyampaikan pelajaran agar pengajaran mereka lebih bermakna.

Selain itu, guru perlu memahami kepentingan humor dalam pengajaran di bilik darjah. Ia boleh membantu mewujudkan satu suasana bilik darjah yang positif. Humor juga menggalakkan penglibatan murid-murid dan boleh meningkatkan pemahaman dan ingatan mereka terhadap pelajaran (ibid:53-54). Ini bermakna guru merupakan faktor penting dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan.

Guru juga seharusnya suka dan minat terhadap mata pelajaran yang diajar. Berilmu pengetahuan sahaja tanpa minat tidak mencukupi. Ini kerana sekiranya seseorang guru itu minat terhadap mata pelajaran yang diajar, ia akan memberi kesan yang baik dalam kaedah pengajaran guru. Di samping itu, mereka seharusnya mengetahui tentang kaedah pengajaran dan mampu mengaplikasikannya semasa proses pengajaran berjalan ('Abd al-Raḥmān Ṣāliḥ 'AbdulLāh, 1974:13).

Selain daripada itu, para pendidik juga perlu pandai menyampaikan isi pelajaran seperti penerangan makna perkataan, agar proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dapat memberi kesan yang mendalam kepada pelajar. Rusydiy Aḥmad Ṭa'imat (1989:198) telah mengemukakan beberapa cadangan kepada pendidik mengenai cara atau kaedah menerangkan makna perkataan. Cara-cara tersebut ialah ;

- i. Mengemukakan contoh yang dapat menerangkan makna perkataan, seperti menunjukkan sebatang pen untuk menerangkan perkataan (قَلَمٌ).
- ii. Menerangkan makna melalui lakonan - dramatization - seperti guru membuka pintu untuk menerangkan makna (فَتَحَ الْبَابَ)
- iii. Menerangkan makna melalui main peranan - role playing - seperti guru berperanan sebagai pesakit yang memerlukan rawatan.
- iv. Memberi perkataan yang berlawanan - antonyms - seperti perkataan (خَرَجَ) bermaksud keluar dan lawannya (دَخَلَ) bermaksud masuk.
- v. Memberi perkataan yang seerti - synonyms - seperti perkataan (بَيْتٌ) sama ertinya dengan perkataan (مَنْزِلٌ) yang bermaksud rumah.

- vi. Menerangkan makna melalui rantaian makna – *association* – seperti perkataan ( عَائِلَةٌ ) keluarga, mengandungi perkataan ( أَب ) bapa, ( أُمُّ ) ibu, ( زَوْجٌ ) suami, ( زَوْجَةٌ ) isteri dan sebagainya.
- vii. Menerangkan makna perkataan dengan cara menghuraikan maksud perkataan.
- viii. Mencari makna perkataan dengan menggunakan kamus.
- ix. Menerangkan makna perkataan dengan menggunakan bahasa perantaraan - *intermediate language* .

Abd Aziz Abd Talib (2000: 65-66) pula telah mengemukakan beberapa kriteria atau ciri yang diperlukan untuk menjadi guru bahasa yang baik dan berkesan. Antaranya ialah;

1. Mempunyai minat dan kepakaran dalam bidang bahasa

Minat dan kepakaran atau kelayakan guru dalam bidang pengajaran bahasa merupakan aspek yang penting untuk memastikan guru dapat menyampaikan pengajarannya dengan baik dan berkesan. Adalah amat penting bagi guru mempunyai minat yang tinggi dalam pengajaran bahasa dan sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan sehingga menjadi pakar rujuk di sekolah berkaitan dengan bidang tersebut.

2. Mempunyai kreativiti yang tinggi

Guru bahasa haruslah sentiasa kreatif dalam menyampaikan pengajarannya di dalam bilik darjah agar pelajar tidak merasa bosan. Di antara aktiviti yang menarik dalam pengajaran bahasa ialah lakonan dan nyanyian. Kebolehan guru menyanyi ialah

suatu kelebihan yang amat berkesan dalam pengajaran bahasa di peringkat rendah. Pelajar akan mudah mengingati satu-satu isi pelajaran jika ia disampaikan dalam bentuk nyanyian atau nasyid.

Sehubungan dengan itu, menurut Ainon Mohd (2005) daya kreativiti ialah syarat kejayaan yang amat penting dalam sesuatu bidang kerana kreativiti ialah suatu potensi dan potensi itu ada pada setiap individu. Individu-individu yang kreatif ialah individu yang dari masa ke semasa mampu menyelesaikan masalah demi masalah, ataupun berupaya menghasilkan sesuatu yang baru yang berguna dalam bidang tertentu. Justeru itu sebagai seorang guru, seharusnya sentiasa meningkatkan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk mencapai objektif pembelajaran kerana senario pendidikan kini amat memerlukan guru-guru yang kreatif dan inovatif supaya pengajaran dan pembelajaran mereka adalah efektif.

### 3. Mempunyai kualiti suara yang baik

Kriteria yang amat penting bagi seseorang guru ialah kualiti suara yang jelas, kuat dan lantang. Ini kerana suara guru yang perlahan dan sukar didengar akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya tidak boleh menarik perhatian murid atau mengawal kelas.

Sehubungan itu, menurut Omardin Ashaari (1999:23) proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan penggunaan suara yang bersesuaian dengan pelajaran yang diajar oleh guru kerana suara yang jelas dan terang dari segi sebutan akan memudahkan pelajar memahaminya.

Justeru, untuk menjadi seorang guru yang professional dan berkesan dalam pengajaran, seseorang guru perlu melengkapkan diri dengan segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan bidang perguruan. Guru juga haruslah mampu mengekalkan minat dan meningkatkan motivasi pelajar serta membuatkan mereka sentiasa berkeinginan untuk belajar. Ini adalah kerana pengajaran dan pembelajaran merupakan satu proses yang aktif dan berterusan.

Menurut Aziz Nordin dan Mohd Yusof Arshad (1990) dalam Noorhazita Abd Rahim (2004:23) menyatakan secara ringkasnya seseorang guru yang boleh menghasilkan keberkesanan dalam bilik darjah adalah sekiranya mereka dapat menguasai empat perkara berikut;

- i. Pengetahuan pendidikan.
- ii. Kebolehan dan kemahiran dalam mempelajari kaedah pengajaran.
- iii. Pengetahuan kandungan mata pelajaran.
- iv. Sikap sebagai pendidik yang baik.

Berpengetahuan, berkebolehan dan mahir serta mempunyai sikap yang baik merupakan empat perkara penting untuk menghasilkan keberkesanan pengajaran dalam bilik darjah. Oleh itu, sekiranya guru dapat menguasai keempat-empat perkara di atas, sudah sewajarnya mereka mampu melahirkan keberkesanan penyampaian mereka dalam sesuatu pengajaran.

Oleh itu, kejayaan dalam pengajaran setiap guru dapat diukur daripada kejayaan pelajarannya dan kejayaan dalam pengajaran ini tidak dapat dipisahkan daripada sikap dan perwatakan guru itu sendiri. Penonjolan ciri personaliti seseorang guru dalam bilik

darjah merupakan pembolehubah yang sangat bermakna yang boleh menyumbang kepada keberkesanan pengajaran (Sharifah Fatimah Wan Jamel, 2002:36)

Di samping itu juga, menurut Ee Ah Meng (1993:183), guru haruslah mahir dalam menggunakan set induksi. Kemahiran set induksi merujuk kepada cara guru memulakan pelajaran. Guru juga perlu menimbulkan minat serta menggerakkan murid-murid supaya bersedia untuk belajar dan berfikir tentang apa yang disampaikan olehnya di dalam bilik darjah. Bagi mencapai kejayaan dalam set induksi, guru hendaklah mematuhi prinsip-prinsip berikut;

- i. Set induksi sepatutnya bermakna kepada murid-murid dari segi minat, pengalaman, kebolehan dan umur.
- ii. Set induksi juga sepatutnya berkaitan dengan isi dan objektif pelajaran.
- iii. Set induksi juga hendaklah berkaitan dengan pengetahuan sedia ada murid-murid.

Justeru, murid-murid akan merasa seronok untuk belajar sekiranya ia dirangsang dengan set induksi yang baik dan berkesan. Ini merupakan peranan pertama yang harus dimainkan oleh guru ke arah mewujudkan keberkesanan penyampaian isi pelajaran dalam sesuatu pengajaran.

Untuk menghasilkan penyampaian pengajaran yang berkesan, guru seharusnya memainkan peranan penting. Oleh itu, guru yang berkesan menurut Ee Ah Meng (1995:483) ialah seorang yang bersikap tegas tetapi adil, bertimbang rasa, stabil emosinya, mudah dihampiri, dinamik, sabar, berdedikasi, demokratik, ingin belajar,

penyayang, berpengetahuan dan berkemahiran serta berupaya membina hubungan baik sesama manusia.

Jelaslah di sini bahawa sekiranya seseorang itu mempunyai ciri-ciri yang tersebut, sewajarnya akan dapat menghasilkan pengajaran yang berkesan. Maka al-Rikābīy (1986 :46) pula menyatakan bahawa di antara ciri-ciri atau sifat yang perlu ada pada guru Bahasa Arab ialah seorang guru itu perlu mempunyai minat terhadap mata pelajaran yang diajar, dapat menguasai isi pelajaran, luas pengetahuan dan fasih berbahasa Arab serta menjadi pembimbing dan fasilitator kepada pelajarannya.


Ini bertepatan dengan al-Hāshīmīy (1992:9-12) yang menyatakan juga bahawa guru Bahasa Arab mestilah luas pengetahuan, bijak dan dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran serta mempunyai akhlak yang baik.

Oleh itu, guru seharusnya berperanan sebagai pembimbing dalam melaksanakan proses pengajaran. Setiap pelajar mempunyai latar belakang pencapaian yang berbeza dalam menerima maklumat yang disampaikan oleh guru. Justeru, guru perlu bijak dalam membimbing pelajar mendapatkan maklumat dan mengukuhkan pemahaman mereka dengan kepelbagaian kaedah pengajaran. Ini untuk memastikan semua pelajar dapat peluang yang sama untuk belajar ([http://en.wikipedia.org/wiki/Teaching method](http://en.wikipedia.org/wiki/Teaching_method)).

Guru juga dianggap sebagai fasilitator. Walaupun apa pendekatan yang ingin digunakan oleh guru, namun mereka perlulah berpegang teguh kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru. Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengemukakan Model Konseptual Falsafah Pendidikan Guru yang perlu



dipegang oleh guru sebagai prinsip asas bagi melaksanakan program pendidikan. Rajah 2.7 di bawah menggambarkan Model Konseptual Falsafah Pendidikan Guru.



Model Konseptual Pendidikan Guru  
Sumber : BPG (2007)

Rajah 2.7: Model Konseptual Falsafah Pendidikan Guru.

Model Konseptual Falsafah Pendidikan Guru mengutamakan tanggungjawab guru kepada tiga dimensi utama iaitu ketuhanan, kemasyarakatan dan sendiri. Citra ketiga-tiga dimensi ini dijemakan dalam program yang dirancang seperti berikut;

- Ketuhanan: menganjurkan peningkatan ilmu, penghayatan dan amalan individu sebagai insan yang percaya dan patuh kepada ajaran agama.
- Kemasyarakatan: menekankan peranan guru sebagai pendidik, pemimpin dan sebagai agen pengubah.
- Kendiri: menjurus kepada pembinaan daya ketahanan, patriotisme, pemupukan budaya ilmu, pembentukan sahsiah dan berpekerti mulia.

Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru, model ini menggambarkan usaha membina kekuatan dan ketahanan diri guru berasaskan kepatuhan kepada Tuhan dan kesejahteraan bermasyarakat. Hasrat ini dapat dicapai melalui pelaksanaan kurikulum pendidikan guru yang menyepadukan aspek pengetahuan, kemahiran ikhtisas dan amalan-amalan nilai keguruan (Salhah Abdulllah, 2005:45-47).

Justeru, pendidikan masa kini dan masa hadapan mestilah menerima anjakan paradigma dari sudut proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, sikap guru dalam menerima anjakan paradigma ini adalah penting untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan menarik, diminati dan berkesan kepada para pelajar. Selain itu, tugas guru bukan bersifat statik dan hanya tertumpu kepada objektif pembelajaran tetapi guru juga berperanan dan mempunyai pengaruh yang besar kepada pembentukan insan seperti yang digambarkan dalam Falasafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru.

## **2.9 Kaedah-kaedah Pengajaran**

Sebelum kita membincangkan konsep kaedah pengajaran, adalah elok kita melihat secara umum pengertian kaedah. Kaedah mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005:653) bermaksud “cara atau peraturan membuat sesuatu (terutamanya yang bersistem atau yang biasa, mengajar cara mengajar (berdasarkan prinsip-prinsip tertentu)”. Justeru, pada umumnya istilah ini merujuk kepada satu siri tindakan guru yang sistematik dan tersusun untuk mencapai sesuatu objektif pelajaran secara spesifik dalam jangka masa pendek (Ting Len Siong & Muhamad Sidek Said, 2007:117).

Kaedah pengajaran pula merupakan cara mendekati sesuatu objektif pelajaran dengan langkah-langkah penyampaian yang tersusun (Ibid, 2007:117).

Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff (1984:144), kaedah mengajar ialah peredaran ke arah satu tujuan pengajaran yang telah dirancang dengan teratur. Manakala menurut Kamarudin Hj Husin (1994:31), kaedah ialah satu prosedur yang membolehkan pelaksanaan satu pengajaran yang teratur, kemas dan sistematik. Ia juga melibatkan beberapa langkah pengajaran yang tersusun rapi dan berkesinambungan yang perlu diikuti untuk mencapai sesuatu objektif pengajaran.

Menurut al-Rikābīy (1986 :28) juga, kaedah yang berjaya ialah dapat mencapai objektif pelajaran dengan cara yang lebih mudah dalam masa yang singkat dan peka terhadap perbezaan individu pelajar.

Manakala Mok Soon Sang (1997:111) pula, kaedah ialah satu siri tindakan yang sistematik dengan tujuan mencapai objektif pelajaran dalam jangka masa pendek. Kaedah mengajar ialah cara mendekati sesuatu objektif pelajaran dengan langkah penyampaian yang tersusun.

Ini juga bertepatan dengan pendapat Muḥammad ‘Abd al-Qādir Aḥmad (t,th:6) yang menyatakan bahawa kaedah pengajaran ialah cara yang digunakan oleh guru untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dengan tujuan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar dengan cara yang lebih mudah dan masa yang singkat. Kaedah yang berjaya, mampu merawat atau mengatasi segala kekurangan yang terdapat dalam kurikulum, buku dan pelajar.

Kaedah mengajar juga merupakan salah satu faktor penting dalam sesuatu pengajaran. Sekiranya guru berjaya memainkan peranannya dalam menyampaikan sesuatu pelajaran dengan menggunakan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan tahap pelajar, ia akan menampakkan keberkesanannya kepada pelajar. Seorang guru yang tekun serta mempunyai kelayakan akademik dan pengetahuan yang cemerlang tidak menjamin kecemerlangan pelajarinya sekiranya ia tidak disertakan dengan kaedah mengajar yang baik dan sistematik (Mohd Zaidi Mohd Zain, 2005:133).

Satu-satu kaedah pengajaran hendaklah dipilih berasaskan suatu pendekatan. Dalam satu pendekatan pengajaran, boleh digunakan pelbagai jenis kaedah. Oleh itu, setiap guru perlu mempelbagaikan kaedah mengajar. Sekiranya seseorang guru hanya mahir dalam satu penggunaan kaedah pengajaran sahaja, maka ia tidak menjamin seseorang guru itu boleh menangani secara bijak segala masalah dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana tidak ada satu pendekatan pun yang boleh dianggap terbaik dalam semua aspek, setiap masa dan dengan semua pelajar. Sesungguhnya mengetahui satu jenis teknik mengajar sahaja atau menghadkan kepada penggunaan suatu kaedah pengajaran tertentu akan menjejaskan keberkesanan pengajaran guru dan pembelajaran pelajar.

Melalui kepelbagaian kaedah pengajaran membolehkan guru mengenalpasti dan memilih kaedah-kaedah pengajaran yang dijangka berkesan dalam mencapai objektif-objektif pengajaran yang dirancang, berdasarkan kepada keperluan pelajar dan mata pelajaran yang dipelajari. Ini juga dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti pembelajaran berpusatkan pelajar, dan mengelakkan diri daripada dibelenggu oleh buku teks dan kaedah "chalk & talk" semata-mata.

Di samping itu, kaedah yang digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran juga boleh mempengaruhi minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Ia merupakan faktor penting dalam pengajaran kerana ia menentukan keberkesanan penyampaian guru dalam satu-satu pengajaran. Penyampaian dan pengajaran guru yang kurang menarik akan membosankan pelajar dan seterusnya menyebabkan mereka kurang berminat untuk mempelajari pelajaran dengan mendalam dan menyeronokkan (Zulaiha Mohamed, 2001:5)

Ini disokong oleh pendapat Hashimul Hashim Mahmud (2000:2) yang menyatakan bahawa pengajaran guru akan melibatkan pelbagai kaedah dan dengan kepelbagaian kaedah yang digunakan dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran antara guru dan pelajar.

Bertepatan dengan al-Khūlīy (1982:26) yang menyatakan apa yang penting ialah semasa pengajaran bahasa dilakukan ialah penekanan terhadap keperluan pelajar dan bukannya terikat kepada sesuatu kaedah tertentu tanpa mengambil kira persiapan dan persediaan pelajar yang berbeza-beza. Selaras dengan itu, maka guru yang mengajar Bahasa Arab hendaklah yakin dan bebas dalam memilih dan menggunakan mana-mana kaedah berdasarkan kesesuaian kaedah tersebut dengan persiapan dan penerimaan daripada pelajar.

Imām Mukhtār Ḥamīdat̄ et al (2003:49-50) menyenarai beberapa faktor yang mempengaruhi kaedah pengajaran. Faktor-faktor tersebut ialah;

- i. Objektif pengajaran yang hendak dicapai
- ii. Bahan bantu mengajar

- iii. Pengalaman guru
- iv. Latar belakang pelajar
- v. Sukatan pelajaran

Ini bertepatan dengan Asmah Hj Omar (1986:53-54) yang menyatakan banyak kaedah pengajaran bahasa yang boleh digunakan dalam mengajar bahasa kedua atau bahasa asing dan setiap kaedah mempunyai baik buruknya. Apa yang penting guru haruslah memilih kaedah yang sesuai dengan latar belakang pelajar, keadaan pembelajaran dan faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi pembelajarannya.

Tyler (1951) dalam Sulaiman Ngah Razali (1997:84) pula mengemukakan 5 prinsip yang boleh digunakan untuk memilih kaedah pengajaran;

- i. Pelajar diberi peluang untuk melakukan tingkah laku yang dinyatakan dalam objektif.
- ii. Kaedah yang digunakan dapat memuaskan hati pelajar.
- iii. Kaedah itu bersesuaian dengan taraf kebolehan pelajar.
- iv. Berbagai-bagai jenis kaedah digunakan untuk mencapai beberapa objektif atau objektif yang sama.
- v. Satu-satu kaedah itu dapat mewujudkan beberapa hasil.

Ismā'īl Ḥasānīn Bin Aḥmad Ṭālib (2003:43-44) pula telah menyatakan bahawa para ilmuan Arab telah menggariskan beberapa ciri kaedah yang berjaya untuk

pengajaran bahasa kepada penutur jati dan bukan penutur jatinya. Di antara ciri-cirinya ialah seperti berikut;

- i. Sesuatu kaedah yang berjaya itu dapat menghasilkan objektif dalam masa yang singkat dan usaha yang mudah daripada guru dan pelajar.
- ii. Kaedah yang berjaya akan dapat memberi kesan positif kepada pelajar dan menggalakkan penyertaan mereka dalam aktiviti yang dirancang.
- iii. Menggalakkan pelajar berfikiran terbuka.
- iv. Mementingkan psikologi pelajar, perkembangan fikiran, kemampuan bahasa dan persediaan untuk belajar.

al-Kailany (1986) dalam ([http://pendislami.tripod.com/kaedah\\_pengajaran.htm](http://pendislami.tripod.com/kaedah_pengajaran.htm)) pula telah menyenarai sedikit panduan kepada guru sebelum mengaplikasi sesuatu kaedah pengajaran, antaranya ialah:

- i. Kaedah mestilah secukupnya dengan tujuan dan matlamat pelajaran.
- ii. Kaedah mesti sejajar dengan objektif pelajaran yang hendak dicapai.
- iii. Kaedah juga haruslah sesuai dengan tabiat (nature) pelajaran yang diajar.
- iv. Kaedah mesti sepadan atau setara dengan umur pelajar.
- v. Kaedah itu mestilah yang boleh atau mampu diaplikasi oleh guru.
- vi. Mempunyai masa yang cukup untuk mengaplikasikan kaedah berkenaan.
- vii. Kaedah yang dipilih mestilah sesuai dengan kemudahan yang ada.

Ini bertepatan dengan Noorzatun Akma Bt Nordin (2002:2-3) menyatakan bahawa seorang guru yang berkesan akan sentiasa sedar dan berusaha untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih memberangsangkan dan menggalakkan

pelajar untuk terus belajar. Ini kerana mengajar merupakan suatu seni yang mempunyai nilai-nilai estetikanya yang tersendiri. Oleh itu, pembelajaran murid harus berlaku dengan mudah berdasarkan kepada kesesuaian kaedah pengajaran guru dengan isi pelajaran yang hendak disampaikan. Justeru, penggunaan sesuatu kaedah adalah penting dalam usaha menentukan pengajaran guru menepati objektif yang telah ditetapkan. Dengan ini, proses pengajaran guru akan lebih berkesan seandainya guru bijak mempelbagaikan kaedah dalam pengajaran.

Justeru, guru perlu mencuba berbagai-bagai kaedah pengajaran kerana ia akan memberikan pengalaman yang berbeza-beza kepada guru dan pelajar (Abdul Rahim Abdul Rashid et al, 2000:93)

Sebagai kesimpulannya, kaedah ialah cara keseluruhan mengajar bagi mencapai tujuan-tujuan tertentu melalui prinsip-prinsip tertentu yang telah ditetapkan oleh sesuatu kaedah. Ia juga melibatkan beberapa langkah pengajaran yang tersusun rapi dan berkesinambungan yang perlu diikuti untuk mencapai sesuatu objektif pengajaran. Oleh itu, setiap guru perlu mempelbagaikan kaedah mengajar. Walaupun pelbagai kaedah boleh digunakan oleh guru, namun mereka seharusnya bijak memanipulasi kaedah tersebut kerana baik atau tidak sesuatu kaedah itu sebenarnya bergantung kepada cara guru menggunakannya.



### 2.9.1 Kaedah Pengajaran Bahasa Arab

Kepelbagaian kaedah pengajaran adalah penting dalam usaha menarik minat para pelajar agar meminati pelajaran Bahasa Arab. Guru tidak digalakkan menggunakan satu kaedah sahaja dalam pengajaran, agar pelajar tidak merasa jemu dan bosan.

Terdapat berbagai-bagai kaedah yang boleh digunakan oleh guru untuk menyampaikan pelajaran. Walau bagaimanapun, guru perlu memilih kaedah yang tepat dan sesuai agar penyampaiannya lebih berkesan dan menarik. Tidak terdapat satu kaedah pun yang boleh dikatakan sebagai kaedah yang terbaik. Beberapa faktor perlu diberi pertimbangan dan diubah suai agar sesuatu kaedah itu lebih berjaya dan berkesan (Abdul Rahim Abdul Rashid et al, 2000:83-84)

Oleh itu, terdapat banyak kaedah yang disarankan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia untuk pengajaran Bahasa Arab seperti Kaedah Tematik, Kaedah Ajuk-Hafaz, Kaedah Semulajadi atau Kaedah Terus, Kaedah Induktif, Kaedah Deduktif dan Kaedah Elektif, Kaedah Mengeja, Kaedah Simulasi, Kaedah Sumbang Saran, Kaedah Perbincangan, Kaedah Main Peranan, Kaedah Lawatan Sambil Belajar, Kaedah Penyelesaian Masalah dan Kaedah Bercerita (Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah, 2002:9-11). Penulis menggunakan istilah (kaedah) untuk induktif, deduktif dan eklektif adalah bertepatan dengan maksud yang diutarakan dalam pengajaran Bahasa Arab sebagai al-ṭarīqat (الطَّرِيقَةُ) walaupun kebanyakan penulis buku-buku Melayu menggunakan istilah (pendekatan) untuk induktif, deduktif dan eklektif, namun bagi pendapat penulis ia merujuk kepada istilah yang sama dan mempunyai tujuan yang sama dalam pedagogi.

Berdasarkan teori-teori pemerolehan dan pembelajaran bahasa, terdapat pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi boleh dilaksanakan di sekolah. Namun begitu, pendekatan komunitif dicadangkan untuk dilaksanakan di sekolah kerana tujuan bahasa Arab itu sendiri adalah untuk berkomunikasi. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam telah menyenaraikan beberapa kaedah pengajaran yang boleh dilaksanakan di peringkat sekolah rendah (Buku Panduan Pelaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran Dan Kokurikulum, 2006:245). Antara beberapa kaedah yang sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di peringkat rendah ialah:

- i. Kaedah Tematik (الطَّرِيقَةُ التَّمَاثُلِيَّةُ)
- ii. Kaedah Ajuk Hafaz (طَرِيقَةُ التَّمَاثُلِ وَالْحِفْظِ)
- iii. Kaedah Langsung / Terus (الطَّرِيقَةُ التَّمَاثُلِيَّةُ)
- iv. Kaedah Latih tubi (طَرِيقَةُ التَّدْرِيبَاتِ المَكْتَفَةِ)
- v. Kaedah Eklektif (طَرِيقَةُ الإِنْقِاسِيَّةِ)

Berikut adalah maksud bagi setiap kaedah pengajaran Bahasa Arab:

#### **i. Kaedah Tematik**

Kaedah Tematik bermaksud proses sesuatu pengajaran itu adalah berasaskan satu idea besar sebagai tema sebelum dikembangkan kepada beberapa langkah kecil. Contohnya, tema utama yang dipilih ialah berkaitan keluarga. Dalam proses pengajaran ini, murid perlu didedahkan tentang ibu, ayah, kakak, adik dan sebagainya. Ia juga boleh dipelbagaikan seperti nama anggota keluarga, aktiviti keluarga, perbualan bersama keluarga dan sebagainya. Di samping itu juga, proses pengajaran ini boleh dikaitkan dengan kaedah-kaedah seperti perbualan (ḥiwār) dalam situasi keluarga atau rakan sebaya di sekolah.

## **ii. Kaedah Ajuk- Hafaz**

Kaedah ini bermaksud pengajaran disampaikan melalui demonstrasi dan latih tubi. Setelah satu ungkapan dibaca dengan intonasi yang betul, maka murid dikehendaki mengajukkannya beberapa kali sehingga ungkapan itu disebut dengan intonasi yang betul dan tidak lupa lagi. Melalui sebutan yang berulang kali secara latih tubi akan membantu pelajar dalam menguasai kemahiran menyebut dan bertutur مَهَارَةُ الْإِطْقِ وَالْكَلامِ

## **iii. Kaedah Langsung / Terus**

Manakala Kaedah Langsung/ Terus ini bermaksud pengajaran dimulakan dengan soalan-soalan yang berhubung dengan gambar dan objek. Perkataan-perkataan baru diterangkan dengan menggunakan perkataan yang telah dipelajari dan terjemahan tidak digunakan langsung. Ia juga boleh menggunakan bahasa badan (body language) atau bahan-bahan maujud untuk menerang makna perkataan baru.

## **iv. Kaedah Latih tubi**

Kaedah Latih tubi ialah pengulangan fakta-fakta penting yang dipelajari dan ia bertujuan untuk mencapai penguasaan beberapa kemahiran. Latih tubi ini amat sesuai untuk dilaksanakan dalam pengajaran bahasa kedua.

## **v. Kaedah Eklektif**

Kaedah ini adalah kaedah yang menggabungkan segala ciri yang baik dalam pengajaran bahasa yang terdapat dalam kaedah-kaedah lain. Ia bertujuan untuk memberi peluang kepada guru bahasa menghasilkan satu strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih sesuai, berfaedah dan berkesan.

Kaedah ini adalah hasil daripada proses ubah suai kaedah terus supaya keadaan yang tidak jelas dan tidak tepat dapat diatasi. Kaedah Eklektif mempunyai tujuan yang sama dengan kaedah terus iaitu membolehkan murid menguasai keempat-empat kemahiran bahasa serta dapat menggunakan bahasa untuk berkomunikasi. Oleh itu, guru yang menggunakan kaedah ini, akan menggunakan teknik-teknik yang paling baik daripada kaedah bahasa untuk disesuaikan dengan kaedah di sekolah (Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir, 2005:154)

Selain daripada itu, terdapat juga beberapa kaedah yang boleh digunakan dalam konteks pengajaran Bahasa Arab (Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah, 2002:9-11). Antaranya ialah seperti berikut;

#### vi. Kaedah Mengeja (الطريقة الإملائية)

Kaedah Mengeja atau imla' ini pula bermaksud pengajaran disampaikan dalam tiga bentuk. Pertama “imla' manzūr” (إملاء مَنظُور) iaitu murid melihat perkataan baru dan menyalinnya. Kedua ialah “imla' manqūl” (إملاء مَنقُول) iaitu murid menyalin semula perkataan baru daripada buku dan ketiga ialah “imla' masmū” (إملاء مَسْمُوع) iaitu murid menulis perkataan yang didengar daripada guru atau sebagainya. Dengan kaedah ini, murid menulis setiap perkataan dan ayat-ayat sama ada yang diungkapkan oleh guru atau menyalin daripada buku. Kaedah ini boleh membantu pelajar dalam menguasai kemahiran menulis atau disebut sebagai “مَهَارَةُ الْكِتَابَةِ”.

#### vii. Kaedah Simulasi (الطريقة المحاكائية)

Melalui Kaedah Simulasi ini, satu sesi pengajaran akan diwujudkan menyerupai keadaan sebenar yang memerlukan murid berinteraksi sesama sendiri berdasarkan

peranan masing-masing bagi membuat keputusan, menyelesaikan masalah, isu atau tugas tertentu dalam keadaan yang terkawal.

viii. **Kaedah Main Peranan** ( طَرِيقَةُ لَعِبِ الْأَدْوَارِ )

Kaedah Main Peranan ini pula bermaksud satu situasi yang melibatkan pelajar memegang sesuatu peranan, kemudian bertindak sebagai lakunan seponatan sebagaimana yang dikehendaki oleh sesuatu situasi yang telah ditentukan. Sebagai contoh seorang pelajar melakunkan peranan pelajar baru dan seorang pelajar lagi memegang watak sebagai pelajar lama. Mereka berdua dikehendaki melakunkan dan menggunakan dialog yang telah ditentukan. Semuanya adalah bertujuan untuk membantu pelajar menguasai kemahiran bertutur ( مَهَارَةُ الْكَلَامِ ) selaras dengan matlamat pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di peringkat rendah untuk membolehkan murid berkomunikasi dengan mudah.

ix. **Kaedah Induktif** ( الطَّرِيقَةُ الْإِسْتِقْوَابِيَّةُ )

Kaedah ini bermaksud pengajaran disampaikan dengan memperkenalkan banyak contoh sebelum diterangkan kesimpulan, hukum atau peraturan. Melalui kaedah ini, para pelajar didedahkan dengan pelbagai contoh sebelum menerangkan kesimpulan atau merujuk kepada sesuatu hukum (Fakhrud-dīn 'Āmir, 2000:18 dan al-Şamaylīy, 2002:125). Kaedah ini dapat menggalakkan pelajar untuk membuat kesimpulan dan rumusan sendiri sebelum dibandingkan dengan kesimpulan umum yang ditetapkan oleh guru. Contohnya dalam konteks pembelajaran Bahasa Arab, kaedah ini turut sesuai dipraktikkan dalam pengajaran nahu atau tatabahasa. Setelah diberikan contoh yang banyak dan pelajar membuat rumusan daripada apa yang boleh difaham berdasarkan contoh.

x. **Kaedah Deduktif** (الطريقة القيسية)

Kaedah ini berlawanan dengan kaedah induktif. Pengajaran menggunakan kaedah deduktif ini ialah dengan memperkenalkan kesimpulan, hukum dan peraturan dahulu sebelum diberikan contoh-contoh yang berkenaan dengan isi pelajaran (Fakhrud-dīn ‘Āmir, 2000:19 dan al-Ṣamaylīy, 2002:125).

xi. **Kaedah Eklektif** (الطريقة الانتقائية)

Kaedah Eklektif ini pula bermaksud pengajaran disampaikan dengan menggabungkan kesemua atau sebahagian daripada ciri-ciri atau kaedah-kaedah di atas ke dalam kaedah baru. Kaedah ini muncul sebagai menolak kaedah-kaedah pengajaran bahasa yang sebelumnya.

Selain daripada itu, terdapat juga beberapa kaedah yang boleh digunakan dalam konteks pengajaran bahasa asing seperti Bahasa Arab. Kaedah-kaedah tersebut juga merupakan kaedah yang telah disarankan oleh al-Khulīy (1982:20-26), Ismā‘il Ḥasānīn Bin Aḥmad Ṭālib (2003:24-32) dan Fathī ‘Alīy Yūnus dan Muḥammad ‘Abd al-Rauf al-Syaykh (t.th: 70-77). Antara kaedah pengajaran bahasa asing yang masyhur yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh tersebut dan sering digunakan ialah;

- i. Kaedah Nahu dan Terjemah (طريقة النحو والترجم)
- ii. Kaedah Terus atau Langsung (الطريقة المباشرة)
- iii. Kaedah Bacaan (طريقة القراءة)
- iv. Kaedah Dengar dan Tutur (طريقة السمع والتحدث)
- v. Kaedah Eklektif (الطريقة الانتقائية)

Di sini dipaparkan beberapa kaedah yang belum dinyatakan maksudnya seperti di atas dan kebaikan-kebaikan serta kelemahan-kelemahan bagi setiap kaedah.

### **Pertama : Kaedah Nahu dan Terjemah**

Kaedah ini dianggap juga sebagai kaedah lama atau kaedah tradisional (الطريقة القديمة). ia juga dikenali sebagai meniru dan mengikut (الطريقة التقليديّة) (al-Khuliy, 1982:20) kaedah ini telah lama digunakan tetapi masih digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab pada hari ini. Ia menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dan memberikan tumpuan kepada kemahiran tatabahasa secara mendalam.

**Kebaikan Kaedah Nahu dan Terjemah** (al-Khuliy, 1982:20-21 dan Ismā'il Ḥasānīn Bin Aḥmad Ṭālib (2003:24-25).)

Antara kebaikan-kebaikan kaedah nahu dan terjemah ialah seperti berikut;

- i. Kaedah ini mementingkan kemahiran membaca, menulis dan menterjemah. Kaedah ini tidak memberi penekanan terhadap kemahiran bertutur.
- ii. Menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantaraan dalam mengajar bahasa asing iaitu dengan menggunakan kaedah terjemahan sebagai cara yang paling utama.
- iii. Menitikberatkan aspek tatabahasa dalam mengajar bahasa asing.

- iv. Kebanyakan guru yang menggunakan kaedah ini merujuk kepada penggunaan nahu bagi ayat tertentu dan meminta pelajar memperincikan aspek nahu.

**Kelemahan Kaedah Nahu dan Terjemah** (al-Khulīy, 1982:21 dan Ismā‘il Ḥasānīn Bin Aḥmad Ṭālib (2003:25-26). Kaedah ini mendapat beberapa kritikan. Antara kelemahan- kelemahan kaedah nahu dan terjemah pula ialah seperti berikut;

- i. Kaedah ini tidak menumpukan kepada kemahiran bertutur yang merupakan kemahiran asas dalam bahasa Arab dan komunikasi tidak diperlukan secara aktif.
- ii. Penggunaan bahasa ibunda secara meluas dan menyebabkan penggunaan bahasa Arab yang dipelajari amatlah sedikit dan kurang penggunaannya. Ianya juga tidak memberi peluang yang cukup kepada pelajar untuk menggunakan bahasa yang dipelajari untuk bertutur dengan baik.
- iii. Kaedah ini juga mementingkan pengajaran tentang bahasa daripada mengajar bahasa itu sendiri. Fokus utama adalah terhadap isu tatabahasa dan pendekatan deduktif digunakan iaitu dengan memperkenalkan kesimpulan, hukum dan peraturan dahulu sebelum diberikan contoh-contoh yang berkenaan dengan isi pelajaran. Dengan ini menyebabkan kegagalan dalam mengajar bahasa itu sendiri.



## **Kedua : Kaedah Terus atau Langsung**

Kaedah terus atau langsung ini muncul sebagai tindak balas terhadap kaedah tradisional atau kaedah nahu terjemah (al-Khūlīy, 1982:22-23). Kaedah ini memberi tumpuan kepada kemahiran bertutur dan terjemahan tidak digunakan. Ia tidak menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dan juga tidak mementingkan kemahiran tatabahasa.

**Kebaikan Kaedah Terus atau Langsung** (al-Khūlīy, 1982:22 dan Ismā‘il Ḥasānīn Bin Aḥmad Ṭālib (2003:26-27).

Antara kebaikan-kebaikan kaedah terus atau langsung ialah seperti berikut;

- i. Kaedah ini memberi keutamaan kepada kemahiran bertutur sebagai ganti kepada kemahiran membaca, menulis dan terjemah. Kemahiran bertutur merupakan kemahiran asas dalam bahasa Arab.
- ii. Kaedah ini juga menolak penggunaan terjemahan dalam mengajar bahasa asing
- iii. Penggunaan bahasa ibunda tidak dibenarkan langsung dalam mengajar bahasa asing (Bahasa Arab) ini.
- iv. Menggunakan bahasa secara terus atau langsung terhadap beberapa perkataan yang diperkenalkan seperti gaya dan gambar digunakan untuk membolehkan pelajar memahami maksud yang ingin disampaikan oleh guru tanpa diterjemahkan.

- v. Kaedah ini juga tidak mengajar nahu atau tatabahasa secara langsung tetapi diajar secara kesimpulan dengan membentangkan beberapa contoh. Pelajar akan membuat kesimpulan hukum-hukum nahu dengan bantuan guru.
- vi. Kaedah ini juga menggunakan cara ajuk dan hafaz, menyanyi serta berdialog. Dengan ini membantu para pelajar untuk bertutur bahasa Arab dengan baik.

**Kelemahan Kaedah Langsung** (al-Khūlīy, 1982:22-23 dan Ismā'il Ḥasānīn Bin Aḥmad Ṭālib (2003:27).

Kaedah ini juga mendapat beberapa kritikan daripada sarjana-sarjana bahasa Arab. Antara kelemahan-kelemahan kaedah langsung pula ialah seperti berikut;

- i. Kaedah ini hanya mementingkan kemahiran bertutur sahaja daripada kemahiran-kemahiran bahasa yang lain.
- ii. Tumpuan tidak diberikan kepada tatabahasa menyebabkan pelajar sukar menguasai pola-pola nahu yang terdiri daripada perkataan untuk membina struktur ayat.
- iii. Oleh kerana kaedah ini tidak menggunakan bahasa ibunda dalam pengajaran Bahasa Arab, maka guru memerlukan usaha yang gigih dan waktu yang lama untuk menerangkan makna tanpa menggunakan bahasa ibunda, ini juga kadang-kadang menghabiskan masa dan tenaga untuk menerangkan sesuatu makna perkataan.

### **Ketiga : Kaedah Bacaan**

Kaedah Bacaan ini merupakan kemahiran yang penting perlu dikuasai oleh pelajar. Ia juga merupakan satu cara yang paling sesuai untuk mempelajari bahasa asing. Cara pelaksanaan kaedah ini ialah memulakan dengan bahagian lisan. Pelajar-pelajar dilatih dengan sistem bunyi iaitu dengan cara mendengar jumlah-jumlah ayat yang mudah dan menuturkannya. Kaedah ini juga bertujuan untuk membantu dan memperkembangkan kebolehan pelajar-pelajar membaca (Ismā'īl Ḥasānīn Bin Aḥmad Ṭālib, 2003:28-29).

### **Kebaikan Kaedah Bacaan**

Antara kebaikan-kebaikan kaedah bacaan ialah seperti berikut;

- i. Kaedah ini tidak dimulakan kecuali selepas berkembangnya sebutan yang betul dan faham bacaan tersebut. Melalui kaedah ini, pelajar dikehendaki membaca dengan bacaan yang betul dan menguasai teks yang dibaca.
- ii. Kaedah ini tertumpu kepada dua jenis bacaan iaitu bacaan berpusat dan bacaan bebas. Pelajaran pertama dimulakan dengan bacaan berpusat kemudian diikuti dengan bacaan bebas.
- iii. Kaedah ini memberi peluang untuk membaca bacaan bebas yang mana memberi peluang kepada pelajar membaca mengikut kemampuan mereka.

### **Kelemahan Kaedah Bacaan**

Antara kelemahan-kelemahan kaedah bacaan ialah seperti berikut;

- i. Walaupun kaedah ini boleh menambahkan kemampuan pelajar yang cemerlang dalam bacaan bahasa yang dipelajari tetapi ia juga menambahkan kesukaran kepada pelajar-pelajar yang mempunyai kesulitan membaca.
- ii. Kaedah bacaan bebas juga boleh menyebabkan pelajar tidak dapat menguasai isi bacaan dengan baik sekiranya tanpa kawalan guru.
- iii. Kaedah ini boleh menghasilkan pelajar yang mampu membaca tetapi tidak mampu memahami bahasa dan bertutur dengannya dalam situasi yang mudah.

#### **Keempat : Kaedah Dengar dan Tutur**

Kaedah ini muncul sebagai menolak kaedah tradisional dan kaedah langsung. Kaedah dengar dan tutur ini dinamakan juga sebagai kaedah lisan (الطَّرِيقَةُ الشَّفْوِيَّةُ) dan kaedah bahasa (الطَّرِيقَةُ اللُّغَوِيَّةُ). Ianya muncul selepas perang dunia kedua dan bertujuan untuk mengajar bahasa asing kepada tentera-tentera Amerika (al-Khuliy, 1982:23-24)

#### **Kebaikan Kaedah Dengar dan Tutur**

Antara kebaikan-kebaikan kaedah dengar dan tutur ialah seperti berikut;

- i. Bahasa merupakan pertuturan dan percakapan, manakala menulis ialah menggambarkan apa yang dituturkan. Oleh itu, dalam mengajar bahasa asing, perlulah kepada pertuturan dan bukannya pembacaan dan penulisan.

- ii. Dalam mengajar bahasa asing, perlulah diajar secara tersusun dan teratur mengikut kemahiran berbahasa iaitu kemahiran mendengar dan bertutur dahulu, kemudian barulah membaca dan menulis.
- iii. Kaedah mengajar bahasa asing melalui dengar dan tutur adalah menyerupai dengan kaedah pemerolehan bahasa pertama iaitu bahasa ibunda oleh kanak-kanak. Mereka memulakan dengan mendengar kemudian cuba mengajuknya dengan bertutur apa yang didengarinya.
- iv. Sebaik-baik cara untuk menguasai bahasa asing ialah membentuk kebiasaan bahasa melalui latih tubi secara berulang kali mengenai pola-pola ayat.
- v. Setiap bahasa mempunyai ciri-ciri istimewa yang tersendiri dan tidak perlu dibuat perbandingan antara satu bahasa dengan bahasa yang lain.
- vi. Terjemahan harus diabaikan kerana ia boleh merosakkan pembelajaran Bahasa Arab.
- vii. Sebaik-baik pengajar bahasa asing ialah penutur jatinya.

### **Kelemahan Kaedah Dengar dan Tutur**

Seperti juga kaedah-kaedah lain, kaedah ini juga mendapat kritikan dan penolakan penggunaannya. Antara kelemahan-kelemahan kaedah bacaan ialah seperti berikut;

- i. Pertuturan bukanlah satu faktor penting dari segi penguasaan bahasa, bahkan terdapat teks-teks yang ditulis juga tidak melalui peringkat

pertuturan sebelum menulis malah ia merupakan gambaran bahasa secara langsung.

- ii. Kaedah dengar dan tutur ini hanya menumpukan kepada kemahiran bertutur sahaja daripada kemahiran-kemahiran bahasa yang lain.
- iii. Susunan kemahiran bahasa dari mendengar, bertutur, membaca dan menulis bukanlah suatu susunan yang harus dilaksanakan secara berturutan.
- iv. Penguasaan bahasa asing berbeza dengan pemerolehan bahasa ibunda. Ini kerana pemerolehan bahasa ibunda mempunyai pertalian yang erat di antara anak dan kedua ibu bapanya kerana seseorang anak sangat memerlukan bahasa ibunda tersebut untuk memenuhi keperluan dasarnya. Ini sangat berbeza dengan pertalian di antara guru dan pelajar kerana seseorang pelajar mempunyai bahasa yang lain untuk memenuhi keperluannya dan melontarkan idea-idea semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan.
- v. Penguasaan bahasa asing boleh dilakukan melalui pengulangan, bahkan pemerolehan ini lebih cepat dikuasai sekiranya pengulangan itu disertai dengan keperluan aspek nahu.
- vi. Terjemahan juga boleh digunakan ketika mengajar bahasa asing melalui cara yang betul dan bijaksana. Ini memberi kesan positif kepada pelajar dan menjimatkan masa, usaha guru dan pelajar.

## **Kelima : Kaedah Eklektif**

Kaedah ini muncul sebagai menolak kaedah-kaedah pengajaran bahasa yang sebelumnya (al-Khūlīy, 1982:25-26). Ia bertujuan untuk memberi peluang kepada guru bahasa menghasilkan satu strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih sesuai, berfaedah dan berkesan.

Menurut al-Khūlīy (1982:25-26), penolakan tersebut berdasarkan beberapa faktor berikut;

- i. Setiap kaedah mempunyai kebaikan dan keistimewaan tersendiri. Oleh itu, guru seharusnya menggunakan dalam mengajar Bahasa Arab.
- ii. Tidak terdapat satu kaedah pun yang boleh dianggap paling berkesan atau tidak berkesan. Setiap kaedah mempunyai kelebihan dan kelemahannya yang tersendiri.
- iii. Tidak ada satu kaedah pengajaran yang sesuai bagi mencapai pelbagai objektif, sesuai dengan semua pelajar, guru-guru dan semua aktiviti pengajaran bahasa asing.
- iv. Ketiga-tiga kaedah pengajaran sebenarnya saling lengkap melengkapi antara satu sama lain sebagai ganti andaian kaedah tersebut saling bertentangan antara satu sama lain.
- v. Apa yang paling penting dalam pengajaran ialah guru seharusnya memberi tumpuan kepada keperluan pelajar dan bukannya terikat kepada satu-satu kaedah dengan mengabaikan keperluan pelajar.

- vi. Guru Bahasa Arab juga bebas menggunakan mana-mana kaedah yang bersesuaian dengan keperluan pelajar.

Jelaslah di sini bahawa kaedah eklektif ini memberi peluang dan kebebasan kepada guru bahasa asing untuk memilih kaedah yang terbaik dan sesuai dalam pengajaran. Ia juga sesuai digunakan dalam kelas yang terdiri daripada murid yang pelbagai kebolehan. Kaedah ini juga merupakan satu cara mengajar bahasa yang menggunakan berbagai kaedah dan tidak terikat kepada satu-satu kaedah tertentu. Guru boleh menggunakan usaha dan daya kreativiti mereka sendiri dengan menggunakan teknik-teknik yang paling baik dari kaedah bahasa mengikut kebolehan dan kemampuan pelajar. Kaedah ini juga mempertimbangkan keempat-empat kemahiran bahasa yang utama iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Menurut Azharudin Bin Ahmad Zakaria (2005:208) mendapati hasil daripada kajiannya menunjukkan bahawa kaedah pengajaran Bahasa Arab yang menjadi amalan kebanyakan guru-guru di Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Selangor ialah kaedah terjemahan dan juga kaedah dengar dan tutur. Kaedah yang menjadi tumpuan kedua pula ialah kaedah induktif, deduktif dan akhir sekali ialah kaedah eklektif.

Jelaslah di sini bahawa banyak kaedah yang boleh digunakan dengan sistematik bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun dalam satu sesi pengajaran dan pembelajaran itu, langkah pemilihan kaedah, strategi, teknik dan pendekatan yang dipilih adalah penting dan menentukan sejauh mana objektif pengajaran dapat dicapai. Sebagai seorang guru yang mengajar bahasa asing, persediaan



amat penting untuk berhadapan dengan pelajar terutamanya bagaimana untuk melatih mereka berfikir dan bekerjasama atau berinteraksi dalam bahasa tersebut.

Ini bertepatan dengan pendapat Rahil et al (1997) dalam Nor Haslin Mohd Adnan (2004:44) yang menyatakan bahawa guru perlu memilih kaedah atau teknik mengajar paling sesuai untuk kelasnya. Pemilihan kaedah mengajar adalah berdasarkan kepada pelajarannya, bahan pengajaran, objektif pengajaran, masa pengajaran, minat pelajar dan kemudahan yang ada.

Oleh itu, Al-Nashmy (1980) mencadangkan supaya guru memilih kaedah yang boleh memberi kesan yang mendalam bukan sahaja kepada kefahaman pelajar yang diajar, malah yang memberi kesan kepada jiwa dan menyentuh perasaan pelajar. Dengan cara ini pelajar akan memberi tumpuan yang padu dan dapat mengingat pelajaran dengan lebih cepat. Untuk mencapai hasrat ini guru haruslah pandai memilih pendekatan yang sesuai dan teknik yang menarik dan ditambah pula dengan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang canggih dan menarik. ([http://pendislami.tripod.com/kaedah\\_pengajaran.htm](http://pendislami.tripod.com/kaedah_pengajaran.htm))

Dengan ini jelaslah, bahawa setiap kaedah pengajaran yang digunakan ada kebaikan dan kelemahannya masing-masing, namun kaedah pengajaran yang baik ialah yang mempunyai langkah-langkah dan strategi yang tersusun serta objektif yang tepat dan boleh dicapai. Di samping itu, matlamat yang hendak dicapai juga mestilah terang dan jelas. Justeru, melalui pemilihan kaedah yang tepat, ia dapat membantu guru-guru untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Keberkesanan penyampaian guru dalam pengajaran akan dapat ditentukan melalui

pemilihan beberapa kaedah yang sesuai dengan hasil pembelajaran yang hendak dicapai. Oleh itu, guru seharusnya kreatif dalam memilih dan menggunakan kaedah pengajaran agar hasil pembelajaran dapat dicapai dengan tepat dan jayanya.

### **2.9.2 Faktor-faktor yang mempengaruhi kaedah pengajaran Bahasa Arab**

Menurut al-Khūlīy (1982:26-29), terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi kaedah pengajaran Bahasa Arab. Oleh itu, setiap guru Bahasa Arab haruslah mempunyai pengetahuan tentang faktor-faktor tersebut. Dengan memahami faktor-faktor tersebut akan dapat membantu guru membentuk dan menilai kaedah pengajaran.

Antara faktor tersebut ialah:

i. Latihan guru

Sekiranya guru tidak menerima latihan tentang kaedah pengajaran Bahasa Arab sama ada sebelum memulakan perkhidmatan sebagai pendidik atau semasa berkhidmat, maka sudah pastilah menjadi kesukaran kepada mereka untuk menerima kaedah yang baru dan mempraktiskannya semasa pengajaran.

ii. Beban tugas guru

Sekiranya seseorang guru dibebankan dengan terlalu banyak jam pengajaran dan aktiviti-aktiviti sekolah, maka guru pastilah akan lebih sukar untuk memilih atau menggunakan kaedah pengajaran yang mudah dan tidak memerlukan kepada usaha dan tenaga yang berlebihan. Pada

kebiasaannya mereka juga akan memilih kaedah pengajaran yang kurang berkesan untuk mendapat rehat yang cukup.

iii. Motivasi guru

Sekiranya seseorang guru tidak mempunyai semangat untuk menjalankan tugas, maka kualiti pengajaran akan menurun dan ia juga menyebabkan guru tidak menggunakan kaedah pengajaran yang baru.

iv. Kelaziman guru

Sekiranya seseorang guru biasa menggunakan suatu kaedah tertentu dalam tempuh yang lama, maka ia akan menjadikan guru susah untuk menggunakan kaedah yang baru.

v. Personaliti guru

Sebahagian guru sesuai menggunakan satu-satu kaedah pengajaran dan tidak sesuai menggunakan kaedah yang lain. Guru juga seringkali menggunakan kaedah yang sesuai dengan kecenderungan mereka.

vi. Pendedahan guru

Terdapat juga guru yang lebih cenderung untuk menggunakan kaedah pengajaran yang telah dipelajari sebelumnya.

vii. Kecenderungan / minat pelajar

Sekiranya pelajar menunjukkan minat untuk mempelajari bahasa Arab, maka guru perlulah mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan bersungguh-sungguh dan bermotivasi.

viii. Kepintaran pelajar

Hasil kajian telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara kepintaran pelajar dengan pembelajaran bahasa. Dengan ini, kaedah pengajaran yang digunakan kepada pelajar-pelajar pintar seharusnya sedikit sebanyak berbeza dengan pelajar-pelajar kurang pintar.

ix. Umur pelajar

Kaedah pengajaran juga memberi kesan berdasarkan umur pelajar. Seseengah kaedah bersesuaian dengan kanak-kanak dan mungkin tidak bersesuaian dengan pelajar dewasa dan begitulah sebaliknya. Bagi kanak-kanak, mereka lebih suka mengajuk dan mengulang beberapa kali isi pelajaran, manakala pelajar remaja dan dewasa lebih suka kepada penghuraian-penghuraian yang logik bahasa dan pola-pola nahu.

x. Andaian pelajar

Pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa asing mempunyai andaian tertentu tentang cara-cara atau kaedah tertentu yang akan mereka pelajari. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa andaian tersebut sedikit sebanyak memberi kesan dalam kaedah pengajaran kepada pelajar tersebut.

xi. Hubungan antara bahasa ibunda dan bahasa asing (Arab)

Walaupun terdapat perbezaan antara dua bahasa tersebut tetapi ianya tidak menimbulkan permasalahan yang besar dalam pengajaran bahasa kerana terdapat juga persamaan yang sedikit yang membolehkan guru memberi tumpuan dalam pengajarannya seperti persamaan dari segi perbendaharaan kata atau simbul-simbul tulisan.

xii. Tempoh program (pengajaran dan pembelajaran)

Sekiranya masa atau tempoh pengajaran Bahasa Arab adalah singkat maka pelaksanaan dan objektifnya juga terhad. Oleh itu, guru seharusnya menumpukan kepada beberapa kemahiran bahasa sahaja. Sebagai contoh, sekiranya tempoh pembelajaran Bahasa Arab selama enam bulan, maka guru Bahasa Arab hendaklah menumpukan kepada satu atau dua kemahiran sahaja dan sekiranya program pembelajaran mengambil masa yang lama iaitu bertahun-tahun, ini memberi peluang kepada guru untuk menggunakan pelbagai kaedah dan mempelbagaikan kemahiran bahasa.

xiii. Kemudahan peralatan

Terdapat banyak perbezaan antara program pengajaran Bahasa Arab yang mempunyai bahan bantu mengajar yang banyak seperti pita kaset, filem-filem, gambar-gambar, makmal bahasa, kad-kad kalimah dan lain-lain dengan program lain yang tidak mempunyai apa-apa kemudahan tersebut. Dengan kemudahan peralatan yang banyak akan dapat membantu guru mempelbagai kaedah pengajaran.

xiv. Objektif pengajaran

Setiap objektif pengajaran yang telah ditentukan akan memberi kesan kepada kaedah pengajaran yang digunakan. Sekiranya program pengajaran Bahasa Arab bermatlamat untuk kemahiran menulis, membaca, bertutur atau terjemahan, maka kaedah pengajaran yang digunakan seharusnya selari dengan objektif yang hendak dicapai.

xv. Peperiksaan

Guru dan pelajar amat mengambillberat tentang peperiksaan khususnya peperiksaan akhir tahun. Sekiranya sistem peperiksaan ini mengabaikan keperluan bahasa, maka sudah pasti guru dan pelajar mengabaikan aspek bahasa juga dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa.

xvi. Saiz kelas

Terdapat kaedah pengajaran yang berjaya dilaksanakan dalam kelas yang mempunyai bilangan pelajar yang sedikit berbanding dengan kelas yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai.

‘Alīy Rāsyid (2001:65) menyatakan terdapat beberapa perkara yang perlu dititikberatkan dalam menggunakan kaedah pengajaran. Antaranya ialah:

- i. Sesuai dengan kemampuan guru
- ii. Sesuai dengan kemampuan dan tahap pelajar
- iii. Sesuai dengan masa dan tempat
- iv. Sesuai dengan isi pelajaran yang hendak diajar
- v. Sesuai dengan bilangan pelajar

Selain daripada itu, menurut Abd. Aziz Abd. Talib (2000:59) terdapat beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan oleh guru dalam memilih kaedah atau teknik pengajaran. Antaranya ialah;

- i. Kemahiran bahasa atau aspek bahasa yang ingin diajar.
- ii. Objektif am dan objektif khusus pengajaran.
- iii. Jangka waktu persekolahan.

- iv. Peringkat persekolahan murid.
- v. Taraf kecerdasan atau peringkat kebolehan murid.
- vi. Saiz kelas atau kumpulan murid.
- vii. Waktu pengajaran sama ada pagi atau tengahari.
- viii. Pengalaman, kemahiran dan kepandaian guru dalam menggunakan sesuatu kaedah atau teknik pengajaran.

Sekiranya guru menitikberatkan dan membuat pertimbangan kepada beberapa perkara di atas, sudah pasti keberkesanan penyampaian guru dalam pengajaran akan terhasil dengan jayanya.

## **2.10 Kajian-kajian Lepas Yang Berkaitan Pengajaran Guru**

Dalam tinjauan kajian berkaitan ini, penulis membentangkan beberapa dapatan yang berkaitan dengan kajian ini.

Menurut Noraini Ramli (2000: 58-61) dalam kajiannya mengenai "*Hubungan Di antara Keberkesanan Pengajaran Guru Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Tiga: Satu Kajian Survey*" menyatakan bahawa keberkesanan pengajaran guru jelas dapat dilihat melalui kejayaan pelajar dalam pencapaian akademiknya. Guru juga perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang luas dalam bidang mereka masing-masing. Dengan ini memudahkan guru untuk menyampaikan maklumat dengan tepat kepada pelajar. Di samping pengajaran yang berkesan, bimbingan daripada guru juga mampu menghasilkan pelajar yang pandai dan terdidik.

Hasil kajiannya juga mendapati bahawa terdapat hubungan di antara pelajar yang sentiasa mendapat banyak pengetahuan selepas pengajaran guru dengan pencapaian keputusan pelajaran yang baik. Dapatan menunjukkan kira-kira 88% pelajar sentiasa mendapat banyak pengetahuan daripada guru berbanding kira-kira 67% yang kadang-kadang mendapat keputusan baik. Menurut beliau, penggunaan buku kerja juga mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar. Dapatan menunjukkan kira-kira 90% pelajar yang sentiasa menggunakan buku kerja sebagai latihan tambahan mendapat keputusan yang baik.

Dengan ini jelaslah bahawa faktor guru sangat memainkan peranan penting untuk mewujudkan keberkesanan pengajaran dan bersesuaianlah dengan tugas guru sebagai pengajar dan pembimbing kepada pelajar untuk mencapai prestasi akademik yang baik. Ini bermakna guru seharusnya menggunakan pelbagai pendekatan atau kaedah yang sesuai untuk mewujudkan pengajaran yang berkesan.

Adibah Bt Mukhtar (2002:32-47) dalam kajiannya yang bertajuk "*Keberkesanan Penggunaan Kaedah Permainan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Kelas Pemulihan. Satu Kajian Kes*" telah menyatakan bahawa alat permainan bahasa merupakan satu alat bantu mengajar yang boleh membantu guru untuk mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Ini terbukti daripada hasil dapatan kajian yang menunjukkan bahawa penggunaan alat bantu permainan bahasa di dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu berjaya meningkatkan kebolehan membaca di kalangan pelajar. Seramai lapan aktiviti permainan bahasa telah diuji oleh beliau iaitu permainan menyusun abjad, permainan bercerita tentang gambar, permainan pancing perkataan, permainan menukar huruf



konsonan, permainan domino suku kata, permainan mencari perkataan, permainan puzzle perkataan dan permainan teka silang kata.

Kajian ini dijalankan melalui ujian pra yang menggunakan pengajaran biasa dan ujian pos yang menggunakan pengajaran kaedah permainan. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang jelas dalam peningkatan pencapaian pelajar dalam kedua-dua kaedah itu. Hasil dapatan menunjukkan kaedah permainan mencapai purata yang lebih tinggi berbanding dengan kaedah biasa. Melalui ujian 1, kaedah biasa mendapat pencapaian tertinggi 60%, manakala kaedah permainan mendapat 70%. Dalam ujian 2, kaedah biasa mendapat pencapaian 50%, manakala kaedah permainan mendapat 80%, dalam ujian 3, kaedah biasa mendapat 60%, manakala kaedah permainan mendapat 70%, dalam ujian 4, kaedah biasa mendapat pencapaian 60%, manakala kaedah permainan mendapat 70%, dalam ujian 5 pula, kaedah biasa mendapat pencapaian 70%, manakala kaedah permainan mendapat 70% juga. Dalam ujian 6, kaedah biasa mendapat pencapaian 60%, manakala kaedah permainan mendapat 70%, dalam ujian 7, kaedah biasa mendapat 50%, manakala kaedah permainan mendapat 60% dan ujian 8, kaedah biasa mendapat pencapaian tertinggi 60%, manakala kaedah permainan mendapat 70%.

Ini jelas terbukti bahawa kaedah permainan bahasa sangat memberi kesan terhadap pencapaian pelajar dalam pelajaran. Ia juga menunjukkan bahawa pengajaran bahasa melalui permainan telah berjaya menarik minat pelajar-pelajar kelas pemulihan dan seterusnya meningkatkan pencapaian membaca mereka.

Menurut Saayah Abu (2005:92) dalam kajiannya yang bertajuk "*Pelaksanaan Aktiviti Belajar Melalui Bermain di Tadika-tadika Kawasan Melaka Tengah*" menyatakan pelaksanaan pendekatan belajar melalui aktiviti bermain hendaklah dijalankan dengan mengambil kira hasil pembelajaran yang ingin dicapai dan ditentukan. Bahan yang digunakan juga perlu sesuai dan berfaedah kepada perkembangan murid. Melalui pendekatan ini, ia dapat mengukuhkan penguasaan konsep pembelajaran dari umum kepada yang lebih spesifik.

Dengan ini menunjukkan bahawa kaedah permainan bahasa merupakan salah satu kaedah yang dapat membantu guru dalam mempelbagaikan cara pengajaran mereka dan dapat mewujudkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Noorhazita Bt Abd Rahim pula (2004:36-53) dalam kajiannya yang bertajuk "*Keberkesanan Pengajaran Guru-guru Bukan Opsyen Dalam Bahasa Inggeris Di Sekolah-sekolah Kawasan Pendidikan Kangar Di Negeri Perlis*" menyatakan bahawa tahap pengetahuan dan kemahiran guru adalah mempengaruhi proses pengajaran dalam bilik darjah. Tanpa pengetahuan yang luas dalam bahasa Inggeris, guru-guru tidak yakin untuk berhadapan dengan pelajar.

Dengan ini jelaslah bahawa kekurangan kemahiran serta pengetahuan guru, kekurangan kemudahan dan peralatan di sekolah serta masalah pelajar sendiri merupakan faktor penyumbang kepada ketidakberkesanan pengajaran guru tersebut. Oleh itu, guru haruslah melengkapkan diri dengan segala pengetahuan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.

Manakala menurut Rahmah Bt Awang Ahmed (2005:8-37) pula dalam kajiannya mengenai *“Keberkesanan Pengajaran Guru Secara Induktif Dalam Meningkatkan Pencapaian Pelajar”* telah menyatakan bahawa pencapaian pelajar dengan menggunakan kaedah induktif dalam pengajaran dan pembelajaran matematik telah meningkat. Pendekatan induktif ini merupakan penyampaian pelajaran yang mudah kepada yang lebih kompleks atau dari konkrit ke abstrak. Ini bermakna guru membina satu-satu generalisasi daripada contoh-contoh khusus kepada umum. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Dewan Beta Kelantan telah bersetuju bahawa penggunaan kaedah induktif dapat memberi kefahaman kepada mereka dalam mendalami ilmu matematik serta dapat memahami topik matematik yang sukar difahami jika diterangkan dengan kaedah lain.

Sehubungan dengan itu, analisis yang telah dijalankan ke atas pencapaian pelajar setelah menjalani kaedah induktif juga menunjukkan keputusan yang amat baik. Ini terbukti apabila sebelum pelajar-pelajar menjalani kaedah induktif, min responden adalah 51.33 manakala selepas menjalani kaedah induktif, min pencapaian telah meningkat kepada 86.33.

Oleh itu, menurut Mok Soon Sang (2001:99) dalam Rahmah Bt Awang Ahmed (2005:9):

*“Kaedah induktif merupakan salah satu kaedah mengajar yang sesuai digunakan dalam pengajaran berbagai-bagai mata pelajaran khususnya matematik, sains dan bahasa. Ini kerana kaedah ini melibatkan aktiviti mengumpul, mentafsir maklumat-maklumat dan di akhir pembelajaran kesimpulan atau generalisasi akan dilaksanakan”.*

Jelaslah bahawa keberkesanan pengajaran guru secara induktif dapat meningkatkan pencapaian pelajar serta memberi kemudahan kepada guru untuk memahamkan pelajar tentang tajuk-tajuk yang sukar difahami oleh mereka. Dengan ini, kaedah induktif dalam pengajaran matematik atau berbagai mata pelajaran lain juga boleh digunakan untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan kerana pelajar akan lebih efektif dengan bertindak aktif dalam pembelajaran.

Menurut Ab.Halim Bin Tamuri et al (2005:13) dalam kajiannya yang bertajuk ” *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke Atas Pembangunan Diri Pelajar*” telah menyatakan bahawa keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah adalah bergantung kepada keupayaan dan peranan guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah. Guru seharusnya mempunyai strategi dan perkaedahan pengajaran yang sesuai dan terkini untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut. Pada keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah yang paling kerap digunakan oleh guru dalam penyampaian Pendidikan Islam ialah kaedah kuliah dan penerangan.

Sehubungan dengan itu, dapatlah dibuat rumusan daripada kajian-kajian lepas dalam pengajaran mata pelajaran lain selain Bahasa Arab menunjukkan bahawa faktor guru sangat memainkan peranan penting untuk mewujudkan keberkesanan pengajaran. Ia dapat dihasilkan melalui perancangan dan persediaan yang baik serta kepelbagaian kaedah pengajaran yang dipilih dan digunakan oleh guru. Sebagai contoh melalui pengajaran secara kaedah induktif juga dapat meningkatkan pencapaian pelajar serta memberi kemudahan kepada guru untuk memahamkan pelajar tentang tajuk-tajuk yang sukar difahami oleh mereka. Sekiranya guru tidak mempunyai kemahiran dan

pengetahuan yang mantap tentang mata pelajaran yang diajar, ini akan menyumbang kepada ketidakberkesanan pengajaran guru tersebut. Selain daripada itu, kaedah permainan bahasa juga merupakan salah satu kaedah yang dapat membantu guru dalam mempelbagaikan cara pengajaran mereka dan dapat mewujudkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Penulis juga telah meninjau kajian-kajian yang berkaitan dengan pengajaran Bahasa Arab. Sebagai contohnya Zamilah Bt Sulaiman (2001:63-64) telah menjalankan kajiannya yang bertajuk "*Amalan Pengajaran Bahasa Arab: Kajian Di Kelas Aliran Agama*". Beliau telah mendapati bahawa amalan pengajaran guru lebih cenderung kepada kaedah tradisional seperti kaedah nahu dan terjemah, membaca, latih tubi dan tatabahasa. Pengajaran mereka juga tidak menggunakan daya kreativiti dan tidak dapat menarik penyertaan pelajar dalam aktiviti pembelajaran. Hasil kajian juga mendapati bahawa proses pengajaran dan pembelajaran tidak merangsang para pelajar untuk bertanya isi pelajaran dan ianya lebih berpusat kepada guru, sedangkan pelajar hanya berperanan sebagai pendengar sahaja. Dari sudut bahasa pengantar yang digunakan oleh guru ianya adalah terhad dan terbatas kerana tahap kesediaan dan pengalaman pelajar untuk menerima bahasa Arab sepenuhnya belum memuaskan. Dari segi penggunaan bahan bantu mengajar pula, juga amat terbatas. Kebanyakan mereka menumpukan kepada penggunaan buku teks semata-mata.

Proses pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah tradisional yang banyak digunakan oleh guru didapati tidak merangsang penyertaan pelajar dalam aktiviti pembelajaran dan ianya lebih berpusat kepada guru. Oleh itu, penggunaan bahan bantu mengajar yang berkesan adalah penting kerana melalui penggunaan bahan-bahan yang

menarik akan merangsang minat pelajar dan mereka akan memberikan lebih tumpuan terhadap pengajaran guru. Dengan ini akan menghasilkan keberkesanan dalam pengajaran Bahasa Arab khususnya.

Zainol Abidin Ahmad (2003:156) dalam kajiannya yang bertajuk "*Kemahiran Menulis Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes*" menyatakan bahawa kaedah mengajar ayat dalam kemahiran menulis bahasa Arab yang digunakan oleh guru secara amnya ialah kaedah campuran iaitu dengan menggabungkan Kaedah Nahu dan Terjemahan, Kaedah Hafalan dan Kaedah Komunikasi. Guru lebih selesa dengan kaedah ini kerana membolehkan mereka menyampaikan pengajaran kepada pelajar dengan cepat dan mudah. Dengan ini penggunaan bahasa Melayu dalam pengajaran Bahasa Arab begitu meluas dan tidak memberi ruang yang mencukupi untuk mempraktikkan penggunaan bahasa Arab.

Manakala Mohd Zaidi Mohd Zain (2005:133) dalam kajiannya bertajuk "*Metodologi Pengajian Bahasa Arab: Kajian Di Sekolah Agama Raudah Al-Nazirin, Jerimbong, Jeli, Kelantan*" juga telah menegaskan bahawa hasil pemerhatian beliau ke atas beberapa orang guru yang terlibat dalam pengajaran Bahasa Arab, mendapati masih ada guru yang menggunakan kaedah tradisional yang menekankan nahu, hafalan dan terjemahan yang lebih berpusat kepada guru. Di samping itu, terdapat juga guru-guru yang kurang memahami konsep pendekatan komunikasi dalam pengajaran bahasa.

Sehubungan itu, Ridzuan bin Mat Yusof (2006:65) pula dalam kajiannya yang bertajuk "*Amalan Pengajaran Perbendaharaan Kata Di Kalangan Guru Bahasa Arab Di Negeri Pahang*" menyatakan bahawa hasil kajian menunjukkan kaedah terjemahan

ke bahasa ibunda merupakan kaedah yang kerap digunakan dalam pengajaran ini. Kaedah ini digunakan untuk menerangkan makna perkataan kepada pelajar. Ini bermakna guru masih lagi ramai menggunakan kaedah nahu dan terjemahan dalam pengajaran mereka.

Che Som Mansor (2007:67) pula telah membuat kajian yang bertajuk "*Satu Perbandingan Kesan Antara Kaedah Nahu Terjemahan Dengan Kaedah Langsung Dalam Pengajaran Bahasa Arab*". Kajian ini melibatkan dua kelas iaitu eksperimen dan kelas kawalan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah langsung mampu memberi kesan terhadap pencapaian pelajar. Kaedah Langsung juga sesuai digunakan untuk mengajar kemahiran membaca, menulis dan bertutur. Manakala kaedah Nahu Terjemahan pula sesuai untuk mengajar kemahiran menulis dan bertutur dan tidak sesuai untuk kemahiran membaca.

Selain itu, pendekatan komunikatif juga penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Ia dapat membantu untuk mewujudkan keberkesanan pengajaran guru dan menghasilkan pembelajaran yang menyeronokkan.

Justeru, Jefridin Bin Pilus (2002: 8-64) telah menjalankan kajiannya yang bertajuk "*Penggunaan Pendekatan Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi: Satu Kajian Di SMAP Labu*". Pendekatan komunikatif yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pendekatan yang digunakan oleh guru Bahasa Arab dalam mengajar Bahasa Arab Komunikasi. Pendekatan ini mengutamakan kecekapan berkomunikasi dan melibatkan banyak aktiviti yang berfokuskan pelajar. Beliau telah menyatakan bahawa guru yang kerap mempelbagaikan aktiviti pengajaran bercorak

komunikatif akan dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan dapat menghindarkan pelajar daripada merasa jemu dan bosan dengan pengajaran yang *stereotype*.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru yang mengajar Bahasa Arab Komunikasi di sekolah berkenaan kurang melaksanakan prinsip pendekatan komunikatif dalam pengajaran mereka iaitu memperolehi min seramai 2.87 sahaja. Manakala hasil pemerhatian pula mendapat (min 2.80) didapati tidak jauh berbeza dengan dapatan yang diperolehi daripada soal selidik (min 2.87) itu. Ini adalah berpunca daripada kurangnya pengetahuan, kemahiran dan kekurangan modul pengajaran Bahasa Arab Komunikasi berasaskan pendekatan komunikatif. Di samping itu, pengajaran yang berorientasikan peperiksaan dan guru terlalu bergantung kepada buku teks serta pengajaran menggunakan cara tradisional juga merupakan halangan kepada guru-guru untuk menggunakan pendekatan komunikatif ini dalam pengajaran mereka.

Oleh itu, penggunaan pendekatan komunikatif ini dalam pengajaran Bahasa Arab adalah perlu dan membuka peluang seluas-luasnya kepada pelajar untuk menggunakan bahasa yang betul, dengan ini akan memudahkan pelajar menguasai kemahiran berbahasa yang lain dan seterusnya memahami ayat-ayat bahasa Arab yang mudah. Melalui penggunaan pendekatan komunikatif ini juga akan menghasilkan pelajar yang mahir dalam berkomunikasi dalam bahasa Arab khususnya.

Manakala Normah Bt Idris (2004:37-81) pula dalam kajiannya yang bertajuk "*Pelaksanaan Pendekatan Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi*



*Di Sekolah Menengah*” telah menyatakan bahawa pendekatan komunikatif adalah antara pendekatan pengajaran bahasa yang berkesan bagi tujuan komunikasi yang berkesan dan dinamik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden bersetuju pada tahap yang tinggi terhadap tiga kenyataan iaitu pengalaman mengajar, perbincangan dengan rakan sekerja dan bahan-bahan bacaan berkaitan pendekatan komunikatif, telah menyumbang ke arah pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran Bahasa Arab.

Hasil kajian ini juga mendapati bahawa bahan pengajaran, kreativiti penyampaian guru dan penekanan terhadap prestasi pelajar adalah tiga permasalahan yang sering menjadi tembok pemisah kepada pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam proses pengajaran guru. Beliau mendapati ramai responden bersetuju bahawa bahan bantu mengajar dan penumpuan terhadap prestasi pelajar adalah permasalahan yang utama dikemukakan oleh responden. Tahap permasalahan ini adalah tinggi berdasarkan nilai min yang diperolehi iaitu 4.1 dan 4.0. Beliau juga telah menyokong dapatan tersebut dengan pandangan dan pendapat Arman Rusoff (2002:80-81) yang menyatakan:

*“masalah utama dalam pembelajaran menggunakan pendekatan komunikatif ialah pembelajaran lebih menumpukan kepada peperiksaan dan penggunaan bahan bantu mengajar seperti keratan akhbar, majalah, iklan dan sebagainya amat kurang digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab”*

Daripada kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh dua pengkaji di atas tentang pendekatan komunikatif, penulis dapat memahami bahawa pendekatan

komunikatif adalah merupakan salah satu kaedah pengajaran guru dan guru yang kerap mempelbagaikan aktiviti pengajaran bercorak komunikatif akan dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan dapat menghindarkan pelajar daripada merasa jemu dan bosan dengan pengajarannya. Oleh itu, guru-guru Bahasa Arab seharusnya mengekalkan usaha melaksanakan pendekatan komunikatif ini dalam pengajaran mereka serta meningkatkan kreativiti dalam menggunakan pendekatan baru dan terkini untuk mencapai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di tahap yang lebih baik.

Samsiah Bt Hayat (2004:49-73) pula dalam kajiannya yang bertajuk *“Metodologi Pengajaran Bahasa Arab: Satu Kajian Tentang Keberkesanannya Di Tingkatan Sof Al-Awal Di Sebuah Sekolah Menengah Agama Di Kelantan”* telah menyatakan bahawa adalah penting dan perlu bagi seseorang guru untuk mengetahui dan menyedari tentang kepentingan kaedah pengajaran yang pelbagai agar pelajar dapat meningkatkan pencapaian mereka dan tidak merasa jemu ketika mempelajari bahasa Arab. Berjaya atau tidak sesuatu disiplin ilmu adalah bergantung kepada sejauh mana penguasaan guru-guru dalam menyampaikan ilmu tersebut. Ini bermakna bahawa guru-guru yang mahir, berkaliber serta mempunyai sikap dan personaliti yang menarik, memahami dan menghayati kaedah pengajaran yang berkesan akan berjaya menarik minat pelajar untuk mempelajari sesuatu bahasa dengan bersungguh-sungguh.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa 100% responden berpendapat bahawa kaedah terjemahan merupakan kaedah yang sering digunakan oleh guru dalam pengajaran Bahasa Arab. Manakala kaedah yang berkesan dalam pengajaran Bahasa Arab mengikut pendapat mereka ialah kaedah pembacaan. Seramai 80% bersetuju

dengan kaedah pembacaan. Dari segi penggunaan bahasa Arab dalam pengajaran pula, seramai 100% guru mengakui tidak menggunakan bahasa Arab sepenuhnya ketika mengajar mana-mana mata pelajaran Bahasa Arab.

Oleh itu, hasil yang diperolehi menunjukkan bahawa kaedah yang biasa digunakan oleh guru dalam pengajaran Bahasa Arab ialah penggabungan beberapa kaedah iaitu kaedah terjemahan dan kaedah pembacaan. Manakala kaedah yang berkesan ialah menggunakan kaedah pembacaan dan komunikasi. Kedua-dua kaedah ini digunakan dalam semua bidang kemahiran.

Justeru, guru haruslah memainkan peranan yang penting dalam memastikan keberkesanan pengajaran berjalan seiring dengan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar dan kaedah, pendekatan serta teknik pengajaran perlu diperkembangkan dari semasa ke semasa. Ini semua bertujuan untuk mencapai keberkesanan dalam sesuatu pengajaran.

Manakala menurut Abdul Hadi Mohd Salleh (1998) pula dalam kajiannya mengenai "*Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi di ITM: Masalah dan Penyelesaian*" pula menegaskan bahawa pengajaran Bahasa Arab memerlukan teknik dan kaedah yang sesuai untuk mendatangkan hasil yang baik. Sekiranya seorang pendidik tidak dapat menggunakan teknik untuk menyampaikan isi pengajarannya dan kaedah yang bersesuaian dengan situasi pembelajaran, ini sudah pasti pengajaran tidak akan mendatangkan hasil yang baik. Ini kerana pendidik merupakan faktor utama dan nadi penggerak untuk menarik minat pelajar ke arah peningkatan penguasaan bahasa Arab.

Justeru, pendidik perlu melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan yang mendalam dalam bahasa Arab.

Menurut Sharifah Fatimah Bt Wan Jamel (2002:115-116) dalam kajiannya mengenai “ *Pengaruh Guru Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Kajian Kes* ” telah menegaskan bahawa dalam pengajaran bahasa kedua, kemahiran guru dalam menguasai bahasa tersebut adalah sangat penting kerana ia dapat menjamin proses pengajaran berjalan dengan lancar tanpa sebarang gangguan bahasa. Justeru, berkomunikasi dengan nada dan tekanan suara yang baik dan sesuai serta sebutan yang fasih dan tepat merupakan ciri penting untuk menarik perhatian dan tumpuan pelajar terhadap pelajaran. Selain itu, kebolehan dan kesedian guru dalam memilih metodologi yang sesuai dengan perancangan mengajar dan kepelbagaian teknik akan dapat membantu kelancaran pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan pemahaman pelajar. Ini jelas menunjukkan bahawa keberkesanan sesuatu pengajaran adalah bergantung kepada strategi atau kaedah yang dipilih dan digunakan oleh guru tersebut.

Manakala Mowafak A. Al-Khusairy (1998:126-140) dalam tulisannya “*Pendekatan Komunikatif Bagi Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Asing*” telah menyatakan bahawa pendekatan komunikatif adalah satu pendekatan mengajar bahasa asing yang intergratif dan interaktif dan aktiviti ini dianggap dapat membantu pelajar menguasai bahasa dengan cepat. Pendekatan komunikatif juga bertujuan untuk meningkatkan kemampuan berkomunikasi dan merupakan satu cara yang berkesan untuk mengajar empat kemahiran asas bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Bahasa Arab merupakan bahasa yang dianggap sukar untuk dikuasai terutama untuk menerapkan keempat-empat kemahiran berbahasa itu. Oleh itu, proses mengajar Bahasa Arab memerlukan satu kaedah yang sistematik dan berkesan. Pengajaran bahasa melalui kaedah komunikatif ini penting kerana fungsi asas bahasa itu adalah untuk berinteraksi dan berkomunikasi dan bahasa juga merupakan satu sistem bagi menyatakan makna.

Dalam pendekatan komunikatif ini, guru seharusnya berperanan sebagai fasilitator atau pemudah cara dalam proses pembelajaran. Oleh itu, sekiranya guru Bahasa Arab ingin melihat pelajarnya cepat berkomunikasi dengan bahasa Arab, maka guru perlu bertutur secara tidak formal kerana pelajar lebih mudah untuk melibatkan diri dalam aktiviti berkomunikasi dengan guru dan kawan-kawan yang lain.

Dengan ini jelaslah, melalui proses pendekatan komunikatif, kecekapan menggunakan bahasa asing dapat diasah dan kecekapan berbahasanya juga dapat ditingkatkan. Jelaslah, guru yang mahir dalam berkomunikasi, akan berjaya melahirkan pelajar yang juga mahir berkomunikasi dalam bahasa tersebut. Ini menunjukkan bahawa pendekatan komunikatif merupakan salah satu cara untuk membantu pelajar menguasai bahasa Arab.

Selain itu, al-Khulīy (1982:32) dalam bukunya yang bertajuk “*Asālib Tadrīs al-Lughat al-‘Arabiyyat*” telah menggariskan beberapa syarat yang perlu dilaksanakan untuk mewujudkan pengajaran yang baik dan berkesan. Antaranya ialah guru perlu mengetahui bagaimana hendak mengajar. Ini bermakna guru haruslah mengetahui kaedah mengajar yang baik dan berkesan.

Memang tidak dapat dinafikan untuk menjamin kejayaan sesuatu pengajaran, pelbagai kaedah boleh digunakan. Namun begitu, adalah penting bagi guru juga mempunyai kemahiran, sikap dan personaliti yang menarik serta memahami kaedah pengajaran yang berkesan. Ini akan menarik minat pelajar untuk belajar dan menghasilkan pengajaran yang berkesan dan pembelajaran yang menyeronokkan.

Ramzan Muhammad (2001) dalam kajiannya yang bertajuk "*Satu Kajian Eksperimen Tentang Keberkesanan Pembelajaran Secara Koperatif Dalam Mata Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi*" telah menegaskan bahawa tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sejauhmana keberkesanan pembelajaran secara koperatif kaedah STAD (Student Team Achievement Division) dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam menguasai kemahiran-kemahiran Bahasa Arab Komunikasi. Kajian ini telah menguji kesemua empat aspek kemahiran yang terdapat di dalam Bahasa Arab Komunikasi, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kaedah kuasi eksperimen ujian pra dan pos digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian ini menunjukkan pembelajaran secara koperatif kaedah STAD sangat berkesan dalam meningkatkan pencapaian pelajar di dalam menguasai kemahiran-kemahiran Bahasa Arab Komunikasi, terutama kemahiran bertutur dan membaca.

Manakala Arman Md. Rusoff (2002) pula telah menjalankan kajian yang bertajuk "*Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Pendekatan Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi*". Tujuan kajian ini ialah untuk melihat sejauh manakah persepsi pelajar terhadap penggunaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran Bahasa Arab Komunikasi di SMKA Maahad Hamidiah, Kajang. Dapatan

kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan responden dalam aktiviti komunikatif adalah sederhana (min 3.14). Persepsi responden terhadap kenyataan berkaitan pelaksanaan ciri dan prinsip pendekatan komunikatif adalah pada tahap yang tinggi (min 3.64).

Razali Mustaffar (2003:66-94) pula dalam kajian yang bertajuk "*Penggunaan Kaedah Nahu Terjemahan Dalam Pengajaran Bahasa Arab – Tinjauan Di Tiga Buah Sekolah Agama Negeri Kelantan*" telah merumuskan bahawa dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penggunaan dan pelaksanaan Kaedah Nahu Terjemahan dalam pengajaran Bahasa Arab adalah sederhana (min = 2.98). Menurut beliau lagi bahawa dalam pengajaran Bahasa Arab, peratusan guru-guru lebih cenderung menggunakan bahasa Arab dan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam pengajaran adalah sama. Seramai 50% responden kajian yang lebih cenderung menggunakan bahasa Arab dan seramai 43.8% pula daripada mereka lebih suka menggunakan bahasa Melayu. Terdapat hanya 6.2% sahaja responden yang lebih cenderung menggunakan bahasa lain selain bahasa Arab atau bahasa Melayu dalam pengajaran Bahasa Arab. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa penggunaan Kaedah Nahu Terjemahan yang lebih berkesan apabila diintegrasikan dengan kaedah-kaedah lain.

Dengan ini, dapatlah dibuat rumusan hasil daripada kajian-kajian yang telah dibuat oleh para pengkaji terdahulu bahawa terdapat beberapa cara pengajaran yang telah digunakan oleh guru untuk mencapai objektif yang ditentukan. Antaranya ialah penggunaan kaedah nahu dan terjemah, pendekatan komunikatif, kaedah permainan, kaedah induktif, kepelbagaian kaedah pengajaran dan kemahiran serta personaliti guru

yang menarik. Kesemua ini adalah bertujuan untuk menghasilkan keberkesanan sesuatu pengajaran.

Jadi, jelaslah di sini bahawa pengajaran merupakan satu aktiviti yang kompleks dan satu tugas yang sangat mencabar. Sehubungan dengan itu, guru perlu mempunyai pengetahuan dalam pelbagai aspek termasuklah pengetahuan yang mendalam tentang kaedah pengajaran. Ini kerana kaedah pengajaran merupakan satu siri tindakan guru yang sistematik dengan tujuan untuk mencapai objektif pelajaran melalui langkah-langkah penyampaian yang tersusun.

Sebagai kesimpulan, penulis mendapati bahawa adalah penting untuk seseorang guru, kreatif dalam memilih sesuatu kaedah atau strategi pengajaran untuk mewujudkan pengajaran yang berkesan dan berjaya. Tanpa penggunaan strategi yang pelbagai melalui pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti pengajaran, sudah pasti pengajarannya tidak akan tercapai dengan baik.

Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa dalam proses pengajaran ini, faktor utama yang sangat memainkan peranannya ialah guru. Guru merupakan orang yang sangat bertanggungjawab dalam proses penyampaian maklumat pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar-pelajar. Tanpa guru, maka proses ini tidak akan berlaku. Jelaslah di sini, bahawa guru seharusnya sentiasa berusaha meningkatkan proses pengajaran dan menentukan keberkesanan pengajarannya melalui kaedah pengajaran yang sesuai.

Oleh itu, pengajaran yang efektif juga akan mempunyai ciri-ciri tertentu seperti mempelbagaikan strategi pengajaran, berpusatkan pelajar, mengambil kira perbezaan



individu pelajar, pengurusan masa yang baik, penggunaan set induksi yang menarik dan hasil pembelajaran jelas dan tercapai bertepatan dengan isi pelajaran yang telah dirancang. Dengan itu, seseorang guru perlu kreatif dalam merancang dan melaksanakan proses pengajaran di dalam bilik darjah. Seseorang guru yang kreatif boleh memupuk atau meningkatkan daya kreativiti pelajar-pelajarnya dan merangsang minat pelajar terhadap mata pelajaran yang diajar.

## **2.11 Kesimpulan**

Sebagai kesimpulannya, guru merupakan aset terpenting dalam proses pengajaran. Guru perlu bijak memainkan peranan dengan sebaik mungkin untuk memastikan objektif pengajaran tercapai dengan jayanya. Guru perlu memahami bahawa tidak terdapat satu kaedah tertentu yang benar-benar sesuai untuk semua pelajar dalam setiap masa. Justeru, kejayaan dan keberkesanan pengajaran adalah bertunjangkan kepada kemahiran dan kreativiti guru dalam melaksanakan sesuatu kaedah pengajaran. Guru yang berjaya memilih kaedah yang baik, kreatif dan dinamik akan menghasilkan pembelajaran yang benar-benar bermakna.

Oleh itu, setiap guru haruslah menguasai ilmu yang berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar. Guru juga seharusnya menguasai ilmu pedagogi untuk diaplikasikan dalam proses pengajaran. Penggunaan kaedah pengajaran yang baik dan berkesan akan mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif dan menarik. Tugas ini perlu dilaksanakan dengan penuh tanggung jawab ke arah melahirkan pelajar yang cemerlang dalam pelajaran.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 Pendahuluan**

Bab ini menjelaskan beberapa perkara yang berkaitan dengan prosedur pelaksanaan kajian dari segi kaedah mengumpul dan menganalisis data. Bab ini memberi fokus kepada aspek-aspek berikut;

- i. Reka bentuk kajian
- ii. Populasi dan Sampel kajian
- iii. Instrumen kajian
- iv. Pengumpulan data
- v. Prosedur kajian
- vi. Kajian Rintis
- vii. Analisis data.
- viii. Kesahan dan Kebolehpercayaan
- ix. Kesimpulan

#### **3.1 Reka bentuk kajian**

Reka bentuk kajian berfungsi sebagai panduan dan hala tuju sesuatu kajian. Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan (*survey*) dan ia merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimental yang paling popular, yang digunakan dalam pelbagai bidang. Menurut Chua Yan Piaw (2006:107-108), kajian tinjauan ini popular kerana ciri-ciri berikut;

- i. Penggunaan yang menyeluruh iaitu, ia boleh digunakan untuk menyatakan pelbagai jenis soalan seperti isu dan masalah pada pelbagai perspektif.
- ii. Cara pengendalian yang digemari dan ia dilakukan melalui pemberian soal selidik atau temu bual atau kedua-duanya sekali.
- iii. Cara memungut data yang cepat dan maklumat yang terus serta jawapan subjek dapat dikumpulkan secara terus dalam masa yang singkat.
- iv. Penggunaan saiz sampel yang besar kerana kajian ini boleh menggunakan saiz sampel yang besar.
- v. Keupayaan keputusan kajian ini dapat digeneralisasikan kepada populasi dengan tepat dan berkesan.

Penggunaan soal selidik adalah untuk mendapatkan data dan data yang dipungut merupakan data terkini dan fleksibel yang membolehkan data digunakan terus untuk masalah yang dikaji (Mohd Sheffie Abu Bakar, 1991:50).

Fink dan Kasecoff (1985) dalam Norasmah Osman (2002:157) menyatakan bahawa kaedah tinjauan adalah antara kaedah yang baik digunakan dalam kajian yang bertujuan untuk mencari dan mengumpul maklumat mengenai perasaan, motivasi, perancangan, kepercayaan, personal, pendidikan atau berkenaan sesuatu program, terus daripada responden.

Oleh itu, penulis memilih reka bentuk kajian tinjauan (*survey*) dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah kuantitatif berdasarkan tinjauan melalui soal selidik dan kaedah kualitatif dengan pengumpulan data melalui pemerhatian dan temu bual. Ia bertujuan untuk melihat penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan. Kajian ini dilakukan secara deskriptif iaitu melaporkan maklumat-maklumat daripada tinjauan yang dijalankan. Maklumat-maklumat yang diperlukan untuk membuat kajian ini didapati daripada set soal selidik yang telah dibentuk dan temu bual. Di samping itu juga, pemerhatian atau pencerapan dilakukan bagi membekalkan maklumat untuk memahami dan menganalisis aktiviti yang berlaku dalam proses pengajaran yang diamalkan oleh guru-guru j-QAF. Maklumat-maklumat yang terkumpul hasil daripada kaedah pengumpulan data tersebut akan dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif.

### **3.2 Populasi dan sampel kajian**

Populasi merupakan subjek yang dianggap sebagai satu kumpulan berdasarkan kriteria tertentu atau satu set kriteria yang ditentukan oleh penyelidik. Sampel pula adalah sekumpulan subjek yang terpilih dari satu populasi (Ward Mitchell Cates, 1990:3)

Menurut Rohana Yusof (2003:83) populasi dan persampelan merupakan satu langkah penting dalam memulakan sesuatu penulisan kerana konsepnya yang penting dan perlu dirangka dengan baik dalam memungut data. Pada asasnya, persampelan dilakukan dengan memilih sebahagian daripada populasi yang telah dikenal pasti bagi tujuan membuat kesimpulan berkaitan keseluruhan populasi dalam menjalankan sesuatu

kajian. Justeru, sampel ialah sebahagian daripada populasi yang dipilih dengan menggunakan satu kaedah pemilihan sampel bagi mewakili keseluruhan populasi.

Penulis menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik dalam kajian ini kerana penggunaannya mudah dikendalikan terutama kajian yang dijalankan adalah daripada saiz sampel yang luas dan besar. Populasi kajian terdiri daripada guru-guru yang mengajar Bahasa Arab di bawah program j-QAF di dua buah negeri iaitu, Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Antara sebab pemilihan negeri ini adalah kerana lokasi yang hampir dengan penulis dan faktor kesediaan pihak berkenaan untuk membenarkan kajian dijalankan. Dengan lokasi yang hampir membolehkan penulis senang berurusan dan menjalankan pemerhatian serta menjimatkan kos. Pemilihan negeri ini juga berdasarkan “persampelan bertujuan”.

Saiz sampel kajian tinjauan biasanya lebih besar berbanding dengan saiz sampel yang digunakan dalam kaedah eksperimental. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999:38), 30% sampel daripada keseluruhan populasi sudah mencukupi untuk menggambarkan populasi tersebut. Manakala Krejcie dan Morgan (1970) dalam Chua Yan Piaw (2006:186), berdasarkan kepada pengiraannya, beliau telah menyenaraikan saiz sampel yang berpadanan dengan saiz populasi kajian dalam jadual penentuan saiz sampel. Jadual 3.1 di bawah adalah merupakan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970).

Jadual 3.1: Jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970).

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
10	10	150	108	460	210
15	14	160	113	480	214
20	19	170	118	<b>500</b>	<b>217</b>
25	24	180	123	550	226
30	28	190	127	600	234
35	32	200	132	650	242
40	36	210	136	700	248

Jadual 3.1 menunjukkan penentuan saiz sampel yang telah disarankan oleh Krejcie dan Morgan. Ia menunjukkan bahawa sekiranya bilangan populasi 10 orang, maka bilangan sampel dipilih juga 10 orang. Sekiranya bilangan populasi 150 orang, maka bilangan sampel dipilih seramai 108 orang. Manakala jika bilangan populasi 700 orang, maka bilangan sampel dipilih seramai 248 orang.

Berikut adalah bilangan guru j-QAF di dua buah negeri iaitu Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengikut kohort (Sumber daripada data terkini program j-QAF dapatan pada 20 Julai 2008 oleh Unit j-QAF, BKPIM, JAPIM, KPM).

Jadual 3.2: Bilangan guru j-QAF mengikut kohort

Negeri	Kohort 2005	Kohort 2006	Kohort 2007	Jumlah
Kelantan	73	88	180	341
W.P K.Lumpur	43	36	85	164
Jumlah	116	124	265	<b>505</b>

Berdasarkan jadual 3.2, bilangan guru j-QAF pada tahun 2005 untuk negeri Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah seramai 116 orang, bagi tahun 2006 jumlahnya ialah seramai 124 orang dan tahun 2007 pula jumlahnya seramai 265 orang. Jumlah keseluruhan guru j-QAF untuk 3 tahun tersebut ialah seramai 505 orang.

Oleh itu, berpandukan kepada jadual penentuan saiz sampel yang telah ditetapkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), penulis memilih seramai 217 orang guru j-QAF sebagai sampel kajian. Jesteru itu, kajian ini memfokuskan kepada 217 orang guru j-QAF yang mempunyai pengkhususan dalam bidang bahasa Arab yang dipilih secara rawak

Pada keseluruhannya, semua guru tersebut adalah berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dari pelbagai institusi pengajian tinggi dalam negara atau luar negara. Mereka telah mendapat latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru Malaysia di bawah program Kursus Perguruan Lepas Ijazah, Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (KPLI LPBS j-QAF).

Mereka ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Arab yang merupakan salah satu daripada model-model j-QAF yang diperkenalkan atau dikenali sebagai Model Perluasan Bahasa Arab Komunikasi. Mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi merupakan salah satu daripada mata pelajaran bahasa Tambahan dan diperluaskan kepada semua murid dengan mewajibkan kepada semua murid beragama Islam dan memberi pilihan kepada murid bukan beragama Islam.

Manakala untuk temu bual pula, penulis menjalankan temu bual ke atas dua orang guru untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab serta mendapatkan pandangan dan pendapat daripada responden tersebut. Tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun bahawa salah satu faktor kejayaan dan kegagalan pelajar dalam menguasai sesuatu mata pelajaran, sebahagian besarnya adalah berpunca daripada kaedah dan cara pengajaran guru. Oleh itu, sesi temu bual ini penting dijalankan untuk mendapatkan pendapat dan pandangan daripada mereka kerana mereka terlibat secara langsung dengan proses pengajaran di dalam bilik darjah.

Untuk memantapkan lagi kajian ini, penulis menjalankan pemerhatian ke atas seorang guru j-QAF. Penulis sendiri menjalankan pemerhatian terhadap proses pengajarannya di dalam bilik darjah selama satu jam. Penulis melihat sejauh mana kaedah yang digunakan oleh guru tersebut memberi sumbangan ke arah keberkesanan pengajaran mereka khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

### **3.3 Instrumen kajian**

Menurut Tuckman (1978) dalam Fowzia Osman (2002:54) menyatakan soal selidik dan temu bual merupakan dua cara yang bekesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden selain membuat pemerhatian terhadap tingkah laku mereka. Untuk memperoleh data bagi menjawab semua soalan kajian, penulis menggunakan tiga instrumen iaitu;

- i. Soal selidik
- ii. Temu bual
- iii. Pemerhatian



Instrumen soal selidik, temu bual dan senarai semak pemerhatian telah dibina dengan mematuhi langkah-langkah pembinaan instrumen seperti kajian rintis, kesahan dan kebolehpercayaan. Penulis membina instrumen soal selidik terlebih dahulu kemudian dijalankan kajian rintis. Maklumat kajian rintis soal selidik dijadikan asas untuk membina instrumen pemerhatian. Seterusnya ia dijadikan asas pula untuk membina soalan temu bual.

### **3.3.1 Soal selidik**

Kajian bersifat tinjauan biasanya menggunakan soal selidik sebagai instrumen asas untuk mendapatkan data. Ini kerana bentuk soal selidik adalah kaedah terbaik untuk mendapatkan banyak data daripada jumlah responden yang besar dalam masa yang singkat.

Menurut Rohana Yusof (2003:132), soal selidik adalah alat formal yang digunakan bagi memperoleh maklumat secara langsung daripada responden mengenai sesuatu perkara yang dikaji oleh seseorang penulis. Salah satu sebab lagi mengapa tinjauan soal selidik popular adalah kerana penyelidik boleh merancang analisis data lebih awal berdasarkan pembinaan instrumen yang boleh memudahkan lagi kaedah penyelidikan.

Soal selidik digunakan sebagai kaedah mendapatkan data dalam kajian kerana ia merupakan cara yang berkesan untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang ramai (Wiersma,2000, Fraenkel & Wallen, 1996, dalam Mohd Nasrudin Basar, 2004:188).

Satu set soal selidik digunakan sebagai alat kajian. Soal selidik ini dibina hasil daripada rujukan dan pengubahsuaian yang dilakukan oleh penulis setelah meneliti bentuk soal selidik yang terdapat dalam tesis-tesis terdahulu dan berdasarkan tinjauan literatur yang relevan dalam bab 2. Penulis telah mengadakan perbincangan dengan penyelia dan beberapa orang pakar sebelum melaksanakannya di sekolah dan instrumen soal selidik ini juga telah disahkan oleh pakar yang berkaitan dengan bidang kajian. Soal selidik dibina untuk memudahkan responden memberikan reaksi sebenar terhadap apa juga pertanyaan yang dikemukakan. Ia memberikan masa kepada responden untuk berfikir sebelum menjawabnya.

Soal selidik ditujukan kepada banyak responden pada masa yang sama di samping membolehkan keseragaman dalam situasi pengukuran kerana setiap responden memberi tindakbalas kepada soalan yang sama. Secara kesimpulannya, data yang diperolehi nanti akan lebih tekal semasa dianalisis dan ditafsir.

Kebolehpercayaan soal selidik juga adalah tinggi kerana responden dapat menjawab dengan serta merta dan membolehkan generalisasi kuantitatif dibuat tentang populasi (Doby,1967, Charles, Eliot & Louise, 1991, dalam Mohd Nasrudin Basar, 2004:189)

Pemberian soal selidik kepada guru-guru j-QAF yang mengajar Bahasa Arab di sekolah kebangsaan di negeri Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang kaedah pengajaran yang digunakan dalam proses pengajaran Bahasa Arab dan mengetahui kemahiran-kemahiran yang digunakan oleh guru tersebut dari awal pengajaran sehingga penutup proses pengajaran.

Soal selidik ini mengandungi soalan-soalan yang mempunyai pilihan jawapan dan bagi soalan yang memerlukan komen responden, item terbuka (open ended) digunakan. Dalam soal selidik ini terdapat empat bahagian iaitu;

### **1. BAHAGIAN 1 (Amalan Pengajaran Guru)**

Bahagian ini berkaitan dengan amalan pengajaran guru di dalam bilik darjah. Bahagian ini terbahagi kepada lima bahagian iaitu;

- Pertama : Penulis mencungkil mengenai persepsi guru terhadap pelaksanaan kurikulum dan pengajaran Bahasa Arab
- Kedua : Perancangan pengajaran
- Ketiga : Strategi pelaksanaan kaedah pengajaran
- Keempat : Keberkesanan kaedah pengajaran Bahasa Arab yang digunakan oleh guru dalam menyampaikan pengajaran.
- Kelima : Pemilihan kaedah mengikut keutamaan berdasarkan pelaksanaan kaedah yang telah dijalankan.

Ia dirangka berpandukan kepada objektif berikut;

- i. Mengenal pasti persepsi guru terhadap pelaksanaan kurikulum dan pengajaran Bahasa Arab.
- ii. Menerangkan kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh guru-guru Bahasa Arab.

- iii. Menilai pandangan guru mengenai keberkesanan penggunaan kaedah pengajaran yang boleh membantu dalam mencapai hasil pembelajaran Bahasa Arab.
- iv. Mengemukakan langkah penambahbaikan yang sesuai dan berkesan untuk digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab.

**Pertama : Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Kurikulum dan Pengajaran Bahasa Arab.**

Dalam bahagian ini, penulis mencungkil persepsi guru terhadap pelaksanaan kurikulum dan pengajaran Bahasa Arab. Bahagian ini juga mengandungi 41 soalan dan terbahagi kepada 3 bahagian iaitu;

Bahagian A : Bahan pengajaran

Bahagian B : Pengetahuan tentang kaedah-kaedah pengajaran Bahasa Arab

Bahagian C : Kemahiran pedagogi

Soal selidik ini menggunakan skala likert 5 markat. Ia berdasarkan kepada pemilihan skala 1 hingga 5 iaitu;

1. Sangat Tidak setuju (STS)
2. Tidak setuju (TS)
3. Kurang setuju (KS)
4. Setuju (S)
5. Sangat setuju (SS)

## **Kedua : Perancangan Pengajaran**

Bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang perancangan yang telah dibuat oleh guru sebelum menjalankan proses pengajaran Bahasa Arab. Bahagian ini mempunyai 11 soalan.

Soal selidik ini menggunakan skala likert 5 mata iaitu;

1. Jarang sekali (JS)
2. Jarang (J)
3. Agak kerap (AK)
4. Kerap (K)
5. Sangat kerap (SK)

## **Ketiga : Strategi Pelaksanaan Kaedah Pengajaran**

Soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai kekerapan dan kepelbagaian penggunaan strategi pelaksanaan kaedah pengajaran Bahasa Arab untuk mencapai hasil pembelajaran. Bahagian ini mempunyai 23 soalan. Ia terbahagi kepada 2 bahagian iaitu;

Bahagian A : Pelaksanaan proses pengajaran

Bahagian C : Pelaksanaan kaedah pengajaran.

Soal selidik ini menggunakan skala likert 5 mata iaitu;

1. Jarang sekali (JS)
2. Jarang (J)
3. Agak kerap (AK)
4. Kerap (K)
5. Sangat kerap (SK)

#### **Keempat : Keberkesanan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab**

Soal selidik dalam bahagian ini bertujuan untuk mendapat maklumat tentang pandangan guru mengenai keberkesanan penggunaan kaedah pengajaran yang boleh membantu dalam mencapai hasil pembelajaran Bahasa Arab. Bahagian ini ada 12 soalan.

Soal selidik ini juga menggunakan skala likert 5 mata iaitu;

1. Sangat tidak membantu (STM)
2. Tidak membantu (TM)
3. Kurang membantu (KM)
4. Membantu (M)
5. Sangat membantu (SM)

#### **Kelima : Pemilihan Kaedah Mengikut Urutan Keutamaan Berdasarkan Pelaksanaan Kaedah Yang Telah Dijalankan.**

Soal selidik dalam bahagian ini bertujuan untuk mengetahui kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran Bahasa Arab. Guru diminta untuk menyenaraikan lima kaedah yang sering digunakan mengikut urutan keutamaannya dari segi keberkesanan.

## **2. : BAHAGIAN 2 (Penilaian Kendiri Atau Refleksi Terhadap Proses Pengajaran Yang Telah Dilaksanakan)**

Bahagian ini menilai sejauh mana hasil pembelajaran Bahasa Arab dapat dicapai dan dilaksanakan dalam proses pengajaran serta diikuti oleh pelajar. Maklumat yang diperolehi, membolehkan keputusan dibuat untuk memperbaiki proses pengajaran Bahasa Arab yang sedang dilaksana dan yang akan dilaksanakan. Ini semua bertujuan untuk mengemukakan langkah penambahbaikan yang sesuai dan berkesan untuk digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab. Bahagian ini mempunyai 30 soalan. Ia terbahagi kepada 3 bahagian iaitu;

Bahagian A : Aspek perancangan pengajaran

Bahagian B : Penggunaan bahan bantu mengajar

Bahagian C : Aspek pelaksanaan pengajaran.

Soal selidik ini juga menggunakan skala likert 5 mata iaitu;

1. Jarang sekali (JS)
2. Jarang (J)
3. Agak kerap (AK)
4. Kerap (K)
5. Sangat kerap (SK)

## **3. BAHAGIAN 3 (Kekangan Dalam Pengajaran Bahasa Arab)**

Bahagian ini adalah untuk mengenal pasti kekangan yang dihadapi oleh guru Bahasa Arab dalam pengajaran Bahasa Arab. Maklumat yang diperolehi, membolehkan keputusan dibuat untuk mengemukakan langkah penambahbaikan yang sesuai dan

berkesan untuk digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab. Bahagian ini mempunyai 22 soalan. Ia terbahagi kepada 5 bahagian iaitu;

- Bahagian A : Masa pengajaran
- Bahagian B : Murid
- Bahagian C : Bahan bantu mengajar
- Bahagian D : Kursus dan latihan
- Bahagian E : Faktor lain

Soal selidik ini menggunakan skala “ya” dan “tidak”. Dalam bahagian ini juga terdapat soalan terbuka untuk tambahan kekangan dan cadangan daripada guru-guru.

#### **4. BAHAGIAN 4 (Latar Belakang Guru)**

Bahagian ini merangkumi soalan-soalan yang berkaitan dengan latar belakang guru yang mencakupi:

1. Jantina
2. Umur
3. Institusi Ijazah pertama
4. Pengkhususan Ijazah Pertama
5. Institusi Semasa Kelayakan ikhtisas
6. Tempoh berkhidmat sebagai guru j-QAF
7. Tahap minat mengajar Bahasa Arab
8. Tahap keseronokan mengajar Bahasa Arab
9. Kursus atau bengkel yang pernah dihadiri



### **3.3.2 : Temu bual**

Bagi melengkapkan maklumat dan data yang diperoleh melalui soal selidik dan pemerhatian, penulis juga memilih kaedah tinjauan melalui temu bual untuk mendapatkan data dan untuk menguatkan data kuantitatif yang diperoleh melalui soal selidik.

Temu bual merupakan salah satu kaedah mengumpul maklumat yang utama dalam kajian tinjauan. Temu bual dapat memberikan maklumat yang tidak dapat diperhatikan secara terus (Potton, 1987, dalam Mohd Nasrudin Basar, 2004:203). Temu bual ini dilakukan secara lisan (perbualan) secara individu dan jawapan direkodkan oleh penulis secara bertulis melalui rakaman kaset.

Penggunaan kaedah temu bual juga membolehkan pengkaji mengumpul pendapat, pemikiran, pandangan dan pengalaman dalam bentuk pernyataan langsung daripada peserta kajian sendiri. Ini bertepatan dengan Nixon (1992) dalam Mohd Nasrudin Basar (2004:203) yang menyatakan bahawa melalui kutipan data secara temu bual dapat memberikan maklumat yang lebih banyak dan penjelasan yang konkrit. Maklumat yang diberikan adalah penting untuk menyemak semula atau *cross checking* bagi membuat penilaian kurikulum.

Penulis menjalankan temu bual dengan dua orang guru bagi menyokong data yang diperolehi daripada sesi soal selidik dan pemerhatian. Untuk mengelakkan bias persampelan, pemilihan responden dibuat berdasarkan cadangan daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri dengan bantuan Pegawai j-QAF dan penulis tidak mengenali guru yang ditemu bual tersebut sebelum ini. Soalan-soalan temu bual yang dirangka

oleh penulis untuk diajukan kepada guru tersebut merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan soalan kajian. Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999:116) menjelaskan bahawa kaedah ini adalah kaedah yang fleksibel kerana seseorang yang ditemu bual boleh menerangkan perkara yang tidak difahami dengan lebih lanjut lagi.

Dalam kajian kualitatif, temu bual dianggap sebagai kaedah pengumpulan data yang penting kerana temu bual membolehkan data seperti pengalaman, pemikiran dan pandangan seseorang diteroka (Fraenkel & Wallen (1996), Merriam (2001), dan Taylor & Bogdan (1984) dalam Rosli Yacob, 2006:99)

Melalui temu bual, data yang diperoleh dapat diperkukuh dan diperlengkapkan. Sehubungan dengan itu, penulis mengadakan sesi temu bual ke atas dua orang guru Bahasa Arab j-QAF sahaja setelah selesai pemerhatian. Bilangan yang ditemu bual adalah kecil, namun ia sudah mencukupi kerana ia dilakukan untuk mengukuhkan lagi data-data yang telah dikumpul melalui soal selidik dan pemerhatian.

Menurut Glaser dan Strauss (1967) dalam Chow Fook Meng (2011:90), sekiranya penyelidik menemu bual beberapa responden dan dia mendengar perkara yang sama diperkatakan oleh responden yang ditemu bual itu seperti lain maka perkara yang sama diperkatakan ini dikenali sebagai tahap tepu "*saturation point*".

Temu bual yang dijalankan untuk mengetahui serba sedikit latar belakang responden, pandangan responden terhadap profesion perguruan, pengalaman mengajar, masalah dalam pengajaran, pengetahuan tentang kaedah pengajaran Bahasa Arab dan penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab yang sering digunakan dalam proses

pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, melalui temu bual ini, penulis akan mencungkil beberapa pendapat atau cadangan mengenai kaedah yang paling menarik dan berkesan untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab khususnya di peringkat sekolah rendah.

Temu bual ini dijalankan adalah sistematik, kerana sesi temu bual tersebut akan dipersetujui secara bersama antara penulis dengan responden. Ia juga dilaksanakan secara mesra tanpa meletakkan responden dalam keadaan tertekan. Hal ini adalah kerana penulis dapat menjalankan temu bual pada bila-bila masa yang boleh diluangkan oleh guru iaitu seperti masa guru rehat atau tidak mengajar. Perbincangan temu bual ini dirakam menggunakan pita rakaman untuk memastikan segala maklumat yang diberikan tidak tercicir.

Temu bual ini boleh dilaksanakan dengan pelbagai cara mengikut kegemaran pengkaji. Menurut Chua Yan Piaw (2006:114), temu bual boleh dikategorikan kepada tiga jenis iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi-struktur dan temu bual tidak berstruktur. Penulis memilih bentuk soalan temu bual jenis semi-struktur.

Format kaedah temu bual semi-struktur ini ialah terletak di antara temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Dalam temu bual semi-struktur ini, penulis menyoal sebilangan soalan formal yang telah dibina sebelum sesi temu bual dijalankan, tetapi penemubual atau penulis bebas menyoal dan menjelajah lebih mendalam jawapan soalan responden kepada satu soalan formal yang telah ditanya.

Menurut Chua Yan Piaw (2006:133), beliau menyarankan bilangan item yang paling sesuai untuk ditanya untuk temu bual individu ialah 10 sahaja. Bilangan minimumnya ialah 5 item dan bilangan maksimumnya ialah 20 item. Oleh itu, penulis memilih untuk mengajukan sebanyak lima belas soalan sahaja kepada responden.

Temu bual ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu;

a) Bahagian I:

Dalam bahagian ini terdapat 10 item soalan temu bual yang diajukan kepada responden. Maklumat yang ingin dikumpul dalam bahagian ini adalah mengenai serba sedikit latar belakang responden, pandangan responden terhadap profesion perguruan, pengalaman mengajar, masalah dalam pengajaran, pengetahuan tentang kaedah pengajaran Bahasa Arab.

b) Bahagian II:

Manakala bahagian ini, hanya 5 soalan sahaja diajukan kepada responden. Soalan dalam bahagian ini tertumpu kepada penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab yang sering digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta mencungkil beberapa pendapat atau cadangan mengenai kaedah yang paling menarik dan berkesan untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab khususnya di peringkat sekolah rendah. Penulis juga membuka ruang kepada responden untuk memberikan komen dan cadangan serta langkah penambahbaikan untuk pengajaran Bahasa Arab dan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid-murid j-QAF khususnya.

Untuk sesi temu bual, penulis telah menjalankan temu bual dengan responden terlibat secara berasingan. Penulis telah menerangkan kepada mereka tujuan kajian ini. Pada keseluruhannya penulis dapat melahirkan hubungan yang baik dengan responden. Kesemua responden memberi kerjasama semasa sesi temu bual dengan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan kepada mereka. Penulis mencatat jawapan yang diberikan oleh responden. Setelah tamat sesi temu bual, penulis sekali lagi mengulangi jawapan yang diberi oleh responden bagi mendapatkan kepastian jawapan yang dicatatkan.sepanjang tempoh pungutan data.

Daripada apa yang dinyatakan oleh Patton (1980) dalam Marohaini Yusoff (1996:162), temu bual boleh disifatkan sebagai sebuah saluran kepada penyelidik untuk mendekati dunia peserta kajian dan juga memahami apa yang sebenarnya dialami dan difikirkan oleh mereka.

Oleh itu, penulis merasakan perlu untuk menjalankan temu bual kerana memandangkan tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran Bahasa Arab dan menilai keberkesanannya. Ia juga merupakan satu cara yang cepat untuk mendapat maklumat yang lebih dalam satu masa yang singkat (Merriam, 1988 dalam Marohaini Yusoff , 1996:162)

### **3.3.3 Pemerhatian**

Pemerhatian merupakan satu cara untuk mendapatkan data dalam penyelidikan. Ia melibatkan pemerhatian terhadap perlakuan seseorang atau sesuatu kumpulan yang berada dalam situasi terkawal atau bebas (Sulaiman Ngah Razali, 1996:215)

Teknik pengumpulan data pemerhatian digunakan untuk menilai penggunaan kaedah pengajaran melalui proses pengajaran yang dijalankan dalam situasi sebenar di dalam bilik darjah. Melalui pemerhatian ini, pengkaji dapat menentukan proses yang dilaksanakan secara terus (Bogdan & Biklen, 1992 dalam Mohd Nasrudin Basar, 2004:198) dalam proses pengajaran yang dirancang.

Melalui pemerhatian juga, pengkaji dapat merapatkan diri dengan guru-guru di samping memerhati, mendengar dan melihat sendiri apa yang berlaku dalam proses pengajaran di dalam bilik darjah secara langsung. Sehubungan dengan itu, perolehan dapatan maklumat adalah realistik.

Sehubungan dengan itu, penulis juga dapat mengetahui bagaimana guru sebagai pelaksana kurikulum melaksanakan perancangan pengajaran melalui penggunaan kaedah pengajaran yang dijalankan dalam situasi sebenar di dalam bilik darjah.

Melalui amalan pemerhatian atau pencerapan terhadap proses pengajaran ini, penulis menghadiri kelas pengajaran guru Bahasa Arab j-QAF dengan mencatat maklumat yang telah disediakan dalam borang pencerapan dari awal pengajaran sehingga akhir pengajaran. Borang pemerhatian digunakan oleh penulis untuk mendapatkan maklumat tambahan sebagai pelengkap bagi borang soal selidik yang telah diisi oleh responden. Hanya seorang guru j-QAF dipilih untuk dicerap iaitu seorang guru dari sebuah sekolah di negeri Kelantan. Guru ini juga tidak dikenali oleh penulis sebelum ini. Ini untuk mengelakkan bias persampelan, pemilihan responden dibuat berdasarkan cadangan daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri dengan bantuan

Pegawai j-QAF berdasarkan kriteria kepakaran dan kesediaannya untuk diperhatikan. Maklumat yang diperolehi daripada pencerapan ini dianalisis secara kualitatif.

Kebanyakan proses pengajaran berlaku dalam bilik darjah. Oleh itu, pemerhatian di dalam bilik darjah semasa pelaksanaan pengajaran dilakukan. Di dalam kajian ini, pemerhatian di bilik darjah difokuskan kepada proses pengajaran bermula daripada awal pengajaran hingga akhir pengajaran. Tempoh pemerhatian terhadap proses pengajaran tersebut adalah selama satu jam.

Kriteria pemerhatian adalah merangkumi perkara seperti tajuk pelajaran, hasil pembelajaran, bahan bantu yang digunakan, kaedah pengajaran yang dipilih, set induksi, aktiviti pengajaran, penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan penutup.

### **3.4 Pengumpulan Data**

Dalam kajian ini beberapa kaedah pengumpulan data yang digunakan untuk menghasilkan seberapa banyak data untuk mendapatkan gambaran yang holistik tentang penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab dalam kalangan guru peringkat sekolah rendah. Untuk tujuan tersebut, kepelbagaian kaedah pengutipan data yang biasa digunakan dalam kajian adalah untuk memberi "*triangulation*" atau pengukuhan antara kaedah-kaedah yang digunakan. Kaedah tersebut ialah soal selidik, temu bual dan pemerhatian (Mohd Nasrudin Basar, 2004; Ghazali Darussalam, 2003) digunakan pada sepanjang tempoh kajian dilaksanakan. Jelaslah bahawa pengumpulan data melalui teknik triangulasi tersebut adalah sebagai sokongan dan pemantapan terhadap hasil

kajian. Kepelbagaian teknik pengumpulan data juga adalah satu cara penting untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian (Rosli Yacob, 2006:85).

Penulis telah mengumpul data melalui rujukan data sekunder dan pengumpulan data primer. Data primer dikumpul dan diperolehi 3 instrumen kajian yang dijalankan iaitu soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Melalui soal selidik, penulis mengumpul data hasil daripada jawapan yang telah diberikan oleh responden iaitu seramai 217 orang guru Bahasa Arab j-QAF yang telah dipilih secara rawak di sekolah-sekolah negeri Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Temu bual juga dijalankan ke atas dua orang guru j-QAF pengkhususan Bahasa Arab dan penulis menganalisis data secara kualitatif hasil yang diperolehi daripada temu bual tersebut.


Akhir sekali penulis juga mengumpul data dan maklumat hasil daripada pemerhatian yang dibuat sendiri oleh penulis ke atas proses pengajaran Bahasa Arab dalam bilik darjah. Seorang guru Bahasa Arab j-QAF telah dipilih untuk pemerhatian. Kaedah pengumpulan data secara kualitatif seperti temu bual dan pemerhatian adalah lebih realistik dan dapat menghasilkan interpretasi dan penghuraian yang lebih bermakna memandangkan data-data diperolehi secara terus daripada subjek kajian dan penulis pula dapat mendekati dan mengalami alam persekitaran subjek kajian semasa pengutipan data dijalankan.

Manakala melalui rujukan data sekunder, penulis merujuk tesis, buku dan jurnal yang diperolehi dari perpustakaan di beberapa buah institusi pengajian tinggi seperti Perpustakaan di Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Pendidikan Islam Bangi, Perpustakaan di Universiti Malaya, Perpustakaan di Universiti Kebangsaan Malaysia



dan Pusat Dokumentasi, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia serta Perpustakaan di Bahagian Pendidikan Guru di Putrajaya. Selain daripada itu, penulis juga melayari internet untuk mendapatkan bahan-bahan dan rujukan yang berkaitan dengan kajian ini.

Langkah bagi pengumpulan data dan penganalisan data seperti yang dinyatakan di atas digambarkan dalam Rajah 3.1 di bawah:



Rajah 3.1 : Langkah pengumpulan data dan penganalisan data

### 3.5 Prosedur Kajian

Sebelum menjalankan kajian, penulis meminta kebenaran dan permohonan rasmi daripada pihak-pihak berikut;

- i. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

- ii. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- iii. Jabatan Pelajaran Negeri iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kelantan.

Setelah mendapat kebenaran daripada pihak-pihak tersebut, penulis telah berjumpa dengan pihak-pihak tertentu seperti pegawai j-QAF, pegawai Pejabat Pelajaran Daerah negeri yang terlibat dengan kajian ini sebelum menjalankan kajian. Selain itu, penulis juga memohon kebenaran daripada guru besar sekolah terbabit sebelum menjalankan temu bual dan pemerhatian dan memberi sedikit maklumat tentang kajian yang hendak dijalankan. Selepas mendapat kebenaran, penulis berbincang dengan guru-guru terlibat dengan pemerhatian dan temu bual.

Untuk menjalankan kajian tinjauan ini pula, penulis telah menyediakan satu set borang soal selidik untuk diedarkan kepada responden untuk mendapat maklum balas dan maklumat yang berkaitan dengan tajuk iaitu "*Penggunaan kaedah Pengajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Guru-guru Peringkat Sekolah Rendah: Satu Penilaian*". Soal selidik diedarkan kepada responden melalui Pegawai j-QAF negeri yang terlibat iaitu Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pegawai j-QAF tersebut telah mengedarkan borang soal selidik kepada responden dengan bantuan Pegawai Pejabat Pelajaran Daerah (PPD). Setiap responden telah diberi satu set borang soal selidik beserta dengan sampul surat berstem 50 sen. Untuk mengelakkan bias pensampelan, penulis telah menetapkan masa pentadbiran dan kutipan data, prosedur soal selidik secara pos dipatuhi dan tempoh yang diberikan ialah selama seminggu hingga dua

minggu untuk menjawab borang soal selidik. Setiap sekolah ditempatkan seorang sahaja guru j-QAF pengkhususan Bahasa Arab.

Penulis akan memastikan setiap item dijawab oleh responden dengan jujur. Data-data dan maklumat ini akan dianalisis sendiri oleh penulis. Setelah maklumat diperolehi dan dikumpulkan barulah data-data itu dianalisis dengan menggunakan perisian komputer Statistical Package for Social Science (SPSS) 11.5.

Temu bual juga dijalankan ke atas dua orang guru Bahasa Arab j-QAF di dua buah negeri iaitu Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penulis terlebih dahulu meminta kebenaran daripada guru besar untuk menemu bual responden tersebut. Kajian ini juga menggunakan kaedah pemerhatian secara langsung pengajaran guru j-QAF Bahasa Arab dalam bilik darjah. Satu senarai semak slot pengajaran Bahasa Arab akan digunakan untuk mendapat data yang berkaitan dengan amalan pedagogi pengajaran guru dalam bilik darjah selain daripada data-data yang diperolehi melalui soal selidik yang diberikan kepada subjek kajian. Set senarai semak ini akan dibina berpandukan kajian-kajian terdahulu dan ditambah dengan aspek-aspek baru yang difikirkan perlu.

### **3.6 Kajian rintis**

Kajian rintis (*pilot study*) merupakan kajian secara kecil-kecilan yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar. Ia juga dikenali sebagai "*kajian mini*" atau "*kajian kebolehlaksanaan*". Kajian ini juga merupakan bahagian yang penting bagi sesebuah kajian yang baik, walaupun kajian yang dilakukan ini tidak dapat memastikan

kejayaan kajian utama, tetapi ia boleh membantu para pengkaji mengenal pasti tahap kebolehlaksanaan atau kemunasabahan kajian utama yang akan dijalankan (Chua Yan Piaw, 2006:257).

Kajian rintis juga bertujuan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan instrumen yang dibina, menentukan kesahan item-item dari segi ketepatan, kesesuaian istilah dan struktur ayat supaya tidak timbul kekeliruan dan salah tafsir serta memastikan kebolehpercayaan item tersebut (Mohamad Hussin Mohamad Yusof, 2006:89)

Sehubungan itu, menurut Fraenkel dan Wallen (1996) dalam Mohd Zainaphi Bin Zainal (2005:24) pula kajian rintis sebagai cubaan kajian yang dibuat secara kecilan. Tujuan utamanya ialah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian dan menentukan ketepatan dan ketekalan item-item untuk tujuan kajian.

Kajian rintis ini dijalankan untuk menguji kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik. Kesahan ujian atau instrumen merujuk kepada sejauhmanakah instrumen atau ujian itu mengukur apa yang sepatutnya diukur (Tuckman, 1978; Alias, 1992; Anastasi dan Urbina, 1977) dalam Fowzia Osman (2002:57)

Oleh itu, kajian rintis ini adalah bahagian yang penting dan perlu dijalankan kerana ia menyediakan maklumat penting bagaimana soal selidik sebenarnya memainkan peranan dalam lapangan yang ingin dikaji. Kajian rintis ini perlu dijalankan sebelum instrumen digunakan. Ia dijalankan untuk mengkaji soalan-soalan dalam soal selidik dari segi kebolehpercayaan dan kesahan item-item yang dibina oleh penulis di

samping mengenal pasti masalah-masalah yang berkaitan dengan kefahaman dan interpretasinya.

Sebelum menjalankan kajian yang sebenar, penulis telah melakukan kajian rintis. Menurut Chua Yan Piaw (2006:112) kajian ini boleh dilakukan ke atas sekumpulan subjek lain dan biasanya 30 orang subjek yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan subjek kajian. Oleh itu, penulis memilih 30 orang guru j-QAF yang mempunyai pengkhususan Bahasa Arab di negeri Selangor.

Penulis memilih subjek kajian yang bukan merupakan subjek populasi kajian di negeri Kelantan dan Wilayah Persekutuan adalah untuk mengelakkan berlaku pencemaran sampel kajian rintis. Sekiranya penulis memilih subjek kajian rintis daripada populasi dan diletakkan balik ke dalam populasi untuk kajian sebenar, ini tidak sesuai kerana subjek kajian rintis ini telah didedahkan kepada prosedur kajian dan instrumen kajian.

Manakala sekiranya subjek kajian rintis diambil daripada populasi dan tidak diletakkan balik ke dalam populasi untuk kajian sebenar, maka ia juga tidak sesuai kerana populasi telah hilang sebahagian subjeknya. Justeru itulah penulis memilih subjek kajian rintis daripada guru-guru j-QAF dari beberapa buah negeri lain selain daripada subjek populasi kajian tersebut. Subjek kajian ini juga mempunyai ciri-ciri yang sama dengan ciri-ciri subjek populasi kajian sebenar. Kajian rintis ini dijalankan pada bulan Julai 2009. Setelah kajian rintis ini selesai dijalankan, penulis menganalisis data untuk mengetahui kebolehpercayaan item yang telah dibina.

Tujuan kajian rintis ini dijalankan ialah untuk;

- i. Menguji dan membina keberkesanan alat kajian
- ii. Memastikan kesahan kandungan item yang dibina di dalam soal selidik
- iii. Memastikan responden faham istilah-istilah dan perkataan yang digunakan dalam soal selidik
- iv. Menilai kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam item soal selidik
- v. Mengenal pasti masalah yang mungkin timbul dalam kajian sebenar

Setelah selesai kajian rintis, penulis akan membaiki dan mengubahsuai sekiranya item-item soalan dalam soal selidik itu tidak sesuai. Kemudian penulis akan menjalankan kajian sebenar dan mengikut prosedur kajian yang telah ditetapkan.

### **3.7 Analisis data**

Analisis data akan dibuat secara kuantitatif dan kualitatif. Ia melibatkan kaedah kuantitatif bagi mengira jumlah dan peratusan pembolehubah-pembolehubah kajian. Data yang telah dikumpul akan dianalisis dan ia dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu ;

- a) Selepas pengumpulan borang soal selidik.
- b) Selepas pemerhatian atau pencerapan
- c) Selepas temu bual

Soal selidik yang dikumpul diproses dengan menggunakan perisian komputer SPSS. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan frekuensi, peratusan dan min. Manakala data yang dikumpul melalui temu bual dan pemerhatian akan dianalisis secara kualitatif.

### **3.8 Kesahan dan kebolehpercayaan**

Kesahan dan kebolehpercayaan merupakan perkara penting yang sering dibincangkan dalam metodologi penyelidikan. Ia bertujuan untuk menentukan kedudukan instrumen kajian yang digunakan. Instrumen yang menjadi alat untuk mengumpul data perlu tepat dan sesuai agar semua maklumat yang dikumpul diiktiraf sebagai sah dan boleh dipercayai.

Kesahan didefinisi sebagai nilai kolerasi di antara pengukuran dan nilai sebenar sesuatu variabel. Jika pengukuran yang dibuat tepat pada nilai sebenar sesuatu variabel, nilai kolerasinya adalah tinggi dan penyelidikan tersebut mempunyai kesahan yang tinggi (Chua Yan Piaw,2006:214). Bagi Kerlinger (1973) pula, kesahan kandungan bergantung kepada pengadilan semata-mata iaitu "*content validation consist essentially in judgement*"

Bagi memastikan kesahan soal selidik ini, pengkaji telah merujuk beberapa kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu. Soal selidik ini diadaptasi daripada kajian Mohd Nasaruddin Basar (2004) dengan dibuat perubahan mengikut kesesuaian kajian penulis. Hasil daripada rujukan tersebut, penulis mula membina item-item soalan yang berkaitan dengan kaedah pengajaran Bahasa Arab.

Penulis juga telah merujuk item-item soalan yang telah dibina kepada beberapa orang pakar dari Fakulti Pendidikan UM, Fakulti Pendidikan UKM dan Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan UIA bagi tujuan dikritik dan dibuat penambahbaikan supaya ianya lebih mantap. Kemudian item-item ini juga banyak kali dibincang bersama dengan penyelia penulis. Setelah penyelia dan penulis berpuas hati terhadap item-item tersebut, barulah ia dicetak dan diedar kepada responden. Hasil daripada analisis “*Statistical Package for the Social Sciences*” (SPSS) 11.5. Bagi kajian rintis, model Alpha Cronbach ini, nilai pekali kebolehpercayaan soal selidik ini pada keseluruhannya ialah 0.8886.

Menurut John Van Maanen (1983) dalam Ghazali Darusalam (2005:61) menyatakan bahawa bagi kajian penyelidikan yang menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual, pemerhatian dan dokumen sebagai satu usaha untuk mengumpulkan sebanyak mungkin maklumat atau data, penggunaan teknik triangulasi itu sendiri telah dapat memperkukuhkan kesahan kajian.

Kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan merujuk kepada keupayaan sesuatu kajian untuk memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi. Jika pengukuran pada kali yang kedua, ketiga dan seterusnya dilakukan, nilai yang diperoleh adalah serupa, maka kajian itu boleh dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Chua Yan Piaw,2006:216).

Untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan dalam pemerhatian, penulis membuat pemerhatian langsung untuk menambah nilai kebolehpercayaan maklumat-maklumat pemerhatian. Sebagai contoh penulis menggunakan teknik pemerhatian



langsung ini melalui kajian lapangan terhadap seorang guru j-QAF Bahasa Arab di sebuah sekolah di negeri Kelantan. Data-data yang diperoleh melalui pemerhatian (bagi pengajaran guru di kelas) akan dianalisis secara kualitatif.

Bagi kesahan data kualitatif, kesahan instrumen pemerhatian dan temu bual yang digunakan dapat mengesahkan triangulasi data yang diperoleh (Maaneen, 1983 dalam Mohd Nasrudin Basar, 2004:214) Kriteria pemilihan responden yang berpengetahuan, bermaklumat dan kesediaannya untuk diperhatikan dan ditemu bual dapat meningkatkan kesahan data yang diperoleh.

Konsep pengukuran reliabiliti dalam kaedah kuantitatif khasnya penggunaan soal selidik direka untuk menguji kelompok soal selidik melalui kajian rintis (*pilot study*). Penulis juga menjalankan kajian rintis ke atas soal selidik sebelum item-item daripada ujian sebenar dikenakan pada sampel sebenar. Tujuan kajian rintis dibuat adalah untuk mendapatkan ketelusan data daripada ujian percubaan melalui kumpulan kecil individu. Jumlah sampel atau responden yang digunakan dalam kajian rintis ini ialah seramai 30 orang sahaja.

Kelebihan dan rasional penggunaan pelbagai kaedah pengutipan data seperti soal selidik, temu bual dan pemerhatian memberi "*triangulation*" atau pengukuhan antara kaedah-kaedah yang digunakan. Penggunaan pelbagai kaedah pengutipan data juga memastikan pengkaji tidak hanya bergantung kepada satu kaedah. Ia juga dapat memperkukuh keesahan dalam reka bentuk kajian ini. Setiap data yang diperoleh, iaitu maklumat dan bukti diperkuatkan dengan pemerolehan maklumat dan bukti daripada kaedah dan sumber lain (Marohaini Yusoff, 1996:141-142)

### **3.9 Kesimpulan**

Hasil kajian ini dijangka akan dapat menyumbang maklumat terkini dalam usaha memperkasakan mutu pengajaran guru dan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Justeru, kajian ini diharap akan memberi sumbangan untuk mempertingkatkan kecemerlangan guru-guru Bahasa Arab ke arah keberkesanan pengajaran mereka melalui pemilihan dan penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab yang lebih dinamik dan berkualiti.

Di samping itu, kajian ini dijangka dan diharapkan akan dapat membantu para pendidik guru khususnya pensyarah di Institut Pendidikan Guru (IPG), Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam mendidik dan melahirkan bakal guru yang berkualiti serta memartabatkan profesion perguruan ke arah yang lebih cemerlang.

## **BAB 4**

### **ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 Pendahuluan**

Bab ini membentangkan dapatan kajian yang telah dikumpul bagi menjawab soalan yang telah difokuskan dalam kajian ini. Pembentangan dapatan kajian ini disusun mengikut urutan objektif dan soalan kajian. Data yang dikumpulkan melalui soal selidik dianalisis secara deskriptif berpandukan taburan kekerapan, peratusan dan nilai min bagi menjawab soalan-soalan kajian ini.

Penulis mengumpul data melalui borang soal selidik, temu bual dan pemerhatian pengajaran. Soalan soal selidik yang diedarkan dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian pertama mengenai amalan pengajaran guru dan bahagian kedua pula mengenai penilaian sendiri atau refleksi terhadap proses pengajaran yang telah dilaksanakan. Manakala dalam bahagian ketiga ialah mengenai kekangan-kekangan yang terdapat dalam pengajaran Bahasa Arab dan bahagian keempat ialah tentang latar belakang guru.

Di samping itu, analisis dapatan kajian secara kualitatif juga dibuat. Penulis mendapatkan maklumat mengenai pengajaran Bahasa Arab secara langsung melalui pemerhatian dengan menghadiri sesi pengajaran dan pembelajaran sebuah kelas dan memantau situasi sebenar proses tersebut. Temu bual juga dilakukan sebagai bukti pengukuh dapatan kajian yang dijalankan.

## **4.1 Analisis Dapatan Kajian Tinjauan**

Penulis membincangkan hasil penganalisan data serta keputusan yang diperoleh berdasarkan maklum balas daripada jawapan responden melalui soal selidik yang telah diedarkan. Penulis menganalisis data-data yang telah dikumpul dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 11.5.

Sebanyak 217 set soal selidik telah dijawab oleh responden yang telah dipilih secara rawak di dua buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kelantan. Responden tersebut ialah guru-guru j-QAF pengkhususan Bahasa Arab.

Soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian pertama ialah berkaitan dengan amalan pengajaran guru. Bahagian kedua ialah mengenai penilaian sendiri atau refleksi terhadap proses pengajaran yang telah dilaksanakan. Bahagian ketiga ialah berkaitan dengan kekangan-kekangan yang terdapat dalam pengajaran Bahasa Arab. Manakala bahagian keempat ialah berkaitan dengan latar belakang responden.

### **4.1.1 Bahagian 1: Amalan Pengajaran Guru**

Dalam bahagian ini, penulis menghuraikan beberapa perkara yang berkaitan dengan amalan pengajaran guru.

#### **4.1.1.1 : Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Kurikulum dan Pengajaran Bahasa Arab.**

Kajian ini meninjau persepsi guru j-QAF terhadap pelaksanaan kurikulum dan pengajaran Bahasa Arab. Ia melihat kepada tiga konstruk iaitu bahan pengajaran, pengetahuan guru tentang kaedah pengajaran Bahasa Arab dan kemahiran pedagogi.

Dalam kajian tentang persepsi guru terhadap bahan pengajaran, secara keseluruhannya guru j-QAF bersetuju bahawa bahan pengajaran yang dibekalkan adalah sesuai. Hal ini merujuk kepada purata min keseluruhan ialah 3.68 iaitu berada pada tahap tinggi. Bagi pernyataan tentang buku teks Bahasa Arab yang dibekalkan adalah menarik, didapati seramai 119 orang (54.8 %) telah menyatakan setuju. Seramai 82 orang (37.8%) pula yang menyatakan sangat setuju. Namun begitu, ada juga yang berpendapat tidak setuju bahawa buku teks yang dibekalkan adalah menarik. Ini menunjukkan bahawa buku teks yang dibekalkan kurang menarik mengikut persepsi mereka. Dapatan menunjukkan guru menyatakan tidak setuju seramai 2 orang sahaja iaitu 0.9% sahaja. Manakala kurang setuju, terdapat seramai 14 orang guru (6.5%). Dengan ini bermakna buku teks yang dibekalkan adalah menarik antara min 3.00 hingga 4.64. Nilai min keseluruhannya ialah 4.29.

Manakala persepsi guru terhadap pernyataan buku teks Bahasa Arab yang dibekalkan adalah mudah difahami, terdapat seramai 125 orang (57.6%) yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Didapati juga seramai 69 orang (31.8%) yang sangat setuju bahawa buku teks Bahasa Arab yang dibekalkan adalah mudah difahami. Seramai 20 orang (9.2%) pula yang menyatakan kurang setuju dan seramai 3 orang (1.4%) sahaja yang menyatakan tidak setuju. Nilai min keseluruhannya ialah 4.19. Nilai min tersebut

adalah di antara 3.00 hingga 4.78. Ini jelas membuktikan kebanyakan guru menyatakan persetujuan bahawa buku teks Bahasa Arab yang dibekalkan adalah mudah difahami iaitu seramai 194 orang (89.4%).

Seramai 151 orang (69.6%) yang menyatakan setuju bahawa Sukatan Pelajaran (SP) yang dibekalkan adalah mudah difahami dengan nilai min 4.79. Selain itu, hasil kajian ini juga mendapati seramai 48 orang (22.1%) yang menyatakan sangat setuju dengan nilai min sebanyak 4.21. Ini bermakna kebanyakan guru menyatakan persetujuan terhadap Sukatan Pelajaran (SP) yang dibekalkan adalah mudah difahami iaitu seramai 199 orang (91.7%).

Manakala 14 orang (6.5%) pula menyatakan kurang setuju terhadap pernyataan tersebut. Di samping itu, terdapat juga guru yang menyatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Seramai 2 orang (0.9%) menyatakan tidak setuju dan seramai 2 orang (0.9%) juga yang sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Nilai min keseluruhan ialah 4.11.

Mengenai pernyataan Sukatan Pelajaran membantu saya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab, didapati seramai 129 orang guru (59.4%) yang setuju dengan pernyataan tersebut dan seramai 73 orang (33.6%) yang sangat setuju. Terdapat juga seramai 15 orang (6.9%) sahaja yang kurang setuju dengan pernyataan tersebut dan ini menunjukkan bahawa Sukatan Pelajaran Bahasa Arab tidak dapat membantu mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran mengikut persepsi mereka. Nilai min bagi pernyataan di atas adalah di antara 3.73 hingga 4.50. Nilai min keseluruhannya ialah 4.27.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa seramai 121 orang (55.8%) yang bersetuju menyatakan kandungan sukatan pelajaran bahasa Arab adalah sesuai untuk murid. Seramai 48 orang (22.1%) pula yang sangat bersetuju bahawa kandungan sukatan pelajaran bahasa Arab adalah sesuai untuk murid. Di samping itu, didapati seramai 44 orang (20.3%) yang kurang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat juga seramai 3 orang sahaja iaitu 1.4% yang tidak bersetuju dan 1 orang (0.5%) yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Nilai min bagi pernyataan di atas adalah di antara 2.00 hingga 4.68. Nilai min keseluruhannya ialah 3.98.

Dari segi matlamat bahasa Arab yang terkandung dalam sukatan pelajaran adalah kurang jelas, didapati seramai 81 orang (37.3%) yang menyatakan kurang bersetuju. Seramai 66 orang (30.4%) yang tidak setuju dan seramai 19 orang (8.8%) pula yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Ini bermakna bahawa matlamat bahasa Arab yang terkandung dalam sukatan pelajaran adalah jelas mengikut persepsi mereka. Walau bagaimanapun terdapat juga seramai 46 orang (21.2%) yang bersetuju bahawa matlamat bahasa Arab yang terkandung dalam sukatan pelajaran adalah kurang jelas dan seramai 5 orang sahaja (2.3%) yang sangat bersetuju dengan pernyataan di atas. Nilai min keseluruhannya ialah 2.78.

Jadual 4.1 juga menunjukkan sebahagian besar guru j-QAF bersetuju dengan pernyataan objektif setiap kemahiran bahasa Arab adalah mudah difahami. iaitu seramai 149 orang (68.7%). Manakala yang menyatakan sangat bersetuju pula ialah seramai 34 orang (15.7%) dan yang kurang bersetuju dengan pernyataan tersebut ialah seramai 34 orang (15.7%) juga.

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat pelbagai persepsi guru terhadap pernyataan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) yang dibekalkan adalah sukar difahami. Sebilangan besar guru kurang bersetuju bahawa Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) yang dibekalkan adalah sukar difahami ialah seramai 88 orang (40.6%), tidak bersetuju seramai 69 orang (31.8%) dan sangat tidak setuju seramai 26 orang (12.0%). Ini menunjukkan bahawa HSP yang dibekalkan adalah mudah difahami menurut persepsi mereka. Namun begitu, terdapat juga yang menyatakan setuju bahawa Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) yang dibekalkan adalah sukar difahami iaitu seramai 31 orang (14.3%) dan sangat bersetuju seramai 3 orang (1.4%) sahaja. Nilai min keseluruhannya ialah 2.61.

Seramai 80 orang (36.9%) pula yang kurang bersetuju bahawa HSP kurang membantu mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab, tidak bersetuju seramai 70 orang (32.3%) dan sangat tidak setuju seramai 31 orang (14.3%). Ini bermakna bahawa HSP dapat membantu mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Namun begitu, terdapat juga sebilangan kecil guru yang bersetuju dan sangat bersetuju bahawa HSP kurang membantu mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Hasil kajian menunjukkan seramai 30 orang (13.8%) yang bersetuju dan sangat bersetuju hanya 6 orang (2.8%) sahaja. Nilai min keseluruhannya ialah 2.59.

Bagi pernyataan buku panduan guru (دَلِيلُ الْمُعَلِّمِ) dapat membantu dalam merancang pengajaran dalam bilik darjah, didapati seramai 136 orang (62.7%) yang bersetuju dan seramai 73 orang (33.6%) yang sangat setuju. Manakala seramai 6 orang (2.8%) kurang bersetuju dan 2 orang (0.9%) sahaja yang tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Nilai min keseluruhannya ialah 4.29.



Jadual 4.1 juga menunjukkan seramai 130 orang (59.9%) menyatakan bersetuju bahawa buku kerja yang disediakan adalah sesuai dengan isi kandungan buku teks dan seramai 77 orang (35.5%) yang sangat setuju. Ini menunjukkan pada keseluruhannya, pernyataan tersebut telah dipersetujui oleh guru iaitu seramai 207 orang (95.4%). Namun begitu, terdapat juga yang kurang bersetuju dengan pernyataan tersebut iaitu hanya 7 orang (3.2%) dan 3 orang (1.4%) sahaja yang tidak bersetuju. Ini bermakna buku kerja yang dibekalkan kurang sesuai dengan isi kandungan buku teks menurut persepsi mereka. Nilai min tersebut adalah di antara 3.66 hingga 4.58. Nilai min keseluruhannya ialah 4.29.

Hasil kajian juga menunjukkan terdapat pelbagai persepsi guru terhadap pernyataan bahan bantu mengajar yang dibekalkan oleh KPM adalah kurang sesuai dan tidak menarik. Terdapat seramai 93 orang (42.9%) yang kurang bersetuju dengan nilai min 4.38, 56 orang (25.8%) tidak setuju dengan nilai min 4.32 dan 21 orang (9.7%) sangat tidak setuju dengan nilai min 4.57. Ini menunjukkan pada keseluruhannya, pernyataan tersebut tidak dipersetujui oleh guru-guru iaitu seramai 170 orang (78.3%). Ini bermakna bahan bantu mengajar yang dibekalkan oleh KPM adalah sesuai dan menarik. Di samping itu, terdapat juga seramai 35 orang (16.1%) menyatakan bersetuju dan seramai 12 orang (5.5%) sahaja pula yang sangat bersetuju bahawa bahan bantu mengajar yang dibekalkan oleh KPM adalah kurang sesuai dan tidak menarik. Nilai min keseluruhan bagi pernyataan bahan bantu mengajar yang dibekalkan oleh KPM adalah kurang sesuai dan tidak menarik ialah 2.82.

Jadual 4.1: Taburan kekerapan amalan pengajaran mengenai persepsi guru terhadap bahan pengajaran

Butiran	%					Min	S.P
	STS	TS	KS	S	SS		
<b>Bahan Pengajaran</b>							
1. Buku teks Bahasa Arab yang dibekalkan adalah menarik.		2 0.9%	14 6.5%	119 54.8%	82 37.8%	4.29	0.627
2. Buku teks Bahasa Arab yang dibekalkan adalah mudah difahami.		3 1.4%	20 9.2%	125 57.6%	69 31.8%	4.19	0.654
3. Sukatan Pelajaran (SP) yang dibekalkan adalah mudah difahami.	2 0.9%	2 0.9%	14 6.5%	151 69.6%	48 22.1%	4.11	0.628
4. SP membantu saya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab			15 6.9%	129 59.4%	73 33.6%	4.27	0.579
5. Kandungan sukatan pelajaran Bahasa Arab adalah sesuai untuk murid.	1 0.5%	3 1.4%	44 20.3%	121 55.8%	48 22.1%	3.98	0.722
6. Matlamat Bahasa Arab yang terkandung dalam sukatan pelajaran adalah kurang jelas.	19 8.8%	66 30.4%	81 37.3%	46 21.2%	5 2.3%	2.78	0.955
7. Objektif setiap kemahiran bahasa Arab adalah mudah difahami			34 15.7%	149 68.7%	34 15.7%	4.00	0.561
8. Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) yang dibekalkan adalah sukar difahami.	26 12.0%	69 31.8%	88 40.6%	31 14.3%	3 1.4%	2.61	0.921
9. HSP kurang membantu saya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab	31 14.3%	70 32.3%	80 36.9%	30 13.8%	6 2.8%	2.59	0.987
10. Buku panduan guru ( دليل المعلم ) membantu saya merancang pengajaran dalam bilik darjah		2 0.9%	6 2.8%	136 62.7%	73 33.6%	4.29	0.564
11. Buku kerja yang disediakan sesuai dengan isi kandungan buku teks.		3 1.4 %	7 3.2%	130 59.9%	77 35.5%	4.29	0.597

Jadual 4.1, sambungan

Butiran	%					Min	S.P
	STS	TS	KS	S	SS		
12. Bahan bantu mengajar yang dibekalkan oleh KPM adalah kurang sesuai dan tidak menarik.	21	56	93	35	12	2.82	0.999
	9.7%	25.8%	42.9%	16.1%	5.5%		
Min Keseluruhan						3.68	

$n = 217$

STS Sangat Tidak Setuju

TS Tidak Setuju

KS Kurang Setuju

S Setuju

SS Sangat Setuju

S.P Sisihan Piawai

Jadual 4.2 menunjukkan persepsi guru terhadap pengetahuan kaedah pengajaran Bahasa Arab. Pada keseluruhannya, guru menyatakan persetujuan terhadap pernyataan bahawa penekanan kepada sesuatu kaedah pengajaran merupakan cara yang sesuai dan berkesan dengan nilai min 4.52 hingga 4.92. Seramai 143 orang (65.9%) bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala seramai 40 orang (18.4%) menyatakan sangat bersetuju. Seramai 23 orang (10.6%) pula menyatakan kurang setuju, 8 orang (3.7%) tidak bersetuju dan 3 orang (1.4%) sahaja sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Ia menunjukkan pada keseluruhannya, pernyataan tersebut telah dipersetujui oleh guru-guru iaitu seramai 183 orang (84.3%). Ini bermakna penekanan kepada sesuatu kaedah pengajaran merupakan cara yang sesuai dan berkesan. Nilai min keseluruhannya ialah 3.96.

Hasil kajian juga menunjukkan pada keseluruhannya pernyataan mempelbagaikan kaedah pengajaran dapat membantu murid memahami isi pelajaran telah dipersetujui oleh semua guru. Seramai 129 orang (59.4%) sangat bersetuju dan

seramai 88 orang (40.6%) pula bersetuju dengan pernyataan tersebut. Nilai min keseluruhan bagi pernyataan tersebut ialah 4.59.

Selain itu, bagi pernyataan 3 iaitu memilih kaedah pengajaran yang sesuai dapat memenuhi keperluan pembelajaran individu, juga telah dipersetujui ramai oleh guru-guru dengan nilai min antara 3.83 hingga 4.10. Seramai 114 orang (52.5%) menyatakan bersetuju dan 101 orang (46.5%) pula menyatakan sangat bersetuju. Terdapat seramai 2 orang (0.9%) sahaja kurang bersetuju. Nilai min keseluruhan bagi pernyataan tersebut ialah 4.46.

Hasil soal selidik juga mendapati pernyataan 4 iaitu memilih kaedah pengajaran yang sesuai dapat memenuhi keperluan pembelajaran secara kumpulan, telah dipersetujui ramai oleh guru-guru. Seramai 125 orang (57.6%) bersetuju dan 90 orang (41.5%) pula menyatakan sangat bersetuju terhadap pernyataan itu. Hanya 1 orang (0.5%) sahaja kurang bersetuju dan 1 orang (0.5%) juga menyatakan sangat tidak bersetuju. Nilai min keseluruhan bagi pernyataan tersebut ialah 4.40.

Dapatan kajian juga menunjukkan penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai dapat merangsang dan mengekalkan perhatian murid, pada keseluruhannya telah dipersetujui oleh semua guru kecuali 1 orang (0.5%) sahaja menyatakan kurang setuju. Seramai 109 orang (50.2%) bersetuju dan 107 orang (49.3%) sangat bersetuju penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai dapat merangsang dan mengekalkan perhatian murid. Nilai min keseluruhan bagi pernyataan di atas ialah 4.49.

Manakala bagi pernyataan 6 iaitu penggunaan kaedah mengajar yang sesuai dapat meningkatkan prestasi pencapaian murid, juga dipersetujui ramai oleh guru. Seramai 116 orang (53.5%) menyatakan sangat bersetuju dan 98 orang (45.2%) pula bersetuju dengan nilai min antara 3.83 hingga 4.06. Namun begitu terdapat juga hanya 3 orang (1.4%) sahaja kurang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Nilai min keseluruhan bagi pernyataan di atas ialah 4.52.

Seramai 110 orang (50.7%) menyatakan sangat bersetuju bahawa kejayaan pengajaran dan pembelajaran adalah bergantung kepada kebijaksanaan guru menggunakan kaedah pengajaran dan 97 orang (44.7%) pula menyatakan bersetuju. Ini menunjukkan pada keseluruhannya, pernyataan tersebut telah dipersetujui oleh guru-guru iaitu seramai 207 orang (95.4%). Di samping itu, terdapat hanya 10 orang (4.6%) sahaja kurang bersetuju dengan pernyataan di atas. Nilai min keseluruhannya ialah 4.46.

Manakala dalam kajian tentang persepsi guru terhadap pengetahuan mereka tentang kaedah pengajaran Bahasa Arab, secara keseluruhannya telah dipersetujui ramai oleh guru j-QAF dengan menyatakan bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka faham tentang kaedah pengajaran Bahasa Arab. Jadual 4.2 juga secara umumnya menunjukkan kesemua pernyataan mengenai kefahaman tentang kaedah pengajaran bahasa yang disenaraikan dipersetujui oleh mereka. Terdapat sebanyak 12 kaedah yang disenaraikan iaitu kaedah langsung, nahu dan terjemahan, dengar dan tutur, ajuk hafaz, bacaan, tematik, mengeja, main peranan, simulasi, induktif, deduktif dan eklektif. Nilai min keseluruhan bagi 12 kaedah yang disenaraikan ialah antara 3.83 hingga 4.34.

Bagi kaedah pertama ialah kaedah langsung, terdapat seramai 152 orang (70%) yang bersetuju bahawa mereka faham tentang kaedah ini. Seramai 58 orang (26.7%) pula menyatakan sangat bersetuju. Hanya 7 orang (3.2%) sahaja yang menyatakan kurang setuju. Ini bermakna sebilangan kecil sahaja dalam kalangan mereka yang kurang faham tentang kaedah ini. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 4.23.

Sebilangan besar guru juga menyatakan persetujuan bahawa mereka faham tentang kaedah nahu dan terjemahan dengan nilai min antara 3.94 hingga 4.01. Terdapat seramai 156 orang (71.9%) yang bersetuju bahawa mereka faham tentang kaedah ini. Seramai 53 orang (24.4%) pula yang menyatakan sangat bersetuju. 7 orang (3.2%) kurang setuju dan 1 orang (0.5%) sahaja yang tidak setuju.

Bagi kaedah dengar dan tutur, didapati seramai 143 orang (65.9%) yang menyatakan bersetuju mereka faham tentang kaedah ini dan 53 orang (24.4%) pula sangat bersetuju. Terdapat hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang kurang bersetuju. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 4.33. Begitu juga dengan kaedah ajuk hafaz seramai 70 orang (32.3%) pula yang sangat bersetuju bahawa mereka betul-betul faham akan kaedah ini, 144 orang (66.4%) pula menyatakan bersetuju dan hanya 3 orang (1.4%) yang kurang bersetuju. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 4.31.

Kaedah bacaan pula, didapati seramai 138 orang (63.6%) yang menyatakan bersetuju, 76 orang (35.0%) pula sangat bersetuju dan hanya 3 orang (1.4%) yang menyatakan kurang bersetuju. Ini bermakna pada keseluruhannya kaedah ini telah dipersetujui oleh sebilangan besar guru yang mereka faham kaedah ini. Min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 4.34.

Hasil kajian menunjukkan terdapat pelbagai persepsi guru tentang kaedah tematik. Kebanyakan guru menyatakan bersetuju yang mereka faham kaedah ini iaitu seramai 148 orang (68.2%) dan 34 orang (15.7%) pula sangat bersetuju. Selain itu, terdapat juga yang kurang bersetuju iaitu seramai 31 orang (14.3%), 3 orang (1.4%) tidak bersetuju dan 1 orang (0.5%) yang menyatakan sangat tidak setuju. Ini bermakna sebilangan kecil sahaja guru yang tidak faham tentang kaedah ini. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 3.97.

Manakala kaedah mengeja pula, kajian mendapati seramai 145 orang (66.8%) yang bersetuju dan 65 orang (30.0%) yang sangat bersetuju. Pada keseluruhannya guru menyatakan persetujuan yang mereka faham tentang kaedah ini. Hanya 7 orang (3.2%) sahaja yang menyatakan kurang bersetuju. Nilai min keseluruhannya ialah 4.27.

Jadual 4.2 juga mendapati kaedah main peranan telah mendapat persetujuan ramai guru yang mereka faham kaedah ini. Seramai 145 orang (66.8%) yang bersetuju dan 50 orang (23.0%) yang menyatakan sangat bersetuju. Terdapat juga seramai 22 orang (10.1%) yang menyatakan kurang setuju. Ini bermakna mereka kurang faham dengan kaedah ini. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 4.13.

Kaedah simulasi pula, seramai 150 orang (69.1%) yang bersetuju dan 47 orang (21.7%) sangat bersetuju bahawa mereka faham dengan kaedah ini. Manakala terdapat juga yang kurang bersetuju iaitu seramai 19 orang (8.8%) dan hanya 1 orang (0.5%) yang sangat tidak setuju. Nilai min keseluruhannya ialah 4.11.

Bagi tiga kaedah seterusnya iaitu kaedah induktif, kaedah deduktif dan kaedah eklektif pula, pada keseluruhannya guru-guru memberikan pelbagai persepsi tentang ketiga-tiga kaedah tersebut. Bagi kaedah induktif, seramai 144 orang (66.4%) yang menyatakan bersetuju dan 31 orang (14.3%) pula sangat bersetuju. Terdapat juga yang kurang bersetuju iaitu seramai 37 orang (17.1%), tidak setuju 4 orang (1.8%) dan hanya 1 orang (0.5%) sahaja sangat tidak setuju. Nilai min keseluruhannya ialah 3.92.

Begitu juga dengan kaedah deduktif, didapati seramai 143 orang (65.9%) yang menyatakan bersetuju dan 26 orang (12.0%) pula sangat bersetuju. Terdapat juga yang kurang bersetuju iaitu seramai 44 orang (20.3%), tidak setuju 3 orang (1.4%) dan hanya 1 orang (0.5%) sangat tidak setuju. Nilai min keseluruhannya ialah 3.88.

Manakala kaedah eklektif pula, didapati seramai 130 orang (59.9%) yang menyatakan bersetuju dan 29 orang (13.4%) pula sangat bersetuju. Terdapat juga yang kurang bersetuju iaitu seramai 55 orang (24.0%), tidak setuju 5 orang (2.3%) dan hanya 1 orang (0.5%) sangat tidak setuju. Nilai min keseluruhannya ialah 3.83.

Ini bermakna pada keseluruhannya, ketiga-tiga kaedah tersebut telah dipersetujui oleh kebanyakan guru yang mereka faham tentang kaedah-kaedah ini. Hanya sebilangan kecil sahaja yang memberikan persepsi kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Ini menunjukkan sebilangan kecil sahaja guru yang kurang faham tentang kaedah-kaedah tersebut. Nilai min bagi ketiga-tiga kaedah tersebut adalah antara 3.83 hingga 3.92.



Jadual 4.2: Taburan kekerapan amalan pengajaran mengenai persepsi guru terhadap pengetahuan kaedah pengajaran Bahasa Arab.

Butiran	%					Min
	STS	TS	KS	S	SS	
1. Penekanan kepada sesuatu kaedah pengajaran merupakan cara yang sesuai dan berkesan.	3 1.4%	8 3.7%	23 10.6%	143 65.9%	40 18.4%	3.96
2. Mempelbagaikan kaedah pengajaran dapat membantu murid memahami isi pelajaran.				88 40.6%	129 59.4%	4.59
3. Memilih kaedah pengajaran yang sesuai dapat memenuhi keperluan pembelajaran individu			2 0.9%	114 52.5%	101 46.5%	4.46
4. Memilih kaedah pengajaran yang sesuai juga dapat memenuhi keperluan pembelajaran secara kumpulan.	1 0.5%		1 0.5%	125 57.6%	90 41.5%	4.40
5. Penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai dapat merangsang dan mengekalkan perhatian murid.			1 0.5%	109 50.2%	107 49.3%	4.49
6. Penggunaan kaedah mengajar yang sesuai dapat meningkatkan prestasi pencapaian murid.			3 1.4%	98 45.2%	116 53.5%	4.52
7. Kejayaan pengajaran dan pembelajaran adalah bergantung kepada kebijaksanaan guru menggunakan kaedah pengajaran.			10 4.6%	97 44.7%	110 50.7%	4.46
8. Saya faham tentang;						
i. Kaedah langsung/terus (الطريقة المباشرة)			7 3.2%	152 70.0%	58 26.7%	4.23
ii. Kaedah nahu dan terjemahan (طريقة النحو والترجمة)		1 0.5%	7 3.2%	156 71.9%	53 24.4%	4.20
iii. Kaedah dengar dan tutur (الطريقة السمعية الشفوية)			1 0.5%	143 65.9%	73 33.6%	4.33
iv. Kaedah ajuk hafaz (طريقة المحاكاة والحفظ)			3 1.4%	144 66.4%	70 32.3%	4.31

Jadual 4.2, sambungan

	Butiran	%					
		STS	TS	KS	S	SS	Min
v.	Kaedah bacaan (طريقة القراءة)			3	138	76	4.34
				1.4%	63.6%	35.0%	
vi.	Kaedah tematik (الطريقة الموضوعية)	1	3	31	148	34	3.97
		0.5%	1.4%	14.3%	68.2%	15.7%	
vii.	Kaedah mengeja (الطريقة الإملائية)			7	145	65	4.27
				3.2%	66.8%	30.0%	
viii.	Kaedah main peranan (طريقة لعب الأدوار)			22	145	50	4.13
				10.1%	66.8%	23.0%	
ix.	Kaedah simulasi (الطريقة التمثيلية)	1		19	150	47	4.11
		0.5%		8.8%	69.1%	21.7%	
x.	Kaedah induktif (الطريقة الاستقرائية)	1	4	37	144	31	3.92
		0.5%	1.8%	17.1%	66.4%	14.3%	
xi.	Kaedah deduktif (الطريقة القياسية)	1	3	44	143	26	3.88
		0.5%	1.4%	20.3%	65.9%	12.0%	
xii.	Kaedah eklektif (الطريقة الانتقائية)	1	5	52	130	29	3.83
		0.5%	2.3%	24.0%	59.9%	13.4%	

$n = 217$

Jadual 4.3 pula menunjukkan persepsi guru terhadap kemahiran pedagogi. Pada keseluruhannya guru menunjukkan persetujuan terhadap item-item persoalan yang dinyatakan. Seramai 104 orang (47.9%) yang bersetuju bahawa pemilihan strategi pengajaran yang sesuai dapat meningkatkan mutu pembelajaran. Manakala seramai 113 orang (52.1%) yang sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Tidak ada seorang pun dalam kalangan guru yang menyatakan kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Nilai min keseluruhan bagi pernyataan tersebut ialah 4.52.

Bagi pernyataan 2 iaitu P&P yang berasaskan tiga aras hasil pembelajaran boleh meningkatkan keberkesanan pengajaran Bahasa Arab pula, didapati seramai 70 orang (32.3%) guru yang menyatakan sangat bersetuju dan seramai 137 orang (63.1%) pula yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat juga yang menyatakan kurang bersetuju iaitu seramai 9 orang (4.1%) dan tidak setuju 1 orang (5%) sahaja. Nilai min keseluruhan ialah 4.27.

Hasil soal selidik juga menunjukkan terdapat pelbagai persepsi guru terhadap pernyataan bahawa mengajar Bahasa Arab dengan menggunakan bahasa ibunda adalah kurang berkesan iaitu dengan nilai min keseluruhan sebanyak 3.53. Terdapat seramai 31 orang (14.3%) yang menyatakan sangat setuju dan 81 orang (37.3%) pula bersetuju. Namun begitu terdapat juga yang menyatakan kurang setuju iaitu seramai 81 orang (37.3%), tidak setuju 21 orang (9.7%) dan sangat tidak setuju 3 orang (1.4%) dengan pernyataan di atas. Ini bermakna pengajaran Bahasa Arab dengan menggunakan bahasa ibunda adalah berkesan mengikut pandangan mereka.

Manakala mengenai penggunaan “*lughat al-faṣl*” yang mudah dalam pengajaran, adalah berkesan, didapati seramai 76 orang (35%) yang sangat setuju dan 126 orang (58.1%) yang menyatakan bersetuju sahaja. Di samping itu, terdapat juga yang menyatakan kurang setuju dengan pernyataan tersebut iaitu seramai 10 orang (4.6%) dan tidak setuju 5 orang (2.3%). Nilai min keseluruhannya ialah 4.26.

Terdapat seramai 156 orang (71.9%) yang menyatakan bersetuju bahawa hasil pembelajaran (نتائج التعلم) perlu diterjemahkan kepada aktiviti pengajaran yang sesuai dan

seramai 57 orang (26.3%) pula yang sangat bersetuju. Hanya 4 orang (1.8%) yang kurang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Nilai min keseluruhannya ialah 4.24.

Jadual 4.3 juga menunjukkan sebilangan besar guru memberikan persetujuan dengan menyatakan sangat setuju dan bersetuju dengan pernyataan bahawa aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dirancang hendaklah sesuai dengan peruntukan masa pembelajaran. Seramai 117 orang (53.9%) yang bersetuju dan 99 orang (45.6%) pula yang sangat bersetuju. Hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang kurang setuju. Nilai min keseluruhan bagi pernyataan tersebut ialah 4.45.

Manakala bagi pernyataan 7 iaitu aktiviti pembelajaran yang dirancang adalah berpusatkan pelajar, didapati seramai 132 orang (60.8%) yang bersetuju dan 60 orang (27.6%) yang sangat bersetuju. Terdapat juga yang kurang setuju iaitu 20 orang (9.2%) dan 5 orang (2.3%) pula tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Nilai min keseluruhannya ialah 4.14.

Mengenai pernyataan 8 iaitu aktiviti yang dirancang adalah berdasarkan rekod keputusan ujian dan tahap pelajar, didapati pelbagai persepsi yang diberikan oleh guru. Seramai 139 orang (64.1%) bersetuju, 53 orang (24.4%) sangat bersetuju, kurang setuju 21 orang (9.7%), tidak setuju 3 orang (1.4%) dan sangat tidak setuju hanya 1 orang (0.5%) sahaja. Nilai min keseluruhannya ialah 4.30.

Kebanyakan guru menyatakan persetujuan terhadap pernyataan kesembilan iaitu guru perlu menggabungkan sekurang-kurangnya dua kemahiran bahasa ketika mengajar. Seramai 75 orang (34.6%) sangat setuju dan 139 orang (64.1%) yang

bersetuju. Hanya sebilangan kecil sahaja guru yang menyatakan kurang setuju iaitu seramai 2 orang (0.9%) dan hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang sangat tidak setuju. Nilai min keseluruhannya ialah 4.32.

Begitu juga dengan pernyataan mengenai guru perlu berusaha mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif, telah dipersetujui oleh kebanyakan guru. Seramai 130 orang (59.9%) yang menyatakan sangat bersetuju dan 86 orang (39.6%) pula yang bersetuju. Hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang kurang setuju. Nilai min keseluruhan ialah 4.59.

Jadual 4.3: Taburan kekerapan Amalan Pengajaran mengenai Persepsi Guru Terhadap kemahiran pedagogi

Butiran	%					Min
	STS	TS	KS	S	SS	
1. Pemilihan strategi pengajaran yang sesuai dapat meningkatkan mutu pembelajaran.				104 47.9%	113 52.1%	4.52
2. P&P yang berasaskan tiga aras hasil pembelajaran boleh meningkatkan keberkesanan pengajaran Bahasa Arab.		1 0.5%	9 4.1%	137 63.1%	70 32.3%	4.27
3. Mengajar Bahasa Arab dengan menggunakan bahasa ibunda adalah kurang berkesan.	3 1.4%	21 9.7%	81 37.3%	81 37.3%	31 14.3%	3.53
4. Penggunaan “ <i>lughat al-faṣḥ</i> ” yang mudah dalam pengajaran, adalah berkesan.		5 2.3%	10 4.6%	126 58.1%	76 35.0%	4.26
5. Hasil pembelajaran (نتائج التعلم) perlu diterjemahkan kepada aktiviti pengajaran yang sesuai.			4 1.8%	156 71.9%	57 26.3%	4.24
6. Aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dirancang hendaklah sesuai dengan peruntukan masa pembelajaran.			1 0.5%	117 53.9%	99 45.6%	4.45

Jadual 4.3, sambungan

Butiran	%					Min
	STS	TS	KS	S	SS	
7. Aktiviti pembelajaran yang dirancang adalah berpusatkan pelajar.		5	20	132	60	4.14
		2.3%	9.2%	60.8%	27.6%	
8. Aktiviti yang dirancang adalah berdasarkan rekod keputusan ujian dan tahap pelajar.	1	3	21	139	53	4.30
	0.5%	1.4%	9.7%	64.1%	24.4%	
9. Guru perlu menggabungalinkan sekurang-kurangnya dua kemahiran bahasa ketika mengajar.			2	139	75	4.32
			0.9%	64.1%	34.6%	
10. Guru perlu berusaha mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif.			1	86	130	4.59
			0.5%	39.6%	59.9%	
Min Keseluruhan						4.26

*n* = 217

#### 4.1.1.2 : Perancangan Pengajaran

Jadual 4.4 menunjukkan taburan kekerapan mengenai perancangan pengajaran Bahasa Arab yang dilaksanakan. Seramai 110 orang (50.7%) yang menyatakan sangat kerap mereka merujuk kepada sukatan pelajaran untuk menyediakan perancangan pengajaran. Seramai 77 orang (35.5%) pula yang menyatakan kerap merujuk kepada sukatan pelajaran untuk menyediakan perancangan pengajaran. Hanya sebilangan kecil sahaja guru yang menyatakan agak kerap iaitu seramai 24 orang (11.1%) dan 6 orang (2.8%) sahaja yang jarang merujuk kepada sukatan pelajaran untuk menyediakan perancangan pengajaran. Nilai min keseluruhannya ialah 4.34.

Hasil kajian juga menunjukkan seramai 91 orang (41.9%) guru yang menyatakan sangat kerap dan 99 orang (45.6%) pula kerap menyediakan rancangan harian yang lengkap setiap kali sebelum pengajaran. Tetapi terdapat juga yang menyatakan agak kerap dan jarang menyediakan rancangan harian yang lengkap setiap

kali sebelum pengajaran. Seramai 21 orang (9.7%) yang menyatakan agak kerap dan jarang 6 orang (2.8%). Nilai min keseluruhannya ialah 4.27.

Terdapat pelbagai skala yang diberikan oleh guru terhadap pernyataan 3 iaitu saya menentukan hasil pembelajaran mengikut kehendak sukatan pelajaran. Seramai 66 orang (30.4%) yang menyatakan sangat kerap, 119 orang (54.8%) kerap dan agak kerap seramai 28 orang (12.9%). Manakala 3 orang (1.4%) pula menyatakan jarang dan hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang menyatakan jarang sekali mereka menentukan hasil pembelajaran mengikut kehendak sukatan pelajaran. Ini bermakna kebanyakan guru menunjukkan kekerapan dalam menentukan hasil pembelajaran mengikut kehendak sukatan pelajaran dengan jumlah keseluruhan ialah 213 orang (98.1%). Nilai min keseluruhan bagi pernyataan tersebut ialah 4.13.

Kebanyakan guru menunjukkan kekerapan dalam memilih isi kandungan pelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid. Terdapat seramai 79 orang (36.4%) yang menyatakan sangat kerap, 112 orang (51.6%) kerap dan agak kerap seramai 17 orang (7.8%). Jumlah kekerapan keseluruhannya ialah seramai 208 orang (95.8%). Manakala 8 orang (3.7%) pula menyatakan jarang dan hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang menyatakan jarang sekali memilih isi kandungan pelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid. Nilai min keseluruhannya ialah 4.19.

Terdapat seramai 91 orang (41.9%) yang menyatakan sangat kerap mereka menyesuaikan isi kandungan dengan kebolehan murid, 100 orang (46.1%) menyatakan kerap dan 24 orang (11.1%) pula menyatakan agak kerap. Jumlah kekerapan keseluruhannya ialah seramai 215 orang (99.1%). Manakala kenyataan tersebut juga

dianggap oleh guru sebagai jarang dilaksanakan ialah seramai 2 orang (0.9%) sahaja. Nilai min keseluruhan ialah 4.29.

Seramai 58 orang (26.7%) guru pula menyatakan bahawa mereka sangat kerap memilih bahan bantu mengajar yang sesuai. Terdapat juga yang kerap memilih bahan bantu mengajar yang sesuai iaitu seramai 111 orang (51.2%) dan agak kerap ialah seramai 40 orang (18.4%). Di samping itu, terdapat juga yang menyatakan jarang memilih bahan bantu mengajar yang sesuai iaitu seramai 8 orang (3.7%) sahaja. Nilai min keseluruhannya ialah 4.01.

Hasil kajian mencatatkan seramai 43 orang (19.8%) yang menyatakan sangat kerap mereka membina bahan bantu mengajar yang sesuai dengan hasil pembelajaran, 96 orang (44.2%) menyatakan kerap dan 55 orang (25.3%) pula menyatakan agak kerap. Manakala kenyataan tersebut juga dianggap oleh guru sebagai jarang dilaksanakan ialah seramai 23 orang (10.6%) sahaja. Nilai min keseluruhan ialah 3.73.

Seramai 56 orang (25.8%) guru pula menyatakan mereka sangat kerap merancang strategi pengajaran yang bertepatan dengan hasil pembelajaran yang hendak dicapai. Terdapat juga yang kerap merancang strategi pengajaran yang bertepatan dengan hasil pembelajaran yang hendak dicapai iaitu seramai 114 orang (52.5%) dan agak kerap ialah seramai 42 orang (19.4%). Manakala seramai 5 orang (2.3%) sahaja yang menyatakan jarang terhadap pernyataan tersebut. Nilai min keseluruhannya ialah 4.02.



Hasil kajian juga mencatatkan keseluruhan guru menunjukkan kekerapan dalam memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan kebolehan murid. Seramai 72 orang (33.2%) menyatakan sangat kerap, 116 orang (53.5%) kerap dan agak kerap pula seramai 29 orang (13.4%). Nilai min keseluruhannya ialah 4.20.

Manakala dalam merancang pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran pula, didapati seramai 108 orang (49.8%) yang menyatakan kerap melaksanakannya, 42 orang (19.4%) sangat kerap dan 55 orang (25.3%) yang agak kerap melaksanakannya. Hanya 12 orang (5.5%) sahaja yang jarang merancang pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Nilai min keseluruhannya ialah 3.83.

Terdapat pelbagai skala yang diberikan terhadap pernyataan kesebelas iaitu saya tidak mencatat nilai yang perlu diterapkan dalam pengajaran. Seramai 6 orang (2.8%) yang menyatakan sangat kerap, 23 orang (10.6%) kerap dan agak kerap seramai 44 orang (20.3%). Manakala 98 orang (45.2%) pula menyatakan jarang dan 46 orang (21.2%) yang menyatakan jarang sekali mereka tidak mencatat nilai yang perlu diterapkan dalam pengajaran. Ini bermakna kebanyakan guru mencatat nilai yang perlu diterapkan dalam pengajaran dengan jumlah 144 orang (66.3%). Nilai min keseluruhan bagi pernyataan tersebut ialah 2.29.

Jadual 4.4: Taburan kekerapan Perancangan Pengajaran

Butiran	1 JS	2 J	3 AK	4 K	5 SK	Min
1. Saya merujuk kepada sukatan pelajaran untuk menyediakan perancangan pengajaran.		6 2.8%	24 11.1%	77 35.5%	110 50.7%	4.34
2. Saya menyediakan rancangan harian yang lengkap setiap kali sebelum pengajaran.		6 2.8%	21 9.7%	99 45.6%	91 41.9%	4.27

Jadual 4.4, sambungan

Butiran	1 JS	2 J	3 AK	4 K	5 SK	Min
3. Saya menentukan hasil pembelajaran mengikut kehendak sukatan pelajaran.	1 0.5%	3 14%	28 12.9%	119 54.8%	66 30.4%	4.13
4. Saya memilih isi kandungan pelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid.	1 0.5%	8 3.7%	17 7.8%	112 51.6%	79 36.4%	4.19
5. Saya menyesuaikan isi kandungan dengan kebolehan murid.		2 0.9%	24 11.1%	100 46.1%	91 41.9%	4.29
6. Saya <b>memilih</b> bahan bantu mengajar yang sesuai.		8 3.7%	40 18.4%	111 51.2%	58 26.7%	4.01
7. Saya <b>membina</b> bahan bantu mengajar yang sesuai dengan hasil pembelajaran.		23 10.6%	55 25.3%	96 44.2%	43 19.8%	3.73
8. Saya merancang <b>strategi</b> pengajaran yang bertepatan dengan hasil pembelajaran yang hendak dicapai.		5 2.3%	42 19.4%	114 52.5%	56 25.8%	4.02
9. Saya memilih <b>kaedah</b> pengajaran yang sesuai dengan kebolehan murid.			29 13.4%	116 53.5%	72 33.2%	4.20
10. Saya merancang pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran.		12 5.5%	55 25.3%	108 49.8%	42 19.4%	3.83
11. Saya tidak mencatat nilai yang perlu diterapkan dalam pengajaran.	46 21.2%	98 45.2%	44 20.3%	23 10.6%	6 2.8%	2.29
Min Keseluruhan						3.94

*n* = 217

#### 4.1.1.3 : Strategi Pelaksanaan Kaedah Pengajaran

Jadual 4.5 menunjukkan taburan kekerapan strategi pelaksanaan proses pengajaran. Dalam strategi pelaksanaan proses pengajaran, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat pelbagai skala yang diberikan terhadap pernyataan mereka memulakan pengajaran dengan menggunakan set induksi. Seramai 47 orang (21.7%) yang

menyatakan sangat kerap, 94 orang (43.3%) kerap, dan agak kerap seramai 53 orang (24.4%). Manakala 22 orang (10.1%) pula menyatakan jarang dan hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang menyatakan jarang sekali mereka memulakan pengajaran dengan menggunakan set induksi. Ini bermakna dapatan kajian menunjukkan kebanyakan guru memulakan pengajaran dengan menggunakan set induksi dengan jumlah kekerapan seramai 194 orang (89.4%). Nilai min keseluruhan bagi pernyataan tersebut ialah 3.76.

Dapatan kajian juga mencatatkan kebanyakan guru menunjukkan kekerapan dalam memastikan setiap langkah pengajaran dilaksanakan dengan teratur dan baik. Seramai 46 orang (21.2%) menyatakan sangat kerap, 127 orang (58.5%) kerap dan agak kerap pula seramai 41 orang (18.9%). Hanya 3 orang (1.4%) sahaja yang jarang memastikan setiap langkah pengajaran dilaksanakan dengan teratur dan baik. Nilai min keseluruhannya ialah 3.99.

Manakala dalam melaksanakan kaedah pengajaran yang sesuai dengan kebolehan murid pula, didapati seramai 122 orang (56.2%) yang menyatakan kerap melaksanakannya, 74 orang (34.1%) sangat kerap dan 21 orang (9.7%) yang agak kerap melaksanakannya. Ini bermakna pada keseluruhan guru menunjukkan kekerapan dalam melaksanakan kaedah pengajaran yang sesuai dengan kebolehan murid. Nilai min keseluruhannya ialah 4.24.

Begitu juga bagi pernyataan 4 iaitu melaksanakan kaedah pengajaran yang sesuai dengan isi pelajaran, keseluruhan guru menunjukkan kekerapan melaksanakannya. Didapati seramai 72 orang (33.2%) yang menyatakan sangat kerap, 125 orang (57.6%) yang menyatakan kerap dan agak kerap seramai 20 orang (9.2%).

Tidak terdapat seorang pun yang menyatakan jarang dan jarang sekali mereka melaksanakan kaedah pengajaran yang sesuai dengan isi pelajaran. Nilai min keseluruhannya ialah 4.24.

Terdapat seramai 54 orang (24.9%) yang menyatakan sangat kerap mereka mempelbagaikan aktiviti pengajaran mengikut kebolehan murid, 121 orang (55.8%) menyatakan kerap dan 36 orang (16.6%) pula menyatakan agak kerap. Manakala seramai 6 orang (2.8%) sahaja yang jarang melaksanakannya. Nilai min keseluruhannya ialah 4.03.

Seramai 45 orang (20.7%) menyatakan mereka sangat kerap melaksanakan aktiviti pengajaran menepati hasil pembelajaran. Terdapat juga yang kerap melaksanakan aktiviti pengajaran menepati hasil pembelajaran iaitu seramai 132 orang (60.8%) dan agak kerap ialah seramai 38 orang (17.5%). Di samping itu, terdapat juga yang menyatakan jarang melaksanakan aktiviti pengajaran menepati hasil pembelajaran iaitu seramai 2 orang (0.9%) sahaja. Nilai min keseluruhannya ialah 4.01.

Manakala dalam pernyataan seterusnya iaitu tidak membahagikan murid kepada beberapa kumpulan untuk menjalankan aktiviti pembelajaran, hanya terdapat seramai 2 orang (0.9%) yang menyatakan sangat kerap, 28 orang (12.9%) menyatakan kerap dan 58 orang (26.7%) pula menyatakan agak kerap. Terdapat seramai 105 orang (48.4%) menyatakan jarang dan 24 orang (11.1%) yang menyatakan jarang sekali tidak membahagikan murid kepada beberapa kumpulan untuk menjalankan aktiviti pembelajaran. Ini jelas menunjukkan mereka membahagikan murid kepada beberapa

kumpulan untuk menjalankan aktiviti pembelajaran dengan jumlah keseluruhannya ialah 129 orang (59.5%). Nilai min keseluruhan bagi pernyataan di atas ialah 2.44.

Begitu juga dengan pernyataan, sesi soal jawab dan perbincangan kurang dibuat bersama murid, didapati seramai 114 orang (52.5%) guru yang menyatakan bahawa mereka jarang dan jarang sekali seramai 54 orang (24.9%). Ini bermakna sesi soal jawab dan perbincangan dibuat bersama murid dengan jumlah seramai 168 orang (77.4%). Terdapat juga yang menyatakan kerap sesi soal jawab dan perbincangan kurang dibuat bersama murid iaitu seramai 16 orang (7.4%), sangat kerap 5 orang (2.3%) sahaja dan agak kerap ialah seramai 28 orang (12.9%). Hasil kajian menunjukkan sebilangan kecil sahaja guru kurang melaksanakan sesi soal jawab dan perbincangan bersama murid. Nilai min keseluruhannya ialah 2.10.

Terdapat pelbagai skala yang diberikan terhadap pernyataan mereka menamatkan pelajaran dengan aktiviti pengukuhan atau penilaian. Seramai 66 orang (30.4%) yang menyatakan sangat kerap, 119 orang (54.8%) kerap dan agak kerap seramai 28 orang (12.9%). Manakala, 3 orang (1.4%) pula menyatakan jarang dan hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang menyatakan jarang sekali mereka menamatkan pelajaran dengan aktiviti pengukuhan atau penilaian. Ini bermakna mereka tidak menamatkan pelajaran dengan aktiviti pengukuhan atau penilaian. Nilai min keseluruhannya ialah 4.13.

Seramai 9 orang (4.1%) yang menyatakan sangat kerap, 40 orang (18.4%) kerap dan agak kerap seramai 35 orang (16.1%) daripada kalangan guru yang menjalankan pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah mengikut kesesuaian tajuk. Manakala

104 orang (47.9%) pula menyatakan jarang dan hanya 29 orang (13.4%) sahaja yang menyatakan jarang sekali mereka menjalankan pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah mengikut kesesuaian tajuk. Ini bermakna kebanyakan guru tidak menjalankan pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah mengikut kesesuaian tajuk. Nilai min keseluruhannya ialah 2.52.

Seterusnya dapatan kajian juga mendapati hanya seramai 4 orang (1.8%) yang menyatakan sangat kerap, 8 orang (3.7%) menyatakan kerap dan 24 orang (11.1%) yang menyatakan agak kerap mereka tidak membekalkan lembaran kerja atau latihan untuk murid-murid, Ini bermakna, mereka menunjukkan kekerapan tidak membekalkan lembaran kerja atau latihan untuk murid-murid. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan kebanyakan guru membekalkan lembaran kerja atau latihan untuk murid-murid dengan jumlah seramai 181 orang (83.4%). Terdapat seramai 92 orang (42.4%) yang menyatakan jarang dan 89 orang (41.0%) pula yang menyatakan jarang sekali mereka tidak membekalkan lembaran kerja atau latihan untuk murid-murid. Nilai min keseluruhannya ialah 1.83.

Jadual 4.5: Taburan kekerapan strategi pelaksanaan proses pengajaran dan kaedah pengajaran

**A . Pelaksanaan Proses Pengajaran.**

	<b>Butiran</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>Min</b>
		<b>JS</b>	<b>J</b>	<b>AK</b>	<b>K</b>	<b>SK</b>	
1	Memulakan pengajaran dengan menggunakan <b>set</b> induksi.	1 0.5%	22 10.1%	53 24.4%	94 43.3%	47 21.7%	3.76
2	Memastikan setiap langkah pengajaran dilaksanakan dengan teratur dan baik.		3 1.4%	41 18.9%	127 58.5%	46 21.2%	3.99

Jadual 4.5, sambungan

	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>Min</b>
<b>Butiran</b>	<b>JS</b>	<b>J</b>	<b>AK</b>	<b>K</b>	<b>SK</b>	
3 Melaksanakan kaedah pengajaran yang sesuai dengan kebolehan murid.			21 9.7%	122 56.2%	74 34.1%	4.24
4 Melaksanakan kaedah pengajaran yang sesuai dengan isi pelajaran.			20 9.2%	125 57.6%	72 33.2%	4.24
5 Mempelbagaikan aktiviti pengajaran mengikut kebolehan murid.		6 2.8%	36 16.6%	121 55.8%	54 24.9%	4.03
6 Melaksanakan aktiviti pengajaran menepati hasil pembelajaran.		2 0.9%	38 17.5%	132 60.8%	45 20.7%	4.01
7 Tidak membahagikan murid kepada beberapa kumpulan untuk menjalankan aktiviti pembelajaran.	24 11.1%	105 48.4%	58 26.7%	28 12.9%	2 0.9%	2.44
8 Sesi soal jawab dan perbincangan kurang dibuat bersama murid.	54 24.9%	114 52.5%	28 12.9%	16 7.4%	5 2.3%	2.10
9 Menamatkan pelajaran dengan aktiviti pengukuhan / penilaian.	1 0.5%	3 1.4%	28 12.9%	119 54.8%	66 30.4%	4.13
10 Menjalankan p&p di luar bilik darjah mengikut kesesuaian tajuk.	29 13.4%	104 47.9%	35 16.1%	40 18.4%	9 4.1%	2.52
11 Saya tidak membekalkan lembaran kerja / latihan (الواجب المنزلي) untuk murid-murid.	89 41.0%	92 42.4%	24 11.1%	8 3.7%	4 1.8%	1.83
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>3.39</b>

*n* = 217

Jadual 4.6 : Taburan kekerapan strategi pelaksanaan kaedah pengajaran

**B. Pelaksanaan kaedah pengajaran.**

	Butiran	1	2	3	4	5	Min
		JS	J	AK	K	SK	
1	Kaedah langsung/terus (الطريقة المباشرة)	1	8	33	117	58	4.03
		0.5%	3.7%	15.2%	53.9%	26.7%	
2	Kaedah nahu dan terjemahan (طريقة النحو والترجمة)	2	22	67	87	39	3.64
		0.9%	10.1%	30.9%	40.1%	18.0%	
3	Kaedah dengar dan tutur (الطريقة السمعية الشفوية)	1		30	106	80	4.22
		0.5%		13.8%	48.8%	36.9%	
4	Kaedah ajuk hafaz (طريقة المحاكاة والحفظ)		2	35	106	74	4.16
			0.9%	16.1%	48.8%	34.1%	
5	Kaedah bacaan (طريقة القراءة)		2	26	98	91	4.28
			0.9%	12.0%	45.2%	41.9%	
6	Kaedah tematik (الطريقة الموضوعية)	4	30	73	86	24	3.44
		1.8%	13.8%	33.6%	39.6%	11.1%	
7	Kaedah mengeja-(الطريقة الإملائية)	2	26	57	96	36	3.64
		0.9%	12.0%	26.3%	44.2%	16.6%	
8	Kaedah main peranan (طريقة لعب الأدوار)	1	31	70	92	23	3.48
		0.5%	14.3%	32.3%	42.4%	10.6%	
9	Kaedah simulasi (الطريقة التمثيلية)		28	68	92	29	3.56
			12.9%	31.3%	42.4%	13.4%	
10	Kaedah induktif (الطريقة الاستقرائية)	4	44	74	81	14	3.26
		1.8%	20.3%	34.1%	37.3%	6.5%	
11	Kaedah deduktif-(الطريقة القياسية)	5	47	73	79	13	3.22
		2.3%	21.7%	33.6%	36.4%	6.0%	
12	Kaedah eklektif (الطريقة الانتقائية)	7	49	71	78	12	3.18
		3.2%	22.6%	32.7%	35.9%	5.5%	
Min Keseluruhan							3.68

$n = 217$



Jadual 4.6 di atas menunjukkan pandangan guru tentang pelaksanaan kaedah pengajaran. Ia menunjukkan taburan kekerapan pelaksanaan kaedah pengajaran. Dalam pelaksanaan kaedah pengajaran yang disenaraikan, hasil kajian mencatatkan terdapat pelbagai skala yang telah diberikan oleh guru-guru. Dapatan kajian menunjukkan nilai min bagi penggunaan 12 kaedah yang disenaraikan berada antara 3.18 hingga 4.28.

Bagi kaedah langsung atau terus, kebanyakan guru menggunakan kaedah ini dalam pengajaran mereka dengan jumlah 208 orang (95.8%). Terdapat seramai 58 orang (26.7%) yang menyatakan sangat kerap, 117 orang (53.9%) kerap, dan agak kerap seramai 33 orang (15.2%). Manakala 8 orang (3.7%) pula menyatakan jarang dan hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang menyatakan jarang sekali mereka menggunakan kaedah langsung atau terus ini dalam pengajaran mereka. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 4.03.

Bagi kaedah nahu dan terjemahan pula, didapati seramai 39 orang (18.0%) yang menyatakan sangat kerap, 87 orang (40.1%) kerap, dan agak kerap seramai 67 orang (30.9%) orang. Manakala 22 orang (10.1%) pula menyatakan jarang dan hanya 2 orang (0.9%) sahaja yang menyatakan jarang sekali mereka menggunakan kaedah nahu dan terjemahan ini dalam pengajaran mereka. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 3.64.

Hasil kajian juga mencatatkan kebanyakan guru menunjukkan kekerapan menggunakan kaedah dengar dan tutur. Seramai 80 orang (35.9%) menyatakan sangat kerap, 106 orang (48.8%) kerap dan agak kerap pula seramai 30 orang (13.8%). Hanya

1 orang (0.5%) sahaja yang jarang sekali menggunakan kaedah ini dalam pengajaran mereka. Nilai min keseluruhannya ialah 4.21.

Manakala kaedah ajuk hafaz pula, didapati seramai 74 orang (34.1%) yang menyatakan sangat kerap melaksanakannya, 106 orang (48.8%) kerap dan 35 orang (16.1%) yang agak kerap melaksanakannya. Ini bermakna pada keseluruhan guru menunjukkan kekerapan dalam melaksanakan kaedah ajuk hafaz dalam pengajaran mereka. Hanya 2 orang (0.9%) sahaja yang jarang menggunakan kaedah ini dalam pengajaran mereka. Nilai min keseluruhannya ialah 4.16.

Begitu juga kaedah bacaan, kebanyakan guru menunjukkan kekerapan menggunakan kaedah ini dalam pengajaran mereka dengan jumlah seramai 215 orang (99.1%). Didapati seramai 91 orang (41.9%) yang menyatakan sangat kerap, 98 orang (45.2%) yang menyatakan kerap dan agak kerap seramai 26 orang (12.0%). Hanya 2 orang (0.9%) sahaja yang jarang menggunakan kaedah ini dalam pengajaran mereka. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 4.28.

Terdapat pelbagai skala yang diberikan terhadap kaedah tematik, kaedah mengeja dan kaedah main peranan. Bagi kaedah tematik, didapati seramai 24 orang (11.1%) yang menyatakan sangat kerap, 86 orang (39.6%) kerap dan agak kerap seramai 73 orang (33.6%). Manakala seramai 30 orang (13.8%) pula menyatakan jarang dan hanya 4 orang (1.8%) sahaja yang menyatakan jarang sekali mereka menggunakan kaedah ini. Nilai min keseluruhan bagi kaedah tematik ialah 3.44.

Terdapat seramai 36 orang (16.6%) menyatakan mereka sangat kerap menggunakan kaedah mengeja dalam pengajaran mereka. Seramai 96 orang (44.2%) menyatakan kerap dan 57 orang (26.3%) pula menyatakan agak kerap. Manakala kaedah tersebut juga dianggap oleh guru sebagai jarang dilaksanakan ialah seramai 26 orang (12.0%) dan hanya 2 orang (0.9%) sahaja yang menyatakan jarang sekali menggunakan kaedah ini. Niai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 3.64.

Begitu juga dengan kaedah main peranan, terdapat seramai 23 orang (10.6%) menyatakan mereka sangat kerap menggunakan kaedah ini dalam pengajaran. Terdapat juga yang kerap melaksanakan kaedah pengajaran ini iaitu seramai 92 orang (42.4%) dan agak kerap ialah seramai 70 orang (32.3%). Di samping itu, terdapat juga yang menyatakan jarang melaksanakan kaedah ini ialah seramai 31 orang (14.3%) dan hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang jarang sekali menggunakannya. Niai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 3.48.

Manakala dalam penggunaan kaedah simulasi pula, terdapat seramai 29 orang (13.4%) yang menyatakan sangat kerap, 92 orang (42.4%) menyatakan kerap dan 68 orang (31.3%) pula menyatakan agak kerap. Hanya seramai 28 orang (12.9%) yang jarang menggunakan kaedah ini. Ini jelas menunjukkan kebanyakan guru kerap menggunakan kaedah ini.

Bagi tiga kaedah seterusnya iaitu kaedah induktif, kaedah deduktif dan kaedah eklektif pula, hasil kajian menunjukkan terdapat pelbagai skala yang diberikan oleh guru. Nilai min keseluruhan bagi ketiga-tiga kaedah ini antara 3.18 hingga 3.26.

Bagi kaedah induktif, terdapat seramai 14 orang (6.5%) yang menyatakan sangat kerap, 81 orang (37.3%) menyatakan kerap dan 74 orang (34.1%) pula menyatakan agak kerap menggunakannya dalam pengajaran. Terdapat juga yang menyatakan jarang menggunakan kaedah ini iaitu seramai 44 orang (20.3%). Hasil kajian juga mencatatkan hanya sebilangan kecil sahaja guru yang jarang sekali menggunakan kaedah ini dalam pengajaran Bahasa Arab iaitu seramai 4 orang (1.8%) sahaja. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini 3.26.

Bagi kaedah deduktif pula, terdapat seramai 13 orang (6.0%) yang menyatakan sangat kerap, 79 orang (36.4%) menyatakan kerap dan 73 orang (33.6%) pula menyatakan agak kerap menggunakannya dalam pengajaran. Terdapat juga yang menyatakan jarang menggunakan kaedah ini iaitu seramai 47 orang (21.7%). Hanya sebilangan kecil sahaja guru yang jarang sekali menggunakan kaedah ini dalam pengajaran Bahasa Arab iaitu seramai 5 orang (2.3%) sahaja. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini 3.22.

Manakala kaedah eklektif pula, terdapat seramai 12 orang (5.5%) yang menyatakan sangat kerap, 78 orang (35.9%) menyatakan kerap dan 71 orang (32.7%) pula menyatakan agak kerap. Terdapat juga yang menyatakan jarang menggunakan kaedah ini iaitu seramai 49 orang (22.6%). Hanya sebilangan kecil sahaja guru yang jarang sekali menggunakan kaedah ini dalam pengajaran Bahasa Arab iaitu seramai 7 orang (3.2%) sahaja. Nilai min keseluruhan bagi kaedah 3.18.

#### **4.1.1.4 : Keberkesanan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab**

Jadual 4.7 menunjukkan taburan kekerapan keberkesanan kaedah pengajaran yang digunakan yang boleh membantu dalam mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab. mengikut pandangan guru.

Jadual 4.7 menunjukkan terdapat sebanyak 12 kaedah yang disenaraikan iaitu kaedah langsung, nahu dan terjemahan, dengar dan tutur, ajuk hafaz, bacaan, tematik, mengeja, main peranan, simulasi, induktif, deduktif dan eklektif. Hasil kajian mendapati lima kaedah daripada dua belas kaedah yang disenarai menunjukkan peratusan tertinggi persetujuan guru terhadap keberkesanan penggunaan kaedah pengajaran yang boleh membantu dalam mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab. Lima kaedah tersebut ialah kaedah dengar dan tutur, bacaan, ajuk hafaz, langsung dan kaedah nahu dan terjemahan.

Bagi kaedah dengar dan tutur, didapati seramai 96 orang (44.2%) yang menyatakan kaedah ini sangat membantu dalam mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab dan 120 orang (55.3%) pula yang bersetuju menyatakan kaedah ini dapat membantu. Terdapat hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang menyatakan kaedah ini kurang membantu. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 4.44.

Begitu juga dengan kaedah bacaan pula, didapati seramai 91 orang (41.9%) yang menyatakan kaedah ini sangat membantu, 121 orang (55.8%) pula menyatakan dapat membantu dan hanya 5 orang (2.3%) yang menyatakan kurang membantu. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 4.39.

Kaedah ajuk hafaz pula, seramai 93 orang (42.9%) yang menyatakan kaedah ini sangat membantu dalam mencapai hasil pembelajaran, 117 orang (53.9%) pula menyatakan kaedah ini dapat membantu dan hanya 7 orang (3.2%) yang menyatakan kurang membantu. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini juga ialah 4.39.

Bagi kaedah langsung, terdapat seramai 58 orang (26.7%) yang menyatakan bahawa kaedah ini sangat membantu dalam mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab.. Seramai 142 orang (65.4%) pula menyatakan kaedah ini dapat membantu. Hanya 13 orang (6.0%) menyatakan kurang membantu dan 4 orang (1.8%) sahaja yang menyatakan tidak membantu. Ini bermakna sebilangan kecil sahaja dalam kalangan mereka yang menyatakan kaedah ini kurang dan tidak membantu dalam mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 4.17.

Sebilangan besar guru juga menyatakan persetujuan bahawa kaedah nahu dan terjemahan dapat membantu dalam mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab iaitu seramai 141 orang (65.0%). Terdapat seramai 59 orang (27.2%) yang menyatakan bahawa kaedah ini sangat membantu. Seramai 16 orang (7.4%) pula yang menyatakan kurang membantu dan hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang menyatakan kaedah ini tidak membantu dalam mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 4.19.

Ini bermakna pada keseluruhannya kelima-lima kaedah ini telah dipersetujui oleh sebilangan besar guru bahawa kaedah ini dapat membantu dalam mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab. Hal ini merujuk kepada min yang diperolehi iaitu minimumnya ialah 4.17 dan maksimumnya ialah 4.44.

Hasil kajian juga mencatatkan terdapat pelbagai pandangan guru tentang kaedah tematik. Kebanyakan guru menyatakan bahawa kaedah ini dapat membantu dalam mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab iaitu seramai 143 orang (65.9%) dan 35 orang (16.1%) pula menyatakan sangat membantu. Selain itu, terdapat juga yang menyatakan kurang membantu iaitu seramai 35 orang (16.1%) dan hanya 4 orang (1.8%) yang menyatakan kaedah ini tidak membantu. Ini bermakna sebilangan kecil sahaja guru yang menyatakan kaedah ini tidak membantu dalam mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 3.96.

Manakala kaedah mengeja pula, kajian mendapati seramai 64 orang (29.5%) yang menyatakan kaedah ini sangat membantu dan 128 orang (59.0%) yang menyatakan kaedah ini dapat membantu dalam mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab. Ini menunjukkan kebanyakan guru menyatakan persetujuan yang kaedah ini dapat membantu dalam mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab. Seramai 23 orang (10.6%) yang menyatakan kurang membantu dan hanya 2 orang (0.9%) sahaja yang menyatakan kaedah ini tidak membantu. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 4.17.

Jadual 4.7 juga mendapati kaedah main peranan telah mendapat persetujuan ramai guru yang menyatakan kaedah ini dapat membantu dalam mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab iaitu seramai 135 orang (62.2%) dan 55 orang (25.3%) yang menyatakan kaedah ini sangat membantu. Terdapat juga seramai 25 orang (11.5%) yang menyatakan kurang membantu dan hanya 2 orang (0.9%) sahaja yang menyatakan kaedah ini tidak membantu. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 4.12.

Seramai 132 orang (60.8%) guru yang menyatakan bahawa kaedah simulasi ini dapat membantu dalam mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab. Seramai 56 orang (25.8%) yang menyatakan sangat membantu dan 27 orang (12.4%) yang menyatakan kaedah ini kurang membantu. Manakala terdapat juga yang menyatakan kaedah ini tidak membantu iaitu seramai 2 orang (0.9%) sahaja. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 4.12.

Bagi tiga kaedah seterusnya iaitu kaedah induktif, kaedah deduktif dan kaedah eklektif pula, pada keseluruhannya guru-guru memberikan pelbagai pandangan tentang ketiga-tiga kaedah tersebut. Bagi kaedah induktif, seramai 144 orang (66.4%) yang menyatakan kaedah ini dapat membantu dan 27 orang (12.4%) pula menyatakan sangat membantu. Terdapat juga yang menyatakan kurang membantu iaitu seramai 44 orang (20.3%) dan hanya 2 orang (0.9%) yang menyatakan tidak membantu. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 3.90.

Begitu juga dengan kaedah deduktif, didapati seramai 150 orang (69.1%) yang menyatakan kaedah ini dapat membantu dalam mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab dan 20 orang (9.2%) pula yang menyatakan sangat membantu. Terdapat juga yang menyatakan kurang membantu iaitu seramai 45 orang (20.7%) dan tidak membantu 2 orang (0.9%) sahaja. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 3.87.

Manakala kaedah eklektif pula, didapati seramai 142 orang (65.4%) yang menyatakan kaedah ini dapat membantu dan 24 orang (11.1%) pula menyatakan sangat membantu. Terdapat juga yang menyatakan kaedah ini kurang membantu iaitu seramai



49 orang (22.6%), tidak membantu 1 orang (0.5%) dan 1 orang (0.5%) juga yang menyatakan sangat tidak membantu. Nilai min keseluruhan bagi kaedah ini ialah 3.86.

Ini bermakna pada keseluruhannya, ketiga-tiga kaedah tersebut juga telah dipersetujui oleh kebanyakan guru bahawa kaedah-kaedah ini boleh membantu dalam mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab. Hanya sebilangan kecil sahaja yang memberikan pandangan kurang membantu, tidak membantu dan sangat tidak membantu.

Jadual 4.7: Taburan kekerapan keberkesanan kaedah pengajaran yang digunakan mengikut pandangan guru.

Bil	Butiran	1	2	3	4	5	Min
		STM	TM	KM	M	SM	
1.	Kaedah langsung/terus - (الطريقة المباشرة)		4	13	142	58	4.17
			1.8%	6.0%	65.4%	26.7%	
2.	Kaedah nahu dan terjemahan - (طريقة النحو والترجمة)		1	16	141	59	4.19
			0.5%	7.4%	65.0%	27.2%	
3.	Kaedah dengar dan tutur - (الطريقة السمعية الشفوية)			1	120	96	4.44
				0.5%	55.3%	44.2%	
4.	Kaedah ajuk hafaz - (طريقة المحاكاة والحفظ)			7	117	93	4.39
				3.2%	53.9%	42.9%	
5.	Kaedah bacaan - (طريقة القراءة)			5	121	91	4.39
				2.3%	55.8%	41.9%	
6.	Kaedah tematik - (الطريقة الموضوعية)		4	35	143	35	3.96
			1.8%	16.1%	65.9%	16.1%	
7.	Kaedah mengeja - (الطريقة الإملائية)		2	23	128	64	4.17
			0.9%	10.6%	59.0%	29.5%	
8.	Kaedah main peranan - (طريقة لعب الأدوار)		2	25	135	55	4.12
			0.9%	11.5%	62.2%	25.3%	
9.	Kaedah simulasi - (الطريقة التمثيلية)		2	27	132	56	4.12
			0.9%	12.4%	60.8%	25.8%	

Jadual 4.7, sambungan

Bil	Butiran	1 STM	2 TM	3 KM	4 M	5 SM	Min
10.	Kaedah induktif - (الطريقة الاستقرائية)		2 0.9%	44 20.3%	144 66.4%	27 12.4%	3.90
11.	Kaedah deduktif - (الطريقة القياسية)		2 0.9%	45 20.7%	150 69.1%	20 9.2%	3.87
12.	Kaedah eklektif - (الطريقة الانتقائية)	1 0.5%	1 0.5%	49 22.4%	142 65.4%	24 11.1%	3.86
Min Keseluruhan							4.13

$n = 217$

#### 4.1.1.5 : Pemilihan kaedah mengikut urutan keutamaan berdasarkan pelaksanaan kaedah yang telah dijalankan.

Hasil kajian mencatatkan keseluruhan guru menyatakan kaedah dengar dan tutur menunjukkan peringkat tertinggi keutamaan mengikut keberkesanan penggunaan dalam pengajaran Bahasa Arab. Kedua tertinggi ialah kaedah bacaan, diikuti oleh kaedah ajuk dan hafaz dan seterusnya kaedah langsung dan akhir sekali yang kelima ialah kaedah nahu dan terjemahan. Ini dapat dilihat dalam jadual 4.8 di bawah:

Jadual 4.8: Pemilihan kaedah mengikut urutan keutamaan keberkesanan

Bil	Butiran
1.	Kaedah dengar dan tutur
2.	Kaedah bacaan
3.	Kaedah ajuk hafaz
4.	Kaedah langsung
5.	Kaedah nahu dan terjemahan

#### **4.1.1.6 : Adakah terdapat kaedah pengajaran yang tidak pernah anda gunakan dalam proses pengajaran Bahasa Arab?**

Hasil kajian keseluruhannya menunjukkan tiada kaedah yang tidak pernah digunakan oleh guru.

#### **4.1.2 Bahagian 2: Penilaian Kendiri Atau Refleksi Terhadap Proses Pengajaran Yang Telah Dilaksanakan.**

Penulis telah menganalisis pandangan guru tentang penilaian kendiri atau refleksi terhadap proses pengajaran yang telah dilaksanakan oleh mereka. Ia mempunyai tiga konstruk iaitu dari aspek perancangan pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar dan aspek pelaksanaan pengajaran. Maklumat yang diperolehi, membolehkan keputusan dibuat untuk memperbaiki proses pengajaran Bahasa Arab yang sedang dilaksana dan yang akan dilaksanakan. Ini semua bertujuan untuk mengemukakan langkah penambahbaikan yang sesuai dan berkesan untuk digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab.

##### **4.1.2.1 : Aspek Perancangan Pengajaran**

Jadual 4.9 menunjukkan taburan kekerapan dari aspek perancangan pengajaran. Dalam kenyataan pertama iaitu tentang persediaan untuk melaksanakan proses pengajaran, hasil kajian mencatatkan keseluruhan guru menunjukkan kekerapan bersedia untuk melaksanakan proses pengajaran. Seramai 79 orang (36.4%) yang menyatakan sangat kerap, 125 orang (57.6%) kerap dan agak kerap seramai 13 orang (6.0%). Tidak ada seorang pun yang menyatakan jarang dan jarang sekali mereka

bersedia untuk melaksanakan proses pengajaran. Ini bermakna keseluruhan mereka bersedia untuk melaksanakan proses pengajaran. Nilai min keseluruhan bagi pernyataan di atas ialah 4.30.

Dapatan kajian terhadap pandangan guru berkenaan kekerapan mewujudkan kesediaan pelajar sebelum proses pengajaran dijalankan berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini adalah berdasarkan nilai min keseluruhan yang diperolehi ialah 4.23. Seramai 75 orang (34.6%) menyatakan sangat kerap, 117 orang (53.9%) kerap dan agak kerap pula seramai 24 orang (11.1%). Hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang jarang mewujudkan kesediaan pelajar sebelum proses pengajaran dijalankan.

Manakala dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran dirancang berdasarkan tiga aras hasil pembelajaran pula, didapati seramai 109 orang (50.2%) yang menyatakan kerap, 72 orang (33.2%) sangat kerap dan 34 orang (15.7%) yang agak kerap. Hanya 2 orang (0.9%) sahaja yang menyatakan jarang memastikan pengajaran dan pembelajaran dirancang berdasarkan tiga aras hasil pembelajaran. Ini bermakna pada keseluruhan guru menunjukkan kekerapan dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran dirancang berdasarkan tiga aras hasil pembelajaran. Nilai min keseluruhannya ialah 4.16.

Begitu juga bagi pernyataan seterusnya iaitu, isi pelajaran dibina bertepatan dengan hasil pembelajaran. Didapati seramai 68 orang (31.3%) yang menyatakan sangat kerap, 125 orang (57.6%) yang menyatakan kerap dan agak kerap seramai 23 orang (10.6%). Hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang jarang memastikan isi pelajaran dibina bertepatan dengan hasil pembelajaran. Nilai min keseluruhannya ialah 4.19.

Hasil kajian juga mencatatkan kebanyakan guru menunjukkan kekerapan dalam memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan isi pelajaran dengan jumlah seramai 215 orang (99.1%). Terdapat seramai 79 orang (36.4%) yang menyatakan sangat kerap memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan isi pelajaran. Manakala seramai 115 orang (53.0%) yang menyatakan kerap, 21 orang (9.7%) pula menyatakan agak kerap memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan isi pelajaran. Hanya 2 orang (0.9%) sahaja yang menyatakan jarang memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan isi pelajaran. Nilai min keseluruhannya ialah 4.25.

Jadual 4.9: Taburan kekerapan dari aspek perancangan pengajaran

Butiran	1	2	3	4	5	Min
	JS	J	AK	K	SK	
1. Saya bersedia untuk melaksanakan proses pengajaran			13 6.0%	125 57.6%	79 36.4%	4.30
2. Saya mewujudkan kesediaan pelajar sebelum proses pengajaran dijalankan		1 0.5%	24 11.1%	117 53.9%	75 34.6%	4.23
3. Saya memastikan P&P dirancang berdasarkan tiga aras hasil pembelajaran.		2 0.9%	34 15.7%	109 50.2%	72 33.2%	4.16
4. Isi pelajaran dibina bertepatan dengan hasil pembelajaran.		1 0.5%	23 10.6%	125 57.6%	68 31.3%	4.19
5. Memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan isi pelajaran.		2 0.9%	21 9.7%	115 53.0%	79 36.4%	4.25
Min Keseluruhan						4.23

*n= 217*

#### 4.1.2.2 : Penggunaan Bahan Bantu Mengajar

Jadual 4.10 menunjukkan taburan kekerapan dari aspek penggunaan bahan bantu mengajar. Dapatan kajian mencatatkan papan hitam merupakan bahan bantu mengajar

yang paling kerap digunakan oleh guru dalam pengajaran. Hal ini merujuk kepada nilai min yang diperolehi keseluruhannya ialah 4.68.

Terdapat seramai 159 orang (73.3%) yang menyatakan sangat kerap menggunakan papan hitam, 51 orang (23.5%) menyatakan kerap dan 4 orang (1.8%) pula menyatakan agak kerap. Manakala kenyataan tersebut juga dianggap oleh guru sebagai jarang menggunakan papan hitam ialah hanya seramai 2 orang (0.9%) dan jarang sekali 1 orang (0.5) sahaja. Ini menunjukkan hanya sebilangan kecil sahaja guru yang jarang menggunakan papan hitam sebagai bahan bantu mengajar.

Mengenai penggunaan papan gulung pula, terdapat hanya seramai 11 orang (5.1%) guru yang menyatakan mereka sangat kerap menggunakannya dalam proses pengajaran. Terdapat juga yang kerap menggunakannya iaitu seramai 48 orang (22.1%) dan agak kerap ialah seramai 56 orang (25.8%). Di samping itu, terdapat juga yang menyatakan jarang menggunakan papan gulung iaitu seramai 79 orang (36.4%) dan jarang sekali menggunakannya ialah 23 orang (10.6%) dengan jumlah keduanya ialah 102 orang (47%). Nilai min bagi keseluruhan bagi penggunaan papan gulung ialah 2.75.

Manakala penggunaan carta pula sebagai bahan bantu, terdapat seramai 29 orang (13.4%) yang menyatakan sangat kerap, 71 orang (32.7%) menyatakan kerap dan 74 orang (34.1%) pula menyatakan agak kerap. Manakala kenyataan tersebut juga dianggap oleh guru sebagai jarang menggunakannya ialah seramai 38 orang (17.5%) dan 5 orang (2.3%) yang menyatakan jarang sekali menggunakannya. Nilai min keseluruhannya ialah 3.37.

Hasil kajian juga mencatatkan kebanyakan guru menunjukkan kekerapan dalam menggunakan gambar sebagai bahan bantu mengajar dengan jumlah seramai 210 orang (96.8%). Seramai 73 orang (33.6%) menyatakan sangat kerap, 102 orang (47.0%) kerap dan agak kerap pula ialah seramai 35 orang (16.1%). Hanya 7 orang (3.2%) sahaja yang jarang menggunakan gambar sebagai bahan bantu mengajar. Nilai min keseluruhannya ialah 4.11.

Begitu juga tentang penggunaan bahan maujud sebagai bahan bantu mengajar dalam kalangan guru, kebanyakan guru menunjukkan kekerapan dalam menggunakan bahan maujud sebagai bahan bantu mengajar dengan jumlah seramai 210 orang (96.8%). Seramai 111 orang (51.2%) menyatakan sangat kerap, 69 orang (31.8%) kerap dan agak kerap pula ialah seramai 30 orang (13.8%). Hanya 7 orang (3.2%) sahaja yang jarang menggunakan bahan maujud sebagai bahan bantu mengajar. Nilai min keseluruhannya ialah 4.31.

Terdapat hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang jarang sekali menggunakan kad imbasan sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran mereka dan 11 orang (5.1%) yang menyatakan jarang menggunakannya. Kebanyakan guru menunjukkan kekerapan penggunaan kad imbasan sebagai bahan bantu mengajar iaitu seramai 72 orang (33.2%) menyatakan sangat kerap, 88 orang (40.6%) kerap dan agak kerap pula ialah seramai 45 orang (20.7%). Nilai min keseluruhannya ialah 4.01.

Dalam penggunaan kad kalimah dan lembaran kerja, kebanyakan guru menunjukkan kekerapan menggunakannya sebagai bahan bantu mengajar. Terdapat hanya 9 orang (4.1%) sahaja yang jarang menggunakan kad kalimah sebagai bahan

bantu mengajar dan 3 orang (1.4%) sahaja jarang menggunakan lembaran kerja sebagai bahan bantu mengajar. Oleh itu, kebanyakan guru menunjukkan kekerapan menggunakan kad kalimah dan lembaran kerja sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran mereka.

Bagi penggunaan kad kalimah, terdapat seramai 80 orang (36.9%) menyatakan sangat kerap, 91 orang (41.9%) kerap dan agak kerap pula ialah seramai 37 orang (17.1%). Nilai min keseluruhan bagi kad kalimah ialah 4.11. Manakala penggunaan lembaran kerja pula sebagai bahan bantu mengajar, terdapat seramai 121 orang (55.8%) menyatakan sangat kerap, 71 orang (32.7%) kerap dan agak kerap pula ialah seramai 22 orang (10.1%). Nilai min keseluruhan bagi kad kalimah ialah 4.43.

Hasil kajian menunjukkan kebanyakan guru menyatakan jarang dan jarang sekali menggunakan radio, OHP, pita rakaman, makmal bahasa dan LCD sebagai bahan bantu mengajar mereka dengan nilai min antara 1.71 hingga 2.41.

Bagi penggunaan radio sebagai bahan bantu mengajar, terdapat hanya 4 orang (1.8%) sahaja yang sangat kerap menggunakannya dan 19 orang (8.8%) yang kerap dan agak kerap seramai 26 orang (12.0%). Manakala terdapat seramai 104 orang (47.9%) menyatakan jarang, 64 orang (29.5%) jarang sekali menggunakan radio sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran mereka. Nilai min keseluruhannya ialah 2.05.

Begitu juga dengan penggunaan OHP sebagai bahan bantu mengajar, didapati sebilangan besar guru jarang menggunakannya dalam pengajaran. Seramai 99 orang (45.6%) yang menyatakan jarang sekali dan 91 orang (41.9%) pula yang menyatakan



jarang menggunakan OHP sebagai bahan bantu mengajar. Hanya sebilangan kecil yang menyatakan kerap menggunakan OHP sebagai bahan bantu mengajar iaitu seramai 8 orang (3.1%) sahaja dan agak kerap menggunakannya ialah seramai 19 orang (8.8%). Nilai min keseluruhannya ialah 1.71.

Manakala penggunaan pita rakaman sebagai bahan bantu mengajar pula, didapati kebanyakan guru juga jarang sekali menggunakannya iaitu seramai 90 orang (41.5%) yang menyatakan jarang sekali dan 86 orang (39.6%) pula yang menyatakan jarang menggunakan pita rakaman sebagai bahan bantu mengajar. Hanya sebilangan kecil yang menyatakan kerap menggunakan pita rakaman sebagai bahan bantu mengajar iaitu seramai 10 orang (4.6%) sahaja dan agak kerap menggunakannya ialah seramai 31 orang (14.3%). Nilai min keseluruhannya ialah 1.82.

Hasil kajian juga menunjukkan kebanyakan guru jarang sekali menggunakan makmal bahasa sebagai bahan bantu mengajar mereka iaitu seramai 105 orang (48.4%) dan seramai 66 orang (30.4%) pula yang menyatakan jarang menggunakannya. Ini kerana kebanyakan sekolah tidak mempunyai makmal bahasa. Namun begitu terdapat juga yang agak kerap menggunakannya iaitu seramai 23 orang (10.6%), 17 orang (7.8%) kerap dan 6 orang sahaja (2.8%) yang sangat kerap menggunakannya. Nilai min keseluruhannya ialah 1.86.

Bagi penggunaan LCD pula sebagai bahan bantu mengajar, didapati seramai 48 orang (22.1%) yang menyatakan jarang sekali dan 87 orang (40.1%) pula jarang menggunakannya. Terdapat juga yang agak kerap menggunakannya ialah seramai 39

orang (18.0%), 31 orang (14.3%) kerap dan 12 orang sahaja (5.5%) yang sangat kerap menggunakannya. Nilai min keseluruhannya ialah 2.41.

Jadual 4.10: Taburan kekerapan dari aspek penggunaan bahan bantu mengajar.

Butiran	1	2	3	4	5	Min
	JS	J	AK	K	SK	
1. Papan hitam	1 0.5%	2 0.9%	4 1.8%	51 23.5%	159 73.3%	4.68
2. Papan gulung	23 10.6%	79 36.4%	56 25.8%	48 22.1%	11 5.1%	2.75
3. Carta	5 2.3%	38 17.5%	74 34.1%	71 32.7%	29 13.4%	3.37
4. Gambar-gambar		7 3.2%	35 16.1%	102 47.0%	73 33.6%	4.11
5. Bahan maujud		7 3.2%	30 13.8%	69 31.8%	111 51.2%	4.31
6. Kad imbasan	1 0.5%	11 5.1%	45 20.7%	88 40.6%	72 33.2%	4.01
7. Kad kalimah		9 4.1%	37 17.1%	91 41.9%	80 36.9%	4.11
8. Lembaran kerja		3 1.4%	22 10.1%	71 32.7%	121 55.8%	4.43
9. Radio	64 29.5%	104 47.9%	26 12.0%	19 8.8%	4 1.8%	2.05
10. OHP	99 45.6%	91 41.9%	19 8.8%	8 3.7%		1.71
11. Pita rakaman	90 41.5%	86 39.6%	31 14.3%	10 4.6%		1.82

Jadual 4.10, sambungan

Butiran	1	2	3	4	5	Min
	JS	J	AK	K	SK	
12. Makmal bahasa	105 48.4%	66 30.4%	23 10.6%	17 7.8%	6 2.8%	1.86
13. Power point /LCD	48 22.1%	87 40.1%	39 18.0%	31 14.3%	12 5.5%	2.41
					Min Keseluruhan	3.20

*n* = 217

#### 4.1.2.3 : Aspek Pelaksanaan Pengajaran

Jadual 4.11 menunjukkan taburan kekerapan dari aspek pelaksanaan pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan responden kajian dapat melaksanakan pengajaran dengan baik. Hal ini merujuk kepada purata min keseluruhan ialah 3.83. Hasil kajian mendapati keseluruhan guru menunjukkan kekerapan melaksanakan langkah-langkah pengajaran secara terkawal dan teratur. Seramai 54 orang (24.9%) menyatakan sangat kerap, 127 orang (58.5%) kerap dan agak kerap seramai 36 orang (16.6%). Tidak ada seorang pun yang menyatakan jarang dan jarang sekali mereka melaksanakan langkah-langkah pengajaran secara terkawal dan teratur. Ini bermakna keseluruhan mereka melaksanakan langkah-langkah pengajaran secara terkawal dan teratur. Nilai min keseluruhannya ialah 4.08.

Hasil kajian juga mendapati kebanyakan guru menunjukkan kekerapan dalam mengulangi isi-isi penting pelajaran semasa proses pengajaran. Seramai 89 orang (41.0%) orang menyatakan sangat kerap, 113 orang (52.1%) kerap dan agak kerap pula seramai 14 orang (6.5%). Hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang jarang mengulangi isi-isi penting pelajaran semasa proses pengajaran. Nilai min keseluruhannya ialah 4.34.

Manakala dalam memberikan contoh-contoh yang sesuai dengan isi pelajaran pula, didapati seramai 109 orang (50.2%) yang menyatakan kerap, 92 orang (42.4%) sangat kerap dan 15 orang (6.9%) yang agak kerap. Hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang jarang memberikan contoh-contoh yang sesuai dengan isi pelajaran. Ini bermakna pada keseluruhan guru menunjukkan kekerapan dalam memberikan contoh-contoh yang sesuai dengan isi pelajaran. Nilai min keseluruhannya ialah 4.35.

Begitu juga bagi pernyataan 4 iaitu meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti yang dijalankan, didapati seramai 93 orang (42.9%) guru yang menyatakan sangat kerap, 109 orang (50.2%) pula yang menyatakan kerap dan agak kerap seramai 13 orang (6.0%). Hanya 2 orang (0.9%) sahaja yang jarang meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti yang dijalankan. Nilai min keseluruhannya ialah 4.35.

Kebanyakan guru juga menunjukkan kekerapan dalam menggunakan bahasa Arab semasa pengajaran. Terdapat seramai 26 orang (12.0%) menyatakan sangat kerap, 107 orang (49.3%) kerap dan agak kerap pula seramai 63 orang (29.0%). Manakala terdapat juga seramai 17 orang (7.8%) yang menyatakan jarang menggunakan bahasa Arab semasa pengajaran dan hanya 4 orang (1.8%) sahaja yang jarang sekali menggunakan bahasa Arab semasa pengajaran. Ini bermakna hanya sebilangan kecil sahaja yang tidak menggunakan bahasa Arab semasa pengajaran. Nilai min keseluruhannya ialah 3.62.

Terdapat seramai 93 orang (42.9%) guru yang menyatakan jarang dan jarang sekali 55 orang (25.3%) terhadap pernyataan kurang menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran. Ini bermakna kebanyakan guru menerapkan nilai-nilai murni

semasa pengajaran. Di samping itu, terdapat hanya seramai 11 orang (5.1%) yang menyatakan sangat kerap, 38 orang (17.5%) kerap dan agak kerap pula seramai 20 orang (9.2%) guru yang menyatakan kurang menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran. Nilai min keseluruhannya ialah 2.34.

Bagi pernyataan 7 iaitu menggabungkan di antara empat kemahiran berbahasa dalam pengajaran, hasil kajian mendapati seramai 25 orang (11.5%) menyatakan sangat kerap, 114 orang (52.5%) kerap dan agak kerap pula seramai 60 orang (27.6%). Manakala terdapat juga seramai 18 orang (8.3%) yang menyatakan jarang menggabungkan di antara empat kemahiran berbahasa dalam pengajaran mereka. Nilai min keseluruhannya ialah 3.67.

Manakala dari sudut guru dapat mengelola pengajaran dan pembelajaran dengan baik, didapati seramai 33 orang (15.2%) guru menyatakan sangat kerap, 148 orang (68.2%) kerap dan agak kerap pula seramai 34 orang (15.7%). Terdapat juga hanya 2 orang (0.9%) sahaja yang menyatakan jarang dapat mengelola pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Nilai min keseluruhannya ialah 3.97.

Terdapat seramai 40 orang (18.4%) menyatakan sangat kerap dapat mengetahui kekuatan dan kelemahan pengajaran, 129 orang (59.4%) kerap dan agak kerap pula seramai 46 orang (21.2%). Manakala terdapat juga hanya 2 orang (0.9%) sahaja yang menyatakan jarang dapat mengetahui kekuatan dan kelemahan pengajaran. Nilai min keseluruhannya ialah 3.95.

Kebanyakan guru dapat melaksanakan aktiviti pemulihan. Hasil kajian mendapati seramai 20 orang (9.2%) yang menyatakan sangat kerap dapat melaksanakan aktiviti pemulihan dalam pengajaran mereka, 66 orang (30.4%) kerap dan agak kerap pula seramai 91 orang (41.9%). Didapati juga seramai 39 orang (18.0%) yang menyatakan jarang dan hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang jarang sekali dapat melaksanakan aktiviti pemulihan. Nilai min keseluruhannya ialah 3.29.

Terdapat seramai 66 orang (30.4%) menyatakan sangat kerap dapat menamatkan pelajaran dengan aktiviti pengukuhan atau penilaian, 110 orang (50.7%) kerap dan agak kerap pula seramai 40 orang (18.4%). Manakala terdapat juga hanya 1 orang (0.5%) sahaja yang menyatakan jarang dapat menamatkan pelajaran dengan aktiviti pengukuhan atau penilaian. Nilai min keseluruhannya ialah 4.11.

Begitu juga dengan pernyataan terakhir iatu hasil pembelajaran tercapai. Terdapat seramai 25 orang (11.5%) menyatakan sangat kerap, 133 orang (61.3%) kerap dan agak kerap pula seramai 54 orang (24.9%). Hanya 5 orang (2.3%) sahaja yang menyatakan jarang hasil pembelajaran tercapai. Nilai min keseluruhannya ialah 3.82.

Jadual 4.11: Taburan kekerapan dari aspek pelaksanaan pengajaran.

Butiran	JS	J	AK	K	SK	Min
1. Melaksanakan langkah-langkah pengajaran secara terkawal dan teratur.			36 16.6%	127 58.5%	54 24.9%	4.08
2. Mengulangi isi-isi penting pelajaran semasa proses pengajaran.		1 0.5%	14 6.5%	113 52.1%	89 41.0%	4.34
3. Memberikan contoh-contoh yang sesuai dengan isi pelajaran.		1 0.5%	15 6.9%	109 50.2%	92 42.4%	4.35

Jadual 4.11, sambungan

	Butiran	JS	J	AK	K	SK	Min
4	Meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti yang dijalankan.		2 0.9%	13 6.0%	109 50.2%	93 42.9%	4.35
5	Menggunakan bahasa Arab semasa pengajaran.	4 1.8%	17 7.8%	63 29.0%	107 49.3%	26 12.0%	3.62
6	Kurang menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran.	55 25.3%	93 42.9%	20 9.2%	38 17.5%	11 5.1%	2.34
7	Menggabungkan di antara empat kemahiran berbahasa.		18 8.3%	60 27.6%	114 52.5%	25 11.5%	3.67
8	Dapat mengelola pengajaran dan pembelajaran dengan baik.		2 0.9%	34 15.7%	148 68.2%	33 15.2%	3.98
9	Dapat mengetahui kekuatan dan kelemahan pengajaran.		2 0.9%	46 21.2%	129 59.4%	40 18.4%	3.95
10	Dapat melaksanakan aktiviti pemulihan.	1 0.5%	39 18.0%	91 41.9%	66 30.4%	20 9.2%	3.29
11	Menamatkan pelajaran dengan aktiviti pengukuhan/ penilaian.		1 0.5%	40 18.4%	110 50.7%	66 30.4%	4.11
12	Hasil pembelajaran tercapai.		5 2.3%	54 24.9%	133 61.3%	25 11.5%	3.82
Min Keseluruhan							3.83

*n* = 217

### 4.1.3 Bahagian 3: Kekangan Dalam Pengajaran Bahasa Arab

Bahagian ini adalah untuk menjawab soalan keempat kajian tentang kekangan yang dihadapi oleh guru Bahasa Arab dalam pengajaran Bahasa Arab. Kategori kekangan yang terdapat dalam pengajaran Bahasa Arab yang dikaji ialah aspek masa pengajaran, murid, bahan bantu mengajar, kursus dan latihan dan faktor-faktor lain.

#### **4.1.3.1 : Kekangan Dari Aspek Masa Pengajaran**

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan guru-guru j-QAF menyatakan peruntukan waktu 2 kali seminggu untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab adalah tidak mencukupi. iaitu seramai 163 orang (75.1%). Manakala seramai 54 orang (24.9%) pula yang menyatakan mencukupi. Ini bermakna sebilangan besar guru menyatakan peruntukan waktu 2 kali seminggu untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab adalah tidak mencukupi dan perlu ditambah lagi.

Secara keseluruhannya kajian ini mendapati seramai 202 orang (93.1%) yang menyatakan waktu Bahasa Arab berada dalam jadual waktu rasmi persekolahan. Namun begitu terdapat juga beberapa orang guru iaitu seramai 15 orang (6.9%) sahaja yang menyatakan waktu Bahasa Arab berada di luar jadual waktu rasmi persekolahan.

#### **4.1.3.2 : Kekangan Dari Aspek Murid**

Hasil kajian mendapati seramai 112 orang (51.6%) guru menyatakan bilangan murid dalam kelas bahasa Arab terlalu ramai dan seramai 105 orang (48.4%) pula menyatakan tidak. Manakala dari sudut majoriti murid masih kurang berminat untuk mempelajari bahasa Arab, didapati sebahagian guru menyatakan ya iaitu seramai 111 orang (51.2%), dan sebahagian guru pula menyatakan tidak terhadap pernyataan tersebut iaitu seramai 106 orang (48.8%).

Seramai 78 orang (35.9%) menyatakan ya bahawa murid kurang memberi tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dan seramai 139 orang (64.1%) menyatakan tidak. Ini bermakna murid memberi tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan.



Hasil kajian menunjukkan kebanyakan guru berjaya mengawal kelas (murid). Hal ini merujuk kepada dapatan kajian yang mencatatkan seramai 195 orang (89.9%) yang menyatakan tidak terhadap pernyataan kurang berjaya dalam kawalan kelas (murid). Manakala terdapat juga guru yang kurang berjaya dalam kawalan kelas (murid) iaitu seramai 22 orang (10.1%) sahaja yang menyatakan ya terhadap pernyataan tersebut.

#### **4.1.3.3 : Kekangan Dari Aspek Bahan Bantu Mengajar**

Hasil kajian menunjukkan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia telah membekalkan bahan bantu mengajar Bahasa Arab. Ini merujuk kepada dapatan kajian yang mencatatkan seramai 158 orang (72.8%) yang menyatakan "ya" terhadap pernyataan tersebut. Manakala didapati seramai 59 orang (27.2%) yang menyatakan "tidak" terhadap pernyataan tersebut. Ini bermakna Kementerian Pelajaran Malaysia tidak membekalkan bahan bantu mengajar Bahasa Arab.

Dari sudut bahan bantu mengajar Bahasa Arab sukar didapati di pasaran, hasil kajian mencatatkan seramai 145 orang (66.8%) yang menyatakan "ya" terhadap pernyataan tersebut dan seramai 72 orang (33.2%) pula yang menyatakan "tidak".

Kebanyakan guru menyatakan terpaksa menyediakan sendiri bahan bantu mengajar. Terdapat seramai 177 orang (81.6%) yang menyatakan "ya" dan seramai 40 orang (18.4%) pula yang menyatakan "tidak". Manakala kemudahan tidak disediakan oleh pihak sekolah, didapati seramai 29 orang (13.4%) yang menyatakan "ya" dan seramai 188 orang (86.6%) pula yang menyatakan "tidak" terhadap pernyataan tersebut. Ini bermakna kebanyakan sekolah menyediakan kemudahan teknologi maklumat seperti LCD untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

#### **4.1.3.4 : Kekangan Dari Aspek Kursus dan Latihan**

Hasil kajian mendapati bahawa seramai 77 orang (35.5%) guru yang menyatakan “ya” terhadap pernyataan kurang mendapat pendedahan tentang kemahiran menggunakan buku teks Bahasa Arab. Manakala seramai 140 orang (64.5%) pula yang menyatakan “tidak” terhadap pernyataan tersebut. Ini bermakna mereka mendapat pendedahan tentang kemahiran menggunakan buku teks Bahasa Arab.

Seramai 122 orang (56.2%) bersetuju menyatakan ”ya” bahawa kursus / latihan berkaitan dengan P&P yang disediakan tidak mencukupi. Manakala terdapat seramai 95 orang (43.8%) pula yang menyatakan ”tidak” bagi pernyataan tersebut dan ini bermakna kursus / latihan berkaitan dengan P&P yang disediakan adalah mencukupi mengikut pandangan guru.

Bagi pernyataan seterusnya iaitu guru-guru mendapat pendedahan tentang Sukatan Pelajaran. Seramai 165 orang (76.0%) yang menyatakan ”ya” bahawa mereka mendapat pendedahan tentang Sukatan Pelajaran. Namun begitu terdapat juga yang menyatakan ”tidak” terhadap pernyataan tersebut iaitu seramai 52 orang (24.0%) sahaja. Ini bermakna sebilangan kecil sahaja dari kalangan mereka tidak mendapat pendedahan tentang Sukatan Pelajaran.

Hasil kajian juga mendapati seramai 168 orang (77.4%) guru menyatakan mereka mendapat pendedahan tentang Huraian Sukatan Pelajaran. Manakala seramai 49 orang (22.6%) guru pula yang menyatakan mereka tidak mendapat pendedahan tentang Huraian Sukatan Pelajaran. Ini menunjukkan hanya sebilangan kecil sahaja yang tidak mendapat pendedahan Huraian Sukatan Pelajaran.

Dapatan kajian mencatatkan seramai 134 orang (61.8%) menyatakan mereka tidak mendapat pendedahan beberapa modul latihan berkaitan dengan kaedah pengajaran. Manakala seramai 83 orang (38.2%) pula yang menyatakan mereka mendapat pendedahan beberapa modul latihan berkaitan dengan kaedah pengajaran.

Terdapat seramai 115 orang (53.0%) guru yang menyatakan mereka mendapat kursus peningkatan profesionalisme untuk penguasaan bahasa Arab. Di samping itu, didapati seramai 102 orang guru (47.0%) pula yang menyatakan mereka tidak mendapat kursus peningkatan profesionalisme untuk penguasaan bahasa Arab.

#### **4.1.3.5 : Faktor-faktor lain**

Dapatan kajian menunjukkan seramai 108 orang (49.8%) yang menyatakan beban tugas lain menghalang tumpuan mereka untuk merancang dan melaksanakan pengajaran yang baik. Manakala seramai 109 orang (50.2%) pula yang menafikan beban tugas lain boleh menghalang tumpuan mereka untuk merancang dan melaksanakan pengajaran yang baik.

Antara kekangan lain ialah kurang wujud persekitaran bahasa Arab di sekolah. Pernyataan tersebut telah dipersetujui oleh seramai 190 orang guru j-QAF (87.6%). Manakala seramai 27 orang (12.4%) sahaja yang menafikan pernyataan tersebut dan ini bermakna wujudnya persekitaran bahasa Arab (بيئة عربية) di sekolah mereka.

Seramai 70 orang (32.3%) yang menyatakan "ya" tentang sokongan pihak pentadbir sekolah terhadap pengajaran Bahasa Arab kurang memuaskan. Di samping

itu, terdapat juga guru yang menafikan pernyataan tersebut dan mereka menyatakan mendapat sokongan daripada pihak sekolah iaitu seramai 147 orang (67.7%).

Hasil kajian juga mendapati antara kekangan lain ialah tiada pemantauan daripada pihak Pejabat Pelajaran Daerah (PPD). Terdapat seramai 39 orang (18.0%) yang menyatakan "ya" terhadap pernyataan tersebut. Manakala terdapat seramai 178 orang (82.0%) pula yang menafikan pernyataan tersebut dan ini bermakna mereka mendapat pemantauan daripada pihak Pejabat Pelajaran Daerah (PPD).

Hasil kajian mencatatkan hanya seramai 47 orang (21.7%) menyatakan tiada pemantauan daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri (JPN). Manakala seramai 170 orang (78.3%) pula menafikan pernyataan tersebut dan ini bermakna kebanyakan guru mendapat pemantauan daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri (JPN).

Bagi pernyataan seterusnya iaitu tiada pemantauan daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.(KPM), didapati seramai 93 orang (42.9%) yang menyatakan "ya" terhadap pernyataan tersebut. Manakala seramai 124 orang guru (57.1%) pula yang menyatakan mereka mendapat pemantauan daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Jadual 4.12: Kekangan yang terdapat dalam pengajaran Bahasa Arab.

Bil	Butiran	Ya	%	Tidak	%
<b>A Masa Pengajaran</b>					
1.	Peruntukan waktu 2 kali seminggu untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab adalah mencukupi.	54	24.9	163	75.1
2.	Waktu Bahasa Arab berada dalam jadual waktu rasmi persekolahan.	202	93.1	15	6.9
<b>B Murid</b>					
1.	Bilangan murid dalam kelas bahasa Arab terlalu ramai.	112	51.6	105	48.4
2.	Majoriti murid masih kurang berminat untuk mempelajari Bahasa Arab.	111	51.2	106	48.4
3.	Murid kurang memberi tumpuan semasa proses P&P berjalan.	78	35.9	139	64.1
4.	Kurang berjaya dalam kawalan kelas (murid).	22	10.1	195	89.9
<b>C Bahan Bantu Mengajar</b>					
1.	KPM membekalkan Bahan Bantu Mengajar Bahasa Arab.	158	72.8	59	27.2
2.	Bahan Bantu Mengajar Bahasa Arab sukar didapati di pasaran.	145	66.8	72	33.2
3.	Terpaksa menyediakan sendiri BBM.	177	81.6	40	18.4
4.	Kemudahan teknologi maklumat seperti LCD tidak disediakan oleh pihak sekolah.	29	13.4	188	86.6
<b>D Kursus dan latihan</b>					
1.	Kurang mendapat pendedahan tentang kemahiran menggunakan buku teks Bahasa Arab.	77	35.5	140	64.5

Jadual 4.12, sambungan

Bil	Butiran	Ya	%	Tidak	%
2.	Kursus / latihan berkaitan dengan P&P yang disediakan tidak mencukupi.	122	56.2	95	43.8
3.	Mendapat pendedahan tentang Sukatan Pelajaran	165	76.0	52	24.0
4.	Mendapat pendedahan tentang Huraian Sukatan Pelajaran	168	77.4	49	22.6
5.	Tidak mendapat pendedahan beberapa modul latihan berkaitan dengan kaedah pengajaran.	83	38.2	134	61.8
6.	Mendapat kursus peningkatan profesionalisme untuk penguasaan bahasa Arab.	115	53.0	102	47.0
<b>E</b>	<b>Faktor Lain</b>				
1.	Beban tugas lain menghalang tumpuan saya untuk merancang dan melaksanakan pengajaran yang baik.	108	49.8	109	50.2
2.	Kurang wujud persekitaran bahasa Arab (بيئة عربية) di sekolah	190	87.6	27	12.4
3.	Sokongan pihak pentadbir sekolah terhadap pengajaran Bahasa Arab kurang memuaskan.	70	32.3	147	67.7
4.	Tiada pemantauan daripada pihak Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)	39	18.0	178	82.0
5.	Tiada pemantauan daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)	47	21.7	170	78.3
6.	Tiada pemantauan daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.(KPM)	93	42.9	124	57.1

*n*=217

Selain faktor kekangan di atas, hasil kajian mendapati ada beberapa kekangan lain yang telah dinyatakan oleh guru-guru j-QAF. Antaranya ialah pertama dari segi bahan bantu mengajar. Kementerian Pelajaran Malaysia tidak membekalkan bahan

bantu mengajar yang terkini. Oleh itu, guru-guru terpaksa menyediakan sendiri dan mengambil masa yang lama.

Kedua ialah dari segi murid. Terdapat murid yang lemah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (Iqra') dan tidak menguasai dengan baik huruf hijaiyyah, maka mereka susah untuk mempelajari Bahasa Arab. Di samping itu, murid-murid tiada asas bahasa Arab dan terdapat juga murid tidak mengikuti sekolah agama petang. Ini menyebabkan mereka sukar untuk menguasai bahasa Arab dengan baik. Terdapat juga murid ponteng waktu bahasa Arab yang mana jadual (luar waktu) dengan alasan tidak ada pengangkutan.

Selain itu, ada segelintir murid tidak berminat untuk menghafaz perkataan bahasa Arab dan terdapat juga sedikit gangguan daripada murid bukan Islam yang ada dalam kelas semasa pengajaran dan pembelajaran berjalan. Di samping itu, didapati juga sejumlah murid 'pemulihan' agak sukar dipulihkan. Ini memberi impak besar dalam p&p bahasa Arab.

Ketiga ialah keperluan guru juga perlu diambil perhatian kerana bilangan guru Bahasa Arab terhad hanya dua orang sahaja (j-QAF BA) bagi sebuah sekolah, jadi beban tugas waktu mengajar terlalu banyak dalam seminggu, dengan ini menyebabkan mereka tidak dapat memberi tumpuan kepada proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dengan baik. Di samping itu, guru diberi tugas yang besar seperti guru NILAM, guru disiplin dan guru pengawas.

Keempat ialah mengenai kursus bahasa Arab. Kursus pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab kurang diadakan dan tiada latihan pemantapan guru Bahasa Arab serta kurangnya kursus guru untuk kelas pemulihan.

Selain faktor di atas, kebanyakan guru berpendapat bahawa faktor masa adalah penting. Masa yang terhad iaitu 2 kali seminggu (60 minit) tidak mencukupi dan menyukarkan untuk melaksanakan aktiviti dalam kelas.

Faktor kekangan seterusnya ialah sokongan. Perlu mendapat sokongan daripada semua pihak untuk mencemerlangkan bahasa Arab. Kurang mendapat sokongan dan kerjasama daripada ibu bapa. Di samping itu juga, kurang mendapat bantuan daripada guru j-QAF opsyen lain dan guru Pendidikan Islam dalam mewujudkan persekitaran bahasa Arab di sekolah.

Guru-guru j-QAF juga memberi beberapa cadangan untuk penambahbaikan yang boleh digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab. Antaranya ialah;

#### **Pertama: Kursus**

Kebanyakan guru mencadangkan agar perbanyakkan kursus bahasa Arab seperti kursus pemantapan bahasa Arab, kursus peningkatan profesionalisme untuk penguasaan bahasa Arab, bengkel pembinaan bahan bantu mengajar, kursus pendedahan tentang Sukatan Pelajaran (SP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) secara berterusan dengan lebih kerap, kursus kemahiran menggunakan buku teks Bahasa Arab dan bengkel kaedah pengajaran yang berbentuk nyanyian atau nasyid.



Selain itu, mereka juga mencadangkan agar Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) sentiasa mengadakan latihan kepada guru untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab dan mewujudkan peluang kepada guru Bahasa Arab untuk melanjutkan pelajaran atau mengikuti kursus setiap 3 bulan.

Di samping itu, perlu mengadakan kursus di peringkat Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan menyediakan kursus bahasa Arab kepada guru-guru daripada pakar bahasa Arab dan guru cemerlang. Selain itu, perlu mengadakan beberapa modul latihan berkaitan dengan kaedah pengajaran Bahasa Arab dan kaedah pedagogi yang menarik kepada guru.

Cadangan seterusnya ialah mengadakan kursus motivasi kepada murid-murid dan ibu bapa tentang kepentingan bahasa Arab.

### **Kedua: Bahan Bantu Mengajar**

Kebanyakan guru mencadangkan agar perbanyakkan dan pelbagaikan bahan bantu mengajar yang menarik dan bersesuaian seperti CD dan kad imbasan dengan membekalkan pelbagai bahan bantu mengajar Bahasa Arab berdasarkan sukatan dan sentiasa perbaharui bahan bantu mengajar serta terkini. Perbanyakkan juga bahan bantu mengajar yang berbentuk permainan.

Selain itu, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia perlu memberikan peruntukan kewangan, supaya guru bebas memilih dan membeli bahan bantu mengajar mengikut kesesuaian murid. Di samping itu, perlu mengadakan kamus bahasa Arab untuk sukatan tahun 1 hingga 6.

Cadangan seterusnya ialah mengadakan perkongsian bahan bantu mengajar dan idea secara meluas oleh guru j-QAF di website dan pembinaan bahan bantu mengajar Bahasa Arab untuk semua aliran juga diadakan. Selain itu, membekalkan kemudahan ICT seperti LCD dan mewujudkan makmal bahasa di sekolah-sekolah.

### **Ketiga: Pemantauan**

Kebanyakan guru mencadangkan agar perlu diadakan pemantauan yang kemas dari sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia secara berterusan terhadap perjalanan program j-QAF di sekolah-sekolah.

### **Keempat: Mewujudkan persekitaran bahasa Arab di sekolah-sekolah**

Kebanyakan guru mencadangkan agar semua guru j-QAF mewujudkan persekitaran bahasa Arab “سَيِّئٌ عَرَبِيٌّ” di sekolah melalui aktiviti-aktiviti dalam persatuan bahasa Arab seperti melabelkan perkataan Arab di persekitaran sekolah, memperbanyakkan pertandingan-pertandingan seperti kalam jamaie, menghafal perkataan Arab, nasyid Arab dan kuiz.

Selain itu, menggunakan bahasa Arab semasa perhimpunan pagi dan menggunakan 80% bahasa Arab standard semasa proses pengajaran dan pembelajaran, sekiranya murid tidak faham, guru perlulah melakunkan watak supaya murid-murid mudah faham. Mengadakan aktiviti ko-kurikulum dalam bahasa Arab seperti minggu bahasa Arab dengan wajibkan murid bertutur dalam bahasa Arab.

Di samping itu, guru perlu mengadakan kem untuk pelajar yang lemah dan memperbanyakkan latihan tubi yang berterusan. Selain itu, untuk lebih menarik

pengajaran Bahasa Arab, mereka mencadangkan agar perkataan-perkataan Arab yang dipelajari, dilagukan atau dinyanyikan. Sekiranya dinyanyikan ayat-ayat Arab bersama makna dan selalu menggunakan muzik atau lagu akan lebih memberi kesan kepada murid-murid dan mudah dihafal serta menarik minat murid untuk mempelajari Bahasa Arab.

#### **Kelima: Martabatkan subjek Bahasa Arab**

Kebanyakan guru mencadangkan agar mata pelajaran Bahasa Arab dijadikan mata pelajaran setaraf dan diberi 'standard' yang sama seperti bahasa-bahasa lain. Markah peperiksaan atau ujian dikira untuk kedudukan kelas

#### **Keenam: Masa**

Kebanyakan guru mencadangkan agar waktu mata pelajaran Bahasa Arab ditambahkan dengan memperuntukkan sekurang-kurangnya 4 kali seminggu untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Pembelajaran bahasa Arab juga perlu dijalankan dalam jadual waktu rasmi dan tidak tertumpu pada waktu akhir sekolah.


#### **Ketujuh: Buku teks**

Kebanyakan guru mencadangkan agar mengurangkan isi kandungan dalam sesuatu topik atau bab. Kandungan isi pelajaran yang diajar dalam buku teks perlulah dipermudahkan dan saling berkaitan dari tahun 1 hingga 6 supaya murid sentiasa mengingati pelajaran lepas dan kemaskini pengetahuan baru dalam topik yang sama. Selain itu, membekalkan buku latihan penulisan dalam bahasa Arab untuk pelajar yang lemah. Tambahbaik atau memperbanyakkan buku aktiviti bahasa Arab. Dalam satu tajuk, setiap hasil pembelajaran perlu menekankan mufradat.

#### 4.1.4 Bahagian 4: Latar Belakang Guru

Kumpulan responden yang dikaji ialah guru-guru j-QAF pengkhususan bahasa Arab kohort 2005, 2006 dan 2007. Latar belakang guru j-QAF terdiri daripada jantina, umur, kelulusan peringkat ijazah pertama dan pengkhususan, tempat mendapat ikhtisas (KPLI j-QAF), pengalaman berkhidmat sebagai guru j-QAF, tahap minat mengajar Bahasa Arab dan tahap keseronokan mengajar Bahasa Arab dan kekerapan mengikuti kursus bahasa Arab sepanjang perkhidmatan.

Rajah 4.1 menunjukkan taburan kekerapan mengikut jantina guru j-QAF. Daripada jumlah 217 orang responden kajian, dapatan kajian mencatatkan seramai 155 orang (71.4%) adalah guru perempuan dan hanya 62 orang (28.6%) adalah guru lelaki. Ini menunjukkan majoriti responden yang menjadi guru j-QAF adalah guru perempuan.



Rajah 4.1: Taburan kekerapan mengikut jantina


Jadual 4.13 menunjukkan taburan kekerapan lingkungan umur guru j-QAF. Dari segi umur, hasil kajian menunjukkan seramai 141 orang (65%) daripada guru j-QAF adalah dalam lingkungan umur antara 31 hingga 35 tahun yang menjadi majoriti dalam kajian ini. Bagi guru j-QAF yang berumur antara 25 hingga 30 tahun ialah 56 orang (25.9%). Manakala guru j-QAF yang berumur antara 36 hingga 39 tahun ialah seramai 20 orang (9.2%) sahaja.

Jadual 4.13: Taburan kekerapan lingkungan umur guru j-QAF

Umur	Bilangan	Peratus
25 tahun	1	0.5
26 tahun	3	1.4
27 tahun	12	5.5
28 tahun	11	5.1
29 tahun	13	6.0
30 tahun	16	7.4
31 tahun	21	9.7
32 tahun	43	19.8
33 tahun	36	16.6
34 tahun	21	9.7
35 tahun	20	9.2
36 tahun	8	3.7
37 tahun	7	3.2
38 tahun	3	1.4
39 tahun	2	0.9


Rajah 4.2 menunjukkan taburan kekerapan kelayakan ijazah pertama guru j-QAF. Daripada 217 orang guru yang menjawab soalan soal selidik, hasil kajian mendapati sebahagian guru mendapat ijazah pertama dari dalam negara dan sebahagian

lagi mendapat ijazah dari luar negara. Seramai 114 orang (52.5%) mendapat ijazah pertama dari dalam negara dan seramai 103 orang (47.5%) mendapat ijazah dari luar negara. Antara universiti luar negara ialah lepaan Mesir dan Jordan. Manakala dalam negara pula ialah dari Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia.



Rajah 4.2: Taburan kekerapan kelayakan ijazah pertama guru j-QAF


Mengenai bidang pengkhususan mereka dalam ijazah pertama pula, didapati seramai 82 orang (37.8%) mendapat pengkhususan Bahasa Arab, 59 orang (27.2%) Syariah, 41 orang (18.9%) Usuluddin, 24 orang (11.1%) Pengajian Islam, dan lain-lain pengkhususan ialah seramai 11 orang (5.1%) sahaja. Jadual 4.3 di bawah menunjukkan bidang pengkhususan ijazah pertama guru j-QAF.



Rajah 4.3: Taburan kekerapan bidang pengkhususan ijazah pertama


Rajah 4.4 menunjukkan taburan kekerapan ikhtisas KPLI guru j-QAF. Dapatan kajian mencatatkan kebanyakan guru j-QAF mendapat latihan perguruan dari Institut Pendidikan Guru di seluruh Malaysia sebelum layak menjadi guru terlatih. Hasil kajian mendapati kebanyakan guru mendapat ikhtisas KPLI j-QAF dari Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu Kelantan iaitu seramai 125 orang (57.6%). Penulis hanya memilih responden dari dua buah negeri sahaja iaitu Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Manakala guru yang mendapat ikhtisas KPLI j-QAF dari Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Bangi ialah seramai 26 orang (12.0%). Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik pula ialah seramai 5 orang (2.3%), Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas 18 orang (8.3%), Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu Malaysia 31 orang (14.3%), Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan seramai 1 orang (0.5%), Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail 1 orang (0.5%) juga dan lain-lain Institut Pendidikan Guru ialah seramai 10 orang (4.6%).



Rajah 4.4: Taburan kekerapan ikhtisas KPLI guru j-QAF

Penulis memfokuskan responden kajian ialah guru-guru j-QAF kohort 2005, 2006 dan 2007 sahaja. Oleh itu, hasil kajian menunjukkan tempoh mereka berkhidmat sebagai guru j-QAF ialah selama dua tahun seramai 28 orang (12.9%), tiga tahun seramai 82 orang (37.8%), empat tahun 49 orang (22.6%) dan lima tahun ialah seramai 58 orang 26.7% orang. Rajah 4.5 berikut menunjukkan tempoh perkhidmatan mereka sebagai guru j-QAF.



Rajah 4.5: Taburan kekerapan tempoh perkhidmatan guru j-QAF



Jadual 4.14 menunjukkan tahap minat responden mengajar Bahasa Arab. Kebanyakan guru sangat berminat mengajar Bahasa Arab iaitu seramai 137 orang (63.1%), berminat seramai 73 orang (33.6%) dan agak minat ialah seramai 7 orang (3.2%) orang sahaja.

Jadual 4.14: Taburan kekerapan tahap minat mengajar Bahasa Arab

Tahap minat mengajar Bahasa Arab	Bilangan	%
Tidak berminat	-	-
Kurang berminat	-	-
Agak berminat	7	3.2
Berminat	73	33.6
Sangat berminat	137	63.1

Sebab-sebab kenapa mereka sangat berminat untuk mengajar Bahasa Arab.

Antaranya ialah:

1. Bahasa Arab merupakan bahasa al Quran. Melalui pengajaran Bahasa Arab, mereka akan dapat memartabatkan bahasa al Quran. Di samping itu juga, dapat membentuk sahsiah diri hasil daripada fahamnya kehebatan al Quran dan isi kandungannya. Selain itu, dapat membentuk generasi pelajar agar memahami isi kandungan al Quran dan minat untuk mendalaminya.
2. Untuk mempertingkatkan penguasaan dan pengetahuan bahasa Arab. Dengan ini, mereka dapat mengaplikasikan pertuturan bahasa Arab yang telah dipelajari dan dapat memberi didikan kepada anak bangsa untuk menguasai bahasa Arab dengan baik. Selain itu, dapat menggalakkan penguasaan pelbagai bahasa dunia untuk murid-murid bukan Islam khususnya yang mempelajari bahasa Arab. Dengan ini mereka boleh mengembangkan bahasa Arab kepada kaum atau

masyarakat lain seperti Cina dan India. Akhir sekali dapat memperluaskan penggunaan dan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan masyarakat Malaysia umumnya.


3. Melalui pengajaran Bahasa Arab, mereka akan dapat menambahkan perbendaharaan kata bahasa Arab untuk diri sendiri khususnya dan dapat mengukuhkan lagi penguasaan bahasa Arab. Di samping itu, mereka dapat membantu murid-murid sekolah rendah menguasai sekurang-kurangnya asas bahasa Arab dan memupuk minat belajar bahasa Arab dalam kalangan para pelajar sekolah.

Manakala mengenai tahap keseronokan mengajar Bahasa Arab, jadual 4.15 menunjukkan guru-guru j-QAF sangat seronok untuk mengajar Bahasa Arab iaitu seramai 112 orang (51.6%) dan seramai 99 orang (45.6%) yang menyatakan seronok mengajar Bahasa Arab. Seramai 6 orang guru (2.8%) sahaja yang menyatakan tahap agak seronok mengajar Bahasa Arab. Tidak ada seorang pun yang menyatakan tidak seronok dan kurang seronok.

Jadual 4.15 taburan kekerapan tahap seronok mengajar Bahasa Arab

Tahap seronok mengajar Bahasa Arab	Bilangan	%
Tidak seronok	-	-
Kurang seronok	-	-
Agak seronok	6	2.8
seronok	99	45.6
Sangat seronok	112	51.6

Dari segi kekerapan mengikuti kursus bahasa Arab sepanjang perkhidmatan pula dapat dilihat dalam rajah 4.6. Didapati seramai 22 orang (10.1%) yang tidak pernah mengikuti kursus, manakala guru yang mengikuti kursus sebanyak 1 hingga 3 kali ialah seramai 128 orang (59.0%), 4 hingga 6 kali ialah seramai 53 orang (24.4%). Terdapat juga yang telah mengikuti kursus sebanyak 7 kali ke atas sepanjang perkhidmatan mereka ialah seramai 14 orang (6.5%).



Rajah 4.6: Taburan kekerapan mengikuti kursus bahasa Arab

Sebagai kesimpulan dapatan kajian daripada latar belakang guru, majoriti responden kajian adalah terdiri daripada guru perempuan. Dari segi umur, lingkungan umur yang paling ramai ialah dalam lingkungan 31 hingga 35 tahun. Manakala dari segi kelayakan ijazah pertama, sebahagian guru j-QAF yang mendapat ijazah pertama dari universiti luar negara dan sebahagian lagi dari universiti dalam negara. Manakala mengenai pengkhususan pula, kebanyakannya mendapat pengkhususan bahasa Arab.

Hasil kajian mencatatkan kebanyakan guru mendapat Ikhtisas (KPLI j-QAF) dari pelbagai Institut Pendidikan Guru seluruh Malaysia. Kajian ini tertumpu hanya kepada guru j-QAF di dua buah negeri sahaja iaitu Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Oleh itu, sebilangan besar guru-guru j-QAF dari negeri Kelantan mendapat ikhtisas daripada Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu. Manakala bagi guru-guru yang mengajar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula, mereka mendapat ikhtisas dari beberapa Institut Pendidikan Guru di Kuala Lumpur dan Selangor.

Dari segi tempoh berkhidmat sebagai guru j-QAF, majoriti berkhidmat antara 3 hingga 5 tahun iaitu seramai 189 orang (87.1%). Dari segi minat mengajar Bahasa Arab, dapatan kajian menunjukkan kebanyakan guru j-QAF sangat berminat untuk mengajar Bahasa Arab iaitu seramai 137 orang (63.1%). Tidak ada seorang pun yang menyatakan tidak berminat dan kurang berminat. Manakala dari segi keseronokan, dapatan kajian mencatatkan keseluruhan guru menyatakan keseronokan mengajar Bahasa Arab.

Dari segi kekerapan mengikuti kursus bahasa Arab sepanjang perkhidmatan, kebanyakan guru telah mengikuti kursus sebanyak 1 hingga 3 kali. iaitu seramai 128 orang (59.0%). Terdapat juga seramai 22 orang (10.1%) yang tidak pernah mengikuti kursus bahasa Arab sepanjang perkhidmatan. Hasil kajian mendapati kebanyakan guru yang tidak pernah mengikuti kursus sepanjang perkhidmatan ialah mereka yang terdiri daripada guru yang baru bertugas dalam lingkungan dua tahun.

## **4.2 Analisis Dapatan Kualitatif**

Bahagian ini membincangkan dapatan bagi menjawab soalan ketiga dalam kajian. Fokus soalan ini ialah untuk menilai penggunaan kaedah pengajaran iaitu apakah kaedah pengajaran yang digunakan dalam pengajaran dapat membantu untuk mencapai hasil pembelajaran.

Untuk menjawab soalan kajian ini kaedah kualitatif juga digunakan untuk menyokong dapatan kuantitatif melalui kajian tinjauan soal selidik. Analisis data diperoleh daripada temu bual dan pemerhatian. Pembentangan dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, analisis temu bual dan kedua ialah analisis pemerhatian.

### **4.2.1 : Temu bual**

Penulis telah menjalankan temu bual ke atas dua orang guru j-QAF. Salah seorang daripada mereka ialah guru j-QAF dari salah sebuah sekolah di negeri Kelantan dan seorang lagi dari salah sebuah sekolah di negeri Wilayah Pesekutuan Kuala Lumpur. Sebelum melakukan penganalisan data temu bual, pentranskripsi data dilakukan. Penulis melakukan proses mentranskripsi data secara berhati-hati agar tiada sebarang maklumat tertinggal. Data kualitatif dalam bentuk transkripsi rakaman interaksi antara penulis dan subjek temu bual dicatat dalam bentuk bertulis bagi memudahkan pemprosesan, penganalisan dan pentafsiran untuk laporan akhir dapatan. Transkrip Temu bual seperti di lampiran 4.

#### 4.2.2 Pemerhatian

Di sini penulis menghuraikan secara ringkas mengenai latar belakang responden kajian sebelum membentangkan hasil pemerhatian ke atas pelaksanaan pengajaran yang dijalankan oleh responden.

Ustaz Asyraf, bukanlah nama sebenar (responden 1) bertugas di salah sebuah sekolah di negeri Kelantan. Beliau berumur dalam lingkungan 31 hingga 35 tahun. Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Mula bertugas di sekolah tersebut setelah tamat KPLI LPBS j-QAF. Minat beliau dalam bahasa Arab sangat mendalam.

Pemerhatian ini telah dijalankan selama satu jam bermula jam 8.45 hingga 9.45 pagi. Ustaz tersebut telah memilih untuk mengajar kelas tahun tiga. Dalam satu sesi pengajaran, beliau telah mengajar tajuk "جِسْمِي التَّطْيِيف". Tajuk ini adalah tajuk ulangan. Sebelum memulakan pengajaran, ustaz Asyraf mengucapkan salam kepada semua murid dan semua murid menjawab salam dengan baik. Setelah itu, beliau mengungkapkan beberapa ungkapan Arab seperti "صَبَاحَ الْخَيْرِ" dan "كَيْفَ حَالُكُمْ؟"

Murid-murid menjawab beramai-ramai "صَبَاحَ النُّورِ". Kemudian ustaz Asyraf meminta murid-murid membacakan doa belajar beramai-ramai dan mengucapkan syahadah. Setelah itu, beliau memberi pengukuhan dengan kata "أَحْسَنْتُمْ". Ustaz Asyraf memulakan pelajaran dengan menulis hari, mata pelajaran dan tarikh di papan hitam.

Ustaz Asyraf mula menarik perhatian murid dengan set induksi. Beliau telah meminta murid-murid melihat kepadanya dengan mengatakan "أَنْظُرُوا إِلَيَّ" sambil mengisyaratkan tangan. Beliau telah menunjukkan tangan ke mata dan bertanya kepada murid-murid, "مَا هَذِهِ؟". Murid-murid cuba menjawab beramai-ramai... "عَيْنٌ". Beliau telah memuji murid dengan kata "أَحْسَنْتُمْ". Setelah itu, beliau menunjukkan ke anggota tubuh badan yang lain seperti telinga, rambut, mulut, hidung, tangan dan kaki. Murid-murid dapat menjawab kecuali mulut dan hidung sahaja yang mereka terlupa perkataannya dalam bahasa Arab. Oleh itu, ustaz tersebut telah mengatakan "ha.. tak ingat lagi? Jadi sebab itulah ustaz ulang semula tajuk ni.." Setelah memberikan beberapa contoh tadi, maka ustaz Asyraf pun meminta semua murid membaca tajuk yang akan dipelajari pada hari ini iaitu "جِسْمِي التَّظْيِيف". Beliau meminta semua murid menyebut sebanyak dua kali.

Setelah lima minit berlalu, ustaz memulakan pengajaran dengan meminta murid-murid membuka buku teks dan memberi arahan dalam bahasa Arab "أَنْظُرُوا إِلَى الصُّورَةِ فِي كِتَابِكُمْ" dan bertanyakan murid, "berapakah anggota badan yang ada dalam gambar?". Murid menjawab: "enam". Beliau bertanya: "dalam bahasa Arab enam tu...apa?" murid-murid menjawab: "سِتَّةٌ" dan ustaz mengatakan "أَحْسَنْتُمْ جَيِّدٌ".

Kemudian ustaz meneruskan pengajaran dengan mengisyaratkan tangan ke dahi dan menyebut "جَبْهَةٌ" dan beliau meminta murid-murid menyebutnya sebanyak tiga kali sambil mengisyaratkan tangan ke dahi masing-masing. Semua murid memberi perhatian dan tumpuan yang baik terhadap pelajaran. Ustaz melukis gambar lidah di papan hitam. Beliau meminta murid menyebut "لِسَانٌ" sebanyak tiga kali. Beliau meminta murid menyebut dengan sebutan yang betul agar tidak tersilap sebutan dengan huruf "ث" iaitu "الثَّانِ". Setiap perkataan disebut beberapa kali agar murid dapat mengikutnya dengan

baik. Ustaz Asyraf juga cuba menerapkan nilai murni dalam pelajaran dengan mengatakan: “kerana mulut badan binasa, oleh itu, kita mesti cakap elok-elok dan jangan bercakap bohong”.

Beliau masih meneruskan pengajarannya dengan mengisyaratkan tangan ke anggota badan yang lain seperti dagu, leher, gigi dan pipi. Beliau meminta murid-murid menyebutnya secara beramai-ramai sebanyak tiga kali bagi setiap anggota yang diisyaratkan oleh beliau seperti "حَدُّ", "أَسْنَانُ", "عُنُقُ", "ذَقْنُ". Semua murid memberi kerjasama yang baik. Sambil menunjukkan tangan ke gigi, ustaz menerapkan nilai murni dengan menyatakan:”siapa tak gosok gigi hari ni?” dan beliau menyatakan: "الْتِّظَافَةُ مِنَ الْإِيمَانِ". Selain daripada itu, ustaz telah mengingatkan murid-murid agar jangan tersilap tulis ejaan "ج" dan "ح" bagi perkataan "حَدُّ". Beliau telah menulisnya di papan hitam.

Langkah seterusnya, beliau meminta semua murid lelaki menyebut semua anggota badan yang telah dipelajari sebanyak tiga kali dengan mengisyaratkan tangan ke setiap anggota badan yang disebut. Kemudian diikuti oleh murid perempuan untuk menyebutnya sebanyak tiga kali juga.

Setelah setiap anggota badan diulang beberapa kali, ustaz meminta semua murid menutup buku teks dan memberikan tumpuan dengan melihat kepada gambar yang terdapat di papan hitam. Ustaz mula melakukan aktiviti pengukuhan. Ustaz Asyraf mula menyoal murid-murid tentang gambar anggota badan yang terdapat di papan hitam seperti جِبْهَةٌ، لِسَانٌ، ذَقْنٌ، أَسْنَانٌ، عُنُقٌ، حَدُّ. Beliau mengajukan soalan secara umum kepada semua murid dahulu, kemudian memilih seorang murid untuk menjawab satu



anggota badan yang tertentu sahaja. Sesi soal jawab ini dilakukan sehingga kesemua anggota badan itu dijawab oleh murid dengan mengisyaratkan tangan ke anggota yang disoal oleh guru.

Aktiviti pengukuhan diteruskan lagi dengan latihan menceraikan huruf daripada perkataan-perkataan tersebut. Sambutan yang menggalakkan daripada semua murid untuk menjawab soalan latihan ini. Latihan ini dilakukan di papan hitam, murid-murid yang dipilih akan ke hadapan kelas dan menuliskan jawapan di papan hitam. Setiap jawapan yang betul akan diberi pujian oleh ustaz sebagai rangsangan.

Setelah itu, ustaz Asyraf meneruskan langkah pengajaran seterusnya dengan mengulang semula setiap perkataan yang telah dipelajari pada hari itu. Beliau menyebutnya dan murid dikehendaki mendengar betul-betul sebutan guru, kemudian barulah semua murid menyebut setiap perkataan yang didengar secara berulang sebanyak tiga kali.

Setelah aktiviti pengukuhan dan pengulangan isi pelajaran itu tamat, ustaz meneruskan lagi pengajaran dengan aktiviti pengukuhan yang lain. Kali ini beliau melakukan latihan kemahiran mendengar dan menulis. Beliau memberi penerangan tentang latihan yang akan dijalankan. Beliau memberi arahan dalam bahasa Arab "إِسْمَعُوا" "جَيِّدًا إِلَى هَذِهِ الْكَلِمَةِ مِثْلُ لِسَانٍ ... ثُمَّ اكْتُبْ كَلِمَةَ لِسَانٍ عَلَى السَّبُّورِ ة" contoh. Setelah itu, beliau memulakan latihan pengukuhan ini dengan menyebut beberapa perkataan seperti جَبْهَةٌ، لِسَانٌ، ذَقْنٌ، أَسْنَانٌ، عُنُقٌ، خَدٌّ، عَيْنٌ أُذُنٌ، فَمٌ. Sesi soal jawab dijalankan dan murid-murid berebut-rebut untuk menjawabnya.

Akhirnya ustaz Asyraf bertanya murid-murid sama ada mereka memahami pelajaran hari itu sebelum beliau menamatkan sesi pengajaran. Beliau telah menamatkan pengajaran dengan meminta semua murid mengulangkaji pelajaran lepas yang ada kaitan dengan tajuk hari ini.

### **4.3 Kesimpulan**

Bab ini telah membentangkan analisis dapatan kajian secara keseluruhan melalui kutipan data tiga instrumen iaitu soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Berdasarkan kepada analisis data daripada soal selidik, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kebanyakan guru menunjukkan persepsi yang positif terhadap amalan pengajaran. Ini dibuktikan melalui dapatan kajian yang menunjukkan kebanyakan guru dapat melaksanakan amalan pengajaran dengan baik. Selain itu, terdapat beberapa kekangan yang perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak tertentu untuk diambil tindakan penambahbaikan ke arah kecemerlangan bahasa Arab seperti jumlah waktu pengajaran yang tidak mencukupi dan keperluan guru kepada kursus-kursus yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.

Hasil daripada temu bual memperlihatkan responden menunjukkan sikap yang positif terhadap pengajaran Bahasa Arab. Kedua-dua responden sangat minat mengajar Bahasa Arab. Manakala melalui pemerhatian, dapatan kajian mencatatkan bahawa guru mampu melaksanakan pengajaran dalam situasi yang harmoni dan terkawal. Ia juga menepati langkah-langkah pengajaran yang betul. Dari segi penggunaan kaedah, beliau banyak menggunakan kaedah dengar dan tutur dan kaedah langsung. Ini bertepatan

dengan dapatan kajian, hasil daripada soal selidik menunjukkan kaedah yang kerap digunakan dan berkesan ialah kaedah dengar dan tutur.

Oleh itu, untuk mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, guru perlu bijak memanipulasikan sesuatu kaedah kerana berjaya atau tidak proses pengajaran adalah bergantung kepada cara guru menggunakannya. Justeru, pemilihan dan penggunaan kaedah yang tepat akan menjamin untuk mencapai kejayaan dan menghasilkan kesan yang baik terutama untuk menarik minat pelajar untuk mempelajari Bahasa Arab.

## **BAB 5**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 : Pendahuluan**

Bab ini merumuskan dapatan kajian berdasarkan analisis kuantitatif deskriptif berdasarkan kekerapan, peratusan dan nilai min daripada pandangan guru-guru j-QAF pengkhususan bahasa Arab sebagai pelaksana kaedah pengajaran Bahasa Arab untuk menjawab soalan kajian bagi soalan 1.2.3 dan 4.

Kutipan data kuantitatif melibatkan guru j-QAF di dua buah negeri iaitu Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seramai 217 orang. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik ke atas 217 orang guru. Analisis data digunakan secara statistik deskriptif menggunakan kekerapan, peratusan dan nilai min.

Bagi analisis secara kualitatif pula melibatkan subjek seramai 2 orang guru untuk ditemu bual dan 1 orang guru untuk dijalankan pemerhatian ke atas proses pengajaran yang dijalankan di dalam bilik darjah untuk melihat kaedah pengajaran yang digunakan. Seterusnya bab ini juga turut membincangkan implikasi dan cadangan untuk kajian lanjutan yang berkaitan penggunaan kaedah pengajaran Bahasa Arab untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah khususnya.

## **5.1 : Rumusan Dapatan Tinjauan**

Perbincangan hasil dapatan dalam kajian ini berpandukan kepada konstruk dalam soal selidik. Borang soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian pertama mengenai amalan pengajaran guru dan bahagian kedua pula mengenai penilaian atau refleksi terhadap proses pengajaran yang telah dilaksanakan. Manakala bahagian ketiga ialah mengenai kekangan dalam pengajaran Bahasa Arab dan bahagian keempat ialah tentang latar belakang guru.

### **5.1.1: Dari segi Amalan Pengajaran Guru**

Perbincangan dapatan ini merujuk kepada enam perkara iaitu persepsi guru terhadap pelaksanaan kurikulum dan pengajaran Bahasa Arab, perancangan pengajaran, strategi pelaksanaan kaedah pengajaran, keberkesanan kaedah pengajaran Bahasa Arab, pemilihan kaedah mengikut urutan keutamaan berdasarkan pelaksanaan kaedah yang telah dijalankan dan adakah terdapat kaedah pengajaran yang tidak pernah anda gunakan dalam proses pengajaran Bahasa Arab?

#### **5.1.1.1 : Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Kurikulum dan Pengajaran Bahasa Arab**

Bahagian ini terbahagi kepada tiga konstruk iaitu mengenai bahan pengajaran, pengetahuan guru tentang kaedah pengajaran Bahasa Arab dan kemahiran pedagogi. Dalam bahagian bahan pengajaran, ia terdiri daripada buku teks, sukatan pelajaran, huraian sukatan pelajaran, buku panduan guru, buku kerja dan bahan bantu mengajar. Secara keseluruhannya, kajian mendapati kebanyakan min yang dicapai pada item-item persoalan ini adalah berada pada paras positif. Analisis ini membuktikan bahawa

responden iaitu guru j-QAF bersetuju menyatakan bahan pengajaran yang disediakan adalah baik dan sesuai. Perkara ini merujuk kepada min keseluruhan iaitu sebanyak 3.68.

Dari sudut pengetahuan guru tentang kaedah pengajaran Bahasa Arab, secara keseluruhannya guru menunjukkan persetujuan bahawa mereka faham tentang dua belas kaedah yang disenaraikan. Dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai tahap pengetahuan dan kefahaman yang tinggi terhadap kaedah pengajaran. Hal ini merujuk kepada nilai min keseluruhan bagi dua belas kaedah yang disenaraikan ialah antara 3.83 hingga 4.34.

Kaedah bacaan, kaedah dengar dan tutur, kaedah ajuk hafaz, kaedah mengeja, kaedah terus dan kaedah nahu dan terjemahan merupakan kaedah-kaedah yang dipersetujui ramai oleh guru yang mereka faham tentang kaedah ini. Ini boleh dilihat dalam jadual 5.1 di bawah:

Jadual 5.1: Rumusan taburan kefahaman guru terhadap kaedah-kaedah

<b>Butiran Kaedah</b>	<b>Nilai Min</b>
Kaedah bacaan	4.34
Kaedah dengar dan tutur	4.33
Kaedah ajuk hafaz	4.31
Kaedah mengeja	4.27
Kaedah terus / langsung	4.23
Kaedah nahu dan terjemahan	4.20
Kaedah main peranan	4.13
Kaedah simulasi	4.11

Daripada dua belas yang disenaraikan hanya empat kaedah sahaja yang kurang dipersetujui oleh guru-guru tentang kefahaman mereka terhadap kaedah-kaedah ini ialah kaedah tematik, kaedah induktif, deduktif dan eklektif.

Jadual 5.1, sambungan

Butiran Kaedah	Nilai Min
Kaedah tematik	3.97
Kaedah induktif	3.92
Kaedah deduktif	3.88
Kaedah eklektif	3.83

Manakala mengenai persepsi guru terhadap kemahiran pedagogi pula, hasil kajian mencatatkan pada keseluruhannya guru menunjukkan persetujuan terhadap item-item persoalan yang dinyatakan. Hampir setiap item, nilai min berada di paras setuju dan sangat setuju. Perkara ini merujuk kepada purata min keseluruhan ialah 4.26. Ini bermakna guru melaksanakan pengajaran dengan baik.

#### **5.1.1.2 : Perancangan Pengajaran.**

Dalam perancangan pengajaran, kebanyakan guru j-QAF menunjukkan kekerapan dalam menyediakan perancangan pengajaran dengan purata min keseluruhan ialah 3.94. Bagi setiap pernyataan yang diutarakan, pada keseluruhannya menunjukkan mereka sentiasa bersedia merancang pengajaran dengan baik sebelum memulakan proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian juga menunjukkan guru menyatakan kekerapan merujuk sukatan pelajaran, menyediakan rancangan harian, memilih bahan bantu mengajar, merancang strategi dan memilih kaedah pengajaran

yang sesuai serta kekerapan mencatat nilai yang perlu diterapkan dalam pengajaran. Pada keseluruhannya guru menunjukkan sikap positif terhadap perancangan pengajaran.

### **5.1.1.3 : Strategi Pelaksanaan Kaedah Pengajaran**

Dalam strategi pelaksanaan kaedah pengajaran, terdapat dua tinjauan iaitu pertama tentang kekerapan strategi pelaksanaan proses pengajaran dan kedua tentang pelaksanaan kaedah pengajaran.

Secara umum hasil kajian mendapati kebanyakan guru j-QAF menunjukkan kekerapan bersedia dalam melaksanakan proses pengajaran dengan baik. Ini merujuk kepada kebanyakan min yang dicapai pada item-item persoalan ini adalah berada pada paras positif. Berdasarkan kepada catatan min keseluruhan 3.39, kajian membuktikan responden bersedia melaksanakan proses pengajaran sebagaimana yang tercatat dalam item-item soal selidik.

Manakala mengenai pandangan guru tentang pelaksanaan kaedah pengajaran, pada keseluruhannya responden menunjukkan kekerapan dalam melaksanakan kaedah-kaedah yang telah disenaraikan. Hampir setiap kaedah, min didapati berada pada paras positif. Hal ini adalah merujuk kepada purata min keseluruhan ialah 3.68.

Dapatan kajian terhadap kekerapan penggunaan kaedah pengajaran yang disenaraikan adalah menunjukkan kaedah yang paling kerap digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab mengikut pandangan guru ialah kaedah dengar dan tutur. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan guru iaitu sebahagian besar menunjukkan kekerapan menggunakan kaedah dengar dan tutur iaitu seramai 216 orang (99.5%). Kaedah yang



kedua pula ialah kaedah bacaan, didapati seramai 215 orang (99.1%) yang menunjukkan kekerapan menggunakan kaedah ini dalam pengajaran. Manakala kaedah ajuk hafaz pula, terdapat seramai 215 orang (99.1%), kaedah langsung atau terus, seramai 208 orang (95.8%) dan kaedah nahu dan terjemah ialah seramai 193 orang (89%) . Ini bermakna lima kaedah tersebut adalah kaedah yang paling kerap digunakan dalam pengajaran bahasa di peringkat sekolah rendah. Jadual 5.2 di bawah merumuskan taburan kekerapan pelaksanaan kaedah pengajaran.

Jadual 5.2: Rumusan taburan kekerapan pelaksanaan kaedah pengajaran

Bil	Butiran	1	2	3	4	5
		JS	J	AK	K	SK
1	Kaedah dengar dan tutur	1 0.5%		30 13.8%	106 48.8%	80 36.9%
2	Kaedah bacaan		2 0.9%	26 12.0%	98 45.2%	91 41.9%
3	Kaedah ajuk hafaz		2 0.9%	35 16.1%	106 48.8%	74 34.1%
4	Kaedah langsung/terus	1 0.5%	8 3.7%	33 15.2%	117 53.9%	58 26.7%
5	Kaedah nahu dan terjemahan	2 0.9%	22 10.1%	67 30.9%	87 40.1	39 18.0%

#### 5.1.1.4: Keberkesanan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab

Pada keseluruhannya guru menyatakan persetujuan bahawa 12 kaedah yang telah disenaraikan dapat membantu dalam proses pengajaran Bahasa Arab di sekolah. Keseluruhan min yang dicapai berada pada tahap tinggi iaitu antara 3.86 hingga 4.44 dengan nilai min keseluruhannya ialah 4.13. Daripada dua belas kaedah tersebut, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa terdapat beberapa kaedah yang menunjukkan

keberkesanan dan dapat membantu dalam mencapai hasil pembelajaran Bahasa Arab mengikut pandangan mereka.

Dapatan kajian terhadap keberkesanan kaedah pengajaran yang digunakan mengikut pandangan guru adalah menunjukkan kaedah dengar dan tutur merupakan kaedah yang pertama yang boleh membantu dalam mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab. Hasil kajian mencatatkan kebanyakan guru iaitu sebahagian besar seramai 216 orang (99.5%) menyatakan pandangan bahawa kaedah ini dapat membantu dalam mencapai hasil pembelajaran. Kaedah yang kedua pula ialah kaedah bacaan, didapati seramai 212 orang (97.7%) yang menunjukkan keberkesanan menggunakan kaedah ini dalam pengajaran. Manakala kaedah ajuk hafaz pula, terdapat seramai 210 (96.8%), kaedah langsung atau terus 200 orang (92.2%) dan kaedah nahu dan terjemah ialah seramai 200 orang (92.2%) . Ini bermakna lima kaedah tersebut merupakan kaedah yang berkesan mengikut pandangan guru. Jadual 5.3 di bawah adalah rumusan taburan keberkesanan kaedah pengajaran yang digunakan mengikut pandangan guru.

Jadual 5.3: Rumusan taburan keberkesanan kaedah pengajaran mengikut pandangan guru

Bil	Butiran	1	2	3	4	5
		STM	TM	KM	M	SM
1.	Kaedah dengar dan tutur			1 0.5%	120 55.3%	96 44.2%
2.	Kaedah bacaan			5 2.3%	121 55.8%	91 41.9%
3.	Kaedah ajuk hafaz			7 3.2%	117 53.9%	93 42.9%
4.	Kaedah langsung/terus		4 1.8%	13 6.0%	142 65.4%	58 26.7%
5.	Kaedah nahu dan terjemahan		1 0.5%	16 7.4%	141 65.0%	59 27.2%

Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian memperlihatkan hanya lima kaedah yang paling masyhur digunakan dalam kalangan guru peringkat sekolah rendah iaitu kaedah dengar dan tutur, kaedah bacaan, ajuk hafaz, langsung atau terus dan kaedah nahu dan terjemahan. Kelima-lima kaedah ini juga telah dipersetujui oleh kebanyakan guru bahawa ia dapat membantu para pelajar untuk mencapai hasil pembelajaran bahasa Arab khususnya di peringkat sekolah rendah.

Setiap kaedah pengajaran yang digunakan ada kebaikan dan kelemahannya masing-masing, namun kaedah pengajaran yang baik ialah yang mempunyai langkah-langkah dan strategi yang tersusun serta objektif yang tepat dan boleh dicapai. Di samping itu, matlamat yang hendak dicapai juga mestilah terang dan jelas. Justeru, melalui pemilihan kaedah yang tepat, ia dapat membantu guru-guru untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Keberkesanan penyampaian guru dalam pengajaran akan dapat ditentukan melalui pemilihan beberapa kaedah yang sesuai dengan hasil pembelajaran yang hendak dicapai. Oleh itu, guru seharusnya kreatif dalam memilih dan menggunakan kaedah pengajaran agar hasil pembelajaran dapat dicapai dengan tepat dan jayanya.

#### **5.1.1.5: Pemilihan kaedah mengikut urutan keutamaan berdasarkan pelaksanaan kaedah yang telah dijalankan**

Hasil kajian mendapati hanya lima kaedah yang menunjukkan keutamaan keberkesanan berdasarkan kekerapan penggunaan dalam proses pengajaran dalam kalangan guru ialah kaedah dengar dan tutur, kaedah bacaan, ajuk hafaz, langsung/ terus dan kaedah nahu dan terjemah

**5.1.1.6: Adakah terdapat kaedah pengajaran yang tidak pernah anda gunakan dalam proses pengajaran Bahasa Arab?**

Pada keseluruhannya guru menyatakan bahawa tidak ada kaedah yang tidak pernah digunakan dalam proses pengajaran Bahasa Arab.

**5.1.2 : Penilaian Kendiri Atau Refleksi Terhadap Proses Pengajaran Yang Telah Dilaksanakan.**

Bahagian ini adalah untuk mendapatkan refleksi tentang proses pengajaran yang telah dilaksanakan oleh guru. Daripada maklumat yang diperolehi akan membantu untuk memperbaiki proses pengajaran Bahasa Arab yang telah dilaksanakan dan yang akan dilaksanakan. Ia bertujuan untuk mengemukakan langkah penambahbaikan yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab.

**5.1.2.1: Aspek Perancangan Pengajaran**

Dalam aspek perancangan pengajaran, hasil kajian mendapati kebanyakan guru menunjukkan kekerapan dalam merancang untuk proses pengajaran dan bersedia sebelum memulakan pengajaran dengan persediaan yang baik. Hasil kajian mencatatkan kebanyakan min yang diperolehi adalah pada tahap tinggi iaitu dengan nilai min antara 4.16 hingga 4.30. Min keseluruhan yang dicapai ialah 4.23.

**5.1.2.2: Penggunaan Bahan Bantu Mengajar**

Secara keseluruhannya, dari segi urutan, kebanyakan guru menyatakan bahawa papan hitam merupakan bahan bantú yang sangat kerap digunakan dalam proses pengajaran Bahasa Arab. Ini bertepatan dengan Abd Aziz Abd.Talib (2000:280) yang

menyatakan papan hitam adalah bahan bantu mengajar yang paling mudah dan paling kerap digunakan oleh guru.

Tempat yang kedua bahan bantu mengajar yang menunjukkan kekerapan penggunaan dalam kalangan guru ialah lembaran kerja dan yang ketiga ialah bahan maujud. Selain itu, kad kalimah, gambar, kad imbasan dan carta juga menunjukkan kekerapan penggunaannya dalam kalangan guru. Manakala papan gulung dan LCD kurang digunakan. Bahan bantu mengajar seperti penggunaan makmal bahasa, radio, pita rakaman dan OHP menunjukkan kekerapan jarang digunakan dengan nilai min antara 1.71 hingga 2.05. Kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar mengikut susunan urutan dapat dilihat dalam jadual 5.4 di bawah.

Jadual 5.4: Rumusan kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar mengikut susunan urutan

<b>Bahan bantu mengajar</b>	<b>Nilai min</b>
Papan hitam	4.68
Lembaran kerja	4.43
Bahan maujud	4.31
Kad kalimah	4.11
Gambar	4.11
Kad imbasan	4.01
Carta	3.37
Papan gulung	2.75
LCD	2.41
Radio	2.05
Makmal bahasa	1.86
Pita rakaman	1.82
OHP	1.71

Secara keseluruhannya, dapatan-dapatan daripada kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Azharudin Bin Ahmad Zakaria (2005:64-66) yang mendapati bahawa guru-guru masih lagi menggunakan pendekatan lama dalam penggunaan bahan bantu mengajar iaitu mereka lebih banyak menggunakan papan hitam.dalam proses pengajaran Bahasa Arab.

### **5.1.2.3: Aspek Pelaksanaan Pengajaran**

Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan kebanyakan guru dapat melaksanakan pengajaran dengan baik dengan nilai min keseluruhan ialah 3.83. Kebanyakan mereka dapat melaksanakan langkah-langkah pengajaran secara terkawal dan teratur. Hanya sebilangan kecil sahaja dalam kalangan mereka yang menyatakan jarang dapat melaksanakan aktiviti pemulihan kepada pelajar-pelajar yang lemah. Begitu juga kebanyakan guru dapat menerapkan nilai murni semasa pengajaran dan pada keseluruhannya guru juga dapat menamatkan pelajaran dengan aktiviti pengukuhan dan penilaian. Pengukuhan dan penilaian sangat penting dilaksanakan kerana ia dapat membantu para pelajar untuk memantapkan lagi pemahaman mereka terhadap isi pelajaran yang dipelajari pada hari tersebut.

### **5.1.3: Kekangan Dalam Pengajaran Bahasa Arab**

#### **5.1.3.1 : Dari aspek masa pengajaran**

Masa 60 minit seminggu yang diperuntukkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab merupakan satu kekangan besar yang dihadapi oleh majoriti responden kajian. Dapatan kajian menunjukkan 163 orang (75.1%) yang menyatakan dua waktu seminggu tidak mencukupi. Ini disokong oleh kajian yang telah dibuat oleh Mohd Ja'afar Ab Latif et al (2006:150) yang menyatakan seramai 40 orang (90.9%)

responden menyatakan peruntukan masa selama 60 minit seminggu tidak memadai untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

#### **5.1.3.2: Dari aspek murid**

Hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar murid memberi tumpuan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran dan guru juga berjaya dalam kawalan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan. Manakala mengenai majoriti murid kurang berminat untuk mempelajari bahasa Arab dan bilangan murid di dalam kelas terlalu ramai, kenyataan ini dipersetujui oleh sebahagian guru dan sebahagian lagi tidak memersetujui. Dari sudut kawalan kelas, hasil kajian mencatatkan kebanyakan guru berjaya mengawal kelas (murid) semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan.

#### **5.1.3.3: Dari aspek bahan bantu mengajar**

Kebanyakan guru menyatakan mereka terpaksa menyediakan sendiri bahan bantu mengajar walaupun pihak Kementerian Pelajaran Malaysia ada membekalkan bahan bantu mengajar Bahasa Arab ke sekolah-sekolah. Analisis ini terbukti hasil daripada 217 orang responden, seramai 177 orang (81.6%) yang menyatakan “ya” terhadap pernyataan tersebut. Selain itu, bahan bantu mengajar Bahasa Arab juga sukar didapati di pasaran.

#### **5.1.3.4: Dari aspek kursus dan latihan**

Dari aspek kursus dan latihan, ia tidak menjadi kekangan kepada guru. Kebanyakan guru mendapat pendedahan tentang sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran. Kebanyakan guru menyatakan kursus atau latihan yang berkaitan dengan

pengajaran dan pembelajaran yang disediakan adalah tidak mencukupi. Ini bermakna mereka masih memerlukan lagi kepada kursus-kursus yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran ke arah pementapan p&p khususnya.

#### **5.1.3.5: Faktor-faktor lain**

Dari segi faktor-faktor lain, kebanyakan guru menyatakan beban tugas lain menghalang mereka untuk merancang dan melaksanakan pengajaran yang baik. Di samping itu, kurang wujudnya persekitaran Arab di sekolah-sekolah. Manakala dari segi pemantauan dari pihak KPM, JPN dan PPD, terdapat hanya sebilangan kecil guru yang menyatakan tiada pemantauan.

#### **5.1.4: Latar belakang Guru**

Daripada jumlah 217 responden, hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti guru j-QAF adalah terdiri daripada guru-guru perempuan iaitu seramai 155 orang. Dari segi umur pula, kumpulan umur yang paling ramai ialah dalam lingkungan 31 hingga 35 tahun. Manakala dari segi kelulusan ijazah pertama, sebahagian mereka mendapat ijazah pertama dari luar Negara seperti Mesir dan Jordan. Sebahagian yang lain pula mendapat ijazah dari dalam Negara dari pelbagai universiti seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia.

Mengenai bidang pengkhususan guru j-QAF di peringkat ijazah pertama pula, didapati pelbagai bidang pengkhususan yang diambil oleh mereka seperti Bahasa Arab, Usuluddin, Syariah dan Pengajian Islam. Kesemua guru j-QAF mendapat latihan perguruan daripada Institut Pendidikan Guru. Oleh kerana penulis hanya membataskan



responden kajian kepada dua buah negeri sahaja iaitu Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, jadi majoriti mereka mendapat ikhtisas KPLI j-QAF dari Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu dan Institut Pendidikan Guru sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

Dari segi tempoh perkhidmatan mereka sebagai guru j-QAF, kebanyakan mereka berkhidmat dalam tempoh tiga hingga lima tahun. Ini kerana responden kajian adalah terbatas kepada guru-guru j-QAF kohort 2005, 2006 dan 2007 sahaja. Mengenai minat mengajar Bahasa Arab, hasil kajian menunjukkan kebanyakan mereka sangat berminat mengajar Bahasa Arab. Dari segi kekerapan mengikuti kursus pula, kebanyakan mereka pernah mengikuti kursus. Hanya sebilangan kecil sahaja yang menyatakan tidak pernah mengikuti kursus iaitu seramai 22 orang sahaja. Kebanyakan guru yang tidak pernah mengikuti kursus sepanjang perkhidmatan ialah mereka yang terdiri daripada guru yang baru bertugas dalam lingkungan dua tahun.

## **5.2: Rumusan Dapatan Kualitatif**

Perbincangan dapatan kualitatif ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu pertama temu bual dan kedua ialah pemerhatian.

### **5.2.1 Temu bual**

#### **5.2.1.1 Temu bual Responden Pertama**

Bagi responden pertama, dapatan kajian daripada temu bual menunjukkan guru tersebut sangat berminat mengajar Bahasa Arab. Walaupun beban tugas yang dipikulnya banyak, tetapi beliau menyatakan ia tidak mengganggu tumpuannya untuk

mengajar. Menurut beliau, masa yang diperuntukkan sejam seminggu (2 waktu seminggu) amat tidak mencukupi dan beliau mencadangkan agar ditambah 5 waktu seminggu. Dengan ini objektif pembelajaran akan tercapai. Kemahiran membaca adalah kemahiran yang sangat diminati oleh beliau dan kaedah yang sesuai dan menarik serta berkesan digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah ialah antaranya ialah kaedah dengar dan tutur, kaedah terus, kaedah bacaan, simulasi dan kaedah nahu dan terjemahan.

Selain itu, guru ini menyatakan beliau juga menggunakan kaedah nahu dan terjemahan mengikut tahap pelajar. Sekiranya mengajar di kelas yang lemah atau sederhana pencapaiannya, beliau menggunakan kaedah ini tetapi sekiranya beliau mengajar di kelas yang pertama iaitu baik pencapaiannya, beliau banyak menggunakan kaedah langsung. Ini bermakna beliau menggunakan pelbagai kaedah mengikut situasi dan tahap kemampuan pelajar.

Ini bertepatan dengan al-Khūlīy (1982:25-26) yang menyatakan apa yang penting dalam pengajaran ialah guru seharusnya memberi tumpuan kepada keperluan pelajar dan bukannya terikat kepada satu-satu kaedah dengan mengabaikan keperluan pelajar. Guru Bahasa Arab juga bebas menggunakan mana-mana kaedah yang bersesuaian dengan keperluan pelajar.

Guru ini telah memberikan beberapa cadangan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid-murid khususnya murid-murid j-QAF. Antara cadangannya ialah mengadakan program minggu bahasa Arab, pameran-pameran berkaitan dengan bahasa Arab, perbanyakkan perkataan Arab di persekitaran sekolah.

Selain itu, beliau sentiasa bertutur dalam bahasa Arab semasa perhimpunan dan sentiasa mengulangkaji pelajaran sebelum peperiksaan.

Akhir sekali, beliau telah memberikan beberapa langkah penambahbaikan yang sesuai dan berkesan untuk digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab. Beliau mencadangkan sekali lagi agar masa pengajaran ditambah menjadi 5 waktu seminggu dan bilangan murid dalam satu kelas jangan melebihi 40 orang. Ini untuk memudahkan guru untuk memberi tumpuan kepada semua murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Ini bertepatan juga dengan al-Khūlīy (1982:26-29) yang menyatakan terdapat kaedah pengajaran yang berjaya dilaksanakan dalam kelas yang mempunyai bilangan pelajar yang sedikit berbanding dengan kelas yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai.

Selain itu, harapan beliau agar bahan bantu mengajar seperti CD nasyid dapat dibekalkan ke sekolah-sekolah dan kerjasama daripada guru-guru Pendidikan Islam juga diperlukan untuk sama-sama membantu guru-guru Bahasa Arab dalam mempertingkatkan prestasi bahasa Arab.

#### 5.2.1.2 Temu bual Responden Kedua

Bagi responden kedua pula, secara keseluruhannya hasil daripada temu bual yang telah dijalankan menunjukkan guru tersebut juga sangat berminat mengajar Bahasa Arab. Walaupun beban tugas yang dipikulnya banyak, tetapi beliau menyatakan ia tidak mengganggu tumpuannya untuk mengajar. Menurut beliau, guru perlu bijak mengurus

masa dengan baik agar ia tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi beliau juga, masa yang diperuntukkan selama 2 waktu seminggu amat tidak mencukupi dan beliau mencadangkan agar ditambah 5 waktu seminggu agar aktiviti pembelajaran dapat dijalankan dengan baik.

Kemahiran bertutur adalah kemahiran yang sangat diminati kerana menurut beliau, pelajar perlu dilatih dengan kemahiran bertutur dan kaedah yang sesuai dan menarik serta berkesan digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah ialah antaranya ialah kaedah terus, kaedah simulasi dan kaedah nahu dan terjemahan.

Selain itu, guru ini menyatakan beliau juga menggunakan kaedah nahu dan terjemahan semasa mengajar mengikut tahap pelajar. Kaedah yang sering digunakan oleh beliau dalam pengajaran Bahasa Arab ialah kaedah langsung dan simulasi. Ini bermakna beliau menggunakan pelbagai kaedah mengikut situasi dan tahap kemampuan pelajar.

Beliau telah memberikan beberapa cadangan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid-murid khususnya murid-murid j-QAF. Antara cadangannya ialah guru perlu menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih kreatif, ringan dan mudah agar pelajar dapat menerimanya dengan baik. Selain itu, guru perlu ada unsur kecindan dalam menjalankan proses p&p dan menggalakkan pelajar belajar sambil bermain atau pelajaran diajar dalam bentuk nyanyian. Ini untuk memudahkan pelajar mengingati perkataan-perkataan baru. Beliau juga mencadangkan agar guru

perlu menggunakan “*body language*” dalam pengajaran untuk menerangkan makna perkataan. Justeru, beliau banyak menggunakan kaedah langsung dalam pengajaran.

Akhir sekali, beliau telah memberikan beberapa langkah penambahbaikan yang sesuai dan berkesan untuk digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab. Beliau mencadangkan agar diadakan bengkel pembinaan bahan bantu mengajar di peringkat sekolah atau negeri. Selain itu, harapan beliau agar guru-guru sentiasa menggunakan ICT dalam pengajaran agar pengajaran lebih menarik dan berkesan dan menggalakkan pelajar bertutur dalam bahasa Arab.

### **5.2.2 Pemerhatian**

Secara umumnya hasil daripada pemerhatian proses pengajaran yang telah dijalankan ke atas seorang guru j-QAF itu memperlihatkan bahawa guru tersebut telah berjaya melaksanakan pengajaran mengikut cara pengajaran yang betul. Pengajaran guru dimulakan dengan set induksi dan diikuti dengan langkah-langkah pengajaran yang tersusun dan penutup. Set induksi perlu dilakukan secara ringkas, bersahaja tetapi berkesan kerana tujuannya ialah untuk menarik minat dan perhatian murid kepada pelajaran yang ingin diajar juga agar mereka lebih bersedia menerima pengajaran (Abd.Aziz Abd.Talib, 2000:362).

Penggunaan contoh-contoh yang mudah oleh ustaz dalam set induksi merupakan satu cara yang menarik perhatian murid dan bersesuaian dengan tahap murid. Begitu juga dengan penjelasan dan pengulangan yang dibuat oleh ustaz ini memudahkan murid memahami makna perkataan. lebih-lebih lagi beliau menggunakan “*body language*” untuk menerangkan makna perkataan.

Ini bertepatan dengan Maḥmūd Ismā'il Ṣīnīy et al (1985:86-87) yang menyatakan adalah penting untuk guru bahasa menggunakan beberapa cara untuk menerangkan makna perkataan yang diajar kepada para pelajar. Antaranya ialah penerangan melalui pergerakan bahasa badan "*body language*". Melalui isyarat ini, ia akan dapat membantu pelajar memahami makna perkataan dengan mudah.

Teknik penyoalan yang dilakukan oleh ustaz adalah baik. Beliau telah mengajukan soalan untuk semua murid dahulu sebelum menyebut nama pelajar yang dipilih untuk menjawab soalan itu. Sambutan baik daripada murid untuk menjawab soalan-soalan yang diajukan, masing-masing berebut-berebut untuk menjawab. Ini menampakkan mereka minat mempelajari Bahasa Arab. Bagi setiap jawapan yang betul, ustaz Asyraf sentiasa memberi pengukuhan dengan kata pujian seperti "أَحْسَنْتُمْ" dan "جَيِّدٌ". Ini merupakan satu rangsangan untuk menggalakkan murid-murid untuk terus berusaha menjawab setiap soalan.

Ini bertepatan dengan teori Behaviorisme yang berpendapat, bahasa sesuatu perlakuan itu dapat dibentuk dengan menggunakan rangsangan yang sesuai dan perlakuan itu dapat dikekalkan sekiranya ia dikukuhkan melalui ganjaran (Abd.Aziz Abd Talib, 2000:20). Oleh itu, dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa, prinsip daripada teori ini perlu diterapkan sebagaimana yang telah dilakukan oleh ustaz Asyraf iaitu dengan memberi pujian kepada murid yang menjawab dengan betul.

Penjelasan makna perkataan dibuat melalui lakunan dan kadang-kadang diterjemahkan kepada bahasa ibunda. Ustaz ini banyak menggunakan kaedah dengar

dan tutur dan kaedah langsung dalam pengajarannya. Selain itu, beliau juga menggunakan kaedah nahu dan terjemahan.

Semasa pengajaran, ustaz Asyraf banyak menggunakan papan hitam sebagai bahan bantu mengajar. Beliau menggunakan papan hitam sepenuhnya dalam menjalankan langkah-langkah pengajaran dan langkah pengajarannya adalah tersusun. Ini menyokong dapatan hasil kajian tinjauan mengenai penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru, papan hitam merupakan bahan bantu mengajar yang mendapat urutan keutamaan yang paling kerap digunakan oleh keseluruhan guru dalam proses pengajaran.

Sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berjalan, ustaz Asyraf sentiasa melaksanakan proses ulangan sebutan perkataan dan diajuk oleh murid-murid. Ini menunjukkan ustaz juga menggunakan kaedah ajuk dan hafaz dalam pengajaran Bahasa Arab. Ini bertepatan dengan Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir (2009:87) yang menyatakan proses ulangan memainkan peranan penting dalam pemerolehan bahasa kerana perkataan yang sering diulang akan cepat dipelajari oleh kanak-kanak.

Ia disokong oleh pendapat Normazidah Mahmood (2002:3) yang menyatakan dalam pembelajaran bahasa kedua, latihan dan latih tubi yang kerap dan banyak tidak boleh diabaikan kerana kemahiran bahasa merupakan suatu kebiasaan. Ia perlu kepada latihan yang berulang-ulang dan banyak untuk membantu pelajar menguasai kemahiran bahasa.

Aktiviti pengukuhan juga dilakukan oleh ustaz Asyraf dalam proses pengajaran. Ia penting untuk menguji sejauh mana kefahaman pelajar terhadap sesuatu pengajaran. Latihan yang pelbagai juga dijalankan oleh beliau untuk menguji kefahaman pelajar terhadap tajuk yang diajar pada hari itu. Latihan pengukuhan ini dipelbagaikan agar murid-murid seronok dan tidak jemu terhadap proses p&p. Ini bertepatan dengan Kamarudin Hj. Husin (1998:353) yang menyatakan penguasaan bahasa akan berkembang melalui banyak latihan dan pengukuhan.

Ada tiga bentuk latihan pengukuhan yang telah dilaksanakan sepanjang pengajaran iaitu menamakan anggota badan berpandukan gambar, menceraikan huruf daripada perkataan dan latihan kemahiran mendengar dan menulis. Dalam latihan mendengar dan menulis, murid-murid yang terpilih dikehendaki menulis perkataan yang didengar atau disebut oleh guru di papan hitam dengan ejaan yang betul. Beliau melaksanakannya untuk menilai sama ada objektif pembelajaran tercapai atau tidak.

Aktiviti penilaian ini adalah perlu dilaksanakan dan ia bertepatan dengan Nor Haslin Mohd Adnan (2004:54) yang menyatakan bahawa penilaian merupakan komponen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tujuan utamanya ialah untuk memastikan sama ada tercapai atau tidak semua objektif pengajaran yang telah dirancang.

Sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan, ustaz Asyraf sentiasa menerapkan nilai-nilai murni. Beliau juga melaksanakan rentasan kurikulum seperti penekanan terhadap ejaan jawi semasa latihan menulis. Mengingatkan murid agar tidak tersilap ejaan di antara huruf jīm dan khā' (ج، ح) . Di samping itu, beliau juga



menekankan dari segi sebutan iaitu sistem bunyi (الْإِظَامُ الصَّوْتِيُّ), perbezaan sebutan antara huruf س dan ث .

Selain daripada itu, hasil pemerhatian ini juga menunjukkan ustaz Asyraf adalah seorang yang kecindan. Beliau mampu melaksanakan pengajaran dalam situasi yang harmoni dan menyeronokkan. Beliau juga berjaya dari segi kawalan kelas. Murid berada dalam keadaan yang terkawal.

Dapatan dan perbincangan di atas menggambarkan pengajaran ustaz Asyraf menepati kehendak penulis dan mengikut langkah-langkah pengajaran yang telah disarankan.

### **5.3 : Rumusan Umum**

Secara keseluruhan hasil kajian tinjauan ke atas 217 orang guru j-QAF menunjukkan mereka mampu menjalankan amalan pengajaran Bahasa Arab dengan baik dan hanya terdapat beberapa kekangan dalam proses pengajaran yang perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak tertentu sebagaimana yang telah dinyatakan oleh penulis dalam bahagian cadangan.

Dapatan hasil kajian juga mencatatkan kekerapan penggunaan kaedah pengajaran dalam kalangan guru j-QAF peringkat sekolah rendah ialah kaedah dengar dan tutur, begitu juga kaedah ini mendapat urutan yang pertama tentang keberkesanan penggunaan kaedah ini dalam pengajaran Bahasa Arab untuk mencapai hasil pembelajaran. Hasil kajian ini juga disokong oleh dapatan hasil pemerhatian yang telah

dilakukan ke atas seorang guru. Beliau juga menggunakan kaedah dengar dan tutur dalam proses pengajarannya. Justeru, penulis mencadangkan agar guru-guru mengaplikasikan kaedah ini dalam pengajaran Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah.

Oleh itu, pelajar di peringkat sekolah rendah perlu diajar bahasa Arab mengikut penguasaan bahasa pertama atau bahasa ibunda. Dalam pemerolehan bahasa pertama atau bahasa ibunda, kanak-kanak belajar secara terus dan tidak melalui aktiviti terjemahan. Ia bermula dengan kemahiran mendengar. Kanak-kanak mendengar ungkapan-ungkapan atau perkataan daripada ibu bapa tanpa diterjemahkan, setelah mendengar berulang kali, kanak-kanak sedikit demi sedikit mampu mengungkapkan beberapa perkataan.

Ini bertepatan dengan 'Alwī 'Abdullāh Ṭāhir (2010:78) yang menyatakan mendengar adalah aktiviti bahasa yang pertama dalam kalangan kanak-kanak. Melalui proses pendengaran yang teliti dan baik akan membantu mereka menghasilkan pertuturan yang baik. Oleh itu, guru perlulah memberi perhatian di peringkat awal pelajar dengan menitikberatkan kemahiran mendengar dahulu sebelum kemahiran-kemahiran lain.

Justeru, kaedah dan prosedur pengajaran bahasa kedua adalah dilakukan berasaskan kepada teori pemerolehan bahasa pertama. Oleh itu, latihan dengar dan tutur adalah diperlukan untuk menyediakan asas yang kukuh bagi perkembangan bahasa yang lain (Kamarudin Hj. Husin, 1998:148).

Ini bertepatan dengan ‘Alīy Aḥmad Madkūr (2010:106) yang menyatakan kanak-kanak memperoleh bahasa ibunda melalui ajuk dan secara lisan. Kaedah ini sesuai digunakan dalam pengajaran bahasa asing atau kedua di peringkat permulaan. Di peringkat ini, kaedah dengar dan tutur dan kaedah langsung adalah sangat baik dan berkesan untuk diaplikasikan dalam pengajaran bahasa kedua.

Justeru, dalam pengajaran bahasa kedua juga, kita perlu berlatih dan mengulang berkali-kali supaya pelajar dapat mengikutinya dengan mudah. Ini bermakna kemahiran mendengar dan bertutur ini perlu diajar dahulu berbanding dengan kemahiran lain dan ia sangat bertepatan dengan kaedah dengar dan tutur yang disarankan.

Ini disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Nik Mohd Rahimi (2005), kemahiran mendengar dan bertutur merupakan kemahiran komunikasi yang sangat penting untuk pelajar menguasai bahasa Arab dengan baik kerana pelajar perlu mendengar dengan baik jika ingin bertutur dengan lancar.

Begitu juga dengan sejarah penurunan wahyu pertama oleh Jibrail ke atas Nabi Muhammad SAW. Malaikat Jibrail menggunakan kaedah dengar dan tutur juga di mana nabi diperintahkan membaca dengan diajar oleh jibrail secara berulang kali. Selain itu, hasil kajian Maimun Aqsha Lubis (1997) juga mendapati bahawa kaedah dengar dan tutur berkesan untuk diajar di peringkat permulaan dan pertengahan.

Manakala Azharudin Bin Ahmad Zakaria (2005:208) pula mendapati hasil daripada kajiannya menunjukkan bahawa kaedah pengajaran Bahasa Arab yang menjadi

amalan kebanyakan guru-guru di Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Selangor ialah kaedah dengar dan tutur dan juga kaedah nahu dan terjemahan.

Kemahiran mendengar adalah kemahiran yang kompleks dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dan antara kemahiran yang sukar dikuasai oleh pelajar. Menurut Muhammad Azhar (2005) kemampuan pelajar sekolah menengah dalam kemahiran mendengar adalah pada tahap sederhana. Rahimi (2003) juga mendapati pelajar universiti tidak dapat menguasai bahasa Arab dengan baik dalam kemahiran mendengar (dalam Muhammad Azhar dan Wan Nordin, 2006:183). Justeru, penulis mencadangkan agar guru-guru j-QAF menggunakan kaedah dengar dan tutur dahulu sebelum kaedah-kaedah lain.

#### **5.4 : Implikasi Kajian**

Dapatan kajian ini memberi impak kepada guru. Keberkesanan penggunaan kaedah pengajaran akan membantu guru dalam melaksanakan proses pengajaran dengan baik. Daripada hasil dapatan kajian ini, pengkaji mengharapkan agar guru dapat melaksanakan amalan pengajaran dengan menggunakan kaedah-kaedah yang terbaik sebagaimana dicadangkan untuk mempertingkatkan prestasi pencapaian pelajar dalam bahasa Arab khususnya.

Selain itu, ia juga memberi kesan kepada pelajar. Kejayaan sesuatu proses pengajaran umumnya bergantung kepada kecekapan guru mengelolakan pengajaran. Justeru, guru perlu kreatif untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran agar dapat merangsang minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab dan membuahkan hasil yang

positif. Sekiranya pelajar bersikap negatif terhadap mata pelajaran yang dipelajari, ia merupakan masalah dan halangan kepada proses pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya akan menyumbang ke arah ketidakberkesanan pengajaran guru.

Guru juga haruslah mampu menguasai dan menggabungkan kemahiran-kemahiran yang berkaitan kaedah pengajaran untuk melahirkan satu bentuk pengajaran yang lebih bermakna. Guru juga harus peka terhadap keperluan pelajar dalam proses pembelajaran kerana ia akan dapat membantu guru merancang dan membuat pengubahsuaian terhadap kaedah pengajaran yang telah dipilih agar lebih berkesan terhadap beberapa kumpulan pelajar yang mempunyai tahap pencapaian yang berbeza.

Pemilihan kaedah pengajaran adalah sangat penting memandangkan peranan guru bukan sekadar memindahkan maklumat dan kemahiran kepada pelajar, bahkan guru berperanan untuk memastikan pelajar betul-betul dapat memahami isi pelajaran seterusnya dapat menjamin keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran serta mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.


Di samping itu, semua guru Bahasa Arab seharusnya menggalas tanggungjawab yang besar untuk memastikan pengajaran berjalan dalam keadaan yang dinamik dan aktif serta dapat memberi impak yang maksimum kepada para pelajar. Selain itu, jika didapati kaedah yang dijalankan kurang berkesan, maka ia perlu mencari kaedah lain dan mencubanya dalam pengajaran mengikut kreativiti sendiri.

Kebijaksanaan guru mengurus pengajaran adalah penting. Dalam melaksanakan kaedah pengajaran, guru perlu melihat keberkesanan kaedah yang digunakan. Dari sudut

minat pelajar terhadap pengajaran guru perlu diberi perhatian yang serius kerana kelemahan dalam aspek ini boleh menjejaskan tumpuan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran. Dengan tercetusnya minat pelajar terhadap bahasa Arab, ia akan menyumbang ke arah kejayaan dan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Kurang berjaya dalam pemilihan kaedah dan komunikasi yang kurang berkesan juga boleh menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran membosankan. Kebosanan kepada pengajaran guru akan memberi kesan negatif terhadap penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab itu sendiri. Oleh itu, guru perlu bijak memilih dan menggunakan kaedah yang sesuai dengan tahap kemampuan pelajar.

#### **5.4.1: Cadangan Model Pengajaran**

Penulis mencadangkan para guru untuk mencuba satu model pengajaran yang telah dibina sendiri oleh penulis untuk membantu guru-guru mempertingkatkan kualiti pengajaran Bahasa Arab khususnya di peringkat sekolah rendah. Rajah 5.1 berikut adalah cadangan model pengajaran Bahasa Arab yang dirumuskan oleh penulis hasil daripada kajian yang dijalankan.



**Rajah 5.1: Model Pengajaran Bahasa Arab di Peringkat Sekolah Rendah**

Model pengajaran Bahasa Arab yang dicadangkan dalam rajah 5.1 ini mengandungi beberapa aspek yang perlu dititikberatkan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Antaranya:

- c) Proses pengajaran melibatkan interaksi antara beberapa komponen iaitu guru, murid dan isi pelajaran. Keberkesanan pengajaran adalah bergantung kepada

kebijaksanaan seseorang guru menentukan isi pelajaran yang berkaitan serta kecakapan menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai untuk melaksanakan proses pengajaran melalui interaksi antara guru dan murid dengan isi pelajaran. Oleh itu, guru perlu menitikberatkan dengan menentukan hasil pembelajaran yang hendak dicapai sebelum melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

d) Set induksi adalah penting dilaksanakan untuk menarik perhatian murid terhadap mata pelajaran yang ingin diajar serta untuk mewujudkan kesediaan murid. Ia juga merupakan faktor pendorong murid untuk terus menumpukan perhatian kepada isi pelajaran yang akan disampaikan oleh guru. Ia perlu dilaksanakan sebagai satu proses untuk mewujudkan pengajaran yang berkesan.

e) Model pengajaran ini menekankan langkah-langkah pengajaran. Dalam melaksanakan langkah-langkah pengajaran, kebijaksanaan guru adalah sangat penting untuk menentukan atau memilih kaedah yang sesuai dengan tahap murid. Oleh itu, model ini mencadangkan agar pengajaran Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah menggunakan kaedah-kaedah dengar dan tutur, kaedah bacaan dan kaedah ajuk dan hafaz. Dalam melaksanakan kaedah-kaedah tersebut, ia perlu dilaksanakan secara langsung atau terus atau menggunakan kaedah langsung atau terus.

Ini bertepatan dengan kaedah mengajar bahasa asing melalui dengar dan tutur. Ia menyerupai dengan kaedah pemerolehan bahasa pertama iaitu bahasa ibunda oleh kanak-kanak. Mereka memulakan dengan mendengar, kemudian cuba mengajuknya dengan bertutur apa yang didengarinya. Ia diperolehi secara terus tanpa melalui aktiviti terjemahan. Menurut Abdullah Hassan (1984:290), proses pemahaman dalam kalangan



kanak-kanak juga bermula dengan mendengar pertuturan orang sekitarnya dan bahasa akan dikuasai secara beransur-ansur.

d) Selain itu, penulis juga mencadangkan agar guru mengaplikasikan satu lagi kaedah yang penting iaitu kaedah *Ḥiwār* atau dikenali juga sebagai perbualan atau dialog. Kaedah ini adalah kaedah terbaik yang dirancang oleh guru dengan bantuan murid untuk melaksanakan beberapa situasi pengajaran dan ia boleh menjadi asas bagi kaedah pengajaran yang moden kerana ia mementingkan interaksi dan komunikasi bahasa di dalam bilik darjah. Kaedah ini terbahagi kepada dua iaitu perbualan terarah dan perbualan bebas (Wālid Aḥmad Jābir (2005:167-169).

Perbualan bebas adalah bertujuan untuk mendapatkan idea-idea baru hasil daripada sumbang saran dalam satu-satu tajuk. Kaedah ini dilaksanakan dalam bilik darjah bersama pelajar. Manakala perbualan terarah pula ialah bertujuan untuk mencapai idea dan maklumat juga melalui pelajar dan tertumpu kepada tajuk atau situasi tertentu untuk mencapai satu penyelesaian Guru boleh membentuk kumpulan murid dan semua murid dikehendaki terlibat dalam perbincangan tersebut (Wālid Aḥmad Jābir (2005:168-169). Guru seharusnya menetapkan tajuk atau tema tertentu yang sesuai dengan tahap murid di peringkat sekolah rendah.

Menurut Wālid Aḥmad Jābir (2005:170) juga, kaedah *Ḥiwār* ini dapat membantu untuk memperolehi kemahiran komunikasi khususnya kemahiran mendengar dan bertutur. Ini bertepatanlah dengan matlamat pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab peringkat rendah bermatlamat untuk menanam minat mempelajari bahasa Arab bagi

menguasai kemaahiran berbahasa di samping membolehkan murid berkomunikasi dengan mudah.

f) Dalam melaksanakan proses pengajaran bermula daripada set induksi dan diikuti dengan langkah pengajaran, guru seharusnya sentiasa menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai dengan isi pelajaran. Ia sangat penting untuk membantu guru mewujudkan pengajaran yang baik dan berkesan serta memberangsang minat pelajar untuk mempelajari Bahasa Arab.

Ini bertepatan dengan Yusup Hashim (1997:12) yang menyatakan dalam merancang pengajaran, ia perlu kepada tiga langkah utama iaitu pra pengajaran (set induksi), langkah pengajaran dan diikuti dengan penilaian. Dalam ketiga-tiga langkah tersebut, bahan bantu mengajar dan kaedah pengajaran seharusnya diintegrasikan untuk menyokong proses pengajaran.

g) Di samping itu, penerapan nilai murni juga harus dilakukan oleh guru sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berjalan. Ini kerana nilai-nilai murni yang diterapkan kepada pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran akan membentuk peribadi pelajar yang positif secara menyeluruh ke arah melahirkan pelajar yang seimbang dan harmonis selaras dengan matlamat falsafah pendidikan.

h) Penilaian harus dijalankan ke atas segala proses pengajaran. Dalam setiap aktiviti pengajaran perlu diikuti dengan aktiviti penilaian. Menurut Ebel (1979) dalam Mokhtar Ismail (1995:27), mengajar tanpa menilai hasil pengajaran adalah tidak bijak. Ia perlu dilaksanakan dengan tujuan untuk menilai keberkesanan pengajaran, agar guru

dapat mengubahsui dan membuat penambahbaikan proses pengajarannya untuk mencapai keberkesanan pengajaran seterusnya.

Ini bertepatan dengan Fathīy Zibyāb Sabītān (2009:285) yang menyatakan bahawa penilaian merupakan komponen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tujuannya ialah untuk memastikan sama ada tercapai atau tidak semua objektif pengajaran yang telah dirancang. Ia melibatkan dua pihak iaitu guru dan pelajar.

## **5.5 Cadangan**

Berdasarkan kepada hasil rumusan, penulis mengemukakan beberapa cadangan untuk diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak-pihak berkenaan untuk mempertingkatkan kualiti pengajaran Bahasa Arab. Antara cadangan tersebut ialah:

### **1. Guru**

- a) Guru Bahasa Arab di alaf baru ini seharusnya sentiasa meningkatkan kemahiran sendiri, berfikir, merancang, membuat dan menilai semua perkara yang berkaitan dengan proses pengajaran untuk mewujudkan satu pengajaran yang betul-betul berkesan dan menarik minat murid-murid untuk mempelajari Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah khususnya.
- b) Guru hendaklah mempunyai komitmen yang tinggi dan mampu menguasai kemahiran-kemahiran berbahasa dengan menggabungkan kaedah-kaedah pengajaran yang berkaitan.

- c) Guru seharusnya sentiasa bertanggungjawab untuk memberikan pengajaran yang terbaik kepada pelajar-pelajar dengan memilih dan menggunakan pelbagai kaedah atau aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan berkesan agar pelajar mampu menguasai objektif pembelajaran dengan baik. Ia selaras dengan matlamat pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di peringkat rendah untuk menanam minat mempelajari Bahasa Arab bagi menguasai kemahiran berbahasa di samping membolehkan murid berkomunikasi dengan mudah (Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi 2004:2)
- d) Guru juga seharusnya berfikiran kritis dan kreatif ke arah menghasilkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran bagi menarik minat pelajar-pelajar mempelajari Bahasa Arab.
- e) Guru sentiasa berusaha untuk mengembangkan potensi diri agar lebih kreatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan mahir memilih bahan bantu yang sesuai agar objektif pembelajaran dapat dicapai dengan mudah.
- f) Guru hendaklah membiasakan diri dengan bertutur dalam bahasa Arab semasa proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dan ketika berkomunikasi dengan pelajar di luar bilik darjah amnya.
- g) Guru hendaklah sentiasa memberi galakan kepada pelajar untuk mempraktik bahasa Arab dalam aktiviti harian mereka dan jangan malu untuk bertutur bahasa Arab.

- h) Guru hendaklah memberi galakan dan perangsang kepada pelajar agar tidak mudah putus asa dalam menguasai bahasa Arab kerana minat pelajar perlu dipupuk agar mereka sentiasa bersedia untuk mempelajari Bahasa Arab.
- i) Guru perlu peka terhadap keperluan pelajar yang pelbagai dalam bilik darjah bagi memastikan setiap pelajar berpeluang mempelajari Bahasa Arab dengan baik dan melahirkan pelajar yang cemerlang dalam mata pelajaran ini.
- j) Guru sentiasa berusaha untuk meningkatkan kepakaran pedagogi kerana guru seharusnya memiliki kepakaran dalam kemahiran-kemahiran berbahasa, isi kandungan, bahan pengajaran dan mempunyai pengetahuan pedagogi.
- k) Guru perlu meningkatkan kecekapan pengurusan pengajaran dan pembelajaran dengan menyediakan bahan rangsangan, mengelolakan interaksi pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah dan dapat mengurus masa dengan cekap.
- l) Guru perlu berperanan sebagai '*role model*' dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah agar menjadi ikutan kepada pelajar-pelajar.

## **2. Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia (Bahagian Kurikulum)**

Bahagian kurikulum di BPI mempunyai tanggungjawab dalam menggubal sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran Bahasa Arab serta memberi kursus-kursus profesionalisme kepada guru-guru. Oleh itu, penulis mencadangkan agar pihak berkenaan:

- a) Menyemak dan mengemaskini kurikulum Bahasa Arab serta memantau pelaksanaan Bahasa Arab j-QAF di sekolah-sekolah dengan lebih baik.
- b) Sentiasa memantau keberkesanan pengajaran para guru terutama dalam memupuk nilai pembelajaran yang baik ke arah kecemerlangan bahasa Arab khususnya.
- c) Mendapatkan maklum balas daripada guru-guru tentang kekangan-kekangan yang dihadapi oleh guru-guru dan pelajar-pelajar dari semasa ke semasa dan seterusnya mengambil tindakan susulan.
- d) Menambah bilangan waktu pembelajaran Bahasa Arab. Perkara ini perlu diberikan perhatian kerana tempoh masa yang singkat tidak menjamin kesempurnaan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik.
- e) Memberi pendedahan tentang bahasa Arab kepada guru-guru melalui kursus-kursus seperti;
  - Pembinaan bahan bantu mengajar
  - Pendedahan tentang Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran

- Kemahiran pedagogi

### **3. Bahagian Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia**

Bahagian ini bertanggungjawab untuk memastikan buku teks yang diperakukan untuk kegunaan di sekolah adalah berkualiti. Oleh itu, penulis mencadangkan agar pihak berkenaan:

- a) Memberi pendedahan kepada guru tentang kemahiran menggunakan buku teks secara berkesan mengenai isi kandungan dari semasa ke semasa.
- b) Memantau keberkesanan penggunaan buku teks dalam kalangan guru dan pelajar kerana buku teks merupakan antara bahan pembelajaran utama kepada guru dan pelajar. Ia perlulah bersifat mesra pelajar dan sesuai dengan tahap pelajar.

### **4. Institut Pendidikan Guru (IPG)**

Institut Pendidikan Guru merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang melatih bakal-bakal [guru](#) sekolah rendah dan menengah. Di [Malaysia](#), semua Institut Pendidikan Guru (IPG) ini dikelolakan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Jabatan Sekolah dan [Kementerian Pelajaran Malaysia](#). Oleh itu, penulis mencadangkan agar pihak berkenaan:

- a) Memantau dan mengenal pasti aspek kekuatan dan kelemahan guru-guru dalam pengajaran Bahasa Arab seterusnya berusaha untuk melatih dan melahirkan bakal guru yang berkualiti, mahir dalam ilmu pedagogi ke arah memartabatkan profesion keguruan.

- b) Merangka modul-modul pengajaran yang berkaitan dengan kaedah pengajaran Bahasa Arab agar dapat memberi pendedahan kepada bakal guru.

#### **5. Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)**

JPN bermatlamat untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para pendidik dalam pengajaran dan pembelajaran selaras dengan perkembangan semasa. PPD merupakan wakil JPN di peringkat daerah dan antara fungsinya ialah menyelia aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Oleh itu, disarankan agar pihak berkenaan:

- a) Sentiasa memantau perjalanan proses pengajaran guru-guru j-QAF di sekolah.
- b) Sentiasa bekerjasama dengan pihak sekolah untuk mewujudkan persekitaran yang dapat merangsang pelajar agar minat mempelajari Bahasa Arab dengan mewujudkan persekitaran bahasa Arab di sekolah-sekolah.
- c) Berusaha mengadakan kursus atau seminar kepada guru-guru melalui Panitia Bahasa Arab untuk memberi maklumat terkini tentang bahasa Arab dan kaedah pengajaran yang berkesan.
- d) Sentiasa bekerjasama dengan pihak sekolah untuk memberikan kesedaran kepada pelajar, ibu bapa dan masyarakat amnya tentang kepentingan mempelajari Bahasa Arab.



## **6. Media masa dan Elektronik**

Media masa dan elektronik juga boleh sama-sama bertanggungjawab untuk mempertingkatkan lagi martabat bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran al-Karim. Oleh itu, disarankan agar pihak berkenaan:

- a) Memperbanyakkan siaran bahasa Arab di televisyen dan radio. Ini sebagai galakan kepada pendengar dan penonton untuk mempelajari Bahasa Arab dengan mudah.
- b) Memasukkan bahan bahasa Arab ke dalam majalah-majalah, surat khabar dan risalah-risalah ilmiah serta internet.

## **7. Penyelidikan Masa Depan**

Kajian ini hanya melihat kepada penggunaan kaedah pengajaran dan skopnya agak terbatas. Penulis mencadangkan agar skop ini diperluaskan lagi bagi mendapat maklum balas secara lebih terperinci dan berkesan oleh penyelidik lain secara kualitatif dalam tempoh yang agak lama agar dapat menyelidik secara mendalam dan terperinci bagaimana satu-satu kaedah pengajaran dilaksanakan serta melihat bagaimana penerimaan pelajar terhadap kaedah yang dijalankan.

Akhirnya penulis mengharapkan agar kajian ini menjadi garis panduan kepada penyelidik-penyelidik masa depan dan membuka ruang kepada pelbagai pihak untuk membuat tindakan susulan dalam usaha mempertingkatkan kualiti pengajaran guru.

## 5.6 Kesimpulan

Bab ini telah merumuskan dapatan kajian secara keseluruhan dan mengutarakan beberapa implikasi kajian serta mengemukakan beberapa cadangan. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa peranan guru Bahasa Arab adalah penting untuk menggalas tanggungjawab yang besar bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik dan berkesan. Justeru, pemilihan kaedah yang tepat perlu dititikberatkan untuk mencapai keberkesanan pengajaran. Penentuan dan pemilihan kaedah pengajaran adalah sangat penting kerana peranan guru bukan hanya sekadar memindahkan maklumat dan kemahiran kepada pelajar bahkan guru perlu berperanan untuk memastikan para pelajar benar-benar memahami dan dapat mempraktikkan apa yang telah dipelajari. Oleh itu, melalui pemilihan kaedah yang tepat dan kebijaksanaan guru mengaplikasikannya dengan baik akan menjamin keberkesanan dan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran.

Akhir sekali, kajian ini telah menghasilkan satu cadangan model pengajaran Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah sebagaimana yang terdapat dalam rajah 5.1 di muka surat 271. Diharapkan agar cadangan model ini dijadikan panduan dan rujukan kepada semua pendidik dan bakal-bakal pendidik dalam melaksanakan proses pengajaran Bahasa Arab dan seterusnya merancang langkah-langkah terbaik bagi memperbaiki dan mengatasi kelemahan yang ada dari semasa ke semasa serta meningkatkan lagi kualiti pengajaran ke arah kecemerlangan mata pelajaran Bahasa Arab.

## RUJUKAN

al-Qur'ān al-Karīm.

Sheikh Abdullah Bin Muhammad Basmeih (1999). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darulfikir.

### A) RUJUKAN ARAB

‘Abd al-Fattāh Ḥasan al-Bajaṭ (1999). *Uṣūl Tadrīs al-‘Arabiyyaṭ Bayna al-Naẓariyyaṭ wa al-Mumārasaṭ*. Amman: Dār al-Fikr.

‘Abd al-Raḥmān Ṣāliḥ ‘AbdulLāh (1974). *Dawr al-Tarbiyaṭ al-‘Amaliyyaṭ fi I’dād al-Mu‘allimīn*. Dār al-Fikr li al-Ṭībā‘aṭ wa al-Nasyr wa al-Tawzi‘.

‘Alīy Aḥmad Laban (1992). *Zād al-Mu‘allim fi Mabādi’ al-Tadrīs wa I’dād al-Durūs li al-Mu‘llimīn wa al-Ṭullāb al-Tarbiyaṭ al-‘Amaliyyaṭ*. al-Manṣūrah: Dār al-Wafa’ al-Ṭībā‘aṭ wa al-Nasyr wa al-Tawzi‘.

‘Alīy Aḥmad Madkūr (1991). *Tadrīs Funūn al-Luḡaṭ al-‘Arabiyyaṭ*. Riyaḍ: Dār al-Syawāf.

\_\_\_\_\_ (2002). *Tadrīs Funūn al-Luḡaṭ al-‘Arabiyyaṭ*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy.

\_\_\_\_\_ (2010). *Ṭuruq Tadrīs al-Luḡaṭ al-‘Arabiyyaṭ*. Amman: Dār al-Masīraṭ li al-Nasyr wa al-Tawzi‘ wa al-Ṭībā‘aṭ.

‘Alīy Rāsyid (2001). *Ikhtiyār al-Mu‘llim wa I’dādih ma’a Dalīl li al-Tarbiyaṭ al-‘Amaliyyaṭ*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy.

‘Alwī ‘AbdulLāh Ṭāhir (2010). *Tadrīs al-Luḡaṭ al-‘Arabiyyaṭ. Waḥqa li ahdath al-Ṭarā’iq al-Tarbawiyyaṭ*. Amman: Dār al-Masīraṭ li al-Nasyr wa al-Tawzi‘ wa al-Ṭībā‘aṭ.

‘Izzaṭ Fathī ‘Alīy (2003). *Namūdhaj Mustaqbalīy, Manhaj al-Tarbiyaṭ al-Madaniyyaṭ fi al-Madrasaṭ al-Thanauiyyaṭ li Muhtawā – al-Anshiṭaṭ – Wasā’il al-Taqwīm – Ṭuruq al-Tadrīs*.

- Fakhruddīn ‘Āmir (2000). *Ṭuruq Tadrīs al-Khāṣṣat bi al-Lughat al-‘Arabiyyat wa al-Tarbiyat al-Islāmiyyat*.
- Fathī ‘Aliy Yūnus dan Muḥammad ‘Abd al-Ra’uf al-Syaykh (t.th). *al-Marji‘ fī Ta‘līm al-Lughat al-‘Arabiyyat* li al-Ajānib. Kaherah: Maktabat Wahbat.
- Fathī Zibyāb Sabītān (2009) *Uṣūl wa Ṭarā’iq Tadrīs al-Lughat al-‘Arabiyyat*. Amman: Dār al-Janādriyyat li al-Nasyr wa al-Tawzī‘.
- al-Ghalayānī, Syaykh Muṣṭafā (2000). *Jāmi‘ al-durūs al-Lughat al-‘Arabiyyat*. Beirut: Maktabat al-‘Aṣriyyat.
- al-Ḥadīdīy, ‘Alīy (1971) *Musykilat Ta‘līm al-Lughat al-‘Arabiyyat li ghayr al-‘Arab*. Kaherah: Dār al Kātib al-‘Arabīy
- Ḥamādat Ibrāhīm (1987). *al-Ittijāhāt al-Tarbawīyyat al- Mu‘āṣarat fī Tadrīs al-Lughat al-‘Arabiyyat wa al-Lughāt al-Hayyat li Ghayr al-Nāṭiqīmabihā*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabīy
- Ḥasan Ḥusayn Zaytūn (2001). *Maharat al-Tadrīs Ru’yat fī Tanfidh al-Tadrīs*. Kaherah: ‘Ālam al-Kutub.
- al-Ḥāshīmīy, ‘Ābid Tawfīq (1992). *al-Muwajjih al-‘Amaliy li Mudarris al-Lughat al-‘Arabiyyat*. Beirut: Mu’assasat al-Risalat.
- Imām Mukhtār Ḥamīdat et al (2003). *Maharat al-Tadrīs*. Kaherah: Maktabat Zahra’ al-Syarq.
- Ismā’il Ḥasanīn Bin Aḥmad Ṭālib (2003). *al-Mursyid al-Wajīz li Mu’allim al-Lughat al-‘Arabiyyat li Annātiqīm bi ghayrihā fī al-Mustawayāt al-Mutawassitat wa al-Mutaqaddimat*. Kuala Lumpur : Univision Press Sdn. Bhd.
- Jābir ‘Abd al-Ḥamīd Jābir (1998). *al-Tadrīs wa al-Ta‘līm, al-Usus al-Nazariyyat – al-Istratījiyyāt wa al-fā’liyyat*. Kaherah: Dār al-Fikr.
- Kawthar Ḥusayn Kūchik (1983). *Ittijāhāt Hadīthat fī al-Manāhij wa Ṭuruq al-Tadrīs*. Kaherah: ‘Ālam al-Kutub.
- al-Khūlīy, Muḥammad ‘Alīy (1982). *Asālib Tadrīs al-Lughat al-‘Arabiyyat*. Riyad.

Mahdī Maḥmūd Sālim (2002). *Taqniyyāt wa Wasā'il al-Ta'līm*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabīy

Maḥmūd Ismā‘il Šīnīy, Nāšif Mustafā ‘Abd al-‘Azīz dan Mukhtār al-Ṭāhir Ḥusayn (1985). *Mursyid al-Mu‘allim fī Tadrīs al-Lughat al-‘Arabiyyat li Ghayr al-Nātiqīna Bihā*. Riyāḍ: Maktab al-Tarbiyat al-‘Arabīy liduwal al-Khalīj.

Majdī ‘Azīz Ibrāhīm (1997). *Mahārāt al-Tadrīs al-Fa‘āl*. Mesir.

Muḥammad ‘Abd al-Qādir Aḥmad (1983). *Ṭuruq Ta'līm al-Lughat al-‘Arabiyyat*. Kaherah: Maktabat al-Nahdat al-Miṣriyyat.

Muḥammad Rajab FaḍlulLāh (1998). *Al-Ittijāhāt al-Tarbawīyyat al-Mu‘āšarat fī Tadrīs al-Lughat al-‘Arabiyyat*. Kaherah: ‘Ālam al-Kutub.

Muḥammad Salāḥuddīn ‘Alīy Mujāwir (2000). *Tadrīs al-Lughat al-‘Arabiyyat fī al-Marḥalat al-Thānawīyyat*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabīy.

Mustafā Ruslān (2005). *Ta'līm al-Lughat al-‘Arabiyyat*. Kaherah: Dār al-Thaqāfat li al-nasyr wa al-Tawzī‘.

al-Rikābīy, Jawdat (1986). *Ṭuruq Tadrīs al-Lughat al-‘Arabiyyat*. Damsyik : Dār al-Fikr.

Rusydiy Aḥmad Ṭa‘imat (1989). *Ta'līm al-‘Arabiyyat li ghayr al-Nātiqīna Bihā Manāhijuhu wa Asālibuhu*. Ribaṭ.

---

(2000). *al-Usus al-‘Āmmaṭ li Manāhij Ta'līm al-Lughat al-‘Arabiyyat I‘dāduhā – Taṭwīruhā - Taqwīmuhā*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabīy.

Šālih ‘Abd al-‘Azīz (1971). *al-Tarbiyat wa Ṭuruq al-Tadrīs al-Juz’ al-Thālith*. Kaherah: Dār al-Ma‘ārif.

Sām ‘Ammār (2002). *Ittijāhāt Hadīthat fī Tadrīs al-Lughat al-‘Arabiyyat*. Beirut: Mu‘assasat al-Risālat.

al-Šamayliy, Yūsuf (2002). *al-Lughat al-‘Arabiyyat wa Ṭuruq Tadrīsihā Naẓariyyat wa Taṭbīqihā*. Beirut: al-Maktabat al-‘Asriyyat.

Wālid Aḥmad Jābir (2005). *Ṭuruq al-Tadrīs al-‘Āmmaṭ Takhṭīṭuhā wa taṭbīqātuhā al-Tarbawīyyat*. Amman: Dār al-Fikr.

## **B) RUJUKAN BUKAN ARAB**

Abd. Aziz Abd.Talib (1993). *Menguji Kemahiran Bahasa. Prinsip, Teknik dan Contoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abd. Aziz Abd.Talib (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu. Prinsip, Kaedah Dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abd. Ghafar Md. Din (2003). *Prinsip Dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abd. Rahim Abd. Rashid (1999). *Profesionalisme Motivasi Pengurusan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.

\_\_\_\_\_ (2005). *Profesionalisme Keguruan Prospek dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abd. Rahim Abd. Rashid et al (2000). *Panduan Latihan Mengajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abd. Razak Abu Chik (2003). *Pendekatan Pengajaran Bahasa Arab Tinggi Berasaskan Kata Serapan Bahasa Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.

Abdul Hadi Mohd Salleh (1998) *.Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi di ITM: Masalah dan Penyelesaian*. Disertasi MMLS Universiti Malaya Kuala Lumpur

Abdul Rahman Aziz (1998). *Motivasi Dan Pembangunan Diri*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Abdul Salam Mohamed Ibrahim (2007). *Pendekatan Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Menengah: Persepsi Guru-guru Bahasa Arab di Melaka*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2007). *Guru Sebagai Pendorong Dalam Darjah*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan (1984). *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman (2003). *Falsafah Pendidikan Dan Kurikulum*. Perak: Quantum Books.
- Adi Yasran Abdul Aziz (1999). *Definisi dan Ciri Bahasa*. Dalam Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu. Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia.
- Adibah Bt Mukhtar (2002). *Keberkesanan Penggunaan Kaedah Permainan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bacaan Bahasa Melayu Kelas Pemulihan. Satu Kajian Kes*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan Khas) Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Ahmad Kailani (2001). *Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah-sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor.
- Ainon Bt Mohd (2005). *Psikologi Kejayaan*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ainon Bt Wazir (2004) *Faktor-Faktor Pembelajaran Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Bahasa Arab Komunikasi: Satu Kajian Khusus Di SMKA Maahad Hamidiah Kajang Selangor*. Kertas Projek Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Alias Baba (1999). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Amir Bin Awang (1985). *Teori-teori Pembelajaran*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Anida Bt Abdul Rahim (2003). *Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Melayu*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa Dan Linguistik Universiti Malaya Kuala Lumpur.

- Anne Watkinson (2006). *Learning and Teaching*. London: David Fulton Publishers Ltd.
- Asmah Bt Hj. Ahmad (1990). *Pedagogi 1*. Longman Sdn. Bhd.
- Asmah Hj Omar (1989). *Kaedah Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Atan Long.(1992). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Amiza Publishing Sdn.Bhd.
- Azhar Bin Muhammad (2006). *Pembelajaran Balaghah Arab Di Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa Dan Linguistik Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Azharudin Bin Ahmad Zakaria (2005). *Penggunaan Buku Teks Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Rendah Agama : Satu Kajian Kes*. Disertasi MMLS Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Bhasah Abu Bakar (2007). *Kaedah Analisis Data Penyelidikan Ilmiah*. Utusan Distributors Sdn Bhd.
- Che Som Mansor (2007). *Satu Perbandingan Kesan Antara Kaedah Nahu Terjemahan Dengan Kaedah Langsung Dalam Pengajaran Bahasa Arab*. Projek Penyelidikan Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chow Fook Meng dan Jaizah Mahamud (2011). *Kajian Tindakan : Konsep & Amalan Dalam Pengajaran*. Multimedia Sdn.Bhd.
- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.
- \_\_\_\_\_ (2006). *Asas Statistik Penyelidikan Kaedah Penyelidikan Buku 2*. Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Daniel Muijs dan David Reynolds (2005). *Effective Teaching*. London : SAGE Publications.



- Deobold B. Van Dalen (terj) Abdul Fatah Abdul Malik & Mohd Majid Konting (1993). *Memahami Penyelidikan Pendidikan Satu Pengenalan*. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.
- Ee Ah Meng (1993). *Pedagogi 11 Amalan Dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- \_\_\_\_\_ (1995). *Murid Dan Proses Pembelajaran Asas Pendidikan 2*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- \_\_\_\_\_ (1997). *Pedagogi Untuk Bakal Guru*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Esah Sulaiman (2004). *Pengenalan Pedagogi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Fowzia Osman (2002). *Penilaian Pengurusan Pembinaan Kertas Soalan Peperiksaan Bertulis Kursus Diploma Perguruan Malaysia Di Beberapa Buah Maktab Perguruan Di Wilayah Persekutuan Dan Selangor*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi Selangor.
- Gazilah Bt Mohd Isa (2005). *Gaya Pembelajaran Pelajar dan Hubungannya Dengan Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi*. Disertasi MMLS Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Ghazali Hj. Darusalam (2003). *Keberkesanan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (Pengkhususan Pengajian Islam) Di Maktab-maktab Perguruan Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Hapidah Mohamed (2001). *Pemikiran Guru Cemerlang: Kesan Terhadap Prestasi Pengajaran*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Selangor.
- Hashimul Hashim Mahmud (2000). *Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Koperatif Di Kalangan Pelajar Lemah Dalam Mata Pelajaran Matematik Di Sekolah Menengah Kebangsaan Beris Panchor, Tawang Bachok Kelantan*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Selangor.

- Hishamuddin Md.Som (2005). *Panduan Mudah Analisis Data Menggunakan SPSS Windows*. Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor.
- Isaac, S. dan W.B.Michael (1981). *Handbook in Research and Evaluation*. San Diago, California: EDITS Publishers.
- Isahak Haron dan Koh Boh Boon (1988). *Asas-Asas Dalam Amalan Pedagogi*. Utusan Publications & Distributors SDN BHD.
- Ismail Bin Muda (1999). *Satu Kajian Penguasaan Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa*. Disertasi MMLS Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Jefridin Bin Pilus (2002). *Penggunaan Pendekatan Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi : Satu Kajian Di SMAP Labu*. Projek Penyelidikan Ijazah Sarjana Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Juriah Long (1998). *Inovasi Dalam Perkaedahan Pengajaran Bahasa, Sains Sosial Dan Teknologi Maklumat*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Kamarudin Hj Husin (1994). *KBSM Dan Strategi Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- \_\_\_\_\_ (1985). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Selangor: Penerbitan Sarjana (M) Sdn.Bhd.
- \_\_\_\_\_ (1998). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Kamarudin Hj Husin dan Kamarul Azhar (1994). *Asas Pendidikan 1 (Dinamika Sekolah dan Bilik Darjah)*. Selangor : Longman Malaysia Sdn.Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2001). *Penilaian Kendalian Sekolah Pusat Perkembangan Kurikulum*,
- \_\_\_\_\_ (2002). *Panduan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di Sekolah Menengah*. Unit Bahasa Arab Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral.

- 
- \_\_\_\_\_ (2006). *Ringkasan Eksekutif Kajian-kajian Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan 2000-2004*. Pusat Dokumentasi Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- 
- \_\_\_\_\_ (2007). *Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan Dan Pengurusan Kurikulum Dan Kokurikulum Program j-QAF*. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral.
- Kerlinger, F.N. (1973). *Foundation of Behavioral Research*. New York: Rinehart and Winston.
- Khalid Bin Mohamed Nor (1993). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd.
- Lee Shok Mee (1992). *Pedagogi 4 (A) Pengujian dan Penilaian Dalam Pendidikan*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Leonard M.S.Yong & Karen L. Biraimah (1996). *Guru Yang Kreatif, Isu-isu Teoritik & Aplikasi Praktikal*. Kuala Lumpur: Arenabuku Sdn Bhd.
- Maimun Aqsha Lubis (1997). *Satu Perbandingan Kesan Tiga Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Terhadap Pencapaian Kemahiran Bahasa*. Tesis Doktor Falsafah Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marohaini Yusoff (1996). *Perlakuan Dan Proses Mengarang Pelajar Melayu Dalam Bilik Darjah Tingkatan Empat: Satu Kajian Kes*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mat Nor Hussin dan Abd Rahman Ab Rashid (1988). *Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa*. Longman Malaysia SDN.BHD.
- Misnan Bin Jemali (1999). *Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi Di Sekolah Menengah Rendah Di Negeri Perak*. Projek Penyelidikan Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Mohamad Hussin Bin Mohamad Yusof (2006). *Penilaian Terhadap Perancangan dan Pelaksanaan Program Pembelajaran Kontektual Di Sekolah-sekolah Menengah Teknik Di Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor.

---

\_\_\_\_\_ (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor.

Mohd Azidan Bin Abdul Jabar (1998). *Penggunaan Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa Arab*. Disertasi MMLS Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Cetakan 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Nasrudin Bin Basar (2004). *Pelaksanaan Kurikulum Pengajian Melayu Diploma Perguruan Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mohd Rizuan Bin Hj. Abd. Rasip (2002). *Strategi Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Dan Sekolah-Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Di Malaysia*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.

Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa (2006). *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohd Sheffie Abu Bakar (1991). *Metodologi Penyelidikan*. Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi Selangor.

Mohd Zaidi Mohd Zain (2005). *Metodologi Pengajian Bahasa Arab: Kajian Di Sekolah Agama Raudah Al-Nazirin, Jerimbong, Jeli, Kelantan*. Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Mohd Zainaphi Bin Zainal (2005). *Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.

Mohd Zuhir Bin Abd Rahman (2005). *Penilaian Dalam Pembelajaran: Satu Kajian Buku Teks KBSM Bahasa Arab Komunikasi*. Disertasi MMLS Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Mok Soon Sang (1990). *Pedagogi, Satu Pendekatan Bersepadu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

\_\_\_\_\_ (1992). *Pedagogi 1, Pengenalan kepada Pedagogi*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

\_\_\_\_\_ (1993). *Asas Pedagogi dalam Pengajaran-Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

\_\_\_\_\_ (1994). *Penilaian, Pemulihan dan Pengayaan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

\_\_\_\_\_ (1997). *Pedagogi 2, Pelaksanaan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

\_\_\_\_\_ (2003). *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI.(Komponen 1&2)*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Mokhtar Ismail (1995). *Penilaian di Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nigel Collins (1985). *New Teaching Skills*. New York: Oxford University Press.

Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2009). *TEORI BAHASA Implikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa*. Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim.

Nik Mohd Rahimi bin Nik Yusoff (2005). *Kemahiran Mendengar Bahasa Arab: Satu Kajian di Sekolah Menengah Kerajaan Negeri*. Tesis Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Noor Azreen Bt Fadzin (2002). *Keberkesanan Pengajaran Guru Sains Dari Perspektif Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kulai, Negeri Johor*. Laporan Projek Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan(Sains), Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

Noorhazita Bt Abd Rahim (2004). *Keberkesanan Pengajaran Guru bukan Opsyen Dalam Bahasa Inggeris Di Sekolah-sekolah Kawasan Pendidikan Kangar Di Negeri Perlis*. Projek Penyelidikan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Teknologi Maklumat, Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Noorzatun Akma Bt Nordin (2002). *Kaedah Pengajaran Kesusasteraan Melayu: Satu Kajian Kesan Pelaksanaan Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran di Sekolah*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Nor Haslin Bt Mohd Adnan (2004). *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di IPTS Di Negeri Melaka*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Noraini Ramli (2000). *Hubungan Di antara Keberkesanan Pengajaran Guru Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Tiga: Satu Kajian Survey*. Kertas Projek Sarjana Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Norasmah Osman (2002). *Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja Di Sekolah Menengah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia
- Normah Bt Idris (2004). *Pelaksanaan Pendekatan Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi Di Sekolah Menengah*. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Normazidah Bt Mahmood (2002). *Soalan-soalan Kemahiran Menulis Di Dalam Buku Teks Bahasa Arab Komunikasi: Satu Kajian Kes*. Disertasi MMLS Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Omardin Ashaari (1999). *Pengajaran Kreatif untuk Pembelajaran Aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paul R.Burden (2000). *Powerful Classroom Management Strategies*. California: Corwin Press, Inc.
- Paul R.Burden dan David M.Byrd (1994). *Methods for Effective Teaching*.
- Rahmah Binti Awang Ahmed (2005). *Keberkesanan Pengajaran Guru Secara Induktif Dalam Meningkatkan Pencapaian Pelajar*. Laporan Penulisan Ilmiah Sarjana Muda Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.

- Ramlan Bin Hassan (2002). *Penggunaan Kaedah Pengajaran Di Kalangan Guru-Guru Teknologi Binaan Bangunan Di Beberapa Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Melaka Dan Johor*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Serta Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Razali Bin Abdul Manap (1999). *Keberkesanan Teknik Drama Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Tahap Dua Di Sekolah Rendah Daerah Kinta*. Kertas Projek Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Ridzuan bin Mat Yusof (2006). *Amalan Pengajaran Perbendaharaan Kata Di Kalangan Guru Bahasa Arab Di Negeri Pahang*. Laporan Penyelidikan, Ijazah Sarjana Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Robiah Bt Kulop Hamzah (1995). *Kajian Terhadap Pelaksanaan Penerapan Nilai-Nilai Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Di Sekolah Menengah Rendah Di Selangor*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Selangor.
- Rohana Yusof (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Rosli Bin Yacob (2006). *Proses Sosialisasi Guru Baru: Kajian Kes Di Dua Buah Sekolah Rendah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Roslida Bt Kadir (2002). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi Di Dalam Kelas Aliran Agama: Kajian Di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua SMK Daerah Hulu Langat*. Projek Penyelidikan Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Roslind Anak Mawing (2003). *Hubungan Antara Gaya Pengajaran Guru Dengan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Melayu*. Projek Penyelidikan Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.

- Saifuddin Bin Hussin (2002). *Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan Tiga: Satu Kajian Kes Di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Negeri Melaka*. Disertasi MMLS Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Saipu bin Ayub (2003). *Kesediaan Guru-Guru Geografi Mengajar Berasaskan Pendekatan Pengajaran Konstruktivisme Di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Hulu*. Iangat. Tesis Sarjana Pendidikan Fakulti Pendidikan Ukm Bangi.
- Salhah Abdullah & Ainon Mohd (2007). *Guru Sebagai Mentor*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Salhah Abdullah (2005). *Guru Sebagai Fasilitator*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Samsiah Bt Hayat (2004). *Metodologi Pengajaran Bahasa Arab: Satu Kajian Tentang Keberkesannya Di Tingkatan Sof Al-Awal Di Sebuah Sekolah Menengah Agama Di Kelantan*. Kertas Projek Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1984). *Ilmu Pendidikan: Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Sharifah Fatimah Bt Wan Jamel (2002). *Pengaruh Guru Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Kajian Kes*. Disertasi MMLS Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Sharifah Md.Nor (2000). *Keberkesanan Sekolah Satu Perspektif Sosiologi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sohair Abdel Moneim Sery (1990). *Satu Tinjauan Tentang Masalah-Masalah Pengajaran Mata Pelajaran Bahasa Arab Di Sekolah-Sekolah Menengah Agama Di Malaysia*. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Sulaiman Masri (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal, tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.



- Sulaiman Md. Yassin, Mohd Salleh Lebar dan Azlina Abu Bakar (2007). *Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Kepimpinan Pendidikan*. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Sulaiman Ngah Razali (1996). *Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_ (1997). *Pedagogi Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Teknik Pengajaran dan Pembelajaran*. Siri Panduan Guru Kurikulum Baru Sekolah Rendah, Jilid 4 (1992). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ting Len Siong & Muhamad Sidek Said (2007). *Ingin Menjadi Guru*. Selangor: Ilmu Media Trade.
- Tuan Mohd Fadlan Tuan Jaafar (2006). *Kerjaya Sebagai Guru*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Wahid Razzaly (2000). *Programme Development Provision For Distance Education Engineering Courses In Higher Education Institutions In Malaysia*. Thesis for the Degree of Doctor of Philosophy in Faculty of Science and Engineering, the Manchester School of Engineering.
- Wan Izzuddin Wan Sulaiman dan Wan Hasni Wan Sulaiman (1993). *Strategi Belajar Yang Berkesan*. Kuala Lumpur: Sabha-Dtp Service Sdn.Bhd.
- Wan Mohd Zuhairi Wan Abdullah (2004). *Pentaksiran Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi Di Sebuah Sekolah Menengah*. Kertas Projek Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Wan Shaari Bin Wan Ismail (2004). *Membangun Dan Menguji Inventori Bagi Menilai Keberkesanan Pengajaran Sekolah Menengah Di Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
- Ward Mitchell Cates (1990). (terj) Syaharom Abdullah. *Panduan Amali Untuk Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yusup Hashim (1997). *Media Pengajaran Untuk Pendidikan Dan Latihan*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Zainol Abidin Bin Ahmad (2003). *Kemahiran Menulis Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes*. Disertasi MMLS Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Zamilah Bt Sulaiman (2001). *Amalan Pengajaran Bahasa Arab: Kajian Di Kelas Aliran Agama*. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.

Zulaiha Bt Mohamed (2001). *Persepsi Pelajar-Pelajar Rancangan Aliran Agama Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Arab: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Skudai Baru, Johor*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) Universiti Teknologi Malaysia.

Zulkifley Hamid (2006). *Aplikasi Psikolinguistik Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.

### **C) JURNAL DAN PROSIDING**

Ab.Halim Tamuri et al (2005). *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke Atas Pembangunan Diri Pelajar*. Konvensyen Penyelia Pendidikan Islam Tahun 2005. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia.

Aliza Alias & Mohd. Mokhtar Tahar (2006). *Strategi Pengajaran Secara Individu Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (siri 5). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dearana Bte Morshidi (1999). *Respons Murid-Murid Tahun Dua Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Arab*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Sarawak Miri, Jilid 2 Nombor 1 Januari 1999.

Ghazali Hj.Darusalam (2005). *Kesahan Dan Kebolehpercayaan Dalam Kajian Kualitatif Dan Kuantitatif*. Jurnal Pendidikan Maktab Perguruan Islam Bangi, Selangor.

\_\_\_\_\_ (2007). *Pelaksanaan Program j-QAF Mengikut Persepsi Pensyarah dan Pelajar*. Jurnal Penyelidikan Institut Perguruan Islam Selangor, Jilid 10, 2007. ISSN 1985-4382.

Ismail Abas, Hindon Ismail dan Rozlina Abdul Aziz (2004). *Amalan Pedagogi Guru Pelatih semester iv Kursus Diploma Perguruan Malaysia MPI Bangi*. Jurnal Pendidikan MPI 2004

Kementerian Pelajaran Malaysia (2003). *Konvensyen Penyelia Pendidikan Islam Negeri Dan Daerah*. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral.

\_\_\_\_\_ (2005). *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*. Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.

\_\_\_\_\_ (2005). *Konvensyen Penyelia Pendidikan Islam*. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral.

Mohd Ja'afar bin Ab Latif et al (2006). *Pendekatan Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Kebangsaan (BAKSK)*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (siri 5). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhamad Zahidi Bin Arifin (2005). *Dasar Pelaksanaan Bahasa Arab Komunikasi Di Sekolah Kebangsaan*. Konvensyen Penyelia Pendidikan Islam Tahun 2005. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia.

Muhammad Azhar bin Zailani & Wan Nordin bin Wan Abdullah (2006). *Pengajaran Kemahiran Mendengar Bahasa Arab di Sebuah Universiti*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (siri5). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Noorizan Bt Abd Latif dan Anisah Bt Abdullah (Julai 2005). *Guru Efektif Penjana Kecemerlangan*. Jurnal Pendidikan PKPSM. Terbitan sempena Seminar Pengurusan Kebangsaan ke 44.

*Pendidikan Islam & Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Islam* (2006). Prosiding Wacana Pendidikan Islam (siri5). Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. ISBN 983-2975-61-1.

Saayah Bt Abu (2005). *Pelaksanaan Aktiviti Belajar Melalui Bermain Di Tadika-tadika Kawasan Melaka Tengah Melaka*. Jurnal Pendidikan Maktab Perguruan Islam Bangi, Selangor.

Saupi Man (2003). *Tuntutan-tuntutan Asas Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi Di Luar Negara Arab*. Dalam Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.

*Strategi Pengajaran Kepelbagaian Pelajar* (2001). Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. ISBN 983-9152-88-2.

Yahya Bin Radzi (2003). *Makluman Pelaksanaan Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Kebangsaan (BAKSK) Sebagai Bahasa Tambahan (BT) Mulai Tahun 2003*. Konvensyen Penyelia Pendidikan Islam Negeri Dan Daerah Tahun 2003. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia.

#### **D) INTERNET**

*Kaedah Pengajaran*. Atas talian pada 23 Julai 2008, 9.23 am daripada ([http://pendislami.tripod.com/kaedah\\_pengajaran.htm](http://pendislami.tripod.com/kaedah_pengajaran.htm)).

Salihan Siais. *Strategi Mengajar Sains Sekolah Rendah*. Kertas kerja Konvensyen Pendidikan Sains dan Matematik Sekolah Rendah Luar bandar, Negeri Sembilan Darul Khusus. Atas talian pada 23 Julai 2008, 10.09 am daripada [http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2001&dt=1119&pub=DuniaPendidikan&sec=Kertas\\_Kerja&pg=kk\\_01.htm](http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2001&dt=1119&pub=DuniaPendidikan&sec=Kertas_Kerja&pg=kk_01.htm)

Teaching Method. Atas talian pada 26 feb 2010 jam 1.20 pm daripada [http://en.wikipedia.org/wiki/Teaching\\_method](http://en.wikipedia.org/wiki/Teaching_method).

Teaching Methods in Education. Atas talian 26 Feb 2010 jam 1.35 pm daripada <http://www.buzzle.com/articles/teaching-methods-in-educational.html>.